

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **ANNATHURAI A/L KASINADAN**

No. Pendaftaran / Matrik: **AHA 120004**

Nama Ijazah: **DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

***TIRUKKURAI* DALAM KURIKULUM BAHASA TAMIL SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH: SATU PERSEPSI DAN REALITI KE ARAH PEMBENTUKAN INSAN HOLISTIK**

Bidang Penyelidikan: **KESUSASTERAAN TAMIL KLASIK**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang /penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh :

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh :

Nama: **PROF MADYA DR.S. KUMARAN**

Jawatan: **PENSYARAH, JABATAN PENGAJIAN INDIA, FSSS**

Abstrak

Pendidikan ialah proses pembangunan manusia sepanjang hayat dalam melahirkan insan yang holistik. Dalam skop pendidikan di Malaysia, pembentukan insan holistik dinilai berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu melahirkan insan yang menyeluruh dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek (JERI). *Tirukkural* adalah satu unsur dalam komponen sastera bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah yang kaya dengan nilai murni. Kuplet *Tirukkural* telah diselitkan dalam kurikulum mengikut kesesuaian berdasarkan penguasaan JERI. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat keberkesanan *Tirukkural* dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah ke arah pembentukan insan holistik. Kajian ini merangkumi tiga skop utama iaitu mengkaji persepsi *Tirukkural*, tahap pengamalan *Tirukkural* dan hubungan demografi terhadap pengamalan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Reka bentuk kajian adalah dalam gabungan dua kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif. Seramai 420 orang masyarakat Tamil dari zon utara, tengah, selatan dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dipilih secara rawak berlapis sebagai responden dalam kajian ini. Responden soal selidik terdiri daripada 220 lelaki dan 200 perempuan yang berumur di antara 18 tahun hingga 40 tahun. Selain itu, 10 orang informan temu bual dipilih dari pelbagai bidang untuk mengukuhkan dapatan kajian kuantitatif. Kebolehpercayaan instrumen kajian telah dinilai iaitu $r = 0.872$ dan disahkan kesahan kandungan. Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi. Kaedah deskriptif menilai persepsi dan realiti pengamalan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil secara menyeluruh. Manakala analisis inferensi menggunakan ujian t-tidak bersandar dan ujian ANOVA sehala digunakan untuk menguji kesemua hipotesis kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan persepsi masyarakat Tamil terhadap *Tirukkural* adalah tinggi. Manakala

pengaruh amalan *Tirukkural* terhadap kesemua unsur JERI menunjukkan di tahap sederhana iaitu domain jasmani 47.85%, domain emosi 46.66%, domain rohani 46.90% domain intelek 48.58% dan insan holistik iaitu 46.67%. Manakala analisis statistik kaedah ujian t-sampel tidak bersandar menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dari segi jantina di mana perempuan menunjukkan lebih holistik berbanding lelaki. Manakala dari segi tempat kediaman tidak mempengaruhi pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural*. Hasil keputusan ANOVA sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi umur dan agama manakala tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi pendidikan berdasarkan *Tirukkural*. Dapatan ini membuktikan masyarakat Malaysia mempunyai persepsi yang tinggi terhadap *Tirukkural* sebagai satu panduan dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun dari segi pengamalannya mereka masih lagi berada dalam tahap yang sederhana disebabkan oleh beberapa faktor seperti peringkat umur, tahap pendidikan dan persekitaran. Dapatan ini juga membuktikan mempelajari sesuatu tidak akan berkekalan dalam kehidupan seharian sekiranya tiada usaha untuk mengamalkan secara berterusan dan meneroka bidang ilmu tersebut secara mendalam. Penyelidik berpendapat bahawa usaha untuk memurnikan dan memilih serta menambahkan kuplet-kuplet *Tirukkural* yang relevan dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah perlu dilaksanakan supaya ia dapat membentuk insan holistik yang diharapkan oleh Falsafah Pendidikan Negara.

Abstract

Education is a process of establishing a holistic individual in one's lifespan. In the scope of Malaysian education, holistic human being is assessed based on philosophy of education where it will create the completed and balanced mankind in the aspects of physical, emotional, spiritual and intellectual (JERI). *Tirukkural* is part and partial of Tamil literature component which is being practiced in contemporary primary and secondary school curriculum. The *Tirukkural* couplet has been applied into the curriculum as accordingly based on the four aspects mentioned above. This research is being conducted to identify the effectiveness of couplets *Tirukkural* in Tamil curriculum of primary and secondary schools toward the direction of holistic human formation. This research consists of three main scopes which is to identify the perception of *Tirukkural*, the practice of *Tirukkural* and the demographic relationship among the Tamil community in Malaysia. This research is carried out in the combination of two methods namely qualitative and quantitative. 420 people from Tamil community have been chosen randomly as respondents from the north, middle, south and the east coast of Malaysia for the purpose of this study. 220 men and 200 ladies aged between 18 and 40 were selected as respondents for this research. Questionnaire respondents consisted of 220 men and 200 women aged between 18 and 40 years old. Apart from that, 10 informant interviews were selected from various fields to strengthen the quantitative findings. The reliability of the research instrument has been evaluated at $r = 0.872$ and certified accordingly. The descriptive and inference method have been used for the data analysis. Descriptive method assess the perception and the practice of *Tirukkural* among Tamil community as a whole. Whereas, inference analysis using independent t-test and one-way ANOVA test were used to test the hypothesis of the study. These findings show that Malaysian Tamil community has a high perception of *Tirukkural* as a guide in

life. Whereas, the influence on practicing *Tirukkural* in four elements namely physical, emotional, spiritual and intellectual is at an average level. The influence of *Tirukkural* practice on all JERI elements show medium level namely physical domain 47.85%, emotional domain 46.66%, spiritual domain 46.90%, intellectual domain 48.58% and holistic human 46.67%. While statistical analysis methods t-test independent samples showed that there were significant differences in terms of gender, women show a more holistic than men. Meanwhile in terms of the place of residence is not affected by *Tirukkural*. The results of one way ANOVA showed significant differences in terms of age and religion, while there were no significant differences in terms of education based on *Tirukkural*. These findings prove that Malaysians have a high perception of *Tirukkural* as a guide in life. However in terms of practicing them it is still in the medium level due to several factors such as age, level of education and the environment. The result also proves that life is a learning process and we should keep on learning and practicing whatever we have learnt throughout our lives. Researchers argue that relevant couplet *Tirukkural* selected and added should be implemented in Tamil curriculum of primary and secondary schools so that it can create a holistic individual as expected by the National Education Philosophy.

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan yang maha Esa kerana dengan restuNya dapat saya menyempurnakan penyelidikan ini dengan jaya. Semoga usaha kecil ini dapat memberikan manfaat dalam menempuh cabaran yang mendatang.

Sekalung terima kasih yang tulus ikhlas diucapkan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. S. Kumaran yang telah memberikan bimbingan, nasihat, panduan dan tunjuk ajar sehingga saya dapat menyempurnakan penulisan laporan tesis ini. Saya juga sentiasa menghargai dan sanjung budi baik pensyarah-pensyarah di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya yang memberikan komen dan pandangan dalam memantapkan penyelidikan saya.

Ucapan ribuan terima kasih juga saya tujukan khas buat Dr. Gunathevan dari UPSI yang membuka hati saya dan terus memberi inspirasi dalam merialisasikan impian saya. Beliau membantu dalam memikirkan idea-idea yang kompleks dan menjadi tulang belakang dalam menyiapkan tesis saya.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan saya Dr. Sathiamoorthy, Dr. Nadarajah, Dr. Ravikumar, En. Kartiges, En. Tamilselvan, En. Subramaniam dan En. Duraimuthu yang sentiasa memberi dorongan serta berkongsi pandangan berkaitan tesis ini.

Sebagai kenangan abadi, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pasangan hidup saya Pn. Latha dan anak-anak saya Kirushantar,

Kirubaanantar, Bavatharani, Syahthur vethinie serta ayahanda En. Kasinadan, mendiang ibunda Pn. Nagamah, adik-beradik saya yang menjadi sumber inspirasi dan dorongan dalam usaha menyiapkan tesis ini. Pengorbanan mereka sentiasa kekal abadi dalam sanubari.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha saya menyiapkan penyelidikan ini. Semoga Tuhan yang maha berkuasa memberkati segala jasa baik mereka.

Sekian, terima kasih.

Annathurai A/L Kasinadan

AHA 120004

Jabatan Pengajian India

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

KANDUNGAN

	Halaman
BORANG PENGAKUAN TESIS	ii
ABSTRAK	iii-iv
ABSTRACT	v-vi
PENGHARGAAN	vii-viii
KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI JADUAL	xvii-xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
SENARAI SINGKATAN	xx
TRANSLITERASI	xxi

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Kajian	12
1.3	Permasalahan Kajian	14
1.4	Objektif Kajian	19
1.5	Persoalan Kajian	19
1.6	Hipotesis Kajian	20
1.7	Kepentingan Kajian	21
1.8	Batasan Kajian	22
1.9	Kerangka Teoritikal Kajian	23
1.9.1	Definisi	23
1.9.2	Teori Humanistik Maslow	24
1.9.3	Teori Planned Behaviour	24
1.9.4	Teori Penaakulan Kohlberg	25
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	26

1.11	Pembahagian Bab	28
1.12	Definisi Istilah / Operational	29
1.12.1	Jasmani	29
1.12.2	Emosi	29
1.12.3	Rohani	30
1.12.4	Intelek	30
1.12.5	Holistik	30
1.12.6	Kurikulum	31
1.12.7	Tirukkural	31
1.12.8	Kuplet	32
1.12.9	Persepsi	32
1.12.9	Realiti	33
1.13	Rumusan	34

BAB 2 : KAJIAN-KAJIAN LEPAS

2.1	<i>Tirukkural</i>	35
2.2	Holistik	41
2.3	Kurikulum Pendidikan Bahasa Tamil di Sekolah Rendah dan Menengah	43
2.3.1	Matlamat Kurikulum Pendidikan Bahasa Tamil di Sekolah Rendah dan Menengah	44
2.3.2	Komponen Sastera dalam Bahasa Tamil KBSR dan KBSM	45
2.4	Kajian-kajian Lepas berdasarkan <i>Tirukkural</i>	47
2.5	Kajian-kajian Lepas tentang Insan Holistik dan Pendidikan	63
2.6	Teori Humanistik	86
2.6.1	Keperluan Fisiologi	89
2.6.2	Keperluan Keselamatan	90
2.6.3	Keperluan Kasih Sayang	90
2.6.4	Harga Diri	91
2.6.5	Aktualisasi (Penyempurnaan diri)	92
2.7	Theory of Planned Behaviour	96

2.7.1	Hasrat	97
2.7.2	Sikap terhadap Tingkah Laku	97
2.7.3	Norma Subjektif	98
2.7.4	Kawalan Tingkah Laku	98
2.7.5	Faktor luaran yang mempengaruhi tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan sikap	99
2.8	Teori Penaakulan Kohlberg	102
2.8.1	Tahap 1 : Pra Konvensional	103
2.8.1.1	Tingkat 1 : Orientasi Hukuman dan Pematuhan	104
2.8.1.2	Tingkat 2 : Orientasi Individual dan Perubahan	104
2.8.2	Tahap 1 : Konvensional	104
2.8.2.1	Tingkat 3 : Orientasi Persetujuan antara Individu	105
2.8.2.2	Tingkat 4 : Orientasi Undang-undang dan Ketenteraman	105
2.8.3	Tahap 3 : Pasca Konvensional	106
2.8.3.1	Tingkat 5 : Orientasi Perjanjian Sosial	106
2.8.3.2	Tingkat 6 : Orientasi Prinsip Etika Sejagat	106
2.9	Rumusan	108

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	110
3.2	Reka Bentuk Kajian	113
3.3	Populasi Kajian	115
3.4	Respondan Kajian	115
3.5	Prosedur Pemilihan Sampel	119
3.5.1	Sampel Kajian	119
3.5.2	Langkah-langkah Pemilihan Sampel	121
3.5.3	Lokasi Kajian	124
3.5.4	Instrumen Kajian	124
3.6	Temu Bual	128
3.7	Proses Pengumpulan Data	130
3.7.1	Pengumpulan Data Kuantitatif	130
3.7.2	Pengumpulan Data Kualitatif	130

3.8	Analisis Data	131
3.8.1	Analisis Min dan Peratusan	132
3.8.2	Analisis Deskriptif	132
3.8.3	Analisis Inferensi	134
3.9	Kajian Rintis	135
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	136
3.11	Rumusan	138

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	139
4.1.1	Analisis Deskriptif	140
4.1.1.1	Analisis responden berdasarkan jantina dan agama	140
4.1.1.2	Analisis statistik deskriptif mengikut tahap pendidikan	141
4.1.1.3	Analisis statistik deskriptif mengikut peringkat umur	142
4.1.1.4	Analisis statistik deskriptif mengikut lokasi kawasan	142
4.1.2	Persepsi <i>Tirukkural</i> ke arah pembentukan insan holistik	143
4.1.2.1	Kegemaran membaca <i>Tirukkural</i>	144
4.1.2.2	Mempraktikkan nilai-nilai <i>Tirukkural</i> dalam kehidupan seharian	145
4.1.2.3	Pembentukan keperibadian	146
4.1.2.4	Pengaruh <i>Tiruvalluvar</i> sebagai rol model	147
4.1.2.5	Pengamalan ajaran <i>Tirukkural</i> dalam kehidupan seharian	148
4.1.2.6	Pembentukan insan holistik	149
4.1.3	Pengamalan <i>Tirukkural</i> berdasarkan (JERI) ke arah pembentukan insan holistik	150
4.1.3.1	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain jasmani	151
4.1.3.2	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain emosi	152
4.1.3.3	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain rohani	153
4.1.3.4	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain intelek	154
4.1.3.5	Pengaruh <i>Tirukkural</i> ke arah pembentukan insan holistik	155
4.1.4	Analisis Inferensi	156
4.1.4.1	Perbezaan dari segi jantina dalam usaha pembentukan insan holistik	156

4.1.4.2	Perbezaan dari segi tempat kediaman dalam usaha pembentukan insan holistik	157
4.1.4.3	Perbezaan dari segi peringkat umur dalam usaha pembentukan insan holistik	158
4.1.4.4	Perbezaan dari segi agama dalam usaha pembentukan insan holistik	160
4.1.4.5	Perbezaan dari segi pendidikan dalam usaha pembentukan insan holistik	161
4.2	Analisis Temu Bual	163
4.2.1	Persepsi <i>Tirukkural</i> ke arah pembentukan insan holistik	163
4.2.1.1	Kegemaran membaca <i>Tirukkural</i>	163
4.2.1.2	Mempraktikkan nilai-nilai <i>Tirukkural</i> dalam kehidupan seharian	165
4.2.1.3	Pembentukan keperibadian	168
4.2.1.4	Pengaruh <i>Tiruvalluvar</i> sebagai rol model	170
4.2.1.5	Pengamalan ajaran <i>Tirukkural</i> dalam kehidupan seharian	171
4.2.1.6	Pembentukan insan holistik	172
4.2.2	Pengamalan <i>Tirukkural</i> berdasarkan (JERI) ke arah pembentukan insan holistik	172
4.2.2.1	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain jasmani	173
4.2.2.2	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain emosi	178
4.2.2.3	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain rohani	182
4.2.2.4	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain intelek	187
4.2.2.5	Pengaruh <i>Tirukkural</i> ke arah pembentukan insan holistik	190
4.2.2.6	Perbezaan dari segi jantina dalam usaha pembentukan insan holistik	192
4.2.2.7	Perbezaan dari segi tempat kediaman dalam usaha pembentukan insan holistik	193
4.2.2.8	Perbezaan dari peringkat umur dalam usaha pembentukan insan holistik	194
4.2.2.9	Perbezaan dari agama dalam usaha pembentukan insan holistik	195
4.2.2.10	Perbezaan dari segi pendidikan dalam usaha pembentukan insan holistik	196
4.3	Kesimpulan	197

BAB 5 : PERBINCANGAN

5.1	Pendahuluan	199
5.2	Perbincangan	200
5.2.1	Persepsi <i>Tirukkural</i> ke arah pembentukan insan holistik	201
5.2.1.1	Kegemaran membaca <i>Tirukkural</i>	201
5.2.1.2	Mempraktikkan nilai-nilai <i>Tirukkural</i> dalam kehidupan seharian	203
5.2.1.3	Pembentukan keperibadian	204
5.2.1.4	Pengaruh <i>Tiruvalḷuvar</i> sebagai rol model	206
5.2.1.5	Pengamalan ajaran <i>Tirukkural</i> dalam kehidupan seharian	207
5.2.1.6	Pembentukan insan holistik	208
5.2.2	Pengamalan <i>Tirukkural</i> berdasarkan (JERI) ke arah pembentukan insan holistik	210
5.2.2.1	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain jasmani	210
5.2.2.2	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain emosi	219
5.2.2.3	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain rohani	227
5.2.2.4	Pengaruh <i>Tirukkural</i> terhadap domain intelek	234
5.2.2.5	Peranan <i>Tirukkural</i> ke arah pembentukan insan holistik	240
5.2.3	Pengaruh faktor demografi terhadap pembentukan insan holistik	244
5.2.3.1	Perbezaan dari segi jantina dalam usaha pembentukan insan holistik	245
5.2.3.2	Perbezaan dari segi tempat tinggal dalam usaha pembentukan insan holistik	248
5.2.3.3	Perbezaan dari peringkat umur dalam usaha pembentukan insan holistik	250
5.2.3.4	Perbezaan dari segi agama dalam usaha pembentukan insan holistik	252
5.2.3.5	Perbezaan dari segi pendidikan dalam usaha pembentukan insan holistik	254
5.4	Kesimpulan	256

BAB 6 : IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

6.1	Implikasi Kajian	258
6.2	Cadangan	261
6.2.1	Peranan pelajar (Individu)	262
6.2.1.1	Sehari satu kuplet	263
6.2.2	Peranan ibu bapa	264
6.2.3	Peranan pendidik	265
6.2.4	Peranan Kementerian Pendidikan Malaysia	269
6.2.5	Peranan NGO	275
6.2.6	Peranan media massa dan media elektronik	276
6.3	Cadangan kepada pengkaji akan datang	277
6.4	Penutup	278
	BIBLIOGRAFI	281
	LAMPIRAN	

Rajah		muka surat
Rajah 1.1	Insan holistik	6
Rajah 1.2	Unsur JERI dalam <i>Tirukkural</i>	9
Rajah 1.3	Salah laku di kalangan masyarakat Malaysia	16
Rajah 1.4	Kerangka Teoritikal	26
Rajah 1.5	Kerangka Konseptual	27
Rajah 2.1	Hierarki Maslow	93
Rajah 2.2	Teori Planned Behavior	101
Rajah 3.1	Prosedur Kajian	112
Rajah 3.2	Langkah-langkah pemilihan responden kajian berdasarkan etnik dan jantina	123
Rajah 6.1	Model Pembelajaran <i>Tirukkural</i>	268

Jadual	muka surat
Jadual 2.1 Perincian kuplet <i>Tirukkural</i>	38
Jadual 2.2 Pengagihan komponen sastera dalam KBSR dan KBSM	45
Jadual 2.3 Bilangan kuplet mengikut bahagian dari tahun 1983-2010	46
Jadual 2.4 Pengagihan <i>Tirukkural</i> dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah	46
Jadual 2.5 Peratus keperluan yang dianggarkan.	94
Jadual 2.6 Tingkat dan tahap penaakulan moral	107
Jadual 3.1 Jadual pensampelan	121
Jadual 3.2 Pemilihan sampel mengikut jantina dan agama	122
Jadual 3.3 Taburan <i>Tirukkural</i> mengikut item soal selidik	127
Jadual 3.4 Skala Likert	128
Jadual 3.5 Analisis kebolehpercayaan	136
Jadual 3.6 Senarai pakar	137
Jadual 4.1 Taburan sampel mengikut agama dan jantina	140
Jadual 4.2 Responden mengikut taraf pendidikan	141
Jadual 4.3 Responden mengikut peringkat umur	142
Jadual 4.4 Responden mengikut lokasi kawasan	143
Jadual 4.5 Kegemaran membaca <i>Tirukkural</i>	144
Jadual 4.6 Mempraktikkan nilai-nilai <i>Tirukkural</i> dalam kehidupan.	145
Jadual 4.7 Pembentukan keperibadian	146
Jadual 4.8 Pengaruh <i>Tiruvalluvar</i> sebagai rol model	147
Jadual 4.9 Pengamalan ajaran <i>Tirukkural</i> dalam kehidupan seharian	148
Jadual 4.10 Pembentukan insan holistik	149
Jadual 4.11 Pengaruh domain jasmani	151
Jadual 4.12 Pengaruh domain emosi	152
Jadual 4.13 Pengaruh domain rohani	153
Jadual 4.14 Pengaruh domain intelek	154
Jadual 4.15 Pengaruh <i>Tirukkural</i> ke arah pembentukan insan holistik	155

Jadual 4.16	Analisis statistik deskriptif skor min dan sisihan piawai pembentukan insan holistik melalui <i>Tirukkural</i> berdasarkan jantina	156
Jadual 4.17	Ujian-t sampel tidak bersandar	157
Jadual 4.18	Analisis statistik ujian t- tidak bersandar sehala bagi pembentukan insan holistik melalui <i>Tirukkural</i> berdasarkan tempat kediaman	157
Jadual 4.19	Ujian-t sampel tidak bersandar	158
Jadual 4.20	Analisis statistik ANOVA sehala bagi pembentukan insan holistik melalui <i>Tirukkural</i> berdasarkan umur	159
Jadual 4.21	Ujian Kehomogenan Varian(<i>a</i>)	159
Jadual 4.22	Ujian ANOVA Sehala	159
Jadual 4.23	Analisis statistik ANOVA sehala bagi pembentukan insan holistik melalui <i>Tirukkural</i> berdasarkan agama	160
Jadual 4.24	Ujian Kehomogenan Varian(<i>a</i>)	160
Jadual 4.25	Ujian ANOVA Sehala	161
Jadual 4.26	Analisis statistik ANOVA sehala bagi pembentukan insan holistik melalui <i>Tirukkural</i> berdasarkan pendidikan	162
Jadual 4.27	Ujian Kehomogenan Varian(<i>a</i>)	162
Jadual 4.28	Ujian ANOVA Sehala	162
Jadual 6.1 :	Pembahagian kuplet dalam kurikulum Bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah	271

SENARAI SINGKATAN

JERI	-	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
KBSR	-	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	-	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
RMK	-	Rancangan Malaysia ke
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SJK(T)	-	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	-	Sekolah Kebangsaan

SENARAI LAMPIRAN

Soal Selidik (Bahasa Tamil)

Soal Selidik (Bahasa Melayu)

Senarai Kuplet *Tirukkural* dalam Kurikulum

University of Malaya

TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi bahasa Malaysia adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam bahasa Tamil *Lexicon*. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil

UYIR EḶUTTU VOKAL		
a - அ	ū - உள	ō - ஓ
ā - ஆ	e - எ	au - ஔ
i - இ	ē - ஏ	ḱ - ஐ
ī - ஈ	ai - ஐ	
u - உ	o - ஓ	

MEY EḶUTTU KONSONEN		
k - க்	t - த்	l - ல்
ñ - ங்	n - ந்	v - வ்
c - ச்	p - ப்	ḷ - ழ்
ñ - ஞ்	m - ம்	ḷ - ள்
ṭ - ட்	y - ய்	r - ர்
ṇ - ண்	r - ற்	ṇ - ண்

KIRANTA EḶUTTU		
j - ஜ்	h - ஹ்	stri - ஸ்ரீ
ṣ - ஷ்	s - ஸ்	

BAB 1

1.1 Pengenalan

Manusia adalah makhluk ciptaan Tuhan terunggul di dunia yang serba indah ini. Manusia dibekalkan dengan anggota badan yang sempurna jika dibandingkan dengan makhluk-makhluk yang lain supaya menjadi insan seimbang serta mengamalkan kehidupan soleh. Keadaan ini dapat menjalinkan hubungan baik antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam dan manusia dengan Maha Pencipta. Insan yang mengamalkan semua perkara yang baik dan terpuji ini digelar insan holistik. Insan holistik mempunyai tubuh badan yang sihat, memiliki ilmu pengetahuan, berakhlak mulia, emosi yang baik serta keyakinan yang teguh kepada Tuhan. Pemilikan nilai baik ini membantu menguatkan diri dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek yang digelar (JERI) serta mengatasi segala kesulitan yang ditempuhi dalam hidupnya.

Banyak teologi manusia telah mengutarakan bahawa manusia sebagai wakil Tuhan di bumi bagi mengamalkan ciri-ciri yang diamanahkan. Justeru, pembentukan insan holistik merupakan perkara penting dalam mengekalkan sifat mulia yang telah dianugerahkan. Pembentukan insan holistik ini harus dimartabatkan dalam melahirkan generasi masyarakat yang berkualiti dan berkebolehan.

Sejak permulaan tamadun, masalah pembentukan insan telah menjadi perhatian ahli pemikir dalam melahirkan masyarakat manusia yang ideal. Antara tokoh yang menyumbang kepada pembentukan insan holistik adalah seperti *Tiruvalluvar*, *Confucius*, *Plato*, *Aristotle*, *Rousseau*, *Adam Smith*, *Bentham*, *Mill*, *Marx*, dan *Keynes* (Shoutir Kishore, 2008). Tokoh-tokoh ini dianggap memberi nafas baru kepada pembangunan manusia kolektif. Dalam pelbagai peradaban, ahli-ahli pemikir ini berusaha untuk mengenal pasti hakikat kemanusiaan kerana bertolak daripada perkara inilah segala ilmu tentang insan telah dibina ataupun penemuan-penemuan tentang tabii tingkah laku manusia telah difahami dan diterangkan (Abdul Latif, 2005).

Menurut Nik Abdul Aziz (2006), Pembangunan insan bukan sahaja mementingkan pembangunan intelektual dan emosi malah merangkumi aspek-aspek spiritual iaitu aspek dalaman yang mencerminkan keinsanan seseorang individu. Usaha ke arah pembangunan intelektual individu akan berubah kepada pembangunan menyeluruh dalam sesebuah masyarakat. Pembangunan insan ini dilihat sebagai pendidikan yang merangkumi keseluruhan hidup termasuk akal, hati, rohani jasmani, akhlak dan tingkah laku untuk berhadapan dengan kebaikan, kejahatan, kemanusiaan dan keperitan (Nik Mohd. Azlan 2014).

Di negara-negara membangun seperti Malaysia pembentukan insan holistik sangat penting dalam pembinaan kekuatan serta kesejahteraan rakyat dari segi mental, fizikal, intelektual dan rohani. Gagasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan cemerlang merupakan satu cita-cita yang diimpikan oleh seluruh masyarakat. Kejayaan ini

mampu dicapai sekiranya kesejahteraan dan kekuatan rakyat dari segi mental, fizikal, intelektual dan rohani dibentuk.

Pembangunan negara yang hanya memfokuskan kebendaan akan melahirkan insan yang bersifat individualistik. Berdasarkan petikan (Shuhairimi Abdullah, 2011), pendapat ini disokong oleh *Sayyid al-Quth*, dalam penulisannya *Fi Zillah al-Qur'an* bahawa golongan yang bertindak sedemikian merupakan kelompok manusia yang berada dalam kerugian disebabkan mereka tidak berfikiran jauh dan dibuai dengan kemewahan dunia. Lantaran itu, penekanan kepada aspek pembangunan insan seimbang sangat penting kepada sesebuah negara untuk mengekalkan kelangsungan dalam dunia yang semakin mencabar.

Menyedari kepentingan pembentukan modal insan yang berguna dan menyeluruh, mantan Perdana Menteri Malaysia ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah memperkenalkan agenda pembangunan modal insan kelas pertama. Agenda ini telah dipandang serius dan dibahaskan dalam pembentangan belanjawan 2006 untuk Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Sehubungan itu, isu dalam kalangan masyarakat dan negara adalah membentuk insan berguna dan seimbang yang dapat menyumbang kepada kemajuan negara. Pembangunan insan merupakan satu agenda yang dirangka oleh kerajaan untuk meningkatkan kedudukan dan mengukuhkan daya saing negara *National Competitive* dengan negara-negara maju yang lain. (Abd. Rahman, 2006).

Mantan Menteri Pelajaran Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin (2015), dalam teks ucapan Majlis Perutusan Tahun Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyatakan bahawa pembangunan modal insan secara holistik dan terancang akan

mbolehkan transformasi berlaku dalam konteks lebih luas serta mampu melahirkan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Keadaan ini juga akan membantu melahirkan rakyat Malaysia yang personaliti unggul dan seimbang dari segi intelek, rohani, kemahiran, keterampilan, bersemangat patriotik, berdisiplin dan mengamalkan nilai-nilai murni. Pembentukan insan holistik tidak hanya terbatas kepada ilmu sahaja malah kemahiran yang merangkumi minda, rohani, sahsiah dan etika. Sifat keinsanan ini akan dibina menerusi falsafah hidup, pegangan agama dan dukungan moral.

Mengikut Capra (1996), manusia adalah makhluk holistik yang terdiri dari unsur biologis, psikologis, sosial dan spiritual atau sering disebut juga sebagai makhluk biopsikososialspiritual. Keempat-empat unsur ini tidak dapat dipisahkan. Kekurangan terhadap salah satu unsur akan menjadi ancaman terhadap aspek atau unsur yang lain. Pembangunan insan berhasrat untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai kekuatan spiritual, akhlak, material, mampu berdiri, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif, cekap menangani cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai (Abd. Aziz, 2012).

Setiap manusia yang lahir di dunia ini dianugerahkan tiga perkara asas, iaitu kebebasan untuk memilih sesuatu, sejagat atau tiada had dan prinsip untuk bertindak atas kecerdasan. Pepper (1958), menyatakan bahawa mekanistik, organistik, kontekstual telah digunakan secara luas dalam teori pembentukan insan. Erikson (1968), mengutamakan keseimbangan di antara psikologi dalaman seseorang individu dengan stimuli luaran sosial dan budaya. Pembangunan sesebuah negara tidak akan berjaya sekiranya sifat keinsanan seseorang individu tidak dibentuk. Abdul Aziz (2005), pula menyatakan bahawa

pembangunan holistik ini berhasrat untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai kekuatan spiritual, akhlak, material, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif, cekap menangani cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai.

Menyedari kepentingan unsur-unsur ini dalam pembentukan seseorang insan sejak kecil lagi, elemen-elemen ini telah ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang berbunyi:


"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani".

"Untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap kerohanian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara."

Sumber : Akta Pendidikan (1996)

Manakala pelan tindakan pengajian tinggi negara, (2007-2010) pula berbunyi:

Pembangunan modal insan dalam menyediakan tenaga kerja yang berketerampilan dan berupaya menghadapi cabaran masa depan. Hal ini juga telah diperkatakan, di mana tujuan pendidikan adalah untuk pembangunan sahsiah dan membentuk keupayaan pelajar secara holistik melalui pembelajaran kemahiran khusus, merealisasikan keupayaan intelektual, fizikal dan kerohanian serta melahirkan modal insan yang cemerlang.



Rajah 1.1 Insan holistik

Hal ini juga disokong oleh Dora, Kudus, Hassan & Ali (2008), di mana pembentukan modal insan merupakan satu usaha ke arah melahirkan insan mahasiswa yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki jati diri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan yang sewajarnya. Pembentukan modal insan ini mempunyai tujuan pendidikan yang tersendiri. Pembangunan sahsiah dapat membentuk keupayaan pelajar secara holistik melalui pembelajaran kemahiran khusus, merealisasikan keupayaan intelektual, fizikal dan kerohanian serta melahirkan modal insan yang cemerlang.

Setiap anak yang dilahirkan adalah umpama kain putih suci hatinya. Pembentukan diri perlu dibuat supaya jiwa yang suci dapat kekal abadi. Salah satu cara pembentukan insan adalah melalui pembelajaran. Kanak-kanak dapat mengamalkan sifat nilai murni yang dididik sejak kecil lagi dan keadaan ini akan dapat melahirkan insan yang menyeluruh. Abdul Kalam (2013), seorang saintis India telah membangkitkan generasi muda supaya sentiasa bermimpi.

*“Dream is not that which you see while sleeping,
it is something that does not let you sleep.”*

(Mimpi bukan mimpi dalam tidur. Mimpi dalam keadaan sedar untuk menjadi insan berguna supaya dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara).

Pembangunan masa hadapan seseorang individu berasaskan pengembangan potensi individu. Pengembangan potensi ini hanya didukung melalui pendidikan yang sempurna. Pendidikan formal dan tidak formal akan membawa perubahan seiring dengan perubahan budaya kehidupan manusia. Lantaran itu, perubahan dan rombakan menyeluruh dalam dasar pendidikan baru-baru ini merupakan satu tindakan yang proaktif kerajaan dalam meningkatkan martabat manusia secara holistik.

Mohd. Yusof Hasan (2001), dalam bukunya Sistem Pemikiran Bersepadu 4L dan Mohd. Yusof Hasan (2000), Pemikiran Saintifik SPB4L mempraktikkan bidang pemikiran Teori Pendidikan Pemikiran Global yang mengandungi teori dan kaedah dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L diperkenalkan sekitar 1990-an, menggabungkan dan menyepadukan empat sistem pemikiran iaitu pemikiran luhur, lahir, logik dan lateral dalam pembelajaran sastera. Kemudian teori ini dikembangkan dan diubah sebagai 4K yang mewakili empat istilah iaitu ketuhanan, kesaintifikan, kebitaraan dan kekreatifan. Teori SPB4K berteraskan falsafah kesepaduan pemikiran kerana ianya berfungsi sebagai kemahiran dan amalan dalam kehidupan seharian. Dalam SPB4K pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan disepadukan serta diseimbangkan secara sama. (Mohd Yusof Hassan, 2001), Pemikiran kerohanian merupakan pemikiran bersifat suci murni dari segi agama dan ketauhidan.

Pemikiran kebitaraan merupakan pemikiran berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Pemikiran kesaintifikan merupakan pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, ketepatan serta kegunaan fakta dan angka. Pemikiran kekreatifan merujuk kepada pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Teori SPB4K ini menggabungkan empat sistem pemikiran oleh manusia melalui hasil karya sastera.

Teks *Tirukkural* yang dikarang oleh pujangga yang bernama *Tiruvalluvar*, kaya dengan nilai kemanusiaan. *Tiruvalluvar* adalah seorang penyair, pemikir dan guru yang tidak disegani. *Tirukkural* yang dikarang sekitar 2000 tahun lalu menekankan tiga perkara utama yang sangat penting dalam kehidupan setiap insan iaitu kebenaran, kebendaan dan kebahagiaan. Isi kandungan semua kuplet *Tirukkural* memfokuskan ketiga-tiga perkara tersebut. Menurut beliau, insan yang memenuhi kebenaran, kebendaan dan kebahagiaan akan berjaya dalam kehidupan di dunia dan akhirat.

Secara umumnya, *Tirukkural* mengungkapkan tuntutan kebenaran global kepada semua insan. Keutamaan diberikan kepada perkara yang harus diamalkan dan dielakkan dalam kehidupan seseorang individu serta masyarakat demi kesejahteraan hidup manusia (Jegannathan, 2004). Semua kuplet yang terdapat dalam *Tirukkural* boleh digolongkan ke dalam unsur JERI. Ini dapat dilihat apabila menghayati setiap kuplet secara teliti dan sebatinya unsur JERI dengan *Tirukkural*. *Tiruvalluvar* inginkan setiap umat manusia mempelajari, merasai, menghayati, mengamalkan *Tirukkural* untuk mencapai aktualisasi diri (Rajah 1.2).

Rajah 1.2 Unsur JERI dalam *Tirukkural*



Mengikut Swami Sivananda (1941), *Tirukkural* disebut sebagai " *Kuplet Suci* " yang mengandungi ajaran untuk menikmati keamanan, keharmonian, kesihatan, kekayaan, kuasa, rahmat dan kebahagiaan untuk semua umat manusia dan untuk sepanjang masa. G.U.Pope (1981) menyatakan:

*"Tirukkural is as clear as an unpolluted spring. Yes!
Tirukkural, the unique book, has become to remove the
impurities of this world"*

Tirukkural mengandungi khazanah yang membawa kepada keamanan dan keharmonian individu di dunia. *Tirukkural* terbukti menjadi keagungan kesusasteraan Tamil dan dihargai oleh masyarakat Tamil disebabkan oleh kewibawaan dan nilai-nilai yang bersifat universal (Thirunavukarasu, 2010). Karya *Tirukkural* ini adalah sebuah karya yang mengandungi prinsip-prinsip etika dan moral secara menyeluruh (Singaravelu, 2013).

Tirukkural pada dasarnya melambangkan cita-cita etika kemanusiaan yang membicarakan pelbagai corak persoalan tentang sikap manusia melalui perasaan halus dan kemuliaan (G.Soosai, 1978). Hal ini bermakna *Tirukkural* bukan sahaja memanfaatkan

masyarakat Tamil, malahan masyarakat dunia tanpa sempadan untuk suatu kehidupan luhur dan benar. Amanat yang disampaikan oleh *Tiruvalluvar* amat signifikan kepada umat manusia kerana isi kandungan dan pemikirannya setanding dengan karya-karya agung di dunia kini. *Tirukkural* bertujuan membimbing insan untuk memimpin moral, hidup beretika dan berguna di dunia ini. Ia merupakan satu kajian menyeluruh manusia dari lahir hinggalah ke akhirat (Jegaanathan, 2004).

Secara keseluruhannya, kecemerlangan *Tirukkural* biasanya disebabkan oleh tiga ciri utama yang unik. Pertama keupayaan *Tiruvalluvar* menumpukan pemikiran yang mendalam dalam dua baris pendek jenis *Venpa*. Sifat kedua merujuk kepada pelbagai aspek usaha manusia iaitu dari kebenaran hingga ke dunia kebahagiaan. Sifat ketiga *Tirukkural* terletak dalam pandangan sekular dan kosmopolitan yang telah diterima oleh manusia secara keseluruhan merentasi bahasa, agama dan negara (Jegaanathan, 2004).

Jadi seperti yang terungkap dalam *Tirukkural*, pembangunan insan perlu berjalan seiring dengan pembangunan fizikal, emosi, rohani dan intelek demi menjamin keseimbangan kehidupan. Sikap (*attitude*), keterampilan (*skill*) dan ilmu pengetahuan (*knowledge*) perlu menjadi teras kepada pembangunan insan yang komprehensif serta bersepadu. Pembangunan seumpama ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan berperingkat-peringkat bagi mengatasi kemiskinan dari segi keimanan, ilmu, akhlak dan amal (Asmida binti Awang, 2010). Dengan kata lain, pembangunan aspek keinsanan menerusi falsafah hidup, pegangan agama serta dukungan moral perlu dibina untuk membolehkan transformasi pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia

berlaku secara lebih berstruktur. Maka, dalam kajian ini *Tirukkural* akan menjadi medan pengukur dalam pembentukan insan.

Dalam kurikulum Bahasa Tamil, Kementerian Pendidikan Malaysia, *Tirukkural* merupakan satu elemen dalam kumpulan sastera. *Tirukkural* diperkenalkan dalam kurikulum sejak pendidikan Tamil diperkenalkan di Malaysia. Pembelajaran *Tirukkural* bermula dari sekolah rendah hinggalah ke sekolah menengah (Tahun 1 hingga ke sekolah menengah Tingkatan 5). Kuplet *Tirukkural* diselitkan secara langsung dalam subjek bahasa Tamil dan merentasi secara tidak langsung dalam subjek-subjek lain. Kuplet *Tirukkural* juga dijadikan sebagai bahan kurikulum di sekolah menengah atas (STPM) dan universiti.

Kandungan dalam kurikulum adalah satu bahan yang dirancang dan dikaji secara teliti oleh pakar sebelum dilaksanakan di sekolah. Aspek *Tirukkural* dalam kurikulum bahasa Tamil telah dirancang dengan teliti. Kuplet *Tirukkural* yang dipilih bersesuaian dengan pelajar ke arah pembentukan pelajar secara menyeluruh dari aspek intelek, rohani, jasmani dan emosi supaya pelajar akan menjadi insan yang berguna. Sebanyak 51 kuplet diselitkan dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah yang mengandungi unsur JERI (Kurikulum Bahasa Tamil 2001 & 2003). Kuplet dari bahagian kebenaran dan kebendaan dipilih dan diselitkan dalam kurikulum Bahasa Tamil. Ini kerana di alam persekolahan pelajar banyak diberi keutamaan unsur yang membawa peningkatan diri sahaja. Kesemuanya 26 atikāram atau bab telah diselitkan dalam kurikulum. Kurikulum *Tirukkural* yang dikaji adalah dipilih adalah dari tahun 1983 iaitu sejak Kurikulum Baru Sekolah rendah (KBSR) diperkenalkan. Hal ini bermakna remaja yang berumur 30 tahun ke

atas telah melalui proses pembelajaran kuplet *Tirukkural* yang diajar di peringkat persekolahan KBSR akan menjadi responden dalam kajian ini.

Walaupun sudah lama kuplet *Tirukkural* diberi keutamaan dan diajar dalam kurikulum, namun setakat ini belum ada kajian yang menjawab soalan, “adakah pembelajaran *Tirukkural* berkesan? adakah pelajar menguasai dan mengamalkan *Tirukkural* dalam kehidupan seharian? Maka kajian ini akan mengukur sejauh manakah pembentukan insan holistik berlaku melalui pembelajaran dan pengamalan *Tirukkural* dalam kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian lebih banyak kajian untuk menganalisis pembentukan insan holistik melalui teks etika *Tirukkural* wajar dijalankan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tirukkural memimpin umat manusia menjalani kehidupan yang adil dan saksama. Keunggulan dan keunikan kesusasteraan etika Tamil ini dapat dilihat dalam aspek-aspek seperti falsafah, etika identiti budaya serta estetika. Albert Schweitzer (1936), dalam bukunya *Indian Thought and Development*, menyatakan bahawa pemikiran *Tiruvalluvar* ini sukar dicari atau dibandingkan dengan kesusasteraan-kesusasteraan lain di dunia kerana kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Menurut Karthigesu (2004), keistimewaan *Tirukkural* dapat dibandingkan dengan hasil ahli-ahli falsafah lain seperti Analek Kong Hu Chu, Dialog Plato, Etika Aristotle dan karangan-karangan Scena. Sifat unik *Tirukkural* yang mengandungi pemikiran tinggi, nilai-nilai kemanusiaan yang mendalam telah menjadi kebanggaan masyarakat Tamil beberapa dekad yang lalu. Nilai kemanusiaan ini sangat penting bagi setiap manusia untuk menjadi insan yang berguna dan beretika.

Pengamatan terhadap *Tirukkural*, khususnya pembelajaran dan pengamalan memang merupakan suatu usaha yang amat perlu bagi mencerminkan keinsanan seseorang dari segi JERI. Dalam era globalisasi ini, umat manusia didapati begitu sibuk mencari kekayaan dengan mengetepikan nilai-nilai moral. *Tirukkural* menegaskan kepada umat manusia bahawa kekayaan harus dicari berlandaskan nilai-nilai moral. Hal ini telah diterangkan oleh *Tiruvalluvar* dalam bahagian kebenaran. Malah *Tirukkural* menjelaskan bahawa pembangunan insan haruslah seimbang dari segi kebendaan dan kerohanian. Dalam aspek mental, karya *Tirukkural* membantu manusia untuk berfikir dengan logik dan luas.

Keentingan mempelajari *Tirukkural* merupakan salah satu unsur yang diutamakan dalam pembelajaran di sekolah khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Tamil. Amalan pembentukan insan holistik sangat dititikberatkan dalam sukatan pelajaran Malaysia di peringkat sekolah rendah mahupun menengah. Oleh itu, pendedahan kepada *Tirukkural* dimulakan di sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Kuplet-kuplet yang diterapkan dalam kurikulum bahasa Tamil dipilih dari segi keutamaan dan keistimewaan serta mengikut tahap dan kesesuaian pelajar. Tambahan pula kuplet-kuplet tersebut mengandungi unsur JERI seperti yang disarankan dalam FPN yang dapat membantu pembentukan insan holistik.

Pembelajaran Bahasa Tamil tidak akan menjadi sempurna sekiranya pelajar-pelajar tidak mengenali dan memahami *Tirukkural*. Begitu erat dan akrab hubungan *Tirukkural* dengan masyarakat dan bahasa Tamil. Walaupun pendedahan *Tirukkural* telah diperkenalkan sejak kecil, namun kesedaran untuk menghayati kuplet tersebut adalah masih

rendah dalam kalangan masyarakat Tamil. Hal ini terbukti dengan kenyataan Jegaanathan (2004), dan Kulandasamy (1990), yang menyatakan ramai dalam kalangan masyarakat Tamil tidak berminat dan tidak mengambil inisiatif untuk mempelajari *Tirukkural*. Oleh itu, tindakan segera harus diambil untuk menangani masalah ini. Di Malaysia khususnya belum ada kajian yang menyentuh tentang keberkesanan *Tirukkural*. Kajian ini bukan sahaja mengutarakan pembentukan insan holistik yang terdapat dalam *Tirukkural* malah meneliti dan menghayati keberkesanan *Tirukkural* dalam pengamalan masyarakatnya.

1.3 Permasalahan Kajian


Manusia adalah insan yang mengamalkan tanggungjawab berdasarkan lunas-lunas Tuhan. Namun ada insan yang gagal melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Faktor kejayaan dan kegagalan kehidupan seseorang insan adalah berdasarkan sejauh mana penguasaan JERI yang terpahat dalam diri mereka. Sekiranya seseorang insan itu gagal membentuk keinsanan, maka impak yang negatif dalam diri akan terserlah. Muhammad Naim Yasin (2001), menyatakan segala masalah manusia yang timbul dalam masyarakat adalah disebabkan manusia tidak mematuhi *al-Haq*, iaitu satu dasar yang tetap yang ditentukan dan diatur oleh Allah.

Menurut Tajul Ariffin Noordin (1993), masyarakat barat pada hari ini menerima konsep hidup bersendirian (*individualisme*) dan mereka percaya bahawa untuk berjaya setiap individu perlu bersifat kebendaan (*materialistik*). Namun bagi masyarakat majmuk di Malaysia, budaya ini telah mencatitkan pembangunan negara. Salah satu sebab berlakunya gejala negatif ini kerana nilai kemanusiaan kurang dipupuk. Kesannya keharmonian

peribadi, rumahtangga dan keluarga sudah tidak wujud. Kebanyakan sekolah tidak berfungsi lagi untuk mendidik keperibadian mulia dan telah gagal untuk memberikan pelajaran yang berguna secara seimbang dari sudut fizikal, emosi, intelektual dan rohani (Abdul Salam, 2004). Pelbagai penyakit sosial yang serius telah menular seperti penyakit tidak bermoral, masalah kanak-kanak menjadi jahat, ganas, penagihan dadah, pelacuran, kecurian, pembunuhan dan sebagainya. Pembangunan insan adalah kaedah untuk mempengaruhi setiap manusia. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa pembangunan insan dapat berjalan dengan baik dan lancar berteraskan dasar kerajaan serta perlaksanaan dasar (Nik Mohd. Azlan bin Abd. Hadi, 2014).

Manusia dunia pada hari ini, hidup dalam keadaan terpesong akidah dan tenggelam dalam arus pembangunan yang berteraskan hawa nafsu. Kesan daripada keadaan ini, banyak berlaku gejala sosial seperti rogol, tipu-menipu dan rasuah. Ketamakan manusia mendorong banyak nyawa terkorban, kemusnahan harta benda dan berlaku porak-peranda (Mohamad bin Jusoh, 2008). Menurut Uthaya Sankar SB & Raman Visualingom (2009), gejala sosial dalam kalangan masyarakat India kini telah meningkat ke tahap yang membimbangkan. Keadaan ini jelas berlaku dan sering dipaparkan dalam akhbar-akhbar tempatan.

Gejala sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia semakin meningkat. Menurut Malliga (2013), Data Polis Diraja Malaysia telah membuktikan kenyataan ini. Peratusan ini merupakan satu lonjakan yang besar jika dibandingkan dengan populasi penduduk masyarakat India iaitu 7.7% di Malaysia.(Rajah 1.3).



Rajah 1.3 Salah laku di kalangan masyarakat Malaysia

Tirukkural telah mendidik cara menangani sesuatu masalah melalui kupletnya. Setiap unsur dalam *Tirukkural* memberi kesedaran kepada umat manusia sejagat. *Tirukkural* bertujuan membimbing manusia ke arah nilai moral, hidup beretika dan berguna di dunia ini dan akhirat (Mohanraj, 1987). Ciri paling penting dalam *Tirukkural* adalah:

- i) *Tirukkural* adalah sekular dan semula jadi.
- ii) *Tirukkural* adalah universal dan sesuai untuk masyarakat di mana-mana sahaja.
- iii) *Tirukkural* mengandungi mesej mengatasi masa.

Etika yang disarankan dalam *Tirukkural* harus dijadikan pedoman hidup supaya dapat meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri individu. Unsur kemanusiaan dapat merealisasikan hasrat ke arah melahirkan modal insan yang terbaik. Nilai universal *Tirukkural* ini sepatutnya diperluas kepada masyarakat dunia.

Di Tamil Nadu, banyak kajian telah dibuat berdasarkan karya *Tirukkural*. Di negara kita, kajian *Tirukkural* adalah di peringkat awal dan hanya beberapa kajian sahaja telah dibuat. Sehingga kini, para penyelidik telah membuat banyak kajian berdasarkan skop yang berlainan. Sebilangan sarjana hanya melihat *Tirukkural* dari aspek etika dan murni sahaja tetapi masih kurang kajian dari sudut pembentukan insan holistik yang diilhamkan oleh *Tiruvalluvar*. Walaupun *Tirukkural* merupakan sesuatu yang sangat sinonim dengan masyarakat Tamil di seluruh dunia, hasrat penyelidik adalah sejauh mana pembentukan insan holistik berlaku dalam pembelajaran dan pengalaman *Tirukkural* dari Tahun 1 hingga ke Tingkatan 5.

Menyedari hakikat ini, suatu kajian mengenai keberkesanan pembentukan insan holistik melalui kurikulum bahasa Tamil perlu dikupas untuk memperkembangkan pengetahuan dan keunikan *Tirukkural* yang bukan sahaja kepada masyarakat Tamil malahan masyarakat dunia. Selain itu, hubungan antara *Tirukkural* dengan pembentukan insan holistik yang diamalkan dalam kehidupan harian berdasarkan umur, jantina, agama, tempat tinggal dan tahap pendidikan juga sesuatu yang amat menarik untuk dikaji selidik. Masyarakat kini masih lagi menghadapi kekurangan dari segi pemilikan nilai-nilai murni walaupun kita mempunyai Falsafah Pendidikan Negara yang mantap dan *Tirukkural* yang unggul. Adakah kedua-duanya gagal dalam membentuk seorang insan yang holistik? Oleh yang demikian, suatu kajian amat diperlukan untuk mendapatkan maklumat atau data yang jelas bagi mengetahui tahap penggunaan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian berdasarkan pelbagai aspek.

Maka, kajian *Tirukkural* dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah sangat membantu dalam usaha memperkembang *Tirukkural* kepada masyarakat di samping mendedahkan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat Tamil. Selain itu, penyelidik berpendapat bahawa kajian ini dapat membentuk sahsiah dan menyedarkan kebatinan diri seseorang.

Karya *Tirukkural* adalah buku kehidupan yang dihasilkan oleh manusia untuk manusia ke arah pembentukan insan holistik (Ki.Aa.Pee. Visvanathan, 1974). Falsafah Pendidikan Malaysia sangat menekankan penghasilan seorang insan yang holistik dan beretika. Dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah telah diselitkan 51 kuplet *Tirukkural*. Selain itu pelajar juga mempelajari kuplet-kuplet *Tirukkural* melalui aktiviti ko-kurikulum dan aktiviti lain yang dikendalikan oleh NGO. Di peringkat sekolah tinggi dan universiti, pelajar juga didedahkan kuplet-kuplet melalui kurikulum yang digubal. Namun begitu, masalah sosial dalam kalangan masyarakat Tamil semakin lama semakin meningkat.

Apabila diteliti wujud beberapa persoalan, adakah pembelajaran *Tirukkural* yang dikatakan memiliki nilai etika yang tinggi membawa kepada perubahan sikap dan tingkah laku dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia? Adakah kurikulum *Tirukkural* dapat membentuk insan holistik? Adakah kuplet *Tirukkural* yang terkandung dalam kurikulum tidak mencukupi? Adakah kuplet *Tirukkural* yang terkandung dalam kurikulum perlu disemak? Apakah *Tirukkural* boleh menyelesaikan masalah berkaitan dengan insan? Berdasarkan permasalahan ini, kajian ini cuba mengkaji keberkesanan *Tirukkural* yang terdapat dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah dalam membentuk insan holistik.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:-

- i) Mengkaji persepsi *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia berdasarkan sukatan pelajaran bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah.
- ii) Mengenal pasti tahap pengamalan *Tirukkural* dalam kehidupan seharian masyarakat Tamil di Malaysia ke arah pembentukan insan holistik dari segi JERI berdasarkan sukatan pelajaran bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah.
- iii) Melihat hubungan demografi dengan *Tirukkural* terhadap pembentukan insan holistik berdasarkan kuplet *Tirukkural* dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian, penyelidik telah menetapkan tujuh persoalan kajian untuk dijawab dalam penyelidikan ini.

- i) Apakah persepsi masyarakat Tamil Malaysia terhadap *Tirukkural*.
- ii) Sejauh manakah *Tirukkural* memupuk domain jasmani ke arah pembentukan insan holistik dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia?
- iii) Sejauh manakah *Tirukkural* memupuk domain emosi ke arah pembentukan insan holistik dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia?
- iv) Sejauh manakah *Tirukkural* memupuk domain rohani ke arah pembentukan insan holistik dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia?

- v) Sejauh manakah *Tirukkural* memupuk domain intelek ke arah pembentukan insan holistik dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia?
- vi) Sejauh manakah amalan *Tirukkural* memupuk pembentukan insan holistik dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia?
- vii) Sejauh manakah faktor demografi mempengaruhi pembentukan insan holistik dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian yang ketujuh, penyelidik telah membentuk lima hipotesis berikut untuk melihat secara terperinci pengaruh faktor demografi terhadap pembentukan insan holistik yang disarankan oleh *Tiruvalluvar*.

Hipotesis Nol (H_0)

- HO₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi jantina ke arah pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia.
- HO₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tempat kediaman ke arah pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia?
- HO₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi peringkat umur ke arah pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia?

HO₄ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi agama ke arah pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia?

HO₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi taraf pendidikan ke arah pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting dan diperlukan kerana belum ada lagi kajian yang seumpama ini dilakukan oleh penyelidik-penyelidik tempatan. Kajian ini dipercayai dapat membantu mengetahui situasi semasa berkaitan pengamalan *Tirukkural* berdasarkan JERI oleh masyarakat Tamil di Semenanjung Malaysia. Selain itu, dapatan kajian ini bakal membicarakan keadaan semasa masyarakat Tamil tentang pembentukan insan holistik melalui pengamalan ajaran *Tirukkural*. Pada masa yang sama, ia juga memberi ruang untuk menilai keberkesanan *Tirukkural* dan JERI terhadap pembentukan insan yang holistik. Kajian ini juga akan mengenal pasti jawapan iaitu adakah pengajaran *Tirukkural* masih relevan kepada rakyat khususnya masyarakat Tamil pada masa kini? Seterusnya, kajian ini juga memberi penekanan terhadap usaha-usaha yang harus dilakukan oleh pelbagai pihak misalnya individu, para pendidik, kerajaan dan NGO untuk memastikan pengajaran *Tirukkural* dijadikan asas pembentukan kurikulum bahasa Tamil.

Sejak permulaan pembelajaran *Tirukkural* dalam subjek bahasa Tamil, kuplet *Tirukkural* yang diperuntukkan dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah adalah dalam lingkungan 40 - 51 kuplet sahaja. Malah kebanyakan kuplet *Tirukkural* yang sama diselitkan dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah ketika semakan semula kurikulum. Dapatan kajian ini akan menjadi landasan untuk pemurnian, pemilihan dan juga penetapan bilangan kuplet *Tirukkural* dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah di Malaysia.

Kajian ini juga dapat membuka peluang untuk pendekatan yang berbeza sama sekali dan penerokaan yang baharu dalam kesusasteraan Tamil klasik dan moden tentang pembentukan insan holistik berdasarkan JERI. Hasil kajian ini juga akan menjadi dokumentasi kepada universiti serta rujukan pada masa akan datang. Maklumat kajian ini dapat digunakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memantapkan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kurikulum bahasa Tamil. Selain itu, kajian ini bukan sahaja membawa pemahaman dalam kalangan masyarakat Tamil malah turut memberi impak kepada masyarakat Melayu dan Cina di negara ini supaya boleh mendalami teks *Tirukkural*. Kajian berunsur pembentukan insan holistik ini sangat penting dalam kehidupan seseorang. Ia bukan sahaja dilihat dari aspek teori, malah seharusnya diimplementasikan dalam semua aktiviti manusia. Maka, keunikan pembentukan insan holistik yang akan dibentangkan oleh penyelidik diharap dapat diterima oleh semua umat manusia.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan ke atas 420 orang responden warganegara Malaysia yang berketurunan Tamil terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti agama, pendidikan, kategori umur, jantina dan tempat tinggal yang turut dijadikan sebagai alat pengukuran bagi pemilihan seseorang responden dalam kajian ini. Di samping itu, hanya masyarakat Tamil yang tinggal di Semenanjung Malaysia telah dipilih sebagai responden. Dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasi kepada masyarakat Tamil di Semenanjung Malaysia sahaja. Pembinaan item dalam soal selidik hanya berdasarkan kuplet-kuplet yang terdapat dalam kurikulum Bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah sahaja. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk memperoleh data sejauh mana *Tirukkural* dapat membentuk insan holistik. Walaupun kajian ini menggunakan kaedah pensampelan dan temu bual, dapatan kajian ini akan mencerminkan keberkesanan *Tirukkural* dalam membentuk insan holistik.

1.9 Kerangka Teorikal Kajian

1.9.1 Definisi

Mengikut Garrison (2000), Kerangka teoretikal kajian adalah satu struktur penyusunan yang memegang bersama idea-idea yang terdiri daripada satu konsep yang luas dan berfokus. Ia merupakan konsep yang disusun secara koheren, sistematik serta dianjurkan untuk memberi tumpuan, rasional dan interpretasi maklumat. Penyelidik telah menggunakan tiga teori sebagai asas dan panduan untuk mengupas hasil kajian secara terperinci.

1.9.2 Teori Humanistik Maslow

Teori Humanistik Maslow yang dipelopori oleh Abraham Maslow pada 1907 juga digelar sebagai Teori Hierarki Maslow. Teori ini memperlihatkan keperibadian dan potensi manusia serta cara membentuk diri untuk melakukan perkara positif. Teori ini memberi tumpuan kepada pemerolehan keperluan setiap individu untuk mencapai aktualisasi atau kesempurnaan. Teori ini biasanya digunakan dalam bidang pembangunan manusia, personaliti dan antropologi. Memandangkan teori ini melibatkan kemanusiaan, maka penyelidik menggunakan teori ini untuk melihat keberkesanan *Tirukkural* dalam membentuk insan holistik.


1.9.3 Teori Planned Behavior

Teori Planned Behavior sering digunakan dalam kajian tingkah laku manusia dalam semua bidang yang terlibat. Teori ini dihasilkan oleh Icek Ajzen pada tahun 1985. Dalam teori ini, tingkah laku seseorang individu diperincikan ke dalam tiga faktor utama iaitu tingkah laku terhadap sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Teori ini diguna pakai dengan jayanya untuk meramalkan dan menjelaskan pelbagai tingkah laku dalam bidang kesihatan, psikologi dan pendidikan. Penyelidik menggunakan teori ini untuk melihat faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi tingkah laku seseorang individu.

1.9.4 Teori Penaakulan Kohlberg

Teori Penaakulan Kohlberg diasaskan oleh Lawrence Kohlberg. Beliau lahir pada 25 Oktober 1927 di Amerika Syarikat. Kohlberg menyusun tahap perkembangan moral berdasarkan teori Piaget. Menurut beliau, kanak-kanak akan mempelajari sesuatu yang betul dan salah pada tahap perkembangan tertentu. Penaakulan moral merupakan penunjuk kepada tahap atau peringkat kematangan moral. Tahap penaakulan serta cara pemikiran setiap individu adalah berbeza mengikut pengalaman masing-masing. Kohlberg mengembangkan pemikiran konvensional sosial kepada tiga tahap penaakulan moral iaitu pra-konvensional, konvensional, dan pasca-konvensional serta melalui enam peringkat yang berlainan.


Oleh kerana teori-teori ini menekankan pembentukan sahsiah melalui penaakulan, maka penyelidik memilih ketiga-tiga teori ini untuk diaplikasikan dalam kajian keberkesanan *Tirukkural* dalam membentuk insan holistik (Rajah 1.4). Ketiga-tiga teori ini diterangkan dengan terperinci dalam bab 2.



Rajah 1.4 Kerangka Teoritik

1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual adalah kerangka yang direka untuk menjalankan kajian. Ia sebagai panduan dan hala tuju untuk menjalankan kajian. Penyelidik telah membina satu kerangka konseptual untuk memudahkan perjalanan proses penyelidikan ini. Kerangka konseptual ini menggambarkan faktor-faktor seperti populasi, pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar, teori yang dijadikan panduan serta hasil kajian.



Rajah 1.5 Kerangka Konseptual

1.11 Pembahagian Bab

Bab Pertama menyatakan permasalahan kajian dan latar belakang kajian terhadap pembentukan insan holistik berdasarkan kurikulum *Tirukkural*. Selain itu, dalam bab ini juga dibincangkan objektif, persoalan kajian, kepentingan kajian, permasalahan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian, kerangka konseptual kajian, kerangka teoretikal kajian dan kaedah pengumpulan data. Dalam bab kedua pula, telah dibincangkan tentang kajian literasi pembentukan insan holistik melalui teks etika *Tirukkural*. Penyelidik telah mengutarakan pelbagai pendapat dari penyelidik dan penganalisis *Tirukkural* serta analisis tentang insan holistik. Selain itu, penyelidik juga telah menyentuh *Tirukkural* dan biografi *Tiruvaḷḷuvar* secara terperinci. Kajian-kajian berkaitan insan holistik telah diperincikan dalam bab ini. Penyelidik juga telah membentangkan teori Humanistik, teori Penaakulan Kohlberg dan *teori Planned Behavior* yang dapat mengukuhkan topik perbincangan.

Dalam bab ketiga pula, penyelidik telah membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan dalam proses mendapatkan dapatan kajian. Dalam bab keempat pula, penyelidik telah membincangkan dapatan kajian secara detail. Bab lima pula tentang perbincangan dapatan data soal selidik dan temu bual dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas manakala bab keenam pula merupakan rumusan, kesimpulan dan cadangan terhadap kajian yang dijalankan.

1.12 Definisi Istilah / Operational

Berikut adalah beberapa definisi yang digunakan dalam kajian ini. Definisi ini sangat penting bagi memastikan perbincangan dibuat dengan jelas dan tepat.

1.12.1 Jasmani

Jasmani merupakan anggota fizikal manusia yang terdiri daripada saraf, otot, tulang yang membantu manusia melakukan sesuatu pergerakan. Pergerakan kemahiran-kemahiran motor akan menyihatkan dan mencergaskan tubuh badan manusia. Tubuh badan yang sihat akan membantu memperoleh pengetahuan, pembangunan sikap-sikap positif, perkembangan kognitif dan mental. Jasmani yang dimaksudkan dalam kajian adalah penjagaan fizikal yang sihat, tingkah laku, aktiviti dan perlakuan yang baik dilakukan dengan menggunakan anggota fizikal.

1.12.2 Emosi

Emosi adalah perasaan jiwa manusia berpunca daripada tindakan psikologi dan mental. Ia merupakan satu tindakan terhadap sesuatu perkara, peristiwa dan pengalaman yang membawa kesan kepada perasaan. Perasaan emosi ialah satu pergerakan dalam minda yang dipantulkan secara luaran. Perasaan gembira, sayang, malu, sedih, takut adalah antara ekspresi naluri yang disebabkan oleh emosi.

1.12.3 Rohani

Rohani dimaksudkan dengan kejiwaan seseorang manusia. Roh ialah nyawa dan kesucian rohani disebabkan ketakwaan. Setiap agama sangat menekankan pembentukan rohani. Segala gerak geri manusia akan membentuk rohani. Ilmu rohani mengajar manusia mencari kebenaran hidup.

1.12.4 Intelek

Intelek dikaitkan dengan kemampuan daya pemikiran seseorang. Kebolehan mengenali, memahami dan menganalisis sesuatu maklumat atau perkara dengan logik dan tepat adalah disebabkan oleh kemantapan intelek seseorang.

1.12.5 Holistik

Holistik bermaksud "*holism*" atau keseluruhan. Pembangunan insan holistik merangkumi semua ciri-ciri yang diperlukan untuk mencapai kesempurnaan termasuk pengetahuan, sikap, nilai dan etika positif serta berdaya saing. Pencapaian holistik seseorang individu akan dinilai melalui sumbangan perlakuan, pemikiran, penaakulan serta sahsiah terhadap diri, masyarakat dan negara. Dalam kajian ini, pembentukan insan holistik yang disarankan oleh Falsafah Pendidikan Negara adalah dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek yang digelar JERI akan dikaji secara terperinci.

1.12.6 Kurikulum

Kurikulum berasal daripada perkataan latin *curere* yang membawa maksud jejak atau laluan. Dalam bahasa Inggeris kurikulum bermaksud jelmaan. Kurikulum dapat didefinisikan sebagai skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah, senarai kesemua mata pelajaran (kursus pengajian) di sekolah dan institusi pendidikan (Kamus Dewan Edisi Keempat 2007). Menurut Inlow (1966), kurikulum diertikan sebagai usaha menyeluruh yang dirancang khusus oleh sekolah dalam membimbing murid memperoleh hasil dari pelajaran yang telah ditentukan. Menurut Abu Bakar Nordin (1991), kurikulum juga diertikan sebagai mengenal pasti sesuatu yang harus dipelajari dan membuat perancangan bagaimana perkara tersebut dapat dilaksanakan sama ada secara terhad atau meluas.

1.12.7 *Tirukkural*

Tirukkural adalah karya agung bahasa Tamil yang mengandungi nilai-nilai etika dan unsur kemanusiaan yang sangat berguna kepada umat manusia sejagat. *Tirukkural* ini terdiri daripada puisi pendek yang mempunyai 1330 kuplet dalam 133 bab. *Tirukkural* dikarang oleh pujangga yang bernama *Tiruvalluvar* 2000 tahun lalu. Dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah *Tirukkural* ini diajar untuk memupuk nilai baik dan membentuk keperibadian yang baik dalam kalangan pelajar.

1.12.8 Kuplet

Kuplet ialah puisi-puisi pendek yang terdapat dalam *Tirukkural*. *Tirukkural* mengandungi 1330 kuplet yang meliputi bahagian kebenaran, kebendaan dan kebahagiaan. Setiap kuplet mengandungi tujuh patah perkataan iaitu empat patah perkataan di baris pertama dan tiga di patah perkataan baris kedua. Sejak permulaan pendidikan bahasa Tamil di negara kita, lebih kurang 50 kuplet yang dipilih mengikut kepentingan dan dimuatkan dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah.

1.12.9 Persepsi

McShane dan Von Glinow (2010), dalam bukunya '*Organational Behavior*' menghuraikan persepsi sebagai '*perseption is the process of receiving information and making sense of the world around us*'. Edward de Bono (1969), pula menyatakan persepsi adalah tahap pertama dalam proses berfikir dan diikuti dengan logik. Persepsi akan mempengaruhi apa yang dilihat secara logik. Menurut Robbins (2003), persepsi merupakan pengiktirafan dan tafsiran maklumat oleh panca indera. Persepsi juga adalah cara seseorang bertindak balas terhadap sesuatu maklumat iaitu maklumat dianalisa dan diinterpretasi sehingga memperoleh makna. Persepsi bersifat subjektif kerana ia bergantung kepada kemampuan dan keadaan masing-masing yang memberikan makna tafsiran tersendiri. Mengikut Johnson (1994), persepsi adalah di antara proses tafsiran rangsangan berdasarkan pengalaman dan penyelidikan dalam pendidikan. Persepsi adalah satu proses sintetik di mana proses fisiologi dan psikologi yang berbeza terlibat seperti ketepatan dan kejelasan organ-organ deria dan set mental seseorang individu. Ringkasnya persepsi menentukan

logik dalam pelaksanaan sesuatu tindakan dimana ia melibatkan proses mental dan tindak balas fizikal berdasarkan kebolehan setiap individu. Dalam konteks kajian ini persepsi dilihat berdasarkan penghayatan kuplet *Tirukkural* yang dipelajari ke arah amalannya dalam kehidupan seharian masyarakat Tamil Malaysia.

1.12.10 Realiti

Realiti adalah keadaan atau perkara yang benar-benar wujud. Realiti juga sesuatu perkara yang dilihat atau difahami yang mempunyai kewujudan fizikal atau mempunyai asas langsung dalam pemikiran. Realiti merujuk kepada perkara yang benar dan nyata. Konteks realiti merujuk kepada sejauh manakah seseorang itu menguasai ilmu pengetahuan dan menjadikannya landasan dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh seseorang itu mampu memiliki kelulusan tertinggi dalam akademik tetapi amalan dan pegangan hidup berdasarkan ilmu yang diperolehi merupakan realiti yang wujud dalam kehidupan individu tersebut.

1.13 Rumusan

Secara amnya, penyelidik telah menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian dan kepentingan kajian tentang pembentukan insan holistik melalui *Tirukkural*. Penyelidik juga telah menyatakan objektif-objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian yang akan dijawab melalui dapatan kajiannya. Selain itu, penyelidik juga menyatakan bagaimana dapatan kajian ini memberikan manfaat kepada pelbagai pihak yang mempunyai kepentingan terhadapnya. Batasan kajian, kerangka teoretikal, kerangka konseptual dan definisi istilah juga turut dibincangkan dalam bab ini. Kajian ini dapat menjawab sejauh manakah persepsi dan realiti pengamalan *Tirukkural* dalam pembentukan insan holistik.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

Dalam bab ini, penyelidik telah membincangkan kajian literatur yang berkaitan dengan skop kajian ini dan teori-teori yang dijadikan sebagai panduan. Selain daripada itu, penyelidik juga memberikan pandangan sasterawan dan cendekiawan yang menghasilkan penulisan serta buku-buku berkaitan dengan *Tirukkural* dan pembentukan insan holistik.

2.1 *Tirukkural*

Kesusasteraan Tamil merupakan salah satu kesusasteraan yang terunggul di dunia yang menyetengahkan pelbagai elemen kehidupan manusia. Budaya Tamil milik khazanah yang besar dan abadikan tamadun dunia (Zvelebil Kamil, 1975). Menurut Arnold Toynbee (1976), dalam bukunya *Mankind and Mother Earth*, sejarah menyatakan bahawa pada peringkat awal hanya tiga kesusasteraan telah dihasilkan dan dipelihara iaitu kesusasteraan Cina, kesusasteraan Tamil dan kesusasteraan Yahudi. Kesusasteraan Tamil wujud di Selatan India. Daripada semua bahasa Dravida, bahasa Tamil mempunyai sejarah kesusasteraan yang panjang masanya (Stein, Burton, 1977). Kepelbagaian dan kualiti kesusasteraan Tamil klasik telah menggambarkan ianya sebagai salah satu tradisi klasik yang terbesar dalam kesusasteraan dunia (Steever, Sanford B., 1998). Bahasa Tamil klasik yang dihasilkan mengandungi banyak karya yang menekankan unsur kemanusiaan dan kehidupan sejahtera.

Mengikut Ghadigachalam (2004), perkembangan bahasa dan kesusasteraan Tamil dapat dilihat dalam dua jangka masa iaitu Zaman *Sanggam* (tahun 500 Sebelum Masihi sehingga 100 tahun sebelum Masihi) dan Zaman *Pasca Sanggam* (tahun 100 Masihi sehingga 600 tahun Masihi). Zaman *Sanggam* pula dibahagikan kepada tiga era iaitu Zaman *Sanggam Awal*, Zaman *Sanggam Pertengahan* dan Zaman *Sanggam Akhir*. Setelah Zaman *Sanggam* ini berakhir, muncul pula zaman kegelapan atau Zaman *Pasca Sanggam*. Zaman *Pasca Sanggam* merupakan zaman kegelapan kerajaan-kerajaan Palava dan bahasa Tamil. Ketika inilah bahasa Tamil mula hilang kekuasaan dan pengaruh (Irasamanikanar, 1996).

Pada zaman *Pasca Sanggam* telah dihasilkan 18 buah karya etika dalam bahasa Tamil yang digelar *Patineṅ kīlkkanaṅku* ataupun *Nīti nūlkaḷ* (Ghadigachalam, 1994). *Patineṅ kīlkkanaṅku* bermaksud lapan belas karya kesusasteraan yang berunsurkan nilai-nilai moral, etika dan prinsip hidup manusia. *Tirukkuraḷ* merupakan satu-satunya karya etika dalam koleksi *Patineṅ kīlkkanaṅku* yang disanjung tinggi oleh masyarakat Tamil. *Tirukkuraḷ* terbukti menjadi keagungan kesusasteraan Tamil serta dihargai masyarakat Tamil kerana kewibawaan dan nilai-nilai yang bersifat universal (Thirunavukarasu, 2010).

Terdapat pandangan yang berbeza mengenai zaman penerbitan karya *Tirukkuraḷ*. Ada penemuan menyatakan *Tirukkuraḷ* dikarang antara tarikh 450 – 550 Masihi (Zvelebil, 1975). Ada pula yang menyatakan karya agung ini dihasilkan pada abad ke-6 tahun Masihi. Namun demikian para sarjana Tamil dengan sebulat suara menyatakan zaman *Tiruvalluvar* adalah pada tahun 31 sebelum Masihi (Irasamanikanar, 1996). Walau

bagaimanapun kerajaan Tamil Nadu telah memutuskan jangka masa penghasilan karya ini ialah 31 tahun sebelum mulanya tahun Masihi (Meenachi sundaranar, 2005).

Tirukkuraḷ dikarang oleh pujangga yang bernama *Tiruvalluvar*. Belum ada satu ketepatan tentang tempat kelahirannya. Namun dipercayai *Tiruvalluvar* dilahirkan di Mayilai, Tamilnadu (Somasundaranar, 1993). Beliau adalah seorang pujangga yang tidak disegani. Beliau juga digelar *Teivap Pulavar*, *Valluvar*, *Poyyāmoli Pulavar*, *Seṇṇa Pōtār*, *Ñāṇa Vettiyaṇ* atau *Ayyaṇ*.

Tiruvalluvar telah menghasilkan karya yang begitu berharga kepada umat manusia. Tiga perkara utama sangat penting dalam kehidupan setiap insan di dunia telah dinyatakan dalam *Tirukkuraḷ* iaitu Kebenaran (*aṛam*), Kebendaan (*poruḷ*) dan Kebahagiaan (*inṇam*). Kebenaran (*aṛam*) membawa maksud kebaikan, sifat baik atau sifat murni yang perlu diamalkan dalam setiap tingkah laku. Bahagian ini menekankan lunas-lunas hidup yang harus diamalkan dalam rumah tangga dan alam pertapaan seperti pertuturan dan pemikiran seseorang individu bagi menghayati dan mengamalkan kehidupan beretika. Bahagian kebendaan (*poruḷ*) pula, merupakan usaha manusia untuk mencari kekayaan dan ilmu mengikut lunas-lunas murni demi hidup yang sempurna di dunia ini. Akhirnya, bahagian kebahagiaan (*inṇam*) pula menekankan nilai-nilai hidup yang harus diamalkan oleh setiap individu sebelum berkahwin (*kaḷavu vāḷkkai*) atau selepas mendirikan rumahtangga (*karpiyal vāḷkkai*) bagi menikmati dan menghayati cinta antara kedua-dua insan tersebut.

(Jadual 2.1)

Jadual 2.1 Perincian Kuplet *Tirukkural*

Bahagian	(Bab) <i>Atikāram</i>	Kuplet	Perincian
<i>aram</i> (Kebenaran)	38	380	Kesyukuran kepada Tuhan, kesyukuran kepada hujan, kebaikan bertapa dan kesanggupan mengamalkan nilai-nilai murni.
<i>poruḷ</i> (Kebendaan)	70	700	Bahagian ini dipecahkan kepada lima aspek iaitu prinsip-prinsip yang perlu diamalkan dalam sesuatu kerajaan, kabinet kerajaan, politik, persahabatan dan aspek terakhirnya ialah campuran beberapa aspek lain yang berkaitan dengan kebendaan.
<i>inpam</i> (Kebahagiaan)	25	250	Peringkat sebelum berkahwin dan peringkat selepas mendirikan rumahtangga.

Jumlah keseluruhan kuplet yang dihasilkan dalam *Tirukkural* adalah 1330. Kesemua kuplet ini dibahagikan kepada 133 bab yang digelar sebagai *atikāram*. Bahagian kebenaran mengandungi 38 bab, bahagian kebendaan mengandungi 70 bab manakala bahagian kebahagiaan atau percintaan mengandungi 25 bab. Setiap bab pula mempunyai 10 *kural* atau kuplet. Nilai etika dan moral yang diutarakan dalam setiap bab merupakan perkara yang harus diikuti oleh setiap manusia untuk menjadi insan yang sempurna (Visvanathan, Ki.Aa.Pee., 1990).

Tirukkural adalah bentuk sajak yang pendek (Ismail Hussien, 1967). *Tiru* maksudnya kekayaan, kesucian dan keutamaan (Singaravelu, 2013). *Kural* bermaksud kuplet atau puisi pendek (*venpa*). Di dalam bahasa Tamil, hanya *Tirukkural* adalah puisi pendek yang mengandungi jumlah perkataan yang kurang iaitu tujuh patah perkataan.

Baris pertama mengandungi 4 patah dan baris kedua mengandungi 3 patah perkataan. Maka, *Tirukkural* dibentuk dengan menggabungkan kedua-dua perkataan iaitu *Tiru* dan *Kural*, iaitu *Tiru + Kural*. (Maraimalaiadigal, 1985).

அகர முதல எழுத்தெல்லாம் ஆதி	}	7 patah perkataan	
பகவன் முதற்றே உலகு			(1)
<i>Akara mutala eḷuttellām āti</i>			= 4 patah perkataan
<i>pakavaṇ mutarrē ulaku</i>			= 3 patah perkataan

Tiruvalluvar menggunakan 1200 patah perkataan dalam penghasilan seluruh *Tirukkural* (Jagannathan, 2004). Kelebihan *Tirukkural* adalah ia dimulakan dengan huruf pertama dalam bahasa Tamil iaitu “a” (அ) dan *Tirukkural* diakhiri huruf “n” (ன்) iaitu huruf terakhir dalam bahasa Tamil. Kandungan kuplet adalah tersusun rapi dan setiap kuplet adalah sangat penting dalam struktur keseluruhannya. Dalam *Tirukkural*, setiap kuplet merupakan unit berasingan yang berfungsi dan membawa maksudnya tersendiri. Ini menjadikan *Tirukkural* sebagai sebuah karya agung pemberian peraturan hidup kepada orang-orang Tamil (Jagaanathan, 2004). Kenyataan ini telah digambarkan oleh Avvaiyar dalam puisinya.

அணுவைத் துளைத்து ஏழ்க்கடலைப் புகுத்தி
குறுகத் தரித்தக் குறள்
Aṇuvai tuḷaittu eḷkkatalaip pukutti
kurukat tarittak kural

(Sundaramurthi, 2000)

(puisi pendek *Tirukkural* telah menular dalam atom dan meluasi tujuh lautan).

Bahagiaian kebenaran (*aram*) merupakan bahagiaian yang mengandungi banyak etika dan kehidupan yang harus diikuti oleh setiap manusia. Bahagian ini merupakan asas kepada kehidupan manusia. *Tiruvalluvar* mulakan penulisannya dengan doa selamat (*katavuL vālttu*) dan diikuti dengan bahagiaian Kebendaan dan Kebahagiaian. Konsep kebenaran dalam kehidupan sangat diutamakan supaya menjadi panduan untuk memperoleh kebendaan dan juga menikmati cinta.

Setiap orang haruslah memperoleh kekayaan berlandaskan kebenaran. Jika tidak maka kekayaan itu dianggap tidak halal. Begitu juga dengan nilai-nilai kehidupan. Sekiranya kenikmatan cinta dan mendirikan keluarga tidak berlandaskan kepada konsep kebenaran dianggap sebagai melanggar norma-norma adat dan budaya masyarakat Tamil. *Tirukkural* merupakan suatu karya universal yang telah diterjemahkan sekurang-kurangnya dalam 82 bahasa (Venggadasalam, 2003). Maka wajarlah apa yang diujahkan oleh Bharathiyar:-

*வள்ளுவன் றன்னை உலகினுக்கே தந்த
வான்புகழ் கொண்ட தமிழ்நாடு
Vallvan rannai ulakinukkē tanta
vānpukal koṇṭa Tamil Nādu*

(Maraimalaiadigal 1985)

(Tamil Nadu sebuah negeri yang melahirkan pujangga yang terunggul iaitu *Tiruvalluvar* dan beliau telah mengabadikan diri dan penulisannya untuk duniawi).

2.2 Holistik

Holistik merupakan perkataan dari bahasa Inggeris iaitu “*Holistic*” yang membawa maksud keseluruhan. Jika kita definisikan perkataan holistik kepada manusia, maka ia telah memberi gambaran perkembangan keseluruhan manusia baik dari segi fizikal, mental, emosi, sosial dan spiritual secara seimbang. Pengertian perkataan holistik telah diperkenalkan dalam kajian falsafah analitis pada awal 1950-an oleh Carl Gustav Hempel (1950), dan Willard Van Quine (1951), berkaitan dengan makna ayat teori dalam membentuk satu teori saintifik (*holism*). Pemikiran holistik merupakan pemikiran era pasca moden dan baru muncul sebagai kritikan komprehensif budaya (Miller, 2007). *Holism* adalah *inklusif*; bermakna berpusatkan, pengalaman fokuskan paradigma yang menekankan unsur intrinsik dalam kehidupan. Pemikiran holistik adalah berunsur kemanusiaan dan tertumpu kepada perkembangan yang sihat dalam mengenali diri sendiri.

Holistik menurut Yuwono (2011), adalah pengertian menyeluruh atau sepuh dan memandang manusia secara keseluruhan dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Manusia tidak terlepas dan berkait rapat dengan sesama manusia, alam sekitar dan Maha Pencipta. Menurut kamus psikologi Reber (2010), holistik adalah suatu istilah umum yang diterapkan dalam pendekatan falsafah yang memberi fokus kepada keseluruhan organisma dan tingkah laku. Teori Gestalt dan teori Freudian adalah contoh pendekatan holistik di dalam kajian psikologi.

Dalam konsep pendidikan holistik, pembentukan insan holistik merupakan satu entiti keseluruhan yang mempunyai fikiran intelektual yang cerdas, badan yang cergas, kerohanian yang sihat serta emosi yang stabil. Insan yang menguasai kesemua aspek ini dapat menyesuaikan diri dalam apa jua halangan yang ditempuhi untuk menuju kejayaan. Akhmad Sudrajat (2008), pula menyatakan pendidikan holistik merupakan suatu falsafah yang membantu insan mengenali identiti, makna dan tujuan hidup melalui pengamalan nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat.

Menurut Rubiyanto & Haryanto dalam Muslihin (2013), tujuan pembelajaran holistik di sekolah adalah untuk:

- i) Membantu mengembangkan potensi individu dalam suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan.
- ii) Membantu menjadi diri sendiri (*learning to be*) iaitu memperoleh kebebasan psikologi, membuat keputusan yang bijak, dapat menyesuaikan diri dalam situasi yang berbeza, memperoleh kecekapan sosial serta dapat mengembangkan karakter dan emosi.

Menurut Rohami Shafie (2012), sistem pendidikan negara harus menekankan akhlak dan adab secara menyeluruh. Ini kerana, kejayaan sistem pendidikan yang berasaskan akhlak dan adab akan membentuk sifat-sifat mulia individu seperti jujur, amanah, bertanggungjawab, sabar, tabah, cekal, yakin pada diri sendiri, mempunyai jati diri yang tinggi dan berani menyuarakan pendapat dengan cara yang berhemah.

Sebenarnya, Pendidikan holistik berkembang sekitar tahun 1960-1970 akibat daripada keprihatinan terhadap krisis pencemaran alam serta kehancuran keluarga di mana hancurnya nilai-nilai tradisional serta institusi keluarga. Demi untuk memulihkan keadaan dan memberi kesedaran kepada manusia, maka pendidikan holistik diperkenalkan. Menurut Miller (2007), pendidikan holistik merupakan suatu falsafah pendidikan yang memberi kesedaran kepada individu menemukan identiti, makna dan tujuan hidup melalui hubungan dengan masyarakat dan lingkungan alam. Di Malaysia, pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) merupakan langkah yang dapat menerapkan pendidikan secara holistik bersama-sama dengan pendidikan arus perdana yang tersedia ada. Tujuan pendidikan holistik ini adalah membantu mengembangkan potensi individu dalam suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan.

2.3 Kurikulum Pendidikan Bahasa Tamil di Sekolah Rendah dan Menengah

Pendidikan Tamil dilaksanakan secara informal pada permulaan abad ke-19. Ianya mula menjadi pendidikan formal berdasarkan Laporan Jawatankuasa 1956 atau dikenali (Laporan Razak) dan Akta Pelajaran 1961. Pendidikan Tamil bermula di sekolah rendah dan berkembang sebagai satu mata pelajaran di sekolah menengah. Pendidikan Tamil mempunyai pelbagai komponen sastera menjurus ke arah perkembangan insaniah.

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) mula dilaksanakan di semua sekolah rendah di seluruh negara mulai tahun 1983. Sukatan KBSR ini menekankan penguasaan terhadap kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira serta memberi tumpuan terhadap perkembangan individu secara menyeluruh meliputi aspek jasmani, emosi,

rohani, intelek (JERI). Pada tahun 1989, Rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pula diperkenalkan di semua sekolah menengah ke arah memperkembangkan potensi individu daripada aspek JERI secara menyeluruh dan bersepadu dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang berilmu, berakhlak mulia serta berupaya memberi sumbangan kepada kemajuan, kesejahteraan serta pembangunan negara.

Menurut Manimaran (2009), selepas kemunculan Laporan Razak pada tahun 1956, pendidikan Tamil di Tanah Melayu telah memasuki era baru. Di sekolah [SJK(T)] bahasa Tamil diajar sebagai subjek penghantar manakala di sekolah (SK) sebagai bahasa komunikasi. Di sekolah menengah pula, bahasa Tamil diajar di dalam waktu dan di luar waktu sebagai bahasa tambahan untuk menduduki peperiksaan. Kurikulum Bahasa Tamil di sekolah rendah dan menengah menekankan kemahiran asas iaitu pembelajaran bahasa dan sastera Tamil.

2.3.1 Matlamat Kurikulum Pendidikan Bahasa Tamil di Sekolah Rendah dan sekolah Menengah

Matlamat pendidikan bahasa Tamil di sekolah rendah (KBSR) dan sekolah menengah (KBSM) adalah untuk membantu pelajar memperluaskan ilmu pengetahuan, membolehkan mereka memperoleh keperluan hidup serta mengadakan hubungan kemasyarakatan (sukatan Pelajaran Bahasa Tamil 2003:2).

2.3.2 Komponen Sastra dalam Bahasa Tamil KBSR dan KBSM

Komponen sastra dalam bahasa Tamil KBSR dan KBSM merangkumi sastra klasik yang sesuai untuk pelajar. Di sekolah rendah terdapat 17 komponen manakala di sekolah menengah pula 19 komponen sastra. Daripada kedua-dua peringkat persekolahan *Tirukkuraḷ* diberi keutamaan dengan memuatkan kuplet yang banyak berbanding dengan komponen sastra lain. Berikut adalah komponen sastra yang dimuatkan dalam kurikulum KBSR dan KBSM.

Jadual 2.2 Pengagihan Komponen Sastra dalam KBSR dan KBSM

KBSR	KBSM
<i>Tirukkuraḷ</i> <i>Ātticūti</i> <i>Putiya ātticūti</i> <i>Kontrai vēntan</i> <i>Ulaka nēti</i> <i>Verri vērkai</i> <i>Mūturai</i> <i>Palvakai Ceyyul</i> <i>Nalvali</i> <i>Nēti Neri Viḷakkam</i> <i>Nāḷaṭiyār</i> <i>Naṇṇeri</i> <i>Inaimoḷi</i> <i>Uvamait toṭar</i> <i>Iraṭṭai kiḷavi</i> <i>Marabu toṭar</i> <i>Paḷamoḷi</i>	<i>Tirukkuraḷ</i> <i>Paḷamoḷi</i> <i>Mūturai</i> <i>Tirumurai</i> <i>Mūturai</i> <i>Nālāyira tivyap pirabantam</i> <i>Pannin Tirukkuraḷ</i> <i>Aṇaneric cāram</i> <i>Viveka sintāmani</i> <i>Tiruvaruṭpā</i> <i>Nāḷaṭiyar</i> <i>Nalaveṇṇpā</i> <i>Cilappatikāram</i> <i>Kamba rāmāyanan</i> <i>Manimēkalai</i> <i>Naṇṇūl</i> <i>Inaimoḷi</i> <i>Uvamait toṭar</i> <i>Marabu toṭar</i> <i>Iraṭṭai kiḷavi</i>

Jadual 2.3 Bilangan kuplet *Tirukkural* mengikut bahagian dari tahun 1983 hingga 2010

Bahagian	Bilangan Kuplet	Peratusan
Kebenaran (<i>aram</i>)	27	53%
Kebendaan (<i>poru!</i>)	24	47%

Jadual 2.4 Pengagihan *Tirukkural* dalam Kurikulum sekolah rendah dan sekolah menengah

Tahun	Bilangan Kuplet		
	KBSR	KBSR Semakan	
1	5	5	30
2	5	5	
3	5	5	
4	5	5	
5	5	5	
6	5	5	
Tingkatan			21
Peralihan	6	6	
1	3	3	
2	3	3	
3	3	3	
4	3	3	
5	3	3	

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum 2001 & 2003)

2.4 Kajian-Kajian Lepas berdasarkan *Tirukkural*

Dalam kajian kesusasteraan Tamil, hanya karya *Tirukkural* sahaja yang mempunyai penyelidik dan penulis komentar sejak awal hingga dewasa ini (Sundaramurthi, 2000). Kajian-kajian tentang *Tirukkural* ini dapat dikategorikan kepada tiga bahagian. Kajian di peringkat awal, pertengahan dan kini. Kehebatan hasil kajian dapat dilihat dalam lebih daripada 2000 buah buku. Banyak juga artikel ditulis oleh penyelidik berkaitan *Tirukkural*. Segala kajian tersebut mengemukakan keindahan, keistimewaan unsur luar biasa dan universal yang diutarakan oleh *Tiruvalluvar*.

Tiruvalluvar mengolah pelbagai isu kehidupan dengan ringkas dan padat dalam tujuh perkataan. Penyelidik mencari maklumat-maklumat yang berkaitan tentang tajuk dan bidang yang hendak dikaji dalam beberapa sumber. Pada peringkat awal, sebanyak sepuluh ulama telah menulis komentar untuk *Tirukkural* (Sundaramurthi, 2000).

Maklumat penyelidik adalah seperti yang dinyatakan dalam puisi berikut:

*Tarumar, Maṇakkudavar, Tāmattar, Nacchar,
Pariti, Parimēlalakar, Tirumalaiyār,
Mallar, Paripperumāl, Kāliṅkar,
vaḷḷvar nūrku ellaiyurai seitavar ivar*

தருமர் மணக்குடவர் தாமத்தர், நச்சர்,
பரிதி, பரிமேலழகர், திருமலையார்,
மல்லர், பரிப்பெருமாள், காளிங்கர்
வள்ளுவர் நூற்கு எல்லையுரை செய்தர் இவர்.

(Sundaramurthi, 2000)

(pada peringkat awal, sepuluh ahli ulama yang tertera di atas menulis komentar untuk *Tirukkural*)

Setiap penyelidik awal mengutarakan komentar yang berbeza mengikut tafsiran sendiri. Antara kajian tersebut, kritikan Parimēlaḷakar, (பரிமேலழகர்) telah diiktiraf sebagai kritikan cemerlang dengan tafsiran kuplet ke dalam persepsi ideologi *Tiruvalluvar* (Sundaramurthi, 2000). Kehebatan kritikan dan tafsiran beliau mencerminkan pemikiran *Tiruvalluvar* sendiri. Kajian beliau menekankan huraian maksud secara terperinci. Memandangkan beliau adalah tokoh pengasas kajian, maka kajian beliau menjadi asas kepada penyelidik berikutnya.

Berikut adalah kajian jurnal dan buku yang telah diilhamkan oleh pengkaji dan penulis dewasa kini:-

Prabakaran (2014), dalam kajian "*Valluvar's Strategy for Success*" telah membincangkan teknik dan strategik yang telah dijelmakan oleh *Tiruvalluvar* untuk kejayaan umat manusia dalam hidupnya. *Valluvar* telah berfikir tentang semua aspek kehidupan manusia dan mencadangkan strategik sendiri dalam kupletnya. Strategik yang dicadangkan oleh *Valluvar* telah melampaui zaman dan masih sah sehingga ke hari ini. Menurut penulis, *Tiruvalluvar* mengutamakan matlamat kerana ia memerlukan tindakan berdasarkan terhadap realiti. Setiap insan perlu mempunyai matlamat dan berusaha ke arah mencapai matlamat tersebut. Pendekatan yang sama telah diguna pakai oleh pakar-pakar barat dewasa kini. *Tiruvalluvar* telah menekankan lima tahap dalam mencapai kejayaan iaitu bermimpi besar, menetapkan matlamat, merancang, bertindak dengan gigih dan berkongsi kejayaan. Oleh itu, adalah jelas bahawa *Tiruvalluvar* menjangka mereka yang telah berjaya mengumpul kekayaan perlu berkongsi kekayaan dengan mereka yang kurang

bernasib baik, orang-orang yang mendapat pengetahuan berkongsi pengetahuan mereka dengan orang lain, orang-orang yang telah mencapai kejayaan berkongsi kejayaan dengan orang-orang yang sedang berjuang untuk merealisasikan impian. Kajian ini membantu penyelidik meneroka ke arah kejayaan individu.

Mohan Kumar (2014), dalam kajian Ph.D bertajuk “ *Amalan nilai-nilai murni yang unggul dalam karya Tirukkural*” telah membincangkan keunikan nilai-nilai murni unggul yang tersurat dan tersirat dalam kuplet-kuplet *Tirukkural*. Beliau dalam kajiannya membincangkan kuplet berkaitan perkembangan individu, keluarga dan masyarakat, pemimpin dan pemerintah serta amalan murni karya *Tirukkural* dalam kehidupan seharian. Menurut beliau, karya *Tirukkural* melampaui batas keagamaan dan memberi bimbingan serta dorongan kepada manusia untuk menikmati kehidupan yang mulia.

Kajian berjudul “*Indian Theory Leadership from Tirukkural*” oleh Chenroyaperumal (2007), mengungkapkan teori kepimpinan berdasarkan *Tirukkural*. Teori ini mengetengahkan, bukan sahaja pemimpin dilahirkan malah pemimpin juga boleh dibentuk. Menurut penulis, kecekapan sesebuah organisasi, sama ada syarikat di peringkat mikro atau makro ditentukan terutamanya oleh kecekapan sumber-sumber lain namun kecekapan sumber tersebut bergantung kepada kecekapan sumber manusia iaitu kualiti kepimpinan. Selain itu, teori ini juga selaras dengan ciri-ciri teori kepimpinan, teori tingkah laku kepimpinan, teori sumber kognitif, sosial kepimpinan dan teori etika kepimpinan zaman moden. Kepimpinan yang dimaksudkan oleh *Tiruvalluvar* lebih kepada sikap dan cara hidup dan berkelakuan. Pengurusan diri ini membuka hati seseorang serta memberikan inspirasi dan teladan kepada setiap insan.

Naachimuthi K.P dan Kalaichelvan, K.(2012), menerusi kajian “*Management lesson from Tirukkural*” telah membincangkan pelbagai elemen penting dijumpai di dalam *Tirukkural* dengan merujuk kepada pengurusan am atau pentadbiran; teori moden pengurusan dan bagaimana ianya boleh digunakan pada bila-bila masa. Menurut penulis, maksud *Tirukkural* adalah luas dan holistik dalam pendekatan kepada alam kehidupan serta melahirkan renungan kepada umat manusia. Istilah pengurusan *Tiruvalluvar* bukan sahaja berkaitan dengan organisasi perniagaan, malah melibatkan pengurusan diri, pengurusan negara oleh raja-raja, menteri-menteri dan pegawai di bawahannya serta fungsi setiap organisasi. Unsur pengurusan tersebut dapat memberikan gambaran tentang cara mengurus setiap organisasi dengan jayanya. Penulis berpendapat organisasi atau individu yang mengamalkan nilai pengurusan *Tirukkural* akan berjaya mengendalikan institusi dengan cekap.

Ilakkuvanar (2010), dalam kajian “*Tirukkural in Futuristic Perspective*” membincangkan futuristik positif, berwawasan dan evolusi yang menggambarkan masa depan yang lebih wajar serta menjelaskan nilai-nilai positif. Menurut pengkaji *Tirukkural* dapat mewujudkan sebuah dunia yang lebih baik. Futuristik perspektif *Tirukkural* terletak pada pendekatan universal dan cara objektif *Tiruvalluvar* dari awalan kuplet hingga ke akhir *Tirukkural*, *Tiruvalluvar* telah mengelakkan pendekatan serantau dan kekal dengan memilih objek perbandingan yang mudah difahami oleh semua serta pandangan yang sama kepada seluruh umat manusia. *Tiruvalluvar* mimpikan dunia ideal yang tidak mempunyai peperangan dan konflik khusus, keluarga bahagia dan masyarakat tanpa pertelingkahan. Cadangan dan nasihat beliau membimbing kita untuk membentuk dunia baru yang indah.

Tiruvalluvar tidak pernah menggunakan perkataan Tamil atau Tamil Nadu, agama tertentu dalam kupletnya. *Tiruvalluvar* telah memberikan banyak kepentingan kepada wanita untuk mengelakkan dominasi warga lelaki. Setiap individu pasti mengagumi pendekatan futuristik *Tirukkural* yang mimpikan dunia yang suci dan damai. Kajian ini memberikan banyak input kepada penyelidik.

Selvajothi (2009), dalam kajian Sarjana bertajuk “*Penggunaan bahasa kiasan dalam karya Tirukkural*” telah membincangkan keunikan bahasa kiasan dalam *Tirukkural*. Beliau telah menggunakan 276 kuplet daripada tiga bab iaitu kebenaran, kebendaan dan kebahagiaan sebagai sampel dalam menganalisis bahasa kiasan. Dapatan kuantitatif dan kuantitatif menunjukkan *Tiruvalluvar* telah menggunakan pelbagai unsur semula jadi sebagai bahasa kiasan dalam kupletnya. Penggunaan bahasa kiasan dapat memudahkan pemahaman dan penghayatan para pembaca dan juga memperlihatkan ketinggian tamadun serta menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif.

Krishnan Maniam (2008), “*The Concept of Islam Hadhari as Reflected in Tirukkural*” menggambarkan konsep Islam Hadhari mempunyai ciri-ciri yang sama dengan *Tirukkural*. Prinsip-prinsip Islam Hadhari adalah bersifat universal. Etika *Tirukkural* dalam bahasa Tamil mempunyai prinsip yang sama dan petunjuk bagi semua manusia tanpa mengira kaum, budaya, agama dan bahasa. Sepuluh prinsip dalam Islam Hadhari adalah; keimanan dan ketakwaan kepada Allah, kerajaan yang adil dan beramanah, orang bebas dan merdeka, penguasaan pengetahuan, seimbang dan pembangunan ekonomi yang komprehensif, kualiti hidup yang baik, perlindungan hak-hak kumpulan minoriti dan wanita, keutuhan budaya dan integriti, melindungi alam sekitar dan pertahanan yang kuat.

Unsur yang sama telah diutarakan oleh *Tiruvalluvar* dalam beberapa bab atau *atikāram* merangkumi sepuluh prinsip tersebut untuk mengukuhkan keperibadian manusia. Kesamaan *Tirukkuraḷ* dan Islam Hadhari menunjukkan persamaan prinsip-prinsip antara pelbagai budaya.

Tiagarasan (2005), dalam kajian berjudul “*Tirukkuraḷil Arivu*” iaitu intelek dalam *Tirukkuraḷ* membicarakan pembelajaran *Tirukkuraḷ* telah menyuburkan minda. Pengkaji telah menyentuh pelbagai bentuk ilmu yang diperturunkan oleh *Tiruvalluvar* dalam *Tirukkuraḷ* seperti kepentingan ilmu, keperibadian seseorang berilmu dan kebahagiaan seseorang berilmu. Beliau juga mengetengahkan cara mengolah dan meningkatkan pemikiran melalui pembacaan kuplet *Tirukkuraḷ*. Artikel ini membantu penyelidik mengenali aspek intelek dalam *Tirukkuraḷ* dengan lebih berfokus.

Dalam kajian bertajuk “*Matam*” iaitu agama yang ditulis oleh Aravanan (2005), beliau membicarakan Tuhan adalah lambang ilmu yang merupakan aspek penting dalam pembangunan diri individu. Tuhan adalah kesempurnaan nilai-nilai manakala roh tidak lengkap. Maka roh manusia boleh memperlengkapkan nilai-nilai baik dengan memiliki ilmu dari Tuhan. Beliau membicarakan terdapat pelbagai kepercayaan dan agama yang berbeza dalam kalangan masyarakat Tamil pada zaman *Tiruvalluvar*. Oleh itu, *Tiruvalluvar* mengamati dan memberikan satu petunjuk yang jelas tentang agama iaitu kepercayaan universal yang tidak berpihak kepada agama tertentu. *Tiruvalluvar* termaktubkan perkara tersebut dalam bab “*Katavuḷ Vālttu*”. *Tiruvalluvar* menyatukan semua umat manusia dengan kepercayaan universal. Kuplet-kuplet dan huraian yang diperincikan dalam jurnal

ini dapat membantu penyelidik dalam menghuraikan unsur keagamaan dalam perbincangan.

Kajian berjudul “*Vaḷḷuvar Kāttum Vālvīyal Nerī*” oleh Thanarasan (2011), telah membincangkan perkara-perkara yang telah diutarakan oleh *Tiruvalluvar* dalam membentuk keutuhan diri manusia. Penulis menjelmakan saranan *Tiruvalluvar* dengan memberikan contoh kuplet dan mengaitkan dengan kehidupan manusia kini. Penulis menyeru setiap individu agar mempelajari dan menjalani kehidupan yang diilhamkan oleh *Tiruvalluvar*.

Dalam kajian “*Tirukkuraḷil Ālumai Tīran*” oleh Ravi (2005), membincangkan personaliti diri dalam *Tirukkuraḷ*. *Tiruvalluvar* membicarakan pembangunan sahsiah dalam banyak kuplet. Menurut penulis sikap dan tingkah laku membentuk personaliti individu. Setiap individu perlu membina personaliti melalui bersosial dengan ahli keluarga, rakan sebaya dan masyarakat. *Tiruvalluvar* menegaskan bahawa individu perlu mengatasi kualiti negatif seperti keangkuhan, kesombongan, hawa nafsu, iri hati, kejahatan, ketamakan, ego, dan lain-lain untuk memartabatkan personaliti diri.

Dalam kajian “*Mūḷai Tiraṇukku Kuraḷ Valikaḷ*” oleh Tamilkathir (2005), membincangkan cara-cara pengembangan minda melalui kuplet *Tirukkuraḷ*. Beliau menyatakan tidak ada karya yang mengutarakan pengembangan minda dengan begitu jelas dan istimewa melainkan *Tirukkuraḷ*. Menurut *Tiruvalluvar*, huruf dan kira-kira adalah dua kelopak mata yang sangat penting dalam pengembangan minda. Penulis menunjukkan contoh-contoh kuplet dalam menghuraikan pengembangan minda insan. Menurut penulis,

pengembangan minda akan berlaku kepada individu yang mempelajari kuplet *Tirukkural* dan mengamalkannya dalam kehidupan.

Dalam kajian “*Tiruvalluvarin Katavul*” oleh Arathanaari (2005), penulis membincangkan Tuhan yang dimaksudkan oleh *Tiruvalluvar* iaitu “*Tuhan, atau nirwana*”. *Tiruvalluvar* tidak begitu setuju dengan Tuhan yang mempunyai pelbagai rupa bentuk. Namun, beliau setuju kuasa Tuhan yang menakjubkan dan meluas. Penulis membincangkan kuplet dalam bab pertama iaitu “*Ucapan Tuhan*” dengan membuat perbandingan kepercayaan agama Hindu. Penulis yakin aliran pemikiran *Tiruvalluvar* telah membawa pencapaian “*vītu*” atau kesempurnaan di sisi Tuhan.

Kajian berjudul “*Tamilarin Payanpāthil Tirukkural*” oleh Susila (2005), memaparkan kepenggunaan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kehidupan seharian. Pengkaji memperincikan kehidupan masyarakat Tamil sudah sehati dengan *Tirukkural*. Menurut pengkaji *Tirukkural* yang dihasilkan 2000 tahun lalu, mempunyai anutan DNA turun-temurun. Tanpa disedari masyarakat Tamil mengamalkan nilai-nilai seperti kepercayaan kepada Tuhan, melayan tetamu, kesederhanaan, kasih sayang dan pendidikan. Masyarakat Tamil juga berani menolak pengamalan kegiatan-kegiatan kurang sihat yang disarankan oleh *Tiruvalluvar*. Penyelidik berpendapat kesedaran dalam pengamalan *Tirukkural* akan memberikan impak positif dalam kehidupan seseorang.

Kajian oleh Ravibarathi (2005), bertajuk “*Samayamam Katanta Imayam*” mengungkapkan mazhab agama yang dipelopori oleh *Tiruvalluvar*. Menurut penulis, agama *Tiruvalluvar* adalah agama yang tiada Tuhan dan tiada persembahan berhala; tiada

agama melainkan agama manusia. Menurut penulis agama yang memecahbelahkan manusia mengikut anutan dan kepercayaan. Manakala Tuhan adalah maha berkuasa dan sama kepada semua umat manusia. Perkara yang sama telah diungkapkan oleh *Tiruvalluvar* dalam kupletnya yang tidak memihak kepada mana-mana agama dan bangsa. Penulis memperincikan 10 kuplet yang menyentuh “Ucapan Tuhan” dan mengetengahkan hasrat *Tiruvalluvar* dengan jelas.

Irai Anbu (2012), dalam kajian buku “*Ancient yet Modern- Management Concepts in Tirukkural*” menekankan keindahan *Tirukkural* iaitu (purba lagi moden) dengan memberi contoh kuplet-kuplet yang mempunyai konsep pengurusan. Penulis buku ini telah menghidangkan pengurusan *Tiruvalluvar* dalam lima bab iaitu pengurusan sumber manusia, aspek pengurusan dalam *Tirukkural* (analisa), perancangan tenaga manusia, pembangunan dan kepimpinan serta memperkasakan pengurus. Beliau membuat perbandingan pengurusan *Tirukkural* dengan teori pengurusan dan pengamal moden seperti *Peter Drucker, Robert L. Kaz* serta beberapa pakar-pakar pengurusan. Penulis memberikan maksud kuplet dengan memberikan contoh sesuai untuk menarik perhatian pembaca dalam bahasa yang mudah. Menurut penulis, sastera lama *Tirukkural* yang mempunyai ciri-ciri moden memberikan manfaat kepada pengurus dan pelajar dengan membantu mereka mempelajari prinsip-prinsip pengurusan melalui kupletnya.

Sundramoorthi (2004), seorang ahli akademik yang terunggul telah menghasilkan banyak artikel serta buku berkaitan *Tirukkural*. Antara bukunya berjudul “*Nun Porul Maalai- Tirukkural Parimelalakar Urai*”. Penulis membuat kajian ke atas buku yang dihasilkan oleh Parimelalakar. Beliau hanya membuat huraian terhadap 639 kuplet yang

dianggap amat penting kepada manusia. Dalam kajian tersebut, beliau mengutarakan teknik tatabahasa, penerangan jelas, penyusunan kosa kata mengikut abjad yang terdapat dalam karya Parimela^lakar berkaitan *Tirukkural*. Kajian ini membantu menjelaskan maksud kuplet dengan mudah. Tambahan pula karya ini menjadi garis panduan kepada kajian baru serta pemikiran tatabahasa.

Valluvam[“] karya yang ditulis oleh Suba. Manikam (1982), seorang pengarang berwibawa yang membicarakan tentang kehebatan *Tirukkural*. Penulis menghujahkan nilai teks *Tirukkural* dengan jelas melalui teknik ucapan. Hujahan penulis dengan contoh dan gaya penulisan yang menarik membantu memahamkan nilai *Tirukkural* yang diungkapkan oleh *Tiruvalluvar*. Penulisan ini menyentuh pelbagai suasana hidup manusia dalam dua belas topik. Penulis menghasilkan satu lagi karya berjudul '*Tirukkural* *Sutar*' di mana beliau melihat *Tirukkural* dari aspek konsep, nilai tersurat dan tersirat, teknik penulisan dan sebagainya. Penyelidik memperoleh maklumat serta maksud tersirat dan tersurat yang diilhamkan oleh *Tiruvalluvar* dalam membentuk manusia di dunia ini.

Seorang lagi sasterawan Manikkumaran (1996), telah menghasilkan karya *Tirukkural* yang berjudul "*Valluvar Sollē Vētam*" bermaksud suara *Tiruvalluvar* dianggap veda hidup. Inti pati buku ini mengutarakan perkara-perkara yang perlu diamalkan dan perlu dielakkan dalam kehidupan seseorang. Beliau menekankan unsur *Tirukkural* dengan jelas dan menepati kehendak pembaca. Teknik penghujahan mudah dan jelas menjadi panduan kepada penyelidik.

“*Uḷaviyal Pārvaiyil Tirukkuraḷ*” yang dikarang oleh *Balaraman* (1999), menekankan pendekatan psikologi dengan jelas yang diguna pakai oleh *Tiruvalluvar* dalam menangani kuplet-kuplet. Penghayatan dan perspektif penulis sangat membantu penyelidik dalam memahami maksud kuplet. Penulis menyentuh semua kuplet dari perspektif psikologi iaitu aspek kemanusiaan yang dapat membentuk keperibadian manusia. Ini dapat membantu penyelidik menghayati dan mencirikan kuplet-kuplet mengikut teori yang hendak dikaji.

“*Tirukkuraḷ: Terjemahan, Pengertian dan Pembicaraan*” dalam versi Bahasa Melayu yang dieditkan oleh S. Kumaran dan M. Rajantheran (1997), banyak memberi pengertian terhadap kuplet *Tirukkuraḷ*. Buku ini sangat membantu penyelidik dalam penulisan kajian.

“*Puisi Lama Tirukkuraḷ*” yang dihasilkan oleh *G. Soosai* (1978), merupakan satu terbitan awal teks *Tirukkuraḷ* dalam bentuk puisi bahasa Melayu. Pengarang telah menterjemahkan semua kuplet *Tirukkuraḷ* dalam Bahasa Malaysia. Teks ini sangat membantu penyelidik untuk mendapatkan terjemahan kuplet-kuplet dalam bahasa Malaysia.

“*Tirukkuraḷ Tamil Maraburai*” karya *Thevaneyapaavanar* (2000), menerangkan asal-usul, konsep serta falsafah *Tirukkuraḷ* yang penuh dengan nilai-nilai murni yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Kebenaran serta pemikiran sejagat karya *Tirukkuraḷ* menggambarkan kehebatan kaum Tamil ketika itu. Nilai murni ini boleh dikatakan berpusar

daripada konsep dan ilmu psikologi *Tiruvalluvar*. Maka penyelidik telah menggunakan karya ini sebagai panduan ketika mendefinisikan *Tirukkural*.

G.U. Pope (1981), menterjemahkan kuplet-kuplet “*Tirukkural*” ke dalam Bahasa Inggeris. Beliau menjelaskan sedikit sebanyak tentang konsep *Tirukkural* mengikut karya asal. Terjemahan ini dapat membantu penyelidik menghayati *Tirukkural* secara mendalam.

Suba Annamalai. (1994), dalam bukunya “*Tirukkural Sintanaigal*” dapat memaparkan pemikiran ilmiah serta membicarakan makna tersirat dalam kuplet-kuplet *Tirukkural*. Pemikiran ilmiah ini secara tidak langsung menyentuh unsur insaniah dalam *Tirukkural*.

Suba. Manikam (1982), merupakan seorang pengarang berwibawa yang membicarakan tentang kehebatan *Tirukkural*. Beliau telah menghasilkan karya berjudul “*Valluvam*”. Nilai teks *Tirukkural* dijelaskan dengan baik dalam buku ini. Beliau juga menghasilkan satu lagi karya “*Tirukkural Sutar*” di mana beliau melihat *Tirukkural* dari aspek konsep, nilai tersurat serta tersirat, teknik penulisan dan sebagainya. Maka penyelidik dapat melihat input maksud tersirat dan tersurat tentang pendekatan penulisan *Tirukkural*.

Ra.Pi Sethupillai (1987), dalam karyanya berjudul “*Vali Vali Valluvam*” menggambarkan keunikan karya *Tirukkural* dengan membandingkan teks-teks sastra klasik Tamil yang lain seperti *Silappatikaram*, *Maṇimēkalai*, dan *Kambarāmayanam*. Penyelidik dapat mengenali cara pemaparan kehidupan masyarakat Tamil yang diilhamkan oleh *Tiruvalluvar*.

“*Tiruvaḷḷuvar Tiruḷḷam*” yang dihasilkan oleh Abdul Karim (1982), banyak menjelaskan konsep-konsep teks *Tirukkuraḷ* dengan jelas. Pengarang berjaya membincangkan sebanyak sebelas konsep *Tirukkuraḷ* dalam penulisannya. Setiap konsep menjelmakan keunikan *Tirukkuraḷ*. Penyelidik dapat menggunakan konsep-konsep ini dan disebatikan dengan unsur kehidupan masyarakat dewasa ini.

Ki.Aa.Pee. Visvanathan (1974), telah menghasilkan buku berjudul “*Tirukkuraḷ Putaiporuḷ*”. Beliau menyatakan *Tirukkuraḷ* adalah harta karun yang banyak menitikberatkan nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan seharian. Karya ini memberikan penerangan jelas tentang kuplet-kuplet *Tirukkuraḷ* dengan panjang lebar.

Mohanaraj (1981), adalah seorang sarjana yang membicarakan tentang karya *Tirukkuraḷ* dalam bukunya berjudul “*The Traditions in Tirukkuraḷ*”. Karya ini membicarakan tentang asal-usul, istilah penggunaan perkataan serta pembahagian karya tersebut. Penulisan beliau menjelaskan makna tersirat dan keunikan karya *Tirukkuraḷ* yang sangat membantu penyelidik dalam penulisan ini.

“*Proceeding on Tirukkuraḷ*” yang dieditkan oleh M.A. Hussein (2000), membicarakan kehebatan serta makna tersirat kuplet *Tirukkuraḷ*. Selain itu, beliau juga telah mengeditkan banyak artikel tentang *Tirukkuraḷ*. Buku dan artikel-artikel yang mengandungi unsur kemanusiaan serta nilai murni dapat dijadikan panduan dalam penulisan penyelidik.

R.Mallika (2013), seorang penulis tempatan telah menghasilkan bukunya berjudul “*Muppāl Valiyel*” dalam dwi bahasa (bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris). Beliau menerangkan asal usul *Tirukkural*, kelebihan *Tirukkural* dan cara menangani dugaan hidup melalui *Tirukkural*. Beliau memberi contoh generasi kini yang berjaya dalam kehidupan berdasarkan *Tirukkural*. Buku ini membantu penyelidik dalam mengenali biodata generasi masyarakat India yang mencapai kejayaan berlandaskan lunas-lunas *Tirukkural*.

“*Valluvar Kaṅṭa Uyirinaṁ*” oleh Amirthalingan (1955), adalah sebuah karya yang membicarakan tentang benda hidup yang terdapat di dunia. Beliau membahagikan benda hidup kepada tiga bahagian iaitu tumbuhan, haiwan dan manusia. Beliau membezakan manusia daripada tumbuhan dan haiwan dengan memberi contoh *Tirukkural* yang diutarakan oleh *Tiruvalḷuvar*. Mengikut beliau, manusia adalah insan yang mulia dan harus menunjukkan sifat insaniah. Penyelidik dapat menghayati nilai-nilai kemanusiaan melalui perbandingan manusia dengan benda hidup lain.

“*Valluvar Valaṅkum Udamaikal Pattu*” oleh Ramalingam (1998), mengolah sepuluh keperluan manusia yang telah diungkapkan untuk membentuk kehidupan sempurna. Beliau telah membuat pemilihan lima nilai daripada bab kebenaran (*Arattupaal*) dan lima bab daripada kebendaan (*Poruṭpāl*). Antara keperluan yang diutarakan adalah kasih sayang, rendah diri, disiplin, kesabaran, restu Tuhan, pengetahuan, usaha, kerajinan, kesopanan dan baik hati. Mengikut beliau, kesemua nilai ini harus diketahui dan diamalkan oleh semua insan untuk menjadi manusia yang berguna.

Ahli Akademik T.Muruganatham (1979), telah menghasilkan buku yang berjudul “*Kural Neri*”. Beliau telah menghujahkan nilai-nilai yang diutarakan dalam *Tirukkural* seperti pengetahuan moral, perlakuan moral dan pemikiran moral (rasional) secara detail. Menurut penulis nilai-nilai ini disebutkan dalam kehidupan individu, keluarga dan politik seseorang. Pemikiran moral ini membantu penyelidik mendalami dalam kajian ini.

Kanthasamy (1977), dalam karya “*Tirukkural Kūrum Urutip Poru!*” mengutarakan unsur keutuhan *Tirukkural* yang membentuk jati diri. Beliau menyentuh tiga ciri kuplet iaitu *aram*, *poru!* dan *inpam* dalam menghuraikan keutuhan tersebut. Beliau juga memaparkan cara penghayatan *Tiruvalluvar* dalam menjelmakan kuplet *Tirukkural*. Karya ini membantu penyelidik mengetahui cara-cara pembentukan jati diri masyarakat Tamil mengikut *Tiruvalluvar*.

Agilan Kannan (2003), seorang karyawan telah menghasilkan karya berjudul “*Verrī Pātai - Valluvar Valiyil*”. Karya ini membicarakan cara-cara menuju kejayaan dalam kehidupan yang telah diilhamkan dalam *Tirukkural*. Beliau mengambil rol model masyarakat India yang telah berjaya dalam kehidupan dan mengaplikasikan *Tirukkural* terhadap kejayaan mereka. Maka, karya ini membantu penyelidik melihat kejayaan masyarakat Tamil berdasarkan *Tiruvalluvar*.

“*Valluvar Vakutta Aram*” oleh K. Munisamy (2002), telah menghujahkan nilai-nilai kebenaran (*aram*) yang telah diilhamkan oleh *Tiruvalluvar* untuk umat manusia. Mengikut beliau, *aram* (kebenaran) yang diamalkan akan membentuk sahsiah diri. Maka, karya ini sangat membantu penyelidik dalam meneroka aspek kebenaran dalam *Tirukkural*.

Kalai Arasu (2003), “*Tirukkuralum Potu Arivum*” mengutarakan pemikiran saintifik dan pemikiran positif yang terdapat dalam *Tirukkural*. Mengikut beliau, setiap kuplet mengandungi pemikiran saintifik dan ianya boleh dilihat apabila dianalisis secara terperinci. Kajian beliau lebih berunsur saintifik dan keagamaan yang menjadi panduan hidup manusia.

Kothandam (2003), “*Valluvam Ulaka Sintaṅaikal*” menyuarakan pemikiran *Tiruvalluvar* mengikut perspektif universal. Beliau membuat persamaan dan perbezaan pendapat *Tiruvalluvar* dengan ahli-ahli falsafah dunia seperti Konfusius, Plato, Socrates dan Ruso dalam pelbagai bidang dan skop. Beliau mengagungkan unsur *Tirukkural* yang melebihi pendapat-pendapat ahli falsafah dunia. Karya ini membantu penyelidik mengetahui cara-cara membuat perbandingan pelbagai teks.

Solaman Papaya (2006), seorang ahli akademik terulung pada masa kini telah menghasilkan karya “*Tirukkural -Uraiyutan*”. Beliau membuat rumusan kuplet dengan mudah mengikut zaman kini. Teknik penyampaian beliau memulakan setiap topik dengan puisi moden dapat mencungkil minat serta memberi kefahaman jelas tentang perbincangan kuplet. Beliau menggunakan kaedah perincian bab (*atikāram*) yang diamalkan oleh Parimelaḷagar. Karya ini membantu penyelidik memahami maksud *Tirukkural* dengan mudah dan jelas.

Te. Po. Menachi Sundaranar (2005), seorang tokoh bahasa telah menghasilkan banyak karya yang berunsur akademik. Beliau telah menulis sebuah buku berjudul “*Vaḷḷuvar Kaṇṭa Tattuvam*” yang mengutarakan pelbagai falsafah yang terdapat dalam *Tirukkural*. Penulis mengulas secara detail pemaparan falsafah yang diutarakan oleh *Tiruvaḷḷuvar* dalam semua kuplet. Buku ini memaparkan kebenaran dan kesahihan *Tirukkural* serta unsur kemanusiaan yang menjadi panduan hidup seseorang.

2.5 Kajian-Kajian Lepas tentang Insan Holistik dan Pendidikan

Kajian-kajian insan holistik dibahagikan kepada kajian jurnal dan buku yang dihasilkan oleh pengkaji dalaman dan luaran adalah seperti berikut. Kajian-kajian ini merangkumi kajian insan holistik, unsur-unsur JERI dan kajian berkaitan dengan peningkatan pembelajaran.

Menurut Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin (2012), dalam kajian “*Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia*” membincangkan kepentingan pembangunan modal insan bercirikan Islam. Beliau mencirikan modal insan kepada lima aspek iaitu modal insan berpengetahuan, modal insan berkeupayaan sendiri, modal insan yang mempunyai kualiti dan kuantiti, modal insan bersifat khusus dan umum serta modal insan dipengaruhi aspek luaran. Mengikut pengkaji, Malaysia menduduki tangga ke 34 di peringkat global dari sudut modal insan pada tahun 2004 yang dilakukan oleh *World Economic Forum* (WEF). Gambaran pencapaian pembangunan acuan ekonomi moden ini sebenarnya telah mendatangkan pelbagai wabak permasalahan dan tidak keseimbangan pembangunan seperti peningkatan kes penagih dadah, perlakuan intim dan

hubungan seks bawah umur. Pengkaji membuat perbandingan modal insan berkonsepkan barat dan Islam serta menekankan modal insan bercirikan Islam tanpa menolak sepenuhnya konsep barat bagi memastikan pembangunan dilaksanakan selari dengan fitrah insan dan perintah Allah SWT. Penyelidik mendapat input tentang penekanan aspek rohani, jasmani serta pembangunan ilmu secara seimbang berasaskan pendekatan akidah yang dapat melahirkan modal insan yang berkualiti dan mencakupi setiap dimensi manusia.

Nurul Haerani Mohamad & Ahmad Esa (2013), dalam kajian "*Pembangunan Modal Insan Holistik Pelajar Menerusi Aktiviti Kokurikulum Politeknik*" membincangkan pendekatan bercorak holistik dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah yang dapat memberi penekanan kepada pembangunan pengetahuan, kemahiran serta modal intelektual. Kajian ini memberi tumpuan kepada pembentukan pelajar holistik yang memerlukan penglibatan dalam kedua-dua bidang akademik dan kokurikulum. Kajian ini menggunakan sampel pelajar seramai 335 orang dan 80 orang pensyarah daripada tiga politeknik mendapati faktor-faktor dominan memberikan kesan yang berbeza dan menggalakkan menyertai aktiviti kokurikulum. Dapatan kajian ini menunjukkan unsur JERI sangat penting ke arah pembentukan pelajar dalam kurikulum dan ko-kurikulum.

Kajian Rohaizahtulamni Radzlan et. al (2013), bertajuk "*Pemahaman dan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan belia bandar di Semenanjung Malaysia*" membincangkan penerimaan pelajar terhadap Rukun Negara. Pengkaji membuat kajian terhadap 598 orang responden yang mewakili empat negeri di Semenanjung Malaysia mendapati tahap pemahaman, persepsi dan pengamalan terhadap Rukun Negara dalam kalangan belia adalah baik manakala penghayatan Rukun Negara masih berada pada tahap

sederhana. Dapatan kajian menunjukkan belia Melayu lebih memahami serta menghayati Rukun Negara berbanding kaum lain. Penyelidik menggunakan data ini dan mengaitkan *Tirukkural* dalam perbincangan bab ke lima.

Ponnuduraj (2014), dalam kajian “*Pelaksanaan Pendekatan Konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah Menengah Daerah Kuala Muda Negeri Kedah*” mengutarakan pengamalan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji mendapati kaedah ini kurang mendapat perhatian dalam kalangan guru-guru. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru lebih cenderung menggunakan kaedah tradisional dan berpusatkan guru.

Y.F Lee & Sarjit S. Gill (2008), pula menjalankan kajian terhadap “*Rukun Negara Teras Pembinaan Modal Insan: Satu Komentari*”. Hasil kajian beliau menunjukkan ideologi Rukun Negara ini belum disemai dengan betul di dalam sanubari masyarakat Malaysia. Rakyat Malaysia kurang menghayati dan mengamalkan Rukun Negara kerana pembelajaran dan pengamalan Rukun Negara hanya sekadar hafalan dan dilafazkan di perhimpunan sekolah. Pengkaji mencadangkan nilai murni dalam setiap prinsip Rukun Negara harus dijadikan teras pembinaan modal insan. Data ini sangat penting dan dapat mengukuhkan lagi kajian penyelidik.

Dapatan kajian jurnal Adlina (2009), berkaitan “*Pengetahuan Golongan Belia Terhadap Pendekatan Islam Hadhari*” yang dijalankan terhadap 1000 orang responden yang berumur antara 19-30 tahun untuk mengukur pengetahuan tentang pendekatan Islam Hadhari. Kajian ini menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang

tinggi tentang pendekatan Islam Hadhari. Dapatan kajian juga memaparkan terdapat perbezaan pengetahuan dalam kalangan responden berdasarkan etnik, agama, tempat tinggal. Dapatan ini juga menggambarkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara umur dan pengetahuan responden terhadap pendekatan Islam Hadhari. Pengetahuan Islam Hadhari dalam kalangan etnik Melayu tertinggi dan diikuti oleh bumiputera Sabah & Sarawak serta etnik India. Min terendah adalah etnik Cina. Penyelidik menggunakan data ini dalam membincangkan dapatan demografi dalam bab kelima.

Saidy, Endang Pertiwi, Hassan dan Aminuddin (2009), dalam kajian “ *Influence of emotional and spiritual intelligence from the National Education Philosophy towards language skills among secondary school students*” menyatakan kepintaran emosi dan rohani adalah unsur utama dalam menyediakan garis panduan terhadap pencapaian seseorang individu terutamanya pelajar. Tahap kepintaran seseorang tidak hanya bergantung pada tahap kecerdasan intelek. Malah ia juga bergantung kepada kecerdasan emosi dan spiritual yang boleh mempengaruhi tahap pencapaian pelajar. Kedua-dua unsur ini dapat mempengaruhi peningkatan nilai pelajar dalam melahirkan individu yang seimbang sebagai objektif. Kajian ini membincangkan kepentingan kecerdasan emosi dan rohani ke arah peningkatan prestasi bahasa pelajar di sekolah menengah. Lima dimensi kecerdasan emosi oleh Goleman (1999), iaitu aspek kesedaran diri, kawalan diri, motivasi, empati dan kemahiran sosial yang dibincangkan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini menggambarkan pelajar perlu mempunyai kesedaran dalam meningkatkan kemahiran bahasa melalui keseimbangan emosi dan rohani dalam sistem pendidikan semasa. Kajian ini memberi maklumat kepada penyelidik tentang pengaruh pencapaian pelajar.

Salasiah Hanin et.al (2012), dalam kajian “*Perkaitan Amalan Spiritual dengan Pencapaian Akademik Pelajar*” mengkaji amalan kerohanian yang menjadi pemangkin dalam pencapaian akademik pelajar-pelajar Islam di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan tahap pencapaian antara jantina serta mengkaji amalan kerohanian dengan pencapaian akademik. Hasil kajian menunjukkan perkaitan yang signifikan antara amalan kerohanian dengan pencapaian pelajar. Kajian ini membantu dalam penghuraian dapatan kajian penyelidikan.

Kajian “*The approach of educational philosophy in overcoming social problem*” oleh Hassan (2009), meneroka falsafah pendekatan pendidikan dalam menyelesaikan masalah sosial serta menimbangkan perspektif beberapa dominasi popular dan cabang falsafah. Kajian ini menunjukkan masalah sosial tidak hanya dilihat dari mekanisme malah ia juga harus diteliti dari akar umbi untuk mengelakkan masalah tersebut timbul semula. Pengkaji juga membincangkan pendekatan-pendekatan yang dapat mengatasi masalah sosial. Penyelidik mendapat input tentang masalah sosial dan pendekatan menangani masalah tersebut.

Karthegees (2005), dalam kajian sarjana berjudul “*Komponen Sastera Tamil dalam mata pelajaran bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil*” telah membincangkan puisi-puisi lama (*ceiyul*) yang terdapat dalam komponen sastera bahasa Tamil sekolah rendah. Menurut kajian beliau komponen sastera (*ceiyul*) yang mengandungi nilai murni kurang memberi impak dalam kalangan pelajar disebabkan kurang minat dan teknik pembelajaran yang kurang berkesan. Dapatan kajian beliau menunjukkan pelajar kurang

menghayati isi kandungan ceiyul untuk jangka masa yang panjang. Kajian ini membantu penyelidik membincangkan permasalahan dalam bab kelima.

Kajian “*Minat pelajar tingkatan empat di kawasan seremban terhadap mata pelajaran bahasa Tamil*” oleh Vasanta A/P Mithiah (2005), memberi gambaran sejauh mana minat pelajar-pelajar tingkatan empat terhadap mata pelajaran bahasa Tamil. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar kurang berminat terhadap mata pelajaran bahasa Tamil kerana pengajaran dan pembelajaran yang kurang efektif. Kajian ini membantu penyelidik membincangkan permasalahan dalam bab kelima.

Meehan (2002), dalam kajian “*Promoting Spiritual Development in the Curriculum*” membincangkan pendidikan kerohanian dan sumbangan dalam pelbagai aspek kurikulum. Mengikut penulis, manusia mencari makna dan hala tuju kerana unsur kerohanian berakar umbi serta menjadi intipati kehidupan. Pembangunan rohani mestilah holistik kerana unsur kerohanian menjelma dalam perasaan, nilai-nilai, kepercayaan, cita-cita dan intelek diri seseorang. Domain rohani dalam pendidikan mesti melibatkan fizikal, minda dan hati. Menurut pengkaji, pembangunan kerohanian akan membawa perubahan dari tidak matang ke arah kematangan dan dari yang mudah kepada kompleks. Penyelidik mendapat banyak input tentang kerohanian yang dapat digunakan dalam kajian.

Faridah dan Tengku Sarina Aini (2006), dalam kajian “*Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak Muslim sebagai Pemangkin Pembangunan Insan dan Tamadun*” menyatakan mendidik akal berpaksikan tauhid dapat melahirkan insan yang berilmu serta memikul tanggungjawab sebagai Khalifah Allah di dunia ini. Beliau membincangkan

kepentingan pendidikan akhlak menurut pandangan Islam dan psikologi barat. Pengkaji merumuskan pendidikan akhlak melahirkan individu muslim yang berilmu, bernilai murni dan berakhlak mulia serta melaksanakan tugas dan tanggung jawab sebagai seorang hamba Allah di dunia ini. Dapatan kajian ini menambahkan pengetahuan tentang akhlak berpaksikan Islam.

Maisarah & Latifah (2012), dalam kajian “*Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak melalui Bahan Bacaan Malaysia*” menghujahkan kepentingan bahan bacaan dalam pembentukan akhlak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahan bacaan memainkan peranan yang penting dalam membentuk jati diri kanak-kanak. Unsur nilai murni yang dibincangkan dalam bahan bacaan melalui gambaran dan contoh oleh watak dalam cerita memberi pemahaman yang tinggi serta meningkatkan ilmu pengetahuan yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Selain itu, bahan bacaan yang dibaca juga menjadi agen kawalan sosial ke atas kanak-kanak dalam membentuk jati diri, personaliti, psikologi dan kerohanian serta pengisian minda. Penyelidik dapat menyatukan dapatan ini dalam kajian.

Bambang Suminton, Lokman Mohd Tahir & Mohd. Anuar Abdul Rahman (2012), dalam jurnal “*Pendidikan Moral di Malaysia; Tantangan dan Implementasi Pendidikan Karakter*” membincangkan Pendidikan Karakter yang telah dilaksanakan dalam Pendidikan Moral sejak sekolah formal diamalkan di Malaysia. Pendidikan karakter menjadi “*hidden kurikulum*” dan diajar sebagai satu unsur dalam pendidikan moral iaitu pengamalan enam belas nilai murni. Dapatan kajian ini menunjukkan guru menghadapi masalah dalam pengamalan pembelajaran pendidikan karakter di sekolah. Teknik pengajaran yang berkesan, teknik hafalan oleh pelajar dalam menghadapi peperiksaan,

kekurangan guru khusus merupakan antara pokok persoalan dalam melemahkan pendidikan karakter di sekolah. Penyelidik mendapat input tentang cara dan kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan pendidikan karakter di Malaysia.

Felder and Henriques (1995), melalui kajian "*Learning and Teaching Styles in Foreign and Second Language Education*" mengklasifikasikan pelajar mengikut cara pemerolehan ilmu. Mengikut pengkaji pelajar dapat digolongkan kepada kategori berperasaan, intuitif, visual, lisan, aktif dan refleksi. Pelajar berperasaan (*sensing*) adalah pelajar konkrit dan teratur. Pelajar ini dapat menghafal fakta, melakukan amali kerja dengan lebih selesa melalui kaedah dan prosedur standard. Sebaliknya, pelajar intuitif cenderung untuk menjadi abstrak, imaginatif, suka inovasi dan tidak suka akan pengulangan. Pelajar visual pula lebih suka menerima maklumat dalam bentuk gambar, gambar rajah, filem dan demonstrasi. Manakala pelajar lisan lebih suka kata-kata sebagai medium untuk pemindahan maklumat. Pelajar aktif, lebih suka melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan dan dapat interaksi dengan orang lain. Pelajar reflektif cenderung untuk mengkaji dan mengenali diri. Pengkaji merumuskan pengajaran dan pembelajaran guru perlulah berpusatkan kepada kebolehan untuk memaksimumkan pemerolehan ilmu kanak-kanak. Kajian ini memberikan gambaran tentang pelbagai jenis pelajar dan pendekatan pengajaran yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pemerolehan ilmu.

Graf, S., Kinshuk & Liu, T.C. (2009), dalam kajian "*Supporting Teachers in Identifying Students Learning Styles in Learning Management Systems: An Automatic Student Modeling Approach*" membincangkan pendekatan automatik yang dapat menyokong dan mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar. Menurut pengkaji, dalam

sistem pengurusan pembelajaran (*learning management systems*), guru mengalami kesukaran untuk melihat dan mengetahui cara pembelajaran dan kelakuan pelajar. Sistem pengurusan pembelajaran ini membolehkan guru mengetahui gaya pembelajaran serta meningkatkan pemahaman pelajar tentang proses pembelajaran pelajar dengan menyediakan bahan sokongan yang lebih baik. Pendekatan ini telah dinilai kepada 127 orang pelajar dan dapatan menunjukkan bahawa kaedah ini sesuai untuk mengenal pasti gaya pembelajaran setiap individu. Dapatan ini menjelaskan pentingnya pendekatan pembelajaran yang sesuai dan menarik dalam pencapaian pelajar.

Kajian “*Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Pelajar di Tingkatan 4 Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan*” oleh Azizi Yahya dan Shareeza Abdul Karim (2003), membincangkan pengaruh gaya pembelajaran dalam pencapaian akademik pelajar. Seramai 109 orang pelajar tingkatan empat dari dua buah sekolah telah dilibatkan dalam kajian ini. Hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara perbezaan gaya pembelajaran dengan latar belakang keluarga, faktor rangsangan rakan sebaya, keluarga dan pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar. Dapatan ini membantu penyelidik memahami gaya pembelajaran dalam pencapaian akademik.

Freeman (2002), dalam kajian “*The Hidden Side of the Work: Teacher Knowledge and Learning to Teach. A perspective from North American educational research on teacher education in English language teaching*” membincangkan teknik pengajaran yang efektif untuk melibatkan pelajar dalam pembelajaran. Kajian ini memperincikan pengetahuan dan pembelajaran guru dalam mengajar cara-cara mengolah pemikiran mental,

mengetahui proses mental serta pengetahuan sedia ada pelajar terhadap pengajaran bahasa Inggeris yang memberi kesan kepada pembentukan minda pelajar.

Menurut Mohd Zubil (1997) dalam kajian “*Pelajar Kurang Pendedahan Terhadap Kemahiran Membaca*” membincangkan budaya suka membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Masyarakat perlu mempunyai budaya suka untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam menjalani kehidupan seharian. Ini adalah kerana ilmu atau pengetahuan yang berfungsi sebagai pelengkap sering kali diabaikan. Dalam zaman ledakan maklumat, pemilihan bahan bacaan yang sesuai dengan keperluan perkembangan ikhtisas diri amatlah penting. Kajian ini menekankan kepentingan membaca untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.

Yahaya Buntat & Noor Sharliana Mat Nasir (2011), “*Faktor-Faktor yang Mendorong Kreativiti di Kalangan Pelajar*” membincangkan hubungan antara keadaan persekitaran dengan kreativiti serta tahap kreativiti pelajar. Seramai 71 orang pelajar tahun empat dari Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia telah dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan kesemua faktor yang dikaji iaitu faktor ilmu pengetahuan, gaya berfikir, personaliti, motivasi dan keadaan persekitaran mendorong kreativiti pelajar. Menurut kajian, faktor utama yang mendorong kreativiti pelajar ialah faktor ilmu pengetahuan. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keadaan persekitaran dan kreativiti. Penyelidik mengaitkan kajian ini dalam meningkatkan kreativiti dan tahap penguasaan ilmu *Tirukkural* dalam kalangan pelajar.

Abdul Rahim Hamdan & Azharul Nizam Zahari (2009), dalam kajian “*Konsep Pendidikan Bersepadu Serta Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran Matematik Menengah Rendah*” mengkaji tahap kefahaman guru terhadap konsep pendidikan bersepadu serta pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni di dalam pengajaran oleh guru-guru matematik di sekolah-sekolah menengah di Daerah Manjung. Kajian ini melibatkan 70 orang guru yang mengajar matematik tingkatan satu hingga tingkatan tiga di 10 buah sekolah menengah di Daerah Manjung, Perak. Kajian ini mendapati guru perlu memahami konsep asas pendidikan bersepadu iaitu hubungan kesepaduan di antara unsur agama, emosi, rohani dan intelek dalam mendidik pelajar serta mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan penerapan nilai-nilai murni. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru lelaki menunjukkan kefahaman konsep pendidikan bersepadu yang lebih rendah berbanding guru-guru perempuan. Dalam pelaksanaan penerapan dan pelaksanaan nilai-nilai murni pula didapati komitmen guru lelaki lebih rendah berbanding dengan guru wanita. Kajian ini mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan terhadap penerimaan ilmu dalam kalangan guru. Dapatan ini juga membuktikan bahawa aspek jantina memberikan kesan terhadap pemerolehan nilai-nilai murni.

Azhar bin Yusuf (2006), dalam kajian “*Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah dalam Pembentukan Akhlak*” membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar dalam kehidupan seharian dari aspek minat, kepatuhan, penguasaan terhadap ajaran Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan minat terhadap pendidikan Islam adalah memuaskan. Manakala aspek keberkesanan kurikulum dan penguasaan pemahaman pendidikan Islam menunjukkan pembentukan sifat positif pelajar.

Kajian Persepsi Murid Terhadap Pengajaran Bahasa Tamil Di Sekolah Menengah oleh Kulandasamy A/L Rajagopal (1990), menunjukkan persepsi pelajar-pelajar India terhadap pengajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah adalah di tahap sederhana. Pengkaji menjalankan kajian selidik ke atas pelajar-pelajar yang terpilih untuk mendapatkan data. Dapatan ini menunjukkan teknik pengajaran yang kurang berkesan merupakan salah satu aspek pelajar kurang berminat terhadap pembelajaran subjek bahasa Tamil.

Tuan Mastura et.al (2013), dalam kajian “*Peranan lokasi sekolah dan jantina murid dalam mempengaruhi kemahiran abad ke-21*” mengenal pasti pembentukan kemahiran abad ke-21 semasa proses pengajaran dan pembelajaran Fizik berdasarkan lokasi sekolah dan jantina murid. Seramai 760 pelajar tingkatan empat dari sekolah-sekolah menengah daerah Hulu Langat, Selangor dipilih dan dijadikan sebagai sampel. Kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan dari segi penguasaan kemahiran abad ke-21 iaitu literasi digital dan komunikasi berdasarkan jantina pelajar. Manakala dari segi lokasi sekolah terdapat perbezaan skor min yang signifikan dari segi pemikiran serta norma nilai kerohanian. Kajian ini membantu penyelidik mengetahui faktor jantina dan lokasi sekolah yang mempengaruhi kemahiran abad ke-21.

Salmiza Saleh & Afik Aziz (2012), “*Kemahiran belajar dalam kalangan pelajar aliran sains di sekolah-sekolah menengah di Malaysia*” mengkaji kemahiran belajar terhadap pelajar aliran sains di sembilan buah sekolah menengah di Semenanjung Malaysia. Seramai 129 orang pelajar yang mempunyai berlainan latar belakang dari lima buah negeri di pilih sebagai responden. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan kemahiran

belajar pelajar aliran sains di sekolah-sekolah menengah di Malaysia berada pada tahap yang sederhana. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran belajar pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Kajian ini membantu penyelidik mengetengahkan faktor jantina mempengaruhi kemahiran belajar dalam kalangan pelajar.

Aziz Yahya et.al. (2011), dalam kajian bertajuk “*Hubungan antara budaya formal sekolah dan gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik pelajar sekolah Menengah*” telah mengenal pasti hubungan antara budaya formal sekolah dan gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Seramai 234 orang responden yang dipilih dari lima buah sekolah menengah sekitar daerah Pontian, Johor. Hasil kajian mendapati budaya formal sekolah yang paling dominan adalah budaya formal sekolah berdasarkan dari aspek sosial. Manakala gaya pembelajaran pelajar yang paling dominan adalah gaya pembelajaran berdasarkan dari aspek visual. Kajian ini juga membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara budaya formal sekolah dan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini membantu penyelidik memberikan cadangan terhadap teknik pengajaran dalam bab keenam.

Dzuhailmi Dahalan et.al (2014), dalam jurnal “*Pegangan agama dalam kalangan belia awal pelbagai kaum di Malaysia*” membincangkan tahap pegangan agama dalam kalangan belia di Malaysia. Menurut pengkaji agama sangat signifikan dalam kehidupan yang dapat membentuk keperibadian belia. Kajian yang dijalankan ke atas 1893 pelajar tingkatan empat di seluruh negara mendapati belia pelbagai kaum di Malaysia mempunyai tahap pengamalan agama dan sosialisasi agama yang rendah. Peningkatan sosialisasi agama melalui ibu bapa dan rakan-rakan dilihat berpotensi menyumbang ke arah tahap

pengamalan agama yang lebih positif dalam kalangan belia pelbagai kaum di Malaysia. Kajian ini memberikan input tentang pengamalan nilai-nilai agama di rumah sangat penting dalam pembentukan peribadi anak-anak.

Maslow (1970), dalam bukunya "*Motivation and Personality*" mengungkapkan manusia holistik adalah manusia yang telah mencapai aktualisasi diri (kesempurnaan diri). Maslow membangunkan Model Hierarki dan membuat kesimpulan berdasarkan model tersebut iaitu manusia mempunyai kecenderungan sendiri untuk bergerak ke tahap yang lebih tinggi dan mencapai kepuasan diri. Penyelidik menggunakan teori ini sebagai asas kajian.

Piaget (2001), dalam bukunya "*The Psychology of Intelligence*" menyatakan pembangunan manusia adalah satu proses urutan dan perubahan struktur yang lebih berkesan dalam penyesuaian terutama untuk mengekalkan keseimbangan dan mewujudkan keharmonian hidup. Perubahan ini adalah didorong secara dalaman dan bersifat universal. Sama seperti organisma lain, manusia menyesuaikan diri dan berubah apabila pengaruh luar memberi kesan kepada alam sekitar. Manusia secara beransur-ansur belajar dan berkembang ke peringkat yang lebih baik untuk mencapai sesuatu. Gambaran tentang perubahan intelek dalam kalangan manusia yang dibincangkan dalam buku ini membantu penyelidik dalam kajian ini.

Mengikut John P. Miller (1988), dalam bukunya "*The Holistic Curriculum*" penulis menyatakan dunia sedang menghadapi durjana disebabkan kerakusan manusia untuk mencari kekayaan. Setiap insan hanya mementingkan diri sendiri; tidak

mementingkan kebajikan orang lain. Salah satu cara untuk memupuk nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat adalah melalui pendidikan holistik. Melalui pendidikan ini, insan dipupuk, dididik, dibimbing untuk mengenali diri sendiri serta hubungan di antara pemikiran linear dan naluri, hubungan di antara fizikal dan minda. Hubungan di antara pelbagai domain pengetahuan, perhubungan antara individu dan komuniti, hubungan antara diri dan sendiri dapat dipupuk. Dalam kurikulum holistik, pelajar dapat menilai hubungan ini dalam memperoleh kesedaran mengikut kesesuaian. Penyelidik dapat menggunakan input yang diperoleh dalam kajian ini.

Dalam buku "*The Education of Man*" Froebel (1887), menyatakan tujuan pendidikan adalah untuk menggalakkan dan membimbing kanak-kanak berfikir secara terbuka. Kanak-kanak memiliki pengetahuan, tenaga dan kecekapan. Oleh itu mereka harus dibangunkan dalam semua aspek secara seimbang. Malah kanak-kanak dididik melalui keadaan sedar serta jalan yang suci untuk mencapai matlamat kehidupan. Penyelidik memperoleh maklumat tentang cara mendidik manusia.

Human learning "*Human learning An Holistic Approach*" oleh Peter Jarvis (2007), menghuraikan pembelajaran adalah antara aktiviti yang paling asas kepada manusia. Penulis bukan sahaja memberi tumpuan kepada proses psikologi pembelajaran manusia, tetapi mengkaji kepentingan hubungan antara badan dan minda serta bagaimana neurologi, biologi, emosi dan rohani berkesan kepada pembelajaran manusia. Pemikiran holistik ini membantu penyelidik mendalami dalam kajian.

Menurut Jarvis & Parker (2005), “*Holistic*” dalam konteks pembangunan modal insan tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pementapan kemahiran sahaja, malah turut merangkumi aspek pembangunan minda, spiritual, sahsiah dan etika. Pembangunan modal insan turut memberi tumpuan kepada aspek keinsanan yang terbina menerusi falsafah hidup, pegangan agama dan dukungan moral. Modal insan dengan ciri-ciri tersebut memenuhi keperluan untuk membolehkan transformasi dan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia berlaku secara lebih berstruktur. Kajian ini sangat membantu penyelidik dalam penghuraian maksud holistik.

Dalam buku “*Pembangunan Holistik dari perspektif Islam*” Ab. Aziz Yusof (2012), menjelaskan Tuhan telah mengurniakan manusia jasmani, akal, emosi dan kerohanian yang sihat bagi membolehkan manusia memanfaatkan dan membangunkan sumber alam yang sedia ada. Penulis menghujah, Islam mengajar pembangunan adalah ikatan kewajipan yang wajar dilakukan secara berjemaah dan dimanfaatkan oleh ummah secara keseluruhannya. Oleh itu, demi menjana pembangunan sumber manusia secara berterusan dari segi pengetahuan, kemahiran dan kepakaran perlu dipertingkatkan dengan menyediakan program latihan yang bersesuaian dari aspek kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini memberi pengetahuan baru tentang pengetahuan Islam dalam pembentukan keinsanan.

Dalam buku Abdul Ghani Othman “*Pembangunan Holistik : Dimensi Kebudayaan*” oleh Zam Ismail dan Zainal Abidin Borhan (2008), membicarakan pendekatan holistik hendaklah menjurus kepada kesejahteraan lestari iaitu mempunyai ciri-ciri yang penting seperti keilmuan, keadilan sosial, permuafakatan, ketelusan, ketahanan dan jati diri dalam menjalankan tugasnya. Pembangunan insan dan kemanusiaan adalah pembangunan holistik

yang berpaksikan ketakwaan kepada Tuhan dan ketakwaan inilah yang menjadi struktur utama kemanusiaan. Pembangunan holistik yang dimaksudkan merangkumi aspek-aspek seperti, “Ketakwaan kepada Tuhan, Kelestarian Alam Sekitar, Kesejahteraan Sosial dan Kemakmuran Ekonomi”. Kajian ini memberi gambaran pembentukan insan dari aspek kebudayaan.

Kohlberg (1975), dalam bukunya “*The Cognitive-Developmental Approach to Moral Education*” merangsang perkembangan dan kebolehan menaakul di peringkat yang lebih tinggi. Kohlberg memperincikan enam peringkat perkembangan moral dan falsafah mengenai pendidikan moral. Kohlberg menganggap tahap berbeza dan berperingkat sebagai falsafah moral berasingan yang dapat membawa perubahan terhadap peningkatan remaja. Penulis membincangkan kepentingan subjek Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik melalui kajian experimental. Pendekatan Kohlberg ini menekankan kepentingan bagi pendidik untuk mengetahui dilema moral yang dapat menggalakkan pemikiran seseorang individu untuk bergerak ke peringkat seterusnya. Penyelidik menggunakan penaakulan Kohlberg sebagai teori dalam membincangkan kajian.

Buku yang dikarang oleh Tolman (1932), berjudul “*Purposive Behavior in Animals and Men*” merupakan cabang psikologi menggabungkan tingkah laku di samping mempertimbangkan tujuan atau matlamat tingkah laku. Pendekatan Behaviorism yang dibincangkan dalam bukunya memberi tumpuan kepada tingkah laku yang bermakna. Menurut penulis, semua tingkah laku mempunyai matlamat dan manusia perlu menggunakan alat atau kaedah yang mempunyai kaitan dengan matlamat tersebut. Penulis membangunkan pembelajaran mengenai alam sekitar dan bagaimana sesuatu organisma

menghubungkan dengan persekitarannya. Matlamat penulisan buku ini adalah untuk mengenal pasti mekanisme kognitif yang kompleks dan tujuan yang membimbing tingkah laku. Penyelidik dapat merumuskan bahawa semua tindakan tingkah laku adalah berorientasikan matlamat.

Bandura (1997), dalam bukunya "*Social Learning Theory*" menghuraikan teori pembelajaran sosial iaitu tingkah laku yang dipelajari daripada persekitaran melalui proses pemerhatian dan peniruan. Bandura (1977), percaya manusia adalah pemproses maklumat aktif dan berfikir tentang hubungan antara tingkah laku dan akibatnya. Manusia telah memberikan perhatian dan mengekod tingkah laku, meniru atau menyalin tingkah laku, menyimpan serta mempersembahkan dalam tingkah laku. Pengukuhan tingkah laku dapat memberi kesan negatif atau positif bergantung kepada model peniruannya. Menurut penulis, peniruan manusia sangat signifikan kepada tingkah laku. Penyelidik dapat mengaitkan aspek tingkah laku yang dibincangkan dalam kajian.

Ewing, C.P. (1990), seorang ahli psikologi dan peguam dalam bukunya "*When Children Kill. The Dynamics of Juvenile Homicide*" membincangkan fakta yang benar, potret serta fenomena yang membimbangkan terhadap kes juvena. Penulis membuat kajian yang mendalam ke atas pembunuh remaja termasuk remaja yang membunuh ibu bapa atau adik-beradik, kes pembunuhan yang dilakukan semasa jenayah lain, kes rogol dan rompakan, pembunuhan gengster, kes pembunuhan yang dilakukan oleh kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak di bawah 10 tahun, kes pembunuhan aneh, termasuk keseronokan pembunuhan dan pembunuhan yang dilakukan oleh remaja bermasalah. Beliau berpendapat kekurangan didikan moral dan agama, kekurangan perasaan terhadap

kebajikan orang lain, gangguan emosi disebabkan masalah diri dan keluarga yang menjadi punca kejadian kes pembunuhan juvana ini berlaku. Penyelidik mendapat banyak maklumat tentang permasalahan remaja disebabkan kurangnya pendidikan moral dan agama. Penyelidik menggunakan data ini untuk dibincangkan dalam kajian.

Morstt & Furst (1979), dalam bukunya "*Stress for Success*" membincangkan tekanan yang dipengaruhi oleh gangguan mental dan emosi yang membawa kepada keadaan tegang dan kurang stabil. Penulis menjalankan kajian terhadap 40 orang isteri tentera yang suaminya ditangkap oleh pihak musuh semasa melakukan misi perang. Masalah penyesuaian, tekanan undang-undang menyebabkan mereka menghadapi tekanan emosi. Kajian menunjukkan hampir separuh daripada isteri tentera tersebut menjalani sesi terapi mental atau psikiatri akibat berhadapan dengan gangguan emosi yang melampau, sementara separuh lagi menjalani sesi kaunseling. Penyelidik mendapati tekanan emosi yang menyebabkan seseorang menghadapi masalah diri.

Goleman (1999), dalam bukunya "*Working with Emotional Intelligence*" menyatakan tentang kecerdasan emosi, kepentingan kecerdasan emosi dan bagaimana kecerdasan emosi dipupuk. Beliau menambah kecerdasan emosi adalah satu set kemahiran yang harus diperoleh dan dipraktikkan untuk kejayaan seseorang. Goleman (1999), menyediakan lima set utama kemahiran sebagai garis panduan bagi latihan dalam organisasi untuk meningkatkan kecerdasan emosi. Penulis membincangkan bagaimana kecerdasan emosi membantu dalam meningkatkan kerjaya diri seseorang. Kajian ini membantu penyelidik dalam menangani masalah emosi dalam kehidupan.

Mohd Azhar Abd Hamid (2005), dalam buku “*Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*” membincangkan cara meningkatkan kecerdasan emosi dari aspek pengurusan, kepimpinan dan pendidikan serta pandangan Islam terhadap kecerdasan emosi. Konsep kepintaran emosi (EQ), EQ dalam Islam, EQ dalam dunia pengurusan yang melibatkan superior dan subordinat dalam persekitaran kerja serta konsep EQ dalam kepimpinan yang beragama dibincangkan dalam buku ini. Penulis memberi penekanan terhadap pendekatan mengurus stress dengan berkesan, pendekatan EQ seseorang serta kepelbagaian fungsi yang dapat meningkatkan EQ dalam komunikasi seseorang. Dapatan kajian beliau mendapati pelajar yang mempunyai emosi yang stabil akan berjaya dan dapat mengurus diri dengan baik. Penyelidik dapat menggunakan dapatan ini dalam penghuraian kajian.

Hassan Hj. Mohd. Ali (1996), dalam bukunya “*40 Kesilapan Mendidik Anak-anak*” memaparkan 40 kesilapan yang biasa dilakukan oleh ibu bapa tanpa disedari dalam mendidik anak-anak. Antara kesilapan yang dinyatakan adalah memaki hamun sebagai cara menegur anak, kurang berlemah lembut terhadap anak-anak, jarang bersama anak-anak ketika mereka makan, melahirkan rasa kurang seronok ketika makan, membeza-bezakan kasih sayang terhadap anak-anak, tidak mengamalkan anak-anak dengan konsep keadilan, sentiasa menunjukkan muka masam di hadapan anak-anak, suka bertengkar di hadapan anak-anak, sering mengancam dan menakutkan anak-anak, menghukum tanpa menyatakan kesalahan yang dilakukan serta tidak menggalakkan anak-anak hidup bekerjasama. Penulis memberi panduan serta langkah-langkah praktik yang seharusnya diambil untuk mengelakkan kesilapan serta membantu ibu bapa untuk membuat pendekatan bagi mengatasi kesilapan-kesilapan yang pernah dilakukan. Buku ini, mengenal pasti setiap

kesalahan dan dikaitkan dengan personaliti anak-anak. Penyelidik mendapat banyak input tentang permasalahan kanak-kanak dan cara menangani melalui pembacaan buku ini.

Danah Zohar dan Marshall (2001), dalam bukunya *“Memfaatkan Kecerdasan Spiritual dalam Berfikir Integralistik dan Holistik untuk Memaknai Kehidupan”* membincangkan kecerdasan spiritual (SQ). Mengikut penulis kecerdasan spiritual adalah unsur yang paling asas dan penentu kejayaan seseorang. (SQ) ini menyatukan beberapa informasi ke seluruh bahagian otak, mengintegrasikan antara fikiran dan tubuh, emosi dan akal serta menyediakan pusat pemberian makna pada manusia iaitu God spot (titik Tuhan) iaitu unsur asas dalam konsep kecerdasan spiritual. Dalam bukunya, Danah dan Marshall menjelaskan hubungan antara agama dan (SQ), makna hidup, nilai-nilai dan keutuhan diri, kecerdasan spiritual yang dapat membantu meningkatkan diri. Kecerdasan spiritual merupakan landasan atau dasar untuk memperoleh kecerdasan emosi dan kecerdasan intelektual secara efektif. (SQ) adalah kecerdasan yang dapat memeringkatkan diri manusia dengan utuh secara intelektual, emosional. Kajian ini banyak membantu penyelidik memperoleh ilmu kerohanian yang dapat digunakan dalam kajian.

Covey (2005), dalam bukunya *“The 7 Habits of Highly Effective People”* membicarakan cara-cara memperoleh kejayaan dan menjadi manusia efektif dengan melakukan 7 tabiat. Penulis melakukan lonjakan konsep yang besar, memperkenalkan pelbagai idea dan amalan yang telah memberi kesan dalam kehidupan manusia. Buku ini mengajar cara-cara pemimpin mendapatkan keupayaan dan mengharapkan pelaksanaan yang luar biasa. Prinsip-prinsip kepimpinan peribadi dan organisasi yang menjadi tema utama buku ini telah memperincikan komitmen yang mendalam dan perkhidmatan tulus

yang dapat membuat hidup manusia benar-benar memuaskan. Kajian ini membantu meningkatkan pengetahuan tentang cara pemerolehan kejayaan.

Nye & Hay (1996), dalam bukunya "*Identifying the core of children's spirituality*" menghujahkan kesedaran rohani sebagai elemen merentasi kurikulum dalam sukatan pelajaran sekolah untuk menggalakkan pembangunan moral dan perpaduan sosial. Mengikut penulis, domain kerohanian semakin diakui sebagai bahagian yang penting dalam perkembangan kanak-kanak. Hay telah menjalankan kajian selama tiga tahun terhadap pendidikan kerohanian dan mendapati pendekatan tradisional harus menggunakan teori kerohanian yang merangkumi agama dalam pendidikan. Kandungan buku ini merangsang dan menggalakkan para pendidik, ibu bapa dan semua yang terlibat untuk mengajar anak-anak mempertimbangkan pendekatan baru dalam pembangunan rohani semula jadi kanak-kanak.

Shamshad Hussain (1988), dalam bukunya "*Creativity: Concept and Findings*" membincangkan kreativiti, konsep dan dapatan yang berkaitan dengan unsur kreativiti, kecerdasan kreativiti, kreativiti dalam perspektif keluarga, kajian-kajian berkaitan dengan kreativiti serta karakter personaliti. Penulis menyatakan kepentingan dalam menganalisis dan mengukur sifat kreativiti serta masalah yang dihadapi berkaitan kreativiti. Menurut penulis, pelbagai jenis sastera gagal untuk mencari kata sepakat mengenai sifat kreativiti yang merupakan tenaga penting di sebalik pembangunan dan pertumbuhan individu dan masyarakat. Kajian ini memberikan input tentang cara meningkatkan kreativiti individu.

Shahrin HasyimYusof Boon (2008), dalam bukunya “*Psikologi Perkembangan*” membincangkan pertumbuhan dan perkembangan awal kanak-kanak sehingga ke alam remaja dalam lapan tajuk. Penulis menerangkan kanak-kanak membesar pada peringkat yang sama tetapi beberapa faktor yang mempengaruhi kadar pertumbuhan dalam pengajaran dan pembelajaran. Penulis juga memperincikan beberapa teori yang sesuai untuk diaplikasikan dalam bilik darjah. Guru harus memahami tingkah laku pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, buku ini juga membincangkan motivasi dalam bilik darjah dan cara menghadapi masalah dalam merawat pelajar. Penyelidik dapat menggunakan input dari buku dalam perbincangan dan cadangan kajian.

Hurlock, Elizabeth B.(1981), “*Developmental Psychology: A Life-Span Approach*” membicarakan proses perkembangan yang berterusan dari semua peringkat jangka hayat iaitu dari alam bayi hingga ke akhir hayat. Penulis memperincikan proses-proses perkembangan yang berlaku dari aspek biologi, psikologi, sosial dan faktor-faktor alam sekitar serta mekanisme yang merupakan asas pembangunan jangka hayat. Penulis menyatakan psikologi berkait dengan minda dan tingkah laku dalam pembelajaran saintifik. Penulis menekankan variasi budaya dari konsep sepanjang hayat dalam mencapai kejayaan psikologi serta perubahan dalam tingkah laku manusia dari pelbagai aspek termasuk proses psiko-fisiologi, perkembangan kognitif, pemerolehan bahasa, pembangunan peribadi, emosi, sosial dan pembentukan identiti. Psikologi perkembangan ini mengkaji tiga komponen utama iaitu pembangunan individu; persamaan inter-individual (regularities), perbezaan inter-individual dan kepastian intra-individual. Penulis menggunakan dua pendekatan untuk mewujudkan teori hayat; iaitu berpusatkan manusia (holistik) dan berpusatkan fungsi. Pendekatan holistik ini mengkaji manusia sebagai satu sistem

pembangunan hayat dengan menghubungkan tempoh umur atau peringkat pembangunan ke dalam satu corak keseluruhan pembangunan individu seumur hidup. Kajian ini memberikan banyak maklumat kepada penyelidik tentang perkembangan manusia dan pendekatan untuk melahirkan pencapaian yang seimbang dalam kehidupan.

Kesemua kajian-kajian lampau berkenaan *Tirukkural* dan insan holistik dapat memberikan gambaran dan pengetahuan tentang topik kajian penyelidik serta memantapkan bidang kajian yang ingin dibuat. Namun kajian tentang kurikulum *Tirukkural* dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah belum dilakukan. Oleh itu, pengkaji rasa bertanggungjawab untuk membuat kajian berkenaan keberkesanan *Tirukkural* dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah ke arah pembentukan insan holistik.

2.6 Teori Humanistik

Teori Humanistik merupakan satu pendekatan yang melihat perkembangan keperibadian dan potensi manusia serta cara membina diri dalam melakukan perkara-perkara yang positif. Keupayaan potensi manusia untuk bertindak adalah bersifat positif dan ia berkait rapat dengan pembangunan emosi yang terkandung dalam domain afektif. Emosi adalah ciri-ciri yang sangat penting dalam pendidikan kemanusiaan. Oleh itu, pendekatan humanistik ini hanya melihat tingkah laku manusia yang mempengaruhi emosi serta kaedah untuk memperoleh keperluan yang dikehendaki. Teori Humanistik memberi tumpuan kepada isu-isu dan cara setiap individu dipengaruhi oleh keperluan peribadi yang boleh membantu mencapai aktualisasi diri (Nyameh Jerome 2013).

Maslow (1943, 1943, 1954, 1970), mencadangkan satu teori positif motivasi manusia berdasarkan kajian beliau terhadap orang yang berjaya. Maslow sendiri mengkritik kaedah tradisional psikologi dan beliau membangunkan teori motivasi tingkah laku berdasarkan konsep aktualisasi diri. Sebelum Maslow menceburi dalam bidang motivasi, ahli-ahli sains sosial secara amnya tertumpu kepada faktor-faktor yang berbeza untuk menerangkan tingkah laku manusia dan motivasi yang didasarnya (Huitt, 2001). Maslow dalam Hoffman (1988), menyatakan teori Humanistik adalah tambahan kepada teori "Psikoanalisis" dan "Behaviorism" secara empirikal berasaskan tingkah laku manusia, motivasi, dan pembangunan. Teori Humanistik Maslow adalah pragmatik dalam membangunkan keyakinan realistik tentang keupayaan manusia serta menangani masalah sosial dan memperbaiki keadaan manusia. Teori Humanistik Maslow yang dibangunkan pada tahun 1940-an telah digunakan secara meluas dalam bidang psikologi klinikal. Teori ini digunakan dalam sektor perniagaan pada 1960-an (Steers dan Porter, 1987), pengurusan dan organisasi (Wahba dan Bridwell, 1983). Teori ini memberi sumbangan besar dalam bidang pembangunan manusia, personaliti, kreativiti, antropologi dan motivasi manusia.

Kajian Maslow mendapati manusia mempunyai ciri-ciri yang hampir sama. Beliau menganggap, individu perlu bermotivasi untuk mencapai sesuatu matlamat. Motivasi lahir mengikut keperluan setiap individu. Oleh itu, teori Humanistik menekankan keseluruhan diri individu bergerak dan bukan hanya sebahagian daripada individu. Menurut Maslow, keperluan di tahap yang paling bawah atau primer harus dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang individu memikirkan tahap kedua. Ini bermakna, keperluan di peringkat kedua

tidak akan wujud jika keperluan di peringkat pertama tidak mencapai tahap kesempurnaan (Asmawati, 2002).

Maslow mendalami kajian psikologi dengan memberi tumpuan kepada pengalaman subjektif dan kehendak bebas. Beliau membangunkan hierarki keperluan manusia untuk menerangkan bagaimana seseorang bergerak dari keperluan asas iaitu fisiologi ke tahap yang lebih tinggi (aktualisasi diri). Beliau percaya bahawa pergerakan yang berjaya melalui setiap peringkat adalah penting dalam pembangunan personaliti. Individu-individu yang memperoleh aktualisasi diri mengikut peringkat dikatakan mewakili kesihatan dan psikologi yang berfungsi serta optimum.

Maslow (1943), menyatakan terdapat tiga jenis tingkah laku dalam diri manusia iaitu tingkah laku amat bermotivasi, tingkah laku lemah bermotivasi dan tingkah laku yang tidak didorong langsung. Maslow berpendapat bahawa belajar tingkah laku bermotivasi adalah penting di samping langkah-langkah pemerhatian akibat tingkah laku tersebut. Maslow (1964), menyifatkan manusia sebagai "*haiwan yang sentiasa inginkan sesuatu untuk kepuasan diri*". Apabila keperluan yang dikehendaki tidak dipenuhi, maka kesan negatif mungkin akan berlaku yang boleh menjejaskan kesihatan manusia. Beliau menegaskan keperluan yang mengancam matlamat asasi manusia dianggap sebagai ancaman psikologi yang boleh membahayakan keupayaan individu daripada berfungsi.

Maslow menerangkan bahawa, dalam diri setiap individu terdapat unsur keinginan sedar dan tidak sedar. Motivasi tidak begitu mudah untuk menentukan keinginan tetapi pada dasarnya ia mempunyai dua faktor utama iaitu dorongan dan rangsangan. Dorongan

memberi tumpuan kepada keperluan yang masih hidup seperti kebuluran dan perlindungan manakala rangsangan lebih kepada keperluan psikologi seperti cinta atau memenuhi impian.

Mengikut Maslow, organisma mempunyai satu sistem bersepadu iaitu perubahan dalam sesuatu bahagian akan memberikan kesan kepada bahagian-bahagian lain. Setiap perubahan mempunyai makna dan tujuan dalam merealisasikan serta membangunkan diri. Dalam teori Humanistik, keperluan manusia disusun dalam bentuk hierarki atau bertingkat. Setiap tahap keperluan dapat dipenuhi hanya apabila paras sebelumnya telah berpuas hati.

2.6.1 Keperluan Fisiologi

Set keperluan manusia yang paling asas adalah fisiologi. Ia dianggap sebagai pendorong yang paling asas dalam tingkah laku manusia iaitu makan, minum, bernafas, dan perkumuhan (Maslow, 1943). Keperluan fisiologi merupakan naluri manusia untuk terus hidup. Dalam hierarki Maslow, keperluan asas adalah yang paling penting dan akan benar-benar menguasai organisma apabila ianya tidak dipenuhi (Maslow, 1968). Manusia berusaha untuk mencapai keadaan *homeostasis*, yang terdiri daripada kestabilan fisiologi dan konsisten psikologi (Maslow, 1962) iaitu makan, minum, tidur dan aktiviti-aktiviti lain bagi mengekalkan *homeostasis* fizikal manakala tingkah laku menguasai kepuasan keperluan fisiologi. Apabila keperluan fisiologi menguasai seseorang individu tingkah laku lain akan terbantut. Oleh itu, keperluan fisiologi perlu dipenuhi terlebih dahulu untuk memberikan kepuasan kepada diri.

2.6.2 Keperluan Keselamatan

Setelah keperluan fisiologi dipenuhi, satu set keperluan yang berkaitan dengan keselamatan muncul sebagai pendorong utama tingkah laku (Maslow, 1943). Keselamatan fizikal, perlindungan daripada bahaya dan mendapatkan bahan-bahan yang mencukupi untuk mengekalkan hidup dianggap sebagai keperluan keselamatan. Keperluan keselamatan akan menjamin manusia supaya sesuatu perkara yang tidak diinginkan berlaku. Manusia cenderung untuk mencari konsisten dan sentiasa lebih suka kepada sesuatu yang baru. Sekiranya keselamatan terancam, seseorang menjadi bersendirian dan hanya tertumpu kepada cara mengelakkan bahaya tersebut sahaja. Maslow (1962), berpendapat kanak-kanak lebih cenderung dan suka akan dunia yang teratur dan selamat di mana bahaya atau kejadian yang tidak diduga jarang berlaku. Seperti keperluan fisiologi, keperluan keselamatan terhenti menjadi motivasi utama tingkah laku apabila keperluannya dipenuhi.

2.6.3 Keperluan Kasih Sayang

Kasih sayang adalah satu unsur yang paling penting dalam kehidupan seseorang manusia. Ia mempunyai satu jalan yang mempunyai dua hala. Cara terbaik untuk mendapatkan kasih sayang adalah dengan memberikan kasih sayang (Maslow, 1970). Kasih sayang yang tinggi akan melonjakkan seseorang menjadi manusia yang berjaya. Jika keperluan fisiologi dan keselamatan agak baik dan memuaskan, kasih sayang dan keperluan kepunyaan muncul untuk memberi motivasi kepada tingkah laku (Maslow, 1943). Ia tidak cukup untuk manusia semata-mata untuk menerima cinta. Ikatan sosial, termasuk pembangunan persahabatan, perkongsian dan kumpulan anutan adalah komponen penting yang

memuaskan keperluan sosial. Pelbagai jenis hubungan diperlukan untuk memenuhi sepenuhnya keperluan kasih sayang.

Rasa kepunyaan manusia penting untuk terus hidup dengan bergantung kepada kumpulan lain. Manusia moden berusaha untuk sesuatu yang lebih besar daripada kemampuan diri. Keahlian dalam perkahwinan, keluarga, kelab, sekolah, pasukan, masyarakat dan negara akan memberikan rasa kepunyaan serta memuaskan beberapa keperluan sosial. Kekurangan kasih sayang atau kebahagiaan akan mengurangkan tingkah laku.

2.6.4 Harga Diri

Harga diri merupakan istilah yang digunakan untuk menggambarkan imej atau perasaan keseluruhan seseorang atau nilai peribadi. Harga diri sering dilihat sebagai trait personaliti yang cenderung membolehkan seseorang menjadi kekal dan stabil. Harga diri boleh memberikan pelbagai kepercayaan tentang diri seperti penilaian, penampilan diri, kepercayaan, emosi dan tingkah laku seseorang. Buss (1995), menyatakan bahawa *harga diri (self-esteem)* adalah penilaian individu terhadap tingkah laku dan kehormatan diri seseorang. Harga diri diperoleh daripada diri sendiri dan penilaian orang lain terhadap kita. Seseorang individu akan memperoleh kejayaan dan memperlakukan tingkah laku sosial dengan yakin apabila keperluan harga dirinya dipenuhi (*self-confidence*) (Jordan et.al.2002).


Keperluan harga diri ini dapat digambarkan sebagai keinginan untuk menghormati diri berdasarkan penilaian tepat oleh diri sendiri dan orang lain yang dipercayai. Pembangunan harga diri membawa kepada perasaan keyakinan, kekuatan dan keupayaan diri. Sikap ini akan menggerakkan tingkah laku ke arah matlamat yang lebih tinggi (Maslow, 1943). Individu yang mempunyai kepuasan keperluan harga diri akan cenderung untuk menjadi sangat produktif. Walau bagaimanapun, keperluan harga diri juga boleh menghasilkan suasana tidak selamat dan rendah diri. Individu yang kecewa dalam keperluan diri akan menghadapi pengalaman-pengalaman sukar dan menjadi tidak menggalakkan dalam bidang yang diceburi.

2.6.5 Aktualisasi (Penyempurnaan diri)

Apabila fisiologi, keselamatan, kasih sayang, dan harga diri telah dicapai, keperluan aktualisasi muncul sebagai pendorong utama tingkah laku. Aktualisasi diri Maslow membentuk asas bagi satu wawasan psikologi baru di mana setiap potensi manusia bersifat semula jadi dan biasanya disekat atau digagalkan melalui kekurangan keperluan yang lebih rendah (Hoffman, 1988). Ancaman kepada pelbagai keperluan boleh dianggap sebagai faktor penghalang untuk aktualisasi diri.

Dalam teori Maslow, keperluan aktualisasi diri adalah keperluan manusia yang paling tinggi. Keperluan ini muncul apabila keperluan lain dipenuhi dengan baik. Keperluan aktualisasi diri adalah tanda keinginan individu dalam memperbaiki diri dan menampilkan potensi diri. Setiap individu akan merealisasikan diri dengan personaliti, keadaan, budaya dan faktor-faktor lain apabila aktualisasi dicapai. Dalam mencapai

kepuasan, seseorang mesti tidak kira peringkat tinggi yang telah dilangkau, jika masih tahap kepuasan di bawah tidak dipenuhi, beliau akan kembali ke tahap yang tidak pernah puas untuk mendapatkan kepuasan. Aktualisasi diri adalah satu proses yang unik dan sepanjang hayat. Maslow (1943), berpendapat bahawa individu berkelakuan dalam usaha untuk memenuhi keperluan hierarki.(Rajah 2.1)



Rajah 2.1 Hierarki Maslow

Teori Humanistik Maslow ini tertakluk kepada empat andaian iaitu:

- i) Manusia sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan yang lebih tinggi dan keperluan yang telah dipenuhi bukan lagi menjadi pendorong kepada seseorang.
- ii) Keperluan manusia adalah kompleks dan ia boleh menjejaskan perkembangan seseorang.
- iii) Keperluan yang rendah perlu dipenuhi sebelum ke peringkat yang lebih tinggi.
- iv) Terdapat banyak cara untuk memenuhi keperluan di peringkat yang lebih tinggi berbanding dengan yang rendah.

Menurut Maslow (1964), tidak semua orang berpuas hati dengan memenuhi semua keperluan. Beliau menganggarkan bahawa semua orang berpuas hati rata-rata mengikut perincian jadual 2.5 berikut:

Jadual 2.5 : Peratus keperluan yang dianggarkan.

Faktor	Peratus
Aktualisasi diri	5 - 10%
Harga Diri	40%
Kasih sayang	50%
Keselamatan	70%
Fisiologi	85%

Menurut Maslow (1970), Aktualisasi diri merupakan kemuncak kepada semua potensi manusia di mana kehidupan yang dinamik dan bersemangat tanpa memikirkan diri sendiri, memberikan penumpuan penuh dalam merealisasikan kesempurnaan. Orang yang tidak tertekan dengan rasa cemas, rasa bimbang, selamat, tersayang adalah orang yang mencapai aktualisasi. Ciri-ciri personaliti manusia yang telah mencapai tahap aktualisasi (kesempurnaan) sendiri adalah:

- i) Menunjukkan hidup yang penting dan berharga.
- ii) Menunjukkan nilai kesenian yang tinggi.
- iii) Mengamalkan kesucian dalam semua perkara.
- iv) Cepat mengenali antara satu sama lain dan menjalinkan silaturahim.
- v) Lebih responsif kepada penampilan peribadi.
- vi) Pandangan mereka adalah holistik, merentasi perbezaan budaya dan geografi.
- vii) Bekerjasama untuk manfaat diri sendiri dan orang lain.

- viii) Terpikat dan sangat mudah dihormati oleh orang lain.
- ix) Cenderung untuk menjadi pencipta .
- x) Menunjukkan kesucian dalam kehidupan.

Maslow (1970), menyatakan aktualisasi diri adalah kelebihan khas dalam diri untuk merealisasi seseorang dengan cara yang terbaik serta mampu melakukan sesuatu mengikut bidang yang diminati. Memandangkan bentuk aktualisasi diri setiap individu adalah berbeza, maka untuk mencapai tahap aktualisasi diri bukan mudah kerana pencapaian keperluan sebelumnya mungkin dipenuhi dengan halangan seperti perasaan takut yang dialami ketika kecil, keluarga miskin dan lain-lain lagi. Halangan ini akan mengganggu tahap pencapaian aktualisasi. (Koeswara, 2000).

Dalam *Tirukkural*, *Tiruvalluvar* memberi penekanan yang sama seperti Maslow. *Tiruvalluvar* menekankan tiga perkara yang penting dalam kehidupan kebenaran (*aram*), kebendaan (*poru!*) dan kebahagiaan (*inpam*). Setiap individu perlu memenuhi *aram* diikuti dengan *poru!* untuk mencapai *inpam*. Sekiranya *aram* dan *poru!* tidak dipenuhi, maka *inpam* atau kebahagiaan hidup tidak dapat diperoleh. Menurut *Tiruvalluvar*, pemeringkatan hierarki dari kebenaran (*aram*) kepada kebendaan (*poru!*) dan kebahagiaan (*inpam*) adalah sangat penting dan perlu dipenuhi setiap insan untuk mencapai kesempurnaan hidup. *Tiruvalluvar* memeringkatkan tahap penguasaan ketiga-tiga unsur mengikut tahap umur. Kanak-kanak perlu dipenuhi dengan kebenaran dan diikuti dengan kebendaan. Selepas mencari kebendaan baharu setiap insan bergerak ke tahap kebahagiaan iaitu mencari pasangan hidup. *Tiruvalluvar* mengungkapkan perkara yang diutarakan oleh Maslow dalam

setiap kuplet. Maka dapat dikatakan bahawa teori Humanistik Maslow amat signifikan dengan saranan *Tiruvalluvar* dalam mencapai aktualisasi diri.

2.7 Theory of Planned Behavior

“*Teori Planned Behavior*” sering digunakan dalam kajian tingkah laku. Teori ini digunakan sebagai *variable* berselang untuk menjelaskan hasrat dan tingkah laku seseorang individu. Teori ini dihasilkan oleh Icek Ajzen pada tahun 1985 sebagai asas pembentangan hasil kajian yang dijalankan. Teori ini merupakan perluasan daripada “*Theory Reasoned Action*”. Dalam *Theory Reasoned Action*, tingkah laku seseorang individu diperincikan oleh dua faktor utama iaitu “*attitude toward the behavior*” dan “*norm subjective*” (Fishbein & Ajzen, 1971). *Teori Planned Behavior* adalah lanjutan daripada *Teori Reasoned Action* di mana satu faktor ditambah iaitu “*perceived behavioral*” (Ajzen, 1991). Penambahan faktor tersebut adalah untuk membentuk tingkah laku seseorang dalam semua bidang yang terlibat. Maka, penyelidik telah menggunakan “*Theory of Planned Behavior*” sebagai alat pengukuran dalam kajian ini.

Menurut Ajzen (2004), Tingkah laku adalah faktor kemahuan atau kehendak untuk melakukan sesuatu. Berbagai hasrat dibentuk untuk melakukan sesuatu tingkah laku. Dalam teori ini terdapat tiga faktor yang memenuhi hasrat fikiran iaitu:-

- i) Sikap terhadap sesuatu tingkah laku
- ii) Norma subjektif terhadap tingkah laku
- iii) Persepsi tentang kawalan tingkah laku

Teori ini diasaskan atas kepercayaan untuk mendorong seseorang melakukan tingkah laku tertentu. Pendekatan kepercayaan dikaitkan dengan pelbagai ciri, kualiti dan sifat berdasarkan informasi yang dimiliki dalam membentuk tingkah laku. Pendekatan dalam *Teori of Planned Behavior* dikhususkan kepada tingkah laku spesifik yang dilakukan oleh individu dan dapat digunakan dalam semua tingkah laku secara umum (Ajzen dalam Yuliana, 2004).

2.7.1 Hasrat

Hasrat merupakan niat sesuatu perwakilan kognitif iaitu kesediaan individu untuk memaparkan tingkah laku. Secara khususnya, teori ini menjelaskan hasrat untuk melakukan tingkah laku sesuatu petunjuk kecenderungan seseorang individu yang boleh diukur melalui tiga indikator iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku.

2.7.2 Sikap terhadap Tingkah Laku

Sikap terhadap tingkah laku berasaskan kepercayaan dan disebut sebagai kepercayaan tingkah laku (*behavioral belief*) iaitu kepercayaan individu mengenai kesan positif dan negatif yang diperoleh oleh seseorang individu daripada melaksanakan tingkah laku. Menurut Lo Choi Tung (2011), sikap terhadap tingkah laku adalah sejauh mana seseorang mempunyai penilaian yang baik atau buruk terhadap sesuatu tingkah laku. Ia bergantung kepada penilaian individu tersebut terhadap hasil yang diharapkan terhadap sesuatu tingkah laku. Walaupun seseorang itu mungkin mempunyai banyak kepercayaan tentang akibat melakukan tingkah laku tetapi hanya sebahagian kecil daripada bilangan

kepercayaan itu yang boleh diakses terhadap sesuatu kesan tingkah laku yang digelar penilaian *outcome*. Sikap adalah kecenderungan yang dipelajari untuk memberi respon secara berterusan.

2.7.3 Norma Subjektif

Teori of Planned Behavior memperlihatkan elemen sosial tingkah laku melalui norma subjektif. Norma subjektif adalah persepsi seseorang tentang pemikiran orang lain yang mendukung dalam melakukan sesuatu. Lo Choi Tung (2011), menyatakan bahawa norma subjektif merujuk kepada tekanan sosial yang dilihat oleh individu untuk melakukan atau tidak melakukan tingkah laku. Norma subjektif ini ditentukan antara kombinasi kepercayaan individu tentang penerimaan sesuatu tingkah laku. Ajzen (1975), menjelaskan bahawa motivasi untuk mematuhi salah satu daripada perkara yang memberi kesan kepada nilai norma subjektif tingkah laku yang dipengaruhi oleh kuasa-kuasa sosial. Kuasa-kuasa sosial ini terdiri daripada ganjaran dan hukuman yang diberikan kepada individu.

2.7.4 Kawalan Tingkah Laku

Ajzen (2006), kawalan tingkah laku dilihat sebagai fungsi berdasarkan kepercayaan iaitu kepercayaan individu mengenai faktor-faktor yang menyokong tingkah laku berdasarkan pengalaman lalu. Kawalan tingkah laku akan mempengaruhi hasrat tingkah laku individu. Ajzen (2006), memperlihatkan hasrat dan kawalan tingkah laku memberi kesan ke atas tingkah laku seseorang individu tetapi kedua-dua unsur tersebut tidak mempunyai hubungan signifikan kerana setiap individu mempunyai kawalan penuh terhadap tingkah

laku. Menurut Lo Chai Tung (2011), kawalan tingkah laku adalah berkaitan dengan kepercayaan tentang adanya sokongan dan sumber atau halangan untuk melaksanakan tingkah laku. Kawalan tingkah laku merupakan persepsi terhadap kekuatan faktor-faktor yang menyenangkan atau menyusahkan seseorang.

2.7.5 Faktor luaran yang mempengaruhi sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan sikap

Berdasarkan teori ini ada tiga *variabel* yang menentukan hasrat tingkah laku iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan sikap. Ketiga-tiga *variable* ini dipengaruhi oleh berbagai faktor luaran yang dimiliki oleh individu. Individu yang lahir dalam lingkungan sosial yang berbeza akan memperoleh pengalaman dan pengetahuan yang berbeza dan akan menjadi penentu kepada tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan sikap.


Menurut Ajzen dan Fishbein (2005), teori ini digunakan untuk membawa perubahan sikap terhadap tingkah laku seseorang. He, Kramer, Houser, Chomitz dan Hacker (2004), menyatakan teori ini menitikberatkan kefahaman terhadap perubahan sikap yang berasaskan perlakuan menerusi tiga faktor utama, iaitu faktor persekitaran, demografi dan personaliti.

Persekitaran yang dimaksudkan adalah tekanan yang dihadapi daripada rakan sebaya atau ibu bapa, pengesanan sesuatu penyakit yang memerlukan perubahan sikap serta pengaruh media massa yang memberikan keutamaan perlakuan. Faktor demografi pula

berkaitan dengan kelas sosial, pendapatan, taraf pendidikan, umur, jantina, bangsa, agama dan sebagainya yang menjadi komponen utama yang akan mempengaruhi perubahan sikap seseorang individu. Akhirnya faktor personaliti merujuk kepada kesejahteraan, kawalan emosi, penampilan dan keperibadian unggul yang menjadi idaman setiap individu.

Ketiga-tiga faktor ini akan mempengaruhi perubahan sikap dari awal hingga akhir. Di peringkat awal, setiap individu mempunyai keyakinan dan tanggapan positif terhadap tingkah laku baru dan tindakan yang ingin dilakukan. Setiap individu perlu memiliki keyakinan yang tinggi dan bertindak secara normal walaupun dicabar oleh faktor-faktor latar belakang. Peranan motivasi dalaman dan luaran yang berbentuk subjektif juga akan mendorong melakukan tindakan perubahan sikap secara berterusan. Pengalaman, pengetahuan, keterampilan, kemudahan dan masa yang sesuai perlu diberikan keutamaan kerana kesemua aspek ini akan menentukan kemampuan mengawal tingkah laku terhadap perubahan sikap serta mendorong untuk membuat keputusan dan bertindak secara berkesan.

Berdasarkan teori ini, perubahan sikap tidak akan berlaku tanpa sebarang usaha untuk mengatasi faktor-faktor yang menjadi pendorong kepada sesuatu masalah. *Tirukkural* sebagai agen perubahan harus membentuk insan holistik, membantu setiap individu menyedari kepentingan kesejahteraan yang optimum dan bertindak mengatasi sesuatu fenomena berasaskan teori supaya mudah difahami. Di samping itu, setiap individu dapat menilai diri dan mengambil tindakan untuk meningkatkan sahsiah diri dengan menganalisis faktor-faktor yang menjadi penyumbang utama masalah. Rajah 2.6



Rajah 2.2 Teori Planned Behavior

2.8 Teori Penaakulan Kohlberg

Lawrence Kohlberg seorang profesor di Universiti Harvard terkenal pada awal 1970-an sebagai seorang ahli psikologi perkembangan dan bidang pendidikan moral. Beliau amat terkenal dengan teori perkembangan moral melalui kajian penyelidikan yang dijalankan di Pusat Harvard untuk Pendidikan Moral. Teori perkembangan moral beliau adalah lanjutan daripada pemikiran ahli psikologi Swiss Jean Piaget dan ahli falsafah Amerika John Dewey. Ahli-ahli psikologi ini telah menekankan bahawa manusia berkembang secara falsafah dan psikologi dengan cara yang progresif.

Kohlberg (dalam Glover, 1997), mendefinisikan penaakulan moral adalah penilaian nilai, penilaian sosial dan penilaian terhadap kewajipan mengikut individu dalam melaksanakan tindakan. Penaakulan moral digunakan sebagai peramal untuk melakukan tindakan-tindakan tertentu dalam situasi yang melibatkan moral. Ini selaras dengan apa yang dicadangkan oleh Rest (1986), iaitu penaakulan moral adalah konsep asas individu untuk menganalisis isu-isu sosio-moral dan menilai terlebih dahulu sesuatu tindakan yang dilakukan.

Penaakulan moral berdasarkan Kohlberg (1981), adalah satu pemikiran tentang isu moral. Fikiran merupakan satu prinsip yang digunakan dalam menilai dan melakukan sesuatu perbuatan dalam keadaan moral yang dinyatakan sebagai penaakulan moral. Penaakulan moral merupakan petunjuk kepada tahap atau peringkat kematangan moral. Kohlberg (dalam Loganathan, 1995), menyatakan proses pembangunan penaakulan moral adalah satu proses aliran pengembangan menuju ke arah struktur yang lebih menyeluruh

dan mengimbangi berbanding dengan struktur sebelumnya. Kohlberg telah menggunakan dilema hipotetikal untuk menentukan peringkat pemaakulan moral. Menurut Colby dan Kohlberg (1987), setiap pertimbangan moral yang dibuat oleh individu menggambarkan peringkat terkini perkembangan moral mereka.

Menyedari kepentingan perkembangan pemaakulan moral dalam kehidupan manusia, Lawrence Kohlberg mengembangkan penyelidikan tentang pemikiran peraturan konvensional sosial kepada tiga tahap pemaakulan moral iaitu pra konvensional, konvensional, dan pasca konvensional. Menurut Walker dan Moran (1991), teori ini dapat diaplikasikan di serata dunia. Kohlberg percaya orang mencapai kemajuan dalam pemaakulan moral dari aspek tingkah laku berdasarkan tiga tahap, akan melalui enam peringkat yang berlainan dari aspek hubungan antara diri, masyarakat dan jangkauan. Peringkat pemaakulan diklasifikasikan seperti berikut (Kohlberg 1984).

2.8.1 Tahap 1 : Pra Konvensional

Di peringkat ini, kanak-kanak respon kepada peraturan budaya berkaitan perkara baik dan buruk, atau betul dan salah. Tetapi ia ditafsirkan sebagai mengelakkan hukuman atau untuk mendapat hadiah. Tahap ini biasanya ditemui pada usia 4-10 tahun. Di peringkat ini, perasaan dominan adalah ketakutan. Terdapat dua tingkat di peringkat ini iaitu:-

2.8.1.1 Tingkat 1 : Orientasi Hukuman dan Pematuhan

Tahap hukuman dan pematuhan ini biasanya terdapat di peringkat sekolah rendah. Perbuatan mengikut norma-norma sosial ini dipengaruhi oleh orang di sekeliling seperti ibu bapa dan guru. Kanak-kanak melakukan perbuatan semata-mata untuk mengelakkan hukuman dan tertakluk kepada kuasa tanpa mempersoalkannya. Hukuman dikenakan supaya mengelak diri daripada melakukan tindakan dan terus mematuhi peraturan. Perbuatan mereka akan dinilai kerana ia berharga.

2.8.1.2 Tingkat 2 : Orientasi Individual dan Perubahan

Perkara yang betul adalah perbuatan yang memenuhi keperluan sendiri dan juga kadangkadang orang lain. Seseorang itu dikatakan menilai moral sesuatu tindakan berdasarkan cara ia memenuhi keperluan individu. Tindakan ini bukan kerana kesetiaan, penghargaan atau keadilan malah untuk memenuhi kehendak. Dalam teori Kohlberg, tindakan di peringkat ini dikatakan tepat dari segi moral disebabkan keperluan pelaku.

2.8.2 Tahap 2 : Konvensional

Tingkat ini mencari idea mengenai moral awam. Di peringkat ini seseorang menyedari dirinya sebagai anggota dalam keluarga, masyarakat dan negara. Kecenderungan individu pada peringkat ini adalah untuk menyesuaikan diri dalam pertubuhan dan memperkenalkan diri mereka kepada kumpulan sosial. Ini kerana mereka mendapati sekiranya menyimpang dari kumpulan ini maka mereka akan diasingkan. Di peringkat ini perasaan malu yang

mendominasikannya. Tahap ini terdiri daripada umur 10 hingga 13 tahun. Peringkat ini juga mempunyai dua tingkat pembangunan moral iaitu 3 dan 4. Moral konvensional dapat membantu dalam menilai tindakan.

2.8.2.1 Tingkat 3 : Orientasi Persetujuan antara Individu

Individu mula mengisi peranan sosial dalam masyarakat. Konsep seperti kesetiaan, kepercayaan dan rasa terima kasih mula dikenali. Individu akan mengadili suatu tindakan berdasarkan peranan sosial dan jangkaan sosial terhadapnya. Tahap ini juga dikenali sebagai hubungan *interpersonal* kerana individu menganggap sesuatu perkara itu benar jika ia memenuhi kehendak orang ramai dan dikatakan tidak baik jika ia melanggar peraturan sosial.

2.8.2.2 Tingkat 4 : Orientasi Undang-undang dan Ketenteraman

Di tahap ini, seseorang individu boleh melihat sistem sosial keseluruhan. Peraturan dalam masyarakat adalah asas kepada kewajipan yang baik dan tidak baik. Setiap individu mendapati adalah penting untuk menunjukkan rasa hormat kepada pihak berkuasa. Selain itu, individu mempercayai mematuhi undang-undang dan peraturan adalah untuk menjaga ketenteraman dan fungsi sosial. Mereka berpendapat tingkah laku yang baik adalah semata-mata melakukan tugas seseorang.

2.8.3 Tahap 3 : Pasca Konvensional

Tingkat ini digelar sebagai prinsip bermoral. Kohlberg berasa tingkat ini tidak dicapai oleh majoriti orang dewasa. Di peringkat ini, terdapat usaha untuk merumuskan nilai-nilai dan prinsip-prinsip moral yang mempunyai kesahan dan aplikasi. Semua prinsip-prinsip kebaikan atau keburukan ditakrifkan dengan lebih besar dan bukannya pada peraturan yang ditentukan. Fasa ini akan bermula dari awal remaja hingga umur seterusnya. Terdapat dua tingkat di peringkat ini iaitu 5 dan 6.

2.8.3.1 Tingkat 5 : Orientasi Perjanjian Sosial

Peringkat ini memberikan penekanan lebih kepada praktikal. Perbuatan yang baik dikira berdasarkan hak-hak individu dan orang ramai yang telah dikaji secara kritikal dan dipersetujui oleh seluruh masyarakat. Individu memerlukan pemahaman pertolongan sosial dan minat yang mendalam terhadap kesejahteraan orang lain dengan mendapatkan pelbagai pendapat dan nilai orang yang berbeza sebelum membuat keputusan mengenai tindakan moral.

2.8.2.2 Tingkat 6 : Orientasi Prinsip Etika Sejagat

Hak individu ditentukan oleh keputusan hati nurani sesuai dengan prinsip-prinsip etika yang dipilih sendiri dan merujuk kepada komprehensif logik dan konsisten. Individu menganggap prinsip etika diterima secara universal dan mungkin melanggar undang-

undang dan peraturan berdasarkan prinsip keadilan sendiri. Tiga tahap dan enam peringkat penaakulan moral Kohlberg akan diringkaskan seperti jadual 2.6 di bawah.

Jadual 2.6 Tingkat dan tahap penaakulan moral

Tingkat	Tahap	Orientasi Sosial
Pre-konvensional	1	Orientasi hukuman dan pematuhan
	2	Orientasi individual dan perubahan,
Konvensional	3	Orientasi persetujuan antara individu.
	4	Orientasi undang-undang dan peraturan
Post-konvensional	5	Orientasi kontrak sosial
	6	Orientasi prinsip etika sejagat

Keenam-enam tahap penaakulan moral yang dikemukakan oleh Kohlberg (1978), dapat mencungkil penaakulan moral seseorang individu dan memberikan pertimbangan moral terhadapnya. Kohlberg percaya setiap individu hanya boleh mencapai penaakulan moral melalui peringkat demi peringkat. Oleh itu, adalah penting untuk melihat kewajaran tahap moral yang lebih tinggi dan menggalakkan perkembangan penaakulan moral ke arah tahap tersebut. Kohlberg (1984), percaya pembangunan moral boleh dipromosikan melalui pendidikan formal dan interaksi sosial.

Menurut Snarey (1985), perkembangan penaakulan moral berlaku seiring dengan peningkatan usia namun, kadar perkembangan moral individu mungkin berbeza dari satu negara dengan negara yang lain kerana dipengaruhi oleh budaya bangsa di negara tersebut. Penaakulan moral dapat menentukan tindakan yang akan diambil apabila memberi respon

kepada dilema-dilema moral berbentuk hipotetikal serta memberikan alasan ke atas tindakan yang diambil. Menurut Kohlberg (1984), peringkat-peringkat perkembangan moral adalah bersifat hierarki, lebih menyeluruh, tidak varian iaitu melalui susunan peringkat.

Kohlberg (1981), percaya perkembangan moral bukan sahaja melibatkan usaha memupuk nilai-nilai murni malah perkembangan moral melibatkan proses transformasi struktur kognitif iaitu bergantung kepada keberkesanan kematangan intelek dan penyesuaian diri terhadap persekitarannya (Duska & Whelan, 1975). Apabila teori ini dikaitkan dengan *Tirukkural*, ia memeringkatkan tahap penaakulan sama dengan teori ini. *Tirukkural* yang mempunyai tiga bidang utama dan setiap bidang tersebut mempunyai peringkat pemahaman untuk menggalakkan penaakulan nilai-nilai murni secara mudah. Selain itu, kuplet *Tirukkural* dari tahun 1 hingga tingkatan lima mempunyai tahap penyusunan dan penaakulan yang berbeza.

2.9 Rumusan

Dalam bab kedua penyelidik telah mengetengahkan maksud *Tirukkural* dan holistik secara terperinci. Kajian-kajian lampau *Tirukkural* dan holistik dalam negara dan luar negara juga dibincangkan secara detail dalam bab ini. Kajian jurnal dan buku yang dibincangkan dapat memberi pemahaman jelas tentang bidang yang dikaji. Kajian-kajian ini menjadi landasan kepada kajian penyelidik. Selain itu, penyelidik telah membincangkan teori-teori yang digunakan dalam kajian ini. Sebanyak tiga teori telah dikaji dan diaplikasikan iaitu Teori

Humanistik, Teori Planned Behavior dan Teori Penaaakuan Kohlberg . Ketiga-tiga teori ini sangat berkait dengan pembentukan insan holistik melalui *Tirukkural*.

Kesemua kajian jurnal dan karya-karya buku yang dikaji oleh penyelidik membantu merangka perjalanan kajian ini. Kebanyakan kajian yang telah dibincangkan merangkumi bidang *Tirukkural*, holistik, jasmani, emosi, rohani, intelek dan berkaitan dengan pendidikan tetapi belum ada kajian yang menjurus ke arah *Tirukkural* yang terkandung dalam sukatan pelajaran atau kurikulum. Oleh yang demikian penyelidik bercadang mengkaji keberkesanan kesemua 51 kuplet *Tirukkural* yang terkandung dalam kurikulum bahasa Tamil ke arah pembentukan insan holistik dalam empat komponen iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kajian ini juga dapat membicarakan sejauh mana pengamalan kuplet *Tirukkural* di sekolah? Adakah pengajaran pembelajaran *Tirukkural* membawa kesan kepada pengamalan nilai-nilai *Tirukkural*? Apakah perubahan yang harus dilakukan dalam pemupukan nilai-nilai *Tirukkural* kepada pelajar?. Kajian ini akan menjadi asas dan perintis untuk kajian-kajian lanjutan ke arah pembentukan sukatan pelajaran bahasa Tamil yang lebih sempurna ke arah pembentukan insan yang holistik.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN


3.1 Pengenalan

Dalam melakukan sesuatu kajian ilmiah, metodologi kajian adalah unsur yang paling penting. Metodologi adalah proses yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan data bagi tujuan membuat keputusan serta mencapai objektif. Menurut Wiersma (2000), penyelidikan adalah satu proses untuk mengumpul, menganalisis dan menterjemahkan maklumat yang diperoleh bagi menjawab hipotesis dan persoalan kajian yang diutarakan oleh penyelidik. Metodologi pula cara untuk menyelesaikan setiap proses dan prosedur kajian dengan tepat.

Metodologi dapat membantu penyelidik mengumpul dan menganalisis data dengan lebih mudah dan tepat. Mengikut Chua Yan Piaw (2006), Gay dan Airasian (2000), Morrow, Jackson, Disch dan Mood (2005), metodologi kajian adalah prosedur pengumpulan data, pensampelan, penganalisan data dan instrumentasi kajian. Metodologi kajian harus dijadikan panduan serta direka dengan tepat dan teliti untuk mengelakkan unsur bias.

Kandungan dalam bab ini menghuraikan metodologi kajian yang menyentuh reka bentuk kajian, tempat kajian, sampel kajian, instrumen kajian, populasi kajian, responden kajian, langkah-langkah pemilihan sampel, lokasi kajian, kajian rintis, analisis kajian kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Selain itu, bab ini juga akan menghuraikan prosedur pengumpulan data dan prosedur penganalisan data statistik dengan jelas. Maklumat dalam bab ini membantu penyelidik mengumpul data dan menganalisis data dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Kaedah kajian dalam bab ini dibincangkan untuk mendapatkan maklumat keberkesanan *Tirukkural* ke arah pembentukan insan holistik berdasarkan kandungan kurikulum dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil sekolah rendah dan sekolah menengah. Dapatan kajian ini diperoleh daripada responden masyarakat Tamil dari seluruh Malaysia yang telah menamatkan pelajaran di tingkatan lima dan telah mempelajari bahasa Tamil di sekolah rendah dan sekolah menengah. Dapatan ini sangat penting untuk mengetahui sejauh mana persepsi dan realiti penguasaan serta pengamalan *Tirukkural* yang telah dipelajari di peringkat sekolah. Prosedur kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik dapat dilihat secara ringkas daripada rajah 3.1 di bawah.



Rajah 3.1 Prosedur Kajian

3.2 Reka Bentuk Kajian

Menurut Babbie (2001), reka bentuk kajian merupakan perancangan khusus dan sistematik berasaskan satu tatacara pengelolaan data yang dipungut melalui penyelidikan. Manakala Thyer (1993), menyatakan reka bentuk sebagai satu pelan terperinci yang menerangkan sesuatu kajian, pengukuran ke atas variabel, pemilihan sampel, pengumpulan data untuk digunakan dalam analisis, pengujian hipotesis dan penganalisan keputusan. Bogdan dan Biklen (1998), menyatakan bahawa kaedah kajian yang dipilih haruslah bersesuaian dengan persoalan kajian. Reka bentuk kajian ini menggunakan gabungan dua kaedah dalam mengumpul data iaitu kualitatif dan kuantitatif. Ini kerana penyelidik berpendapat kedua-dua kaedah tersebut sangat penting untuk mendapatkan data yang relevan.

Penyelidikan kuantitatif merupakan kaedah penyelidikan berasaskan numerik atau nombor yang dapat mengumpulkan data numerik dan dianalisis dengan menggunakan ujian statistik (Chua, 2012). Dalam kajian kuantitatif, pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam satu-satu fenomena telah dipecahkan kepada item dan masalah kajian yang dinyatakan dalam bentuk hipotesis. Ini akan dilakukan untuk menguji teori, membina fakta dan menyatakan perhubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian (Chua, 2012). Kaedah kualitatif berbentuk penghuraian data dalam bentuk teks, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen teks direka untuk membantu penyelidik memahami persekitaran dan menjelaskan fenomena yang sudah dan akan berlaku (Chua, 2012). Merriam (1998), pula mengutarakan teknik temu bual adalah cara yang lazim digunakan untuk mengutip data deskriptif.

Kajian kaedah campuran (*Mixed Method Research*) adalah kombinasi kaedah, falsafah dan haluan reka bentuk penyelidikan (Creswell and Clark, 2011). Kaedah ini akan membantu penyelidik mengumpul dan menganalisis data secara teliti dan meyakinkan. Newman dan Benz (1998), menjelaskan:

“ All behavioral research is made up of a combination of qualitative and quantitative constructs...We believe that conceptualizing the dichotomy (using separate and distinct categories of qualitative and quantitative research) is not consistent with a coherent philosophy of science ”

Penggabungan antara kualitatif dan kuantitatif dalam satu kaedah pernah dijalankan oleh para penyelidik dengan menyatukan prosedur pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif secara bersama. Creswell (2009), menyetujui gabungan dua kaedah kajian akan membantu menjawab soalan kajian:-

- sekiranya salah satu kaedah tidak dapat menjawab soalan kajian.
- sekiranya kajian kualitatif perlu disusuli dengan kajian kuantitatif atau sebaliknya untuk mendapatkan data yang lebih banyak, terperinci dan khusus.
- untuk menjalankan kajian di peringkat ijazah tinggi yang kurang memberikan tumpuan kepada kaedah kualitatif.

Dalam hal ini, persoalan kajian yang dikaji ialah sejauh manakah *Tirukkural* dapat menyumbang ke arah pembentukan insan holistik. Maka penyelidik telah mengumpul data-data yang berkaitan untuk objektif dan persoalan kajian. Penyelidik telah menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan data yang cukup untuk menjawab soalan kajian. Penyelidik juga telah menggabungkan teknik temu bual bagi mengukuhkan dapatan melalui soal selidik. Penyelidik yakin gabungan kedua-dua teknik akan memberikan data yang

terperinci dan khusus. Subjek kajian dibahagikan kepada beberapa kumpulan seperti jantina (lelaki & perempuan) dan agama (Hindu, Islam & Kristian) kerana mereka mempunyai ciri-ciri pemboleh ubah yang berbeza antara satu sama lain. (Cicciarella, 1997; Isaac & Michale, 1982; McBurney, 1998; Tuckman, 1972).

3.3 Populasi Kajian

Dalam kajian ini, populasi adalah masyarakat India yang berumur di antara umur 18 hingga 40 tahun di Semenanjung Malaysia. Memandangkan populasi kajian ini adalah sangat ramai dan sukar untuk diuji, penyelidik memilih sebahagian daripada populasi tersebut sebagai populasi bagi mengatasi masalah ini (Ary, Jacob & Razavieh, 1990, 1996; Mc Burney 1998; Thomas & Nelson, 1990). Bagi pemilihan populasi kajian secara rawak berlapis, penyelidik perlu menentukan populasi kajian diikuti dengan persampelan untuk mendapatkan sampel kajian sebenar yang mewakili populasi kajian (Cicciarella, 1997).

3.4 Responden Kajian

Responden dipilih daripada 4 zon iaitu zon utara, zon tengah, zon selatan dan zon pantai timur. Penyelidik telah memilih 420 orang sampel untuk menjayakan kajian ini. Etika penyelidik dan hak individu yang menjadi subjek kajian perlu dipertimbangkan dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan. Menurut Baumgartner, Strong dan Hensley (2002), “*confidentiality*” atau kerahsiaan adalah salah satu aspek penting dalam etika penyelidikan. Kerahsiaan merujuk kepada keupayaan mengaitkan sesuatu maklumat atau data dengan

identiti seseorang. Sehubungan itu, nama-nama responden yang terlibat dalam kajian ini dirahsiakan untuk tujuan kajian.

Responden kajian ini terdiri daripada masyarakat Malaysia berketurunan Tamil berumur di antara 18 hingga 40 tahun yang mempunyai pendidikan asas bahasa Tamil di sekolah rendah dan sekolah menengah. Walaupun penyelidik ingin mengkaji sejauh mana kurikulum *Tirukkural* yang dipelajari dari Tahun satu hingga SPM dapat membentuk insan holistik, penyelidik tidak memilih pelajar sekolah sebagai responden. Ini kerana pelajar sekolah sedang melalui pembelajaran *Tirukkural* dan sukar untuk menjawab kuplet maksud yang dipelajari. Kebanyakan pelajar di sekolah hanya habis belajar kuplet *Tirukkural* di penghujung tingkatan lima. Oleh itu, penyelidik memilih responden yang benar-benar tamat pembelajaran di peringkat tingkatan lima ketika umur 17 tahun. Maka penyelidik memilih responden berumur 18 tahun sehingga 40 tahun. Ini adalah kerana penyelidik mahu responden telah melalui alam persekolahan dan mengamalkan *Tirukkural* dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, alam remaja inilah yang menjanjikan responden dapat menjalani pengalaman dan mengetahui liku-liku hidup.

Ketika di alam persekolahan, kebanyakan pelajar jarang menghayati apa yang dipelajarinya kerana pelajar mempelajari sesuatu perkara hanya semata-mata untuk peperiksaan. Selepas alam persekolahan, pelajar mempunyai dunia yang luas untuk berfikir dan menjalani kehidupan. Di sinilah mereka mempunyai ruang untuk memikirkan dan mengamalkan perkara yang dipelajarinya di peringkat sekolah. Maka pemilihan umur 18 tahun hingga 40 tahun menggambarkan kematangan fikiran dan pengetahuan melalui

pembelajaran yang dapat membantu mengaplikasikan nilai-nilai murni yang dipelajari di peringkat sekolah.

Pemilihan responden adalah secara rawak berlapis tetapi memenuhi kriteria kajian iaitu melalui pendidikan awal di sekolah Tamil (tahun satu) dan mempelajari bahasa Tamil sehingga di peringkat SPM (tingkatan lima). Hal ini disebabkan kerana soal selidik yang diberikan kepada responden adalah daripada kuplet *Tirukkural* yang dipelajari dari tahun satu hingga tingkatan lima. Pelajar yang menamatkan tingkatan lima telah pun mempelajari keseluruhan *Tirukkural* yang terdapat dalam kurikulum.

Rohaizahtulamni Radzlan et.al (2013), dalam kajian "*Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Rukun Negara Dalam Kalangan Belia Malaysia*" telah menggunakan sampel belia yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Menurut kajian beliau, tempoh umur belia yang panjang akan memberikan data yang lebih relevan. Maka penyelidik juga memilih sampel kajian yang berumur 18 hingga 40 dalam kajian ini. Penyelidik menjadikan kajian Rohaizahtulamni Radzlan et.al (2013), sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini. Selain itu, penyelidik merujuk beberapa kajian berdasarkan peringkat umur bagi mengukuhkan pemilihan responden berumur 18 tahun ke atas.

Tambahan pula, menurut Robert Havighust (1953), perkembangan personaliti seseorang dipengaruhi oleh nilai, norma, budaya dan faktor lain seperti biologi, sosial, dan psikologi. Umur di antara 18-22 tahun adalah satu jangka masa remaja memperoleh autonomi daripada ibu bapa dan mula membentuk identiti sendiri, mematuhi nilai moral masyarakat dan mula memilih kerjaya sendiri. Sigmund Frued (1915), pula menyatakan

umur melebihi 18 tahun ke atas merupakan alam bersosialisasi di mana remaja mula berfikir sesuatu dengan teliti untuk kepentingan diri sendiri. Menurut Shahrin Hasyim dan Yusof Boon (2008), dalam bukunya "*Psikologi perkembangan*", beliau menyatakan bahawa umur seseorang di antara 18-21 tahun menandakan seseorang:

- i) sudah mula mengetahui keadaan dirinya yang sebenar.
- ii) sudah mula membuat rancangan kehidupannya.
- iii) sudah mula memilih hala tuju hidup yang hendak ditemuinya.
- iv) jiwa sudah mula tenang.
- v) sebagai persediaan untuk melalui alam remaja.
- vi) menunjukkan sikap positif dalam menentukan dan membuat keputusan.

Menurut Erikson (1968), Psikososial tahap ke 6, kemesraan atau pengasingan diri (umur 20 - 40 tahun), adalah alam seseorang manusia mencapai puncak kehidupannya baik dari segi fizikal, intelektual, emosi dan spiritual. Umur 40 tahun adalah alam seseorang remaja benar-benar telah meninggalkan usia mudanya dan melangkah ke usia dewasa yang sebenar. Pada peringkat ini, seseorang dewasa sudah mendirikan rumah tangga serta berkongsi hidup bersama, menerima nikmat yang sempurna dan kecenderungan untuk beramal secara positif.

3.5 Prosedur Pemilihan Sampel

3.5.1 Sampel Kajian

Penyelidik telah mengambil sampel seramai 420 orang secara rawak berlapis sebagai sampel kajian soal selidik. Bilangan ini dapat mewakili populasi penduduk masyarakat India yang telah melalui pendidikan Tamil. Untuk kajian temu bual pula, penyelidik menggunakan temu bual berfokus dengan memilih seramai 10 orang daripada pelbagai bidang untuk mengukuhkan dapatan kajian.

Miles dan Huberman (1984), dan Patton (1990), mencadangkan bilangan peserta kajian yang kecil boleh menggambarkan kumpulan yang besar. Ia dapat mewakili satu kumpulan yang besar. Kaedah pensampelan rawak mudah (*simple random sampling*) digunakan untuk memilih responden kajian. Menurut Chua (2006), kaedah pensampelan rawak berlapis mudah digunakan untuk memastikan setiap subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden.

Penyelidik telah menggunakan *metod sampling* atau pensampelan seperti disarankan oleh Idris Awang (2001), di mana asas yang penting dalam membentuk sampel hendaklah mewakili populasi atau golongan, fenomena atau kawasan yang dikaji. Penyelidik memilih reka bentuk pensampelan *cluster sampling* kerana ianya didapati lebih sesuai digunakan untuk kajian yang tidak menganggap perbezaan antara unit-unit sampel sebagai signifikan. Penyelidik memilih sampel daripada kalangan masyarakat India yang berbeza umur, taraf pendidikan, agama, lokasi dan tempat tinggal supaya memperoleh data yang relevan. Bagi

mengelakkan berlakunya *bias* dalam proses pemilihan, penyelidik sama ada secara sedar atau tidak sedar, tidak boleh mempengaruhi sesiapa yang telah dipilih sebagai sampel (R.Fraenkel 1996).

Sampel kajian ini diperoleh dari empat zon iaitu utara, selatan tengah dan pantai timur Semenanjung Malaysia yang melibatkan warganegara Malaysia berketurunan Tamil. Zon utara mewakili negeri Kedah dan Pulau Pinang. Manakala zon tengah pula mewakili Perak, Selangor dan Kuala Lumpur. Zon selatan pula mewakili Melaka, Negeri Sembilan dan Johor Baharu. Zon pantai timur pula mewakili Pahang dan Kelantan. Perlis dimasukkan dalam senarai negeri Kedah kerana bilangan responden adalah kecil. Negeri Terengganu tidak dimasukkan di dalam senarai ini kerana tidak ada sekolah Tamil dan pendidikan Tamil. Pemilihan empat zon disebabkan responden dapat mewakili seluruh populasi masyarakat Tamil di Semenanjung Malaysia. Pelbagai latar belakang seperti agama, pendidikan, kategori umur, jantina, lokasi turut dijadikan sebagai alat pengukuran bagi pemilihan seorang responden dalam kajian ini. Dapatan kajian ini hanya boleh di generalisasi kepada masyarakat Tamil di Semenanjung Malaysia.

Saiz sampel yang dipilih merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel yang telah disediakan seperti jadual Krejcie & Morgan (1970) dalam jadual 3.1

Jadual 3.1 Jadual Pensampelan

TABLE FOR DETERMINING SAMPLE SIZE FROM A GIVEN POPULATION

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	26	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	106	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	181	1200	291	6000	361
45	40	170	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	180	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	190	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	200	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	210	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	220	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	230	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	240	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	250	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	260	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: "N" is population size
 "S" is sample size

Krejcie Robert V. Morgan. Daryle W. "Determining Sample Size for Research Activities Educational and Psychological Measurement 1970.

3.5.2 Langkah-langkah Pemilihan Sampel

Langkah-langkah pemilihan sampel secara rawak adalah seperti berikut.

- i. Membahagikan 10 buah negeri di Semenanjung Malaysia kepada empat (4) zon berdasarkan lokasi secara geografikal (zon utara, tengah, selatan dan pantai timur).
- ii. Menentukan bilangan responden berdasarkan jantina dan agama.

- iii. Memilih responden kajian secara rawak.
- iv. Memberikan penerangan dan responden diberi peluang untuk menjawab.

Seramai 420 etnik Tamil (warganegara Malaysia) telah dipilih secara rawak sebagai responden dari 4 zon iaitu 220 lelaki dan 200 perempuan. Responden yang telah dipilih berlatar belakangkan pendidikan Tamil.


Dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia, responden yang beragama Islam dan Kristian adalah minoriti. Dalam kumpulan minoriti tersebut, individu yang mempelajari pembelajaran bahasa Tamil adalah kecil. Namun begitu penyelidik sedaya upaya mendapatkan responden yang beragama Islam dan Kristian untuk menjawab soal selidik.

Pemilihan responden berdasarkan jantina dan agama boleh diringkaskan seperti jadual berikut: Jadual 3.2

Jadual 3.2 Pemilihan sampel mengikut jantina dan agama

Zon	Negeri.	Sampel Lelaki	Sampel Perempuan	Hindu		Islam		Kristian		Jumlah
				L	P	L	P	L	P	
Utara	2	50	50	40	40	7	5	3	5	100
Tengah	3	60	50	40	40	9	6	8	7	110
Selatan	3	60	50	40	40	9	6	8	7	110
P.Timur	2	50	50	38	37	7	4	7	7	100
Jumlah	10	220	200	158	157	32	21	26	26	420

Pemilihan responden berdasarkan zon dan negeri boleh diringkaskan seperti rajah berikut:



Rajah 3.1 : Langkah-langkah pemilihan responden kajian berdasarkan etnik dan jantina.

3.5.3 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan di sepuluh negeri di Semenanjung Malaysia. Sebanyak 40 hingga 50 orang responden telah dipilih secara rawak dari setiap negeri. Zon utara (Kedah dan Pulau Pinang), zon tengah (Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), zon selatan (Johor, Negeri Sembilan dan Melaka) dan zon Pantai Timur (Pahang dan Kelantan). Responden yang terpilih terdiri daripada penghuni bandar dan luar bandar. Proses pengumpulan data telah dijalankan secara peribadi di rumah, tempat bekerja, tempat ibadat, tempat awam dan restoran.

3.5.4 Instrumen Kajian

Kaedah soal selidik merupakan instrument yang biasa digunakan dalam kajian tinjauan (*survey*) selain jadual interview (*interview schedule*). Mengikut (Barbie, 2001; Gay, 2000; Fraenkel & Wallen, 1996), kaedah soal selidik adalah kaedah yang mudah dan berkesan dalam memperoleh data piawai daripada saiz sampel kajian yang besar dan menyeluruh. Teknik soal selidik adalah baik dan sesuai kerana ia melibatkan responden yang lebih ramai, secara meluas dan menyeluruh.

Penyediaan soal selidik perlu dilakukan dengan teliti supaya tidak dipertikaikan kesahan dan kebolehpercayaannya (*validity* dan *reliability*). Nilai alfa (*Cronbach Alpha*) perlu ditentukan dan bahan soal selidik perlu dijalankan kajian rintis (*pilot test*) terlebih dahulu. Data dan maklumat yang berjaya diperoleh melalui kaedah ini telah diproses,

disusun dan dibuat jadual berdasarkan skor yang diperoleh selepas meneliti setiap pemboleh ubah di dalam soal selidik yang telah disediakan.

Tinjauan kajian ini menunjukkan belum ada kajian dilaksanakan tentang persepsi dan realiti terhadap pembentukan insan holistik melalui kurikulum *Tirukkural* dan teks etika amnya. Malahan kajian ini adalah satu percubaan penyelidikan yang menggunakan teknik soal selidik dan temu bual .

Terdapat tiga bahagian dalam soal selidik yang dibina iaitu bahagian Demografi, Bahagian A dan Bahagian B.

- Bahagian Demografi – Latar belakang dan pendidikan responden.
- Bahagian A – Mengandungi 6 item yang berkaitan persepsi terhadap pengamalan *Tirukkural* dalam kehidupan seharian.
- Bahagian B – Soalan berkaitan jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam *Tirukkural*. Mengandungi 42 soalan yang menyentuh realiti pengamalan *Tirukkural* dalam kehidupan.

Dalam bahagian demografi, responden telah menyatakan maklumat tentang jantina, umur, pendidikan, agama dan tempat tinggal. Bahagian A dan bahagian B pula mengandungi soalan tertutup sahaja. Responden hanya menandakan (/) mengikut skala yang diberikan. Penyelidik menggunakan skala likert sebagai pengukuran bagi membolehkan data dianalisis dengan menggunakan statistik paramartik.

Bahagian A, terdapat enam item yang meninjau persepsi *Tirukkural* iaitu kegemaran membaca *Tirukkural*, mempraktikkan nilai-nilai *Tirukkural*, pembentukan keperibadian, pengaruh *Tirukkural* sebagai rol model, pengamalan ajaran *Tirukkural* dan pembentukan insan holistik. Item soalan dimulakan dengan (S1,S2,S3,S4,S5,S6).

Bahagian B pula mengandungi 42 soalan yang menyentuh realiti pengamalan *Tirukkural* dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Aspek jasmani *Tirukkural* menekankan perlakuan, tingkah laku, aktiviti dan pengamalan dari segi fizikalnya. Manakala *Tirukkural* yang berunsur perasaan dan bersifat psikologi telah digolongkan ke dalam aspek emosi. Kuplet-kuplet *Tirukkural* yang tergolong dalam aspek pembangunan spiritual dikategorikan sebagai rohani. *Tirukkural* yang berunsur pengetahuan, peningkatan daya pemikiran, memotivasikan pelajar digolongkan aspek intelek. Umumnya, item soalan yang dikemukakan telah diteliti dan dikaji mengikut kategori secara terperinci. Memandangkan terdapat 51 kuplet *Tirukkural* sahaja dalam kurikulum bahasa Tamil, maka penyelidik mengimbangkan *Tirukkural* mengikut JERI. Perincian setiap domain adalah seperti jadual 3.3 berikut.

Jadual 3.3 Taburan *Tirukkural* mengikut item soal selidik

Domain	No. item Kuplet
Jasmani Kuplet dalam Kurikulum	S7,S8,S9,S10,S11,S12,S13,S14,15,S16,S17. 69,70,102,138,236,591,594,616,664,666,783
Emosi Kuplet dalam Kurikulum	S18,S19,S20,S21,S22,S23,S24,S25,S26,S27. 34,129,237,294,415,423,435,648,784,788
Rohani Kuplet dalam Kurikulum	S28,S29,S30,S31,S32,S33,S34,S35,S36,S37. 1,2,4,26,50,80,131,108,202,398,426,595,
Intelek Kuplet dalam Kurikulum	S38,S39,S40,S41,S42,S43,S44,S45,S46,S47,S48. 35,100,127,138,151,391,393,398,400,411,467,504,517

Penyelidik telah menggunakan skala pemberatan mata dalam menganalisis soal selidik. Skala jawapan ini memberi lima nilai taburan yang perlu dijawab oleh responden, iaitu nilai meningkat dari 1, 2, 3, 4 dan 5. Responden perlu memilih satu nilai bagi setiap pernyataan diberi pada ruang yang disediakan mengikut maklum balas yang difikirkan sesuai. Nilai mata yang tinggi dan sangat tinggi iaitu 4 dan 5. Manakala nilai peratusan yang sederhana, rendah dan sangat rendah ialah 3, 2, 1. Penyelidik telah menilai setiap item soalan untuk mendapatkan taburan skor yang diperolehi. Skala jawapan tertutup mengikut pemberatan mata mengikut jadual 3.4 adalah seperti berikut.

Jadual 3.4 : Skala Likert

No Item	Skala Jawapan				
	1	2	3	4	5
	Sangat Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat tinggi

3.6 Temu bual

Temu bual merupakan satu teknik yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data. Menurut Patton (1990), terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka. Merriam (1998), pula menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Menurut Colby dan Kohlberg (1987), terdapat tiga cara untuk menjalankan temu bual dalam mendapatkan data daripada peserta kajian iaitu:

- i) Temu bual secara lisan (dirakam dan ditranskrip oleh penyelidik)
- ii) Temu bual secara lisan (ditulis semula oleh penyelidik)
- iii) Temu bual bertulis (ditulis oleh peserta kajian berdasarkan soalan)

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temu bual kumpulan fokus (*Focus Group Discussion*) untuk mendapatkan data melalui kaedah kualitatif. Kaedah ini sangat popular dan terbaik dalam pengumpulan data kualitatif. Malah kaedah ini digunakan untuk mendapat kefahaman lebih mendalam dan intensif tentang sesebuah tajuk. Melalui kaedah ini, penyelidik memilih sekumpulan orang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang tertentu. Penyelidik membuat proses analisis dokumen

responden temu bual terlebih dahulu sebelum mengadakan temu bual. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih 10 orang informan yang mempunyai kepakaran dalam bahasa Tamil dan *Tirukkural* daripada pelbagai bidang seperti keselamatan, perubatan, ekonomi, pendidikan, sosiologi dan keagamaan. Selain itu, seorang banduan juga telah menjadi responden dalam kajian ini. Penyelidik mendapatkan pendapat pakar dari pelbagai bidang tersebut yang mempunyai kaitan dengan *Tirukkural*. Penyelidik telah memperoleh data peribadi responden sebelum mengadakan temu bual.

Dalam kajian ini penyelidik meminta responden untuk menjawab soalan yang dikemukakan dalam keadaan fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan idea yang difikirkannya kepada penyelidik. Mengikut Colby dan Kohlberg (1987), cara ini adalah terbaik untuk memperoleh data. Merriam (1998), pula menyatakan bahawa temu bual harus dilaksanakan dalam keadaan tidak formal serta soalan yang dikemukakan hendaklah soalan terbuka yang menjana perbualan.

Penyelidik mendapatkan data sampel terlebih dahulu untuk dijadikan sebagai responden temu bual. Temu bual dibuat dalam keadaan fleksibel supaya responden berasa selesa dalam memberikan maklumat soalan. Soalan temu bual digubal dan dikemukakan untuk menjawab soalan kajian. Penyelidik merakamkan temu bual dan transkripkan jawapan responden. Dapatan temu bual ini akan membantu dalam mengukuhkan dapatan soal selidik.

3.7 Prosedur Pengumpulan Data

3.7.1 Pengumpulan Data Kuantitatif

Setelah menentukan bilangan responden mengikut negeri, penyelidik telah melantik pembantu untuk mengumpul data kuantitatif. Sebelum mengumpul data, penyelidik telah memberi latihan kepada pembantu dari segi tatacara pengumpulan data dari aspek komunikasi dan prosedurnya. Penyelidik dan kedua-dua pembantu turun padang mengikut zon yang ditetapkan. Proses pengumpulan data mengambil masa selama tiga bulan.

- i) Berjumpa responden
- ii) Menerangkan tujuan kajian
- iii) Mendapatkan kebenaran
- iv) Memberikan soal selidik
- v) Mendapatkan soal selidik serta-merta

3.7.2 Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif

Bagi pengumpulan data temu bual, penyelidik telah menentukan 10 orang informan daripada pelbagai bidang yang berlatarbelakangkan pendidikan Tamil untuk mendapatkan data dan bertemu bual mengikut prosedur seperti berikut:

- i) menghubungi dan mendapatkan persetujuan dan membuat temu janji.
- ii) berjumpa informan dan menerangkan tujuan kajian.
- iii) Menemu bual mengikut skop yang ditetapkan.

- iv) Merakam hasil perbualan.
- v) Selepas temu bual, penyelidik memainkan pita rakaman dan memindahkan maklumat yang diberikan oleh informan dalam bentuk teks.

3.8 Analisis Data

Data yang dikumpul dianalisis, diterjemahkan dan dibincangkan bagi menjawab persoalan kajian dengan tepat. Analisis pelbagai jenis hubungan boleh dilakukan dengan memilih jenis ujian statistik berdasarkan reka bentuk kajian dan skala pengukuran (Ahmad Hashim, 2004). Semua data yang diperoleh dan dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 21.0 (*Statistical Package for Social Science*). Data telah dianalisis menerusi dua prosedur statistik yang biasa iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi.

Bagi pengumpulan data, kajian ini telah menggabungkan kedua-dua kaedah iaitu metod kualitatif (temu bual) dan metod kuantitatif (analisis statistik). Kajian ini juga melibatkan metod historis. Dalam memperoleh data, maklumat dan data-data yang bersifat sejarah, kewujudan *Tirukkural*, sastera bersifat etika dan latar belakang karyawan, definisi-definisi, nilai-nilai dan konsep-konsep kuplet, penyelidik telah membuat rujukan ke atas buku-buku ilmiah, majalah, jurnal, kertas kerja dan lain-lain yang berkaitan dengan tajuk *Tirukkural* dan holistik. Kaedah kuantitatif digunakan bagi memperoleh data dan maklumat tentang pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil dari pelbagai lapisan.

3.8.1 Analisis Min dan Peratusan

Analisis statistik deskriptif iaitu min dan peratusan telah digunakan dalam menganalisis bahagian demografi iaitu profil responden seperti jantina, umur, pendidikan, agama dan tempat tinggal. Analisis ini juga digunakan untuk menjawab persoalan kajian dan hipotesis iaitu adakah terdapat perbezaan dalam penghayatan nilai-nilai *Tirukkural* dari segi JERI dalam kehidupan seharian dan adakah faktor jantina, faktor lokasi kediaman, faktor umur mempengaruhi pengamalan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kehidupan seharian.

Dalam menganalisis data temu bual, pendekatan analisis kandungan yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1984), Merriam (1998), telah digunakan. Dalam hal ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif seperti temu bual dan analisis buku untuk mendapatkan data. Setiap temu bual telah direkodkan dalam bahasa Tamil. Penyelidik telah menterjemahkan dan jelmakan temu bual dalam bentuk penulisan.

3.8.2 Analisis Deskriptif

Kajian deskriptif dapat menjelaskan dan membantu menyelesaikan sesuatu masalah melalui pendekatan “sebab dan akibat” (Merriam, 1998). Dalam mengira dan menterjemahkan data secara deskriptif, penyelidik menggunakan Prosedur *Descriptive Statistic* dan *Frequencies* melalui pengaturcaraan *SPSS*. Penyelidik menggunakan dapatan tersebut untuk menggambarkan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai pemboleh ubah demografi yang ada iaitu jantina, bangsa, umur, tempat tinggal dan taraf

pendidikan. Di samping itu hasil analisis ini juga telah membantu penyelidik menetapkan gred pencapaian sampel kajian bagi setiap ujian yang dijalankan.

Penyelidik menggunakan kaedah gred yang disyorkan oleh Ahmad Hashim (2004), dan manual *SPSS Pallant* (2011), dalam menentukan dapatan kajian. Pengalaman *Tirukkural* dikategorikan sebagai sangat tinggi, tinggi, sederhana, rendah dan sangat rendah berdasarkan pemberian gred ini. Gred pencapaian dikira berdasarkan skor min dan sisihan piawai. Sistem penggredan adalah seperti berikut:

Gunakan julat sisihan piawai seperti berikut untuk mengkategorikan pencapaian dalam gred.

A (Sangat Tinggi) = Lebih daripada ($\text{min} + 1.5$ sisihan piawai) dan ke atas.

B (Tinggi) = $\text{min} + 1.5$ sisihan piawai

C (Sederhana) = $\text{min} \pm 0.5$ sisihan piawai

D (Rendah) = $\text{min} - 1.5$ sisihan piawai

E (Sangat Rendah) = Kurang daripada ($\text{min} - 1.5$ sisihan piawai) ke bawah.

- i. Dapatkan analisis deskriptif min dan sisihan piawai skor ujian melalui prosedur *SPSS for Windows*.
- ii. Tentukan gred 'C' terlebih dahulu berdasarkan nilai min dan sisihan piawai. $C = \text{min} \pm 0.5$ sisihan piawai.
- iii. Tentukan gred 'B'. Had bawah gred 'B' boleh diketahui berdasarkan had teratas dalam gred 'C'. Pengiraan had atas gred 'B' = $\text{min} + 1.5$ sisihan piawai.
- iv. Tentukan gred 'A'. Lebih daripada had atas gred 'B'.
- v. Tentukan gred 'D'. Had atas gred 'D' boleh diketahui berdasarkan had bawah dalam gred 'C'. Pengiraan had bawah gred 'D' = $\text{min} - 1.5$ sisihan piawai.
- vi. Tentukan gred 'E'. Kurang daripada had bawah gred 'D'.

Berdasarkan kaedah ini, penyelidik dapat menilai tahap keberkesanan realiti pengamalan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil secara menyeluruh serta memberikan grad. Kaedah ini juga memudahkan penyelidik mengira bilangan dan peratus responden mengikut tahap penguasaan masing-masing. Bilangan dan peratus dapat membantu penghuraian data secara terperinci dengan bukti yang kukuh.

3.8.3 Analisis Inferensi

Analisis inferensi digunakan untuk melihat perbezaan, perkaitan dan kesan interaksi di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Dalam prosedur analisis inferensi, kesemua data diuji nilai signifikannya pada tahap keertian yang ditetapkan ($p < 0.05$) berdasarkan Cohen dan Cohen (1975). Beliau mencadangkan nilai ' α ' yang perlu digunakan adalah 0.05 bagi mengurangkan risiko melakukan Ralat jenis I dan Ralat jenis II. Penyelidik menggunakan ujian t tidak bersandar dan ujian ANOVA sehala untuk menguji hipotesis nol dalam kajian ini.

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menguji hipotesis nol 1, 2, 3, 4 dan 5 bagi membuktikan perbezaan yang wujud di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian berdasarkan jantina dan tempat tinggal. Ujian ANOVA sehala digunakan untuk melihat perbezaan yang wujud menerusi hipotesis nol.

3.9 Kajian Rintis

Kajian rintis adalah satu proses yang dijalankan oleh penyelidik untuk mengenal pasti permasalahan yang mungkin timbul sepanjang menjalankan kajian sebenar. Dalam hal ini Aziz Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007), serta Fraenkel dan Wallen (1996), telah menyatakan kajian rintis dijalankan untuk:-

- Menguji item-item yang digubal adalah sahih dan mempunyai kebolehpercayaan.
- Mengenali item-item yang dikaji mengikut pengetahuan dan pengalaman penyelidik.
- Memastikan responden tidak keliru dengan tafsiran istilah dan struktur ayat.
- Mengetahui jangka masa yang diperlukan oleh responden untuk menjawab soalan.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menjalankan kajian rintis mengikut langkah-langkah berikut:

- a) Penyelidik memohon kebenaran daripada Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya untuk mengadakan kajian.
- b) Penyelidik mendapatkan biodata responden daripada kenalan. Penyelidik memilih 42 responden dari zon utara, selatan, tengah dan pantai timur.
- c) Penyelidik memberikan soal selidik kepada responden.
- d) Penyelidik menganalisis kebolehpercayaan dan kesahihan.

Penyelidik memperoleh dapatan kajian rintis dengan menggunakan ujian Alpha Cronbach. Nilai Alpha 0.872 telah diperoleh dalam aspek input dan nilai Alpha 0.895 diperoleh dalam aspek proses. Penyelidik berpendapat aspek input dan aspek proses dalam soal selidik boleh digunakan dalam kajian sebenar kerana menurut Mohd. Majid (2000), item soal selidik yang memiliki nilai atas 0.6 menunjukkan item dalam soal selidik boleh digunakan mengikut jadual 3.5 di bawah.

Jadual 3.5 : Analisis kebolehpercayaan

Reliability Statistics		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based N of Items on Standardized Items	
.872	.895	42

3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Mengikut Mohd Majid (2000), dan Syaharom (1990), Kesahan (*validity*) sesuatu instrumen merujuk kepada sejauh mana instrumen tersebut dapat mengumpulkan data yang merangkumi kandungan sesuatu bidang yang dikaji. Sesuatu instrumen dikatakan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi sekiranya instrumen tersebut dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan dan bersesuaian.

Menurut Ahmad Hashim (2004), kesahan merujuk kepada instrumen sesuatu pengukuran dikatakan sah apabila ia benar-benar mengukur perkara yang sepatutnya diukur. Sesuatu ujian yang sah mestilah boleh dipercayai, sebaliknya ujian yang mempunyai kebolehpercayaan belum tentu sah digunakan. Kesahan merujuk kepada sesuatu yang bererti dan berguna berdasarkan daripada skor ujian (Azizi *et al.*, 2007). Sidek (2002), pula menegaskan bahawa sesuatu pengukuran mempunyai kesahan yang tinggi sekiranya darjah kebolehpercayaannya mengukur apa yang semestinya diukur adalah tinggi. Hsu dan Sandford (2007), mencadangkan panel pakar kajian yang dipilih dalam kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji, berkeupayaan dijadikan sebagai pakar rujuk untuk mengesahkan kesahan. Bagi memastikan soal selidik yang dibina mempunyai kesahan, penyelidik telah berjumpa dengan dua orang pakar dalam bidang bahasa Tamil dan Pendidikan.

Jadual 3.6 Senarai pakar

Prof.Madya Dr. B. Sathiyamoorthy	Department of Tamilologi School of Tamil Studies Madurai Kamaraj University, Tamil Nadu
Dr. V. Ravikumar	Pensyarah Jabatan Matematik Institut Pendidikan Guru Ipoh, Perak

Kedua-dua pakar telah mengakui kesahan item-item soal selidik yang dapat menjawab persoalan kajian. Penyelidik membuat penambahbaikan ayat dan istilah atas cadangan pakar.

3.11 Kesimpulan

Bab ini membincangkan metodologi kajian yang meliputi reka bentuk kajian dan kaedah kajian yang menggabungkan dua pendekatan iaitu kuantitatif dan kualitatif. Di samping itu, dihuraikan juga tentang pensampelan kajian, instrumen kajian, lokasi kajian, populasi kajian, responden kajian, langkah-langkah pemilihan sampel, kajian rintis, prosedur kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Selain itu, bab ini juga telah menghuraikan prosedur pengumpulan data dan prosedur penganalisan data statistik dengan jelas. Maklumat dalam bab ini membantu penyelidik mengumpul data dan menganalisis data dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Kajian ini merupakan langkah rintis dalam mengkaji keberkesanan *Tirukkural* ke arah pembentukan insan holistik. Diharapkan prosedur yang dirancang akan dapat membantu penyelidik dalam membuat rumusan dan perbincangan yang akan dihuraikan dalam bab berikutnya.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik telah membincangkan hasil dapatan melalui data soal selidik. Penyelidik telah melaporkan dapatan kajian berdasarkan skor mentah dan norma ujian piawai daripada 420 orang responden yang mewakili populasi kajian. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian *SPSS atau Statistical Package for Social Science version 21.0 for Windows*. Bahagian pertama merangkumi latar belakang, demografi kajian serta analisis deskriptif. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan faktor-faktor asas pemboleh ubah kajian. Penjelasan dari segi peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai serta penghasilan gred juga telah dilaksanakan dalam bahagian ini. Bahagian kedua merupakan analisis inferensi yang telah membantu penyelidik melihat dan menghuraikan perbezaan yang wujud di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Analisis ujian-t sampel tidak bersandar, ujian ANOVA sehala telah digunakan bagi menjelaskan persoalan kajian.

4.1.1 Analisis Deskriptif

4.1.1.1 Analisis responden berdasarkan jantina dan agama

Analisis deskriptif kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai digunakan untuk menghuraikan faktor demografi pengamalan *Tirukkural* responden berdasarkan jantina dan agama. Kajian ini dijalankan terhadap 420 orang masyarakat Tamil yang berumur 18 hingga 40 tahun di Semenanjung Malaysia. Bilangan subjek berdasarkan jantina dan agama ditetapkan mengikut zon. Penyelidik menetapkan 52.36 peratus subjek lelaki iaitu 220 orang dan 47.64 peratus subjek perempuan iaitu 200 orang. Masyarakat Tamil yang beragama Hindu 75.00 peratus iaitu 315 orang (158 lelaki dan 157 perempuan), Islam 12.62 peratus iaitu 53 orang (32 lelaki dan 21 perempuan) dan Kristian 12.38 peratus iaitu 52 orang (30 lelaki dan 22 perempuan). Rujuk Jadual 4.1.

Jadual 4.1 Taburan sampel mengikut agama dan jantina

Jantina	Hindu		Kristian		Islam		Jumlah	
	Bil (315)	%	Bil (52)	%	Bil (53)	%	Bil	%
Lelaki	158	37.60	30	7.14	32	7.62	220	52.36
Perempuan	157	37.40	22	5.24	21	5.00	200	47.64
Jumlah	315	75.00%	52	12.38%	53	12.62%	420	100%

4.1.1.2 Analisis statistik deskriptif mengikut taraf pendidikan

Penyelidik telah memilih responden dari lima tahap pendidikan yang berbeza. Seramai 108 orang dari tahap pendidikan SPM iaitu sebanyak 25.71 %. Manakala 78 orang iaitu 18.57 % dari pendidikan STPM, berpendidikan Diploma pula seramai 97 orang iaitu 23.10%, Sarjana Muda pula seramai 130 iaitu 30.95 % dan yang mempunyai pendidikan Sarjana seramai 7 orang iaitu 1.67 %. Penyelidik telah memilih responden yang ramai dari kalangan berpendidikan Sarjana Muda kerana responden dalam kalangan tersebut berfikiran terbuka dan dapat memberikan jawapan yang lebih rasional. Rujuk jadual 4.2.

Jadual 4.2 Responden mengikut taraf pendidikan

Pendidikan	Bil	%
SPM	108	25.71
STPM	78	18.57
Diploma	97	23.10
Sarjana Muda	130	30.95
Sarjana	7	1.67
Keseluruhan	420	100.0

4.1.1.3 Analisis statistik deskriptif mengikut peringkat umur

Penyelidik telah memilih responden yang telah melalui pendidikan Tamil sehingga di peringkat SPM. Maka peringkat permulaan umur responden adalah dari 18 tahun hingga 40 tahun. Seramai 82 orang dipilih dari peringkat umur 20 tahun dan ke bawah iaitu sebanyak 19.5%. Seramai 205 orang iaitu 48.8% dipilih dari kalangan umur 21 hingga 30 tahun. Dari peringkat umur 31 hingga 40 tahun seramai 133 orang iaitu sebanyak 31.7% dipilih sebagai responden. Penyelidik berpendapat bahawa, pemilihan peringkat umur responden dari 18 tahun hingga 40 merupakan tahap umur matang dan dapat memberikan pendapat sendiri tanpa dipengaruhi oleh sesiapa. Rujuk jadual 4.3.

Jadual 4.3 Responden mengikut peringkat umur

Umur	20 tahun ke bawah		21 hingga 30 tahun		31 hingga 40 tahun		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
	82	19.5	205	48.8	133	31.7	420	100.0

4.1.1.4 Analisis statistik deskriptif mengikut lokasi kawasan

Penyelidik telah memfokuskan dua lokasi sebagai tempat kajian iaitu bandar dan luar bandar. Responden yang dipilih adalah dari bandar iaitu sebanyak 215 orang iaitu 51.2%. Manakala responden dari luar bandar adalah sebanyak 48.8% iaitu 205 orang. Responden bandar adalah dipilih daripada pekan-pekan kecil dan juga bandar.

Responden yang tinggal di kampung dan ladang (*estate*) memberikan jawapan sebagai lokasi luar bandar. Rujuk jadual 4.4.

Jadual 4.4 Responden mengikut lokasi kawasan

Kediaman	Bandar		Luar Bandar		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
	215	51.2	205	48.8	420	100.0

4.1.2 Persepsi *Tirukkural* ke arah pembentukan insan holistik

Persoalan kajian pertama iaitu “**Sejauh manakah *Tirukkural* dapat menguasai kehidupan seharian masyarakat Tamil Malaysia ke arah pembentukan insan holistik**” telah dijawab menerusi aspek mengikut turutan seperti berikut.

Bahagian ini menghuraikan persepsi responden terhadap *Tirukkural* secara umum. Demi memperoleh dapatan yang relevan, penyelidik memberi kebebasan kepada responden untuk menjawab soalan yang dikemukakan tanpa memfokuskan mana-mana *Tirukkural*. Responden telah menjawab berdasarkan persepsi mereka terhadap *Tirukkural* secara umum sahaja. Data dianalisis dan dibincangkan dengan menggunakan bilangan dan peratusan mengikut skala yang diberikan.

4.1.2.1 Kegemaran membaca *Tirukkural*

Berdasarkan jadual 4.5, kegemaran responden membaca *Tirukkural* adalah di skala peratusan tinggi dan sederhana. Kedua-dua skala ini memperoleh bilangan responden yang sama banyak iaitu 156 orang dan ini merupakan 37.1%. Manakala kegemaran responden membaca *Tirukkural* di skala peratusan sangat tinggi adalah 21.5% sahaja iaitu 90 orang. Seramai 12 orang pelajar bersamaan dengan 2.9% berada di skala peratusan rendah dan 1.4% iaitu 6 orang di skala peratusan sangat rendah. Kebanyakan responden berada di skala peratusan sederhana dan ke atas. Ini merupakan satu petanda baik di mana responden gemar membaca *Tirukkural* untuk mengetahui serta mengamalkan nilai-nilainya dalam kehidupan seharian.

Jadual 4.5: Kegemaran membaca *Tirukkural*

Skala	Bil	%
Sangat tinggi	90	21.5
Tinggi	156	37.1
Sederhana	156	37.1
Rendah	12	2.9
Sangat Rendah	6	1.4
Jumlah	420	100%

4.1.2.2 Mempraktikkan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kehidupan seharian

Berdasarkan jadual 4.6, tahap mempraktikkan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kehidupan responden di skala peratusan sangat tinggi adalah 10.5% sahaja iaitu 44 orang. Sebanyak 42.1%, iaitu 177 orang berada di skala peratusan tinggi dan 41.2% iaitu 173 orang di skala peratusan sederhana. 5% iaitu 21 orang responden berada di skala peratusan rendah dan 5 orang atau 1.2% sangat rendah mempraktikkan *Tirukkural* dalam kehidupan seharian. Hampir 52.6% responden berada di skala peratusan tinggi dan sangat tinggi. Manakala 6.2% sahaja yang mencapai di skala peratusan rendah dan sangat rendah dalam mempraktikkan *Tirukkural*. Dapatan ini menunjukkan kebanyakan responden mempraktikkan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kehidupan seharian. Ini merupakan petanda yang baik yang dapat memberikan perubahan dalam kehidupan responden.

Jadual 4.6: Mempraktikkan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kehidupan.

Skala	Bil	%
Sangat tinggi	44	10.5
Tinggi	177	42.1
Sederhana	173	41.2
Rendah	21	5.0
Sangat Rendah	5	1.2
Jumlah	420	100%

4.1.2.3 Pembentukan keperibadian

Berdasarkan jadual 4.7, *Tirukkural* membantu membentuk keperibadian diri responden di skala peratusan sangat tinggi adalah 99 orang sahaja iaitu 23.6%. Sebanyak 42.2%, iaitu 177 orang berada di skala peratusan tinggi dan 30.2% iaitu 127 orang di skala peratusan sederhana. 14 orang iaitu 3.3% berada di skala peratusan rendah dan 3 orang atau 0.7% menyatakan *Tirukkural* sangat rendah membantu membentuk keperibadian diri responden. Hampir 65.7% responden berada di skala peratusan tinggi dan sangat tinggi yang menyatakan *Tirukkural* membantu membentuk diri responden. Ini menunjukkan bahawa *Tirukkural* membawa perubahan dalam diri dan membentuk keperibadian seseorang.

Jadual 4.7 Pembentukan keperibadian

Skala	Bil	%
Sangat tinggi	99	23.6
Tinggi	177	42.2
Sederhana	127	30.2
Rendah	14	3.3
Sangat Rendah	3	0.7
Jumlah	420	100%

4.1.2.4 Pengaruh *Tiruvalluvar* sebagai rol model

Hasil analisis persepsi *Tiruvalluvar* menjadi rol model responden menunjukkan skala peratusan sangat tinggi adalah 22.6% sahaja iaitu 95 orang responden. Sebanyak 34.8% berada di skala peratusan tinggi iaitu 146 orang. Seramai 133 orang iaitu 31.7% berada di skala peratusan sederhana. 8.8% iaitu 37 orang responden berada di skala peratusan rendah dan 2.1% iaitu 9 orang responden menyatakan pengaruh *Tiruvalluvar* sangat rendah untuk menjadikan beliau sebagai rol model. Sebanyak 57.4% menyatakan *Tiruvalluvar* menjadi rol model kepada kumpulan tinggi dan sangat tinggi. *Tiruvalluvar* adalah seorang ahli falsafah yang mengilhamkan pengamalan nilai-nilai kehidupan beliau dalam penulisan. Maka responden yang menjadikan *Tiruvalluvar* sebagai rol model juga cuba menjalani kehidupan yang benar seperti beliau. Keadaan ini dapat melahirkan insan yang sempurna. Rujuk jadual 4.8.

Jadual 4.8 Pengaruh *Tiruvalluvar* sebagai rol model

Skala	Bil	%
Sangat tinggi	95	22.6
Tinggi	146	34.8
Sederhana	133	31.7
Rendah	37	8.8
Sangat Rendah	9	2.1
Jumlah	420	100%

4.1.2.5 Pengamalan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian

Analisis responden mengamalkan *Tirukkural* dalam kehidupan harian menunjukkan 7.4% responden iaitu 31 orang berada di skala peratusan sangat tinggi dan 135 orang iaitu 32.1% berada di skala peratusan tinggi. Skala peratusan sederhana pula adalah 219 orang atau 52.1%, manakala skala peratusan rendah 6.7% iaitu 28 responden. Seramai 7 orang iaitu 1.7% menunjukkan skala peratusan sangat rendah dalam mengamalkan ajaran *Tirukkural*. Dapatan menunjukkan bahawa pengamalan ajaran *Tirukkural* berada di skala peratusan sederhana iaitu 52.1% dan tinggi iaitu 32.1%. Ini merupakan satu keadaan yang agak membanggakan kerana pengamalan ajaran *Tirukkural* memberikan gambaran tahap kehidupan baik dan harmoni dalam kalangan responden. Rujuk jadual 4.9.

Jadual 4.9 : Pengamalan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian

Skala	Bil	%
Sangat tinggi	31	7.4
Tinggi	135	32.1
Sederhana	219	52.1
Rendah	28	6.7
Sangat Rendah	7	1.7
Jumlah	420	100%

4.1.2.6 Pembentukan insan holistik

Hasil analisis persepsi *Tirukkural* membentuk responden menjadi insan holistik menunjukkan skala peratusan sangat tinggi adalah 20.7% sahaja iaitu 87 orang responden. Sebanyak 41.0% berada di skala peratusan tinggi iaitu 172 orang . Seramai 141 orang iaitu 33.6% berada di skala peratusan sederhana. 3.5% iaitu 15 orang responden berada di skala peratusan rendah dan 1.2% iaitu 5 orang menyatakan *Tirukkural* sangat rendah membentuk diri untuk menjadi insan holistik. Sebanyak 61.7% menyatakan persepsi terhadap *Tirukkural* tinggi dan sangat tinggi dalam pembentukan insan holistik. Hanya 4.8% sahaja yang memberi responden *Tirukkural* rendah dan sangat rendah membantu membentuk insan holistik. Dapatan ini menunjukkan pencapaian hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mahukan insan yang sempurna dari segi jasmani, emosi, rohani serta intelek. Rujuk jadual 4.10.

Jadual 4.10 *Tirukkural* membentuk insan holistik

Skala	Bil	%
Sangat tinggi	87	20.7
Tinggi	172	41.0
Sederhana	141	33.6
Rendah	15	3.5
Sangat Rendah	5	1.2
Jumlah	420	100%

4.1.3 Pengamalan *Tirukkural* berdasarkan (JERI) ke arah pembentukan insan holistik

Bahagian ini memperincikan dapatan kajian terhadap empat gagasan utama insan holistik yang disarankan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek. Di samping itu, dapatan secara keseluruhan ke arah pembentukan insan holistik yang disarankan oleh *Tiruvalluvar* juga telah dibincangkan mengikut turutan persoalan kajian kedua hingga keenam.

Penyelidik telah menggunakan analisis deskriptif untuk menjelaskan kesemua komponen persoalan kajian domain JERI. Bagi menjawab persoalan kajian ini penyelidik telah menggunakan analisis deskriptif untuk menetapkan tahap pencapaian dalam bentuk gred bagi domain jasmani, emosi, rohani, intelek serta insan holistik secara menyeluruh berdasarkan min dan sisihan piawai skor.

Penentuan gred adalah salah satu proses yang biasa digunakan untuk mengkategorikan dapatan responden dalam bentuk rujukan norma. Norma rujukan responden digunakan untuk membandingkan tahap pencapaian pembentukan insan holistik berdasarkan JERI.

4.1.3.1 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain jasmani

Penguasaan domain Jasmani dalam *Tirukkural* dinilai berdasarkan pengamalan dan perlakuan responden. Analisis menunjukkan 4.52% iaitu 19 orang berada di tahap sangat tinggi manakala di tahap tinggi pula 113 orang iaitu 26.92%. Seramai 201 orang iaitu 47.85% berada di tahap sederhana. 67 orang iaitu 15.95% berada di tahap rendah dan yang terakhir adalah di tahap sangat rendah iaitu seramai 20 orang bersamaan dengan 4.76%. Keputusan dapatan menunjukkan pengamalan *Tirukkural* dari segi domain jasmani berada di tahap sederhana dan diikuti dengan tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa ramai responden mengamalkan perlakuan baik seperti yang disarankan oleh *Tiruvalluvar*. Tubuh badan atau jasad adalah satu anggota yang dikurniakan oleh Tuhan untuk melakukan perkara-perkara baik kepada diri sendiri dan masyarakat. Dapatan persoalan ini juga menunjukkan responden “*Do Good*” berdasarkan *Tirukkural*. Rujuk jadual 4.11.

Jadual 4.11 Pengaruh domain jasmani

Tahap	Nilai	Bil	%
Sangat tinggi	53 ke atas	19	4.52
Tinggi	48 – 52	113	26.92
Sederhana	42 – 47	201	47.85
Rendah	37 – 41	67	15.95
Sangat Rendah	36 ke bawah	20	4.76
Jumlah		420	100%

4.1.3.2 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain emosi

Hasil kajian persoalan ini menunjukkan di tahap sangat tinggi hanya seramai 13 orang iaitu 3.10% yang menyatakan *Tirukkural* memupuk domain emosi ke arah pembentukan insan holistik. 95 orang iaitu 22.62% di tahap tinggi manakala di tahap sederhana pula paling ramai yang menyatakan *Tirukkural* memupuk insan holistik terhadap domain emosi iaitu sebanyak 196 bersamaan dengan 46.66%. Seramai 98 orang iaitu 23.33% berada di tahap rendah dan 4.29% iaitu 18 orang berada di tahap sangat rendah. Maka dapat dinyatakan bahawa rata-rata ramai responden berada di tahap sederhana. Di tahap sangat tinggi dan tinggi terdapat 25.71% manakala 27.62% berada di tahap rendah dan sangat rendah. Hal ini kerana mungkin terdapat beberapa faktor lain seperti tekanan kerja, masalah keluarga yang mungkin mempengaruhi emosi responden. Rujuk jadual 4.12.

Jadual 4.12 Pengaruh domain emosi

Tahap	Nilai	Bil	%
Sangat tinggi	45 ke atas	13	3.10
Tinggi	40 – 44	95	22.62
Sederhana	35 – 39	196	46.66
Rendah	30 – 34	98	23.33
Sangat Rendah	29 ke bawah	18	4.29
Jumlah		420	100%

4.1.3.3 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain rohani

Penguasaan domain rohani dalam *Tirukkural* dinilai berdasarkan pengamalan unsur keagamaan dalam kehidupan. Analisis menunjukkan 5.48% iaitu 23 orang berada di tahap sangat tinggi manakala di tahap tinggi pula 108 orang iaitu 25.72%. Seramai 197 orang iaitu 46.90% berada di tahap sederhana. 68 orang iaitu 16.19% berada di tahap rendah dan yang terakhir adalah di tahap sangat rendah iaitu seramai 24 orang bersamaan dengan 5.71%. Keputusan dapatan domain rohani menunjukkan pengamalan unsur keagamaan yang disarankan oleh *Tirukkural* berada di tahap sederhana. Di tahap sangat tinggi dan tinggi menunjukkan dapatan yang seakan-akan sama. Ini boleh digeneralisasikan sebagai pengamalan nilai kerohanian *Tirukkural* masih di peringkat sederhana sahaja. Rujuk jadual 4.13.

Jadual 4.13 Pengaruh domain rohani

Tahap	Nilai	Bil	%
Sangat tinggi	50 ke atas	23	5.48
Tinggi	45 – 49	108	25.72
Sederhana	39 – 44	197	46.90
Rendah	34 – 38	68	16.19
Sangat Rendah	33 ke bawah	24	5.71
Jumlah		420	100%

4.1.3.4 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain intelek

Hasil analisis memupuk domain intelek menunjukkan di tahap sangat tinggi seramai adalah 3.81% sahaja iaitu 16 orang responden. Sebanyak 23.32% iaitu 98 orang berada di tahap tinggi. Seramai 204 orang bersamaan 48.58% berada di tahap sederhana. 17.15% iaitu 72 orang responden berada di tahap rendah dan 7.14% iaitu 30 orang berada di tahap sangat rendah. Dapatan menunjukkan pengaruh *Tirukkural* terhadap domain intelek berada di tahap sederhana. Sebanyak 24.29% menyatakan *Tirukkural* kurang membentuk domain intelek dalam pembentukan insan holistik. Manakala sebanyak 27.13% menyatakan *Tirukkural* membentuk domain intelek. Rujuk jadual 4.14.

Jadual 4.14 Pengaruh domain Intelek

Tahap	Nilai	Bil	%
Sangat tinggi	45 ke atas	16	3.81
Tinggi	49 – 53	98	23.32
Sederhana	43 – 48	204	48.58
Rendah	38 – 42	72	17.15
Sangat Rendah	37 ke bawah	30	7.14
Jumlah		420	100%

4.1.3.5 Pengaruh *Tirukkural* ke arah pembentukan insan holistik

Hasil analisis membentuk insan holistik dari semua domain JERI menunjukkan di tahap sangat tinggi adalah 5.0% sahaja iaitu 21 orang responden. Sebanyak 22.86% berada di tahap tinggi iaitu 96 orang. Seramai 196 orang iaitu 46.67% berada di tahap sederhana. 18.33% iaitu 77 orang responden berada di tahap rendah dan 7.14% iaitu 30 orang menyatakan *Tirukkural* sangat rendah membantu dalam pembentukan insan holistik dari segi JERI. Sebanyak 27.86% yang berada di tahap sangat tinggi dan tinggi menyatakan *Tirukkural* memupuk pembentukan insan holistik. Manakala 25.47% yang berada di tahap rendah dan sangat rendah menyatakan *Tirukkural* kurang memupuk pembentukan insan holistik. Maka dapat disimpulkan bahawa pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* berada di tahap sederhana. Rujuk jadual 4.15.

Jadual 4.15 Pengamalan *Tirukkural* ke arah pembentukan insan holistik

Tahap	Nilai	Bil	%
Sangat tinggi	194 ke atas	21	5.00
Tinggi	178 – 193	96	22.86
Sederhana	161 – 177	196	46.67
Rendah	145 – 160	77	18.33
Sangat Rendah	144 ke bawah	30	7.14
Jumlah		420	100%

4.1.4 Analisis Inferensi

Kaedah analisis inferensi telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian ketujuh berdasarkan lima hipotesis seperti berikut.

4.1.4.1 Perbezaan dari segi jantina dalam usaha pembentukan insan holistik

Analisis statistik inferensi kaedah ujian-t sampel tidak bersandar menunjukkan bahawa nilai t (-3.719) = 0.633, $p = 0.000$ ($p < 0.05$) adalah signifikan. Keputusan ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min dan sisihan piawai ke arah pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dari segi jantina iaitu lelaki berumur bawah 20 hingga 40 tahun ($\underline{M} = 166.45$, $\underline{SP} = 15.20$) berbanding perempuan bawah 20 hingga 40 tahun ($\underline{M} = 172.11$, $\underline{SP} = 15.99$). Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina. Ini menunjukkan perempuan lebih holistik berbanding dengan lelaki. Rujuk jadual 4.16 dan 4.17.

Jadual 4.16 Analisis statistik skor min dan sisihan piawai terhadap pembentukan insan holistik melalui *Tirukkural* berdasarkan jantina

Jantina	Insan Holistik		
	N	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	220	166.45	15.20
Perempuan	200	172.11	15.99

Jadual 4.17 Ujian-t sampel tidak bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
Insan Holistik	Persamaan Varian Andaian	0.228	0.633	-3.719	418	0.000
	Persamaan Varian B/Andaian			-3.710	409.257	0.000

Signifikan pada aras 0.05

4.1.4.2 Perbezaan dari segi tempat kediaman dalam usaha pembentukan insan holistik

Analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t sampel tidak bersandar dari segi tempat kediaman menunjukkan bahawa nilai $t (-.125) = -0.945$, $p = 0.901$ ($p > 0.05$) adalah tidak signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min dan sisihan piawai dalam usaha pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dari segi tempat kediaman iaitu lokasi bandar ($\underline{M} = 169.10$, $\underline{SP} = 15.46$) berbanding lokasi luar bandar ($\underline{M} = 169.24$, $\underline{SP} = 16.22$). Rujuk jadual 4.18 dan 4.19.

Jadual 4.18 Analisis statistik ujian t- tidak bersandar sehala bagi pembentukan insan holistik melalui *Tirukkural* berdasarkan tempat kediaman

Lokasi	Tempat Kediaman		
	N	Min	Sisihan Piawai
Bandar	215	169.10	15.46
Luar Bandar	205	169.24	16.22

Jadual 4.19 Ujian-t sampel tidak bersandar

		Ujian Levene's Persamaan Varian		Persamaan Min Bagi Ujian-t		
		F	Sig.	T	Dk	Sig. (2-t)
Holistik	Persamaan Varian Andaian	0.005	0.945	-.125	418	0.901
	Persamaan Varian B/Andaian			-.125	414.20	0.901

Signifikan pada aras 0.05

4.1.4.3 Perbezaan dari segi peringkat umur dalam usaha pembentukan insan

holistik

Berdasarkan jadual 4.20, 4.21 dan 4.22 hasil keputusan analisis ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $p < 0.05$, $F(2,417) p = 0.048$ ($p < 0.05$). Berdasarkan keputusan analisis ini, terdapat perbezaan signifikan berdasarkan peringkat umur. Perbandingan Post Hoc menggunakan ujian Tukey menunjukkan skor min umur bawah 20 tahun ($\underline{M} = 166.74$, $\underline{SP} = 15.27$) manakala umur 21 tahun hingga 30 tahun ($\underline{M} = 168.40$, $\underline{SP} = 15.19$) dan umur dari 31 hingga 40 tahun ($\underline{M} = 171.79$, $\underline{SP} = 16.82$). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan terhadap pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dari segi peringkat umur bawah 20 hingga 40 tahun dalam kalangan masyarakat Tamil di Semenanjung Malaysia. Peringkat umur yang tinggi iaitu 30-40 tahun menunjukkan kematangan dalam pembentukan insan holistik berbanding dengan umur bawah 20 tahun.

Jadual 4.20 Analisis statistik ANOVA sehala bagi pembentukan insan holistik melalui *Tirukkural* berdasarkan umur

	N	Min	Sisihan Piawai
< 20 tahun	82	166.74	15.27
21 tahun-30 tahun	205	168.40	15.19
30 tahun-40 tahun	133	171.79	16.82
Jumlah	420	169.15	

Jadual 4.21 Ujian Kehomogenan Varian(a)

Statistik Levene	Dk1	Dk2	Sig.
0.386	2	417	0.680

Jadual 4.22 Ujian ANOVA sehala

	Jumlah Kuasa Dua	dk	Min Kuasa Dua	F	Sig.
<i>Antara kumpulan</i>	1519.633	2	759.816	5.003	0.048
<i>Dalam kumpulan</i>	103266.508	417	247.642		
<i>Jumlah</i>	104786.140	418			

Signifikan pada aras 0.05

4.1.1.4 Perbezaan dari segi agama dalam usaha pembentukan insan holistik

Berdasarkan jadual 4.23, 4.24 dan 4.25 hasil keputusan analisis ANOVA Sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $p < 0.05$, $F(2,417) p = 0.007$ ($p < 0.05$). Perbandingan Post Hoc menggunakan ujian Tukey menunjukkan skor min beragama Hindu ($M = 169.61$, $SP = 14.66$) agama Islam ($M = 172.28$, $SP = 15.64$) dan beragama kristian ($M = 163.15$, $SP = 20.81$). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam usaha pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dari segi agama dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Responden beragama Islam menunjukkan penguasaan dan pengamalan yang lebih tinggi berbanding agama Hindu dan Kristian.

Jadual 4.23 Analisis statistik ANOVA sehalu bagi pembentukan insan holistik melalui *Tirukkural* berdasarkan agama

	N	Min	Sisihan Piawai
Hindu	315	169.61	14.66
Islam	53	172.28	15.64
Kristian	52	163.15	20.81
Jumlah	420	169.15	15.51

Jadual 4.24 Ujian Kehomogenan Varian(a)

Statistik Levene	Dk1	Dk2	Sig.
7.303	2	417	0.001

Jadual 4.25 Ujian ANOVA Sehala

	<i>Jumlah Kuasa Dua</i>	<i>dk</i>	<i>Min Kuasa Dua</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
<i>Antara kumpulan</i>	2455.429	2	1227.715	5.003	0.007
<i>Dalam kumpulan</i>	102330.711	417	245.397		
<i>Jumlah</i>	104786.140	419			

Signifikan pada aras 0.05

4.1.4.5 Perbezaan dari segi pendidikan dalam usaha pembentukan insan holistik

Berdasarkan jadual 4.26, 4.27 dan 4.28 hasil keputusan analisis ANOVA sehala menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $p < 0.05$, $F(4,415)$ $p = 0.134$ ($p > 0.05$). Perbandingan Post Hoc menggunakan ujian Tukey menunjukkan skor min SPM ($\underline{M} = 165.69$, $\underline{SP} = 13.99$) STPM ($\underline{M} = 170.33$, $\underline{SP} = 15.20$) Diploma ($\underline{M} = 170.40$, $\underline{SP} = 17.84$) Sarjana Muda ($\underline{M} = 170.23$, $\underline{SP} = 15.10$) dan Sarjana ($\underline{M} = 171.71$, $\underline{SP} = 26.84$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam usaha pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* dari segi pendidikan dalam kalangan responden masyarakat Tamil Malaysia. Walaupun begitu, terdapat perbezaan di antara responden sarjana dan responden tingkatan lima di mana wujud perbezaan yang nyata antara kumpulan ini dengan responden yang berpelajaran tingkatan lima. Jadual 4.26, 4.27 dan 4.28.

Jadual 4.26 Analisis statistik ANOVA sehala bagi pembentukan insan

holistik melalui *Tirukkural* berdasarkan pendidikan

	N	Min	Sisihan Piawai
SPM	108	165.69	13.99
STPM	78	170.33	15.20
Diploma	97	170.40	17.84
Sarjana Muda	130	170.23	15.10
Sarjana	7	171.71	26.84
Jumlah	420	169.14	15.81

Jadual 4.27 Ujian Kehomogenan Varian(a)

<i>Statistik Levene</i>	<i>Dk1</i>	<i>Dk2</i>	<i>Sig.</i>
2.792	4	415	0.026

Jadual 4.28 Ujian ANOVA Sehala

	<i>Jumlah Kuasa Dua</i>	<i>dk</i>	<i>Min Kuasa Dua</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
<i>Antara kumpulan</i>	1755.361	4	438.840	1.768	0.134
<i>Dalam kumpulan</i>	103030.779	415	248.267		
<i>Jumlah</i>	104786.140	419			

Signifikan pada aras 0.05

4.2 Analisa Temu Bual

Penyelidik telah membuat temu bual terhadap 10 orang informan yang mempunyai asas bahasa Tamil dan *Tirukkural*. Informan temu bual dipilih daripada pelbagai bidang seperti keselamatan, perubatan, ekonomi, pendidikan, sosiologi dan keagamaan. Selain itu, seorang banduan juga telah dijadikan sebagai informan dalam kajian ini. Penyelidik telah memperoleh data peribadi informan sebelum mengadakan temu bual. Jawapan atau dapatan informan membantu mengukuhkan dapatan soal selidik berkaitan pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural*.

4.2.1 Persepsi *Tirukkural* ke arah pembentukan insan holistik

4.2.1.1 Kegemaran Membaca *Tirukkural*

Enam daripada sepuluh informan iaitu informan pertama, kedua, keempat, keenam, ketujuh dan kesepuluh menyatakan bahawa masyarakat Tamil di Malaysia mempunyai kegemaran membaca *Tirukkural* tetapi dalam perkadaran yang berbeza. Keadaan ini berlaku kerana masyarakat mengetahui *Tirukkural* adalah karya berunsur moral dan disanjung tinggi. Oleh itu, tanpa disedari mereka mempunyai kegemaran membaca *Tirukkural*.

Masyarakat gemar membaca Tirukkural kerana mereka menganggap Tiruvalluvar adalah ahli falsafah yang telah memberikan panduan hidup kepada umat manusia. Tiruvalluvar telah menyatakan perkara yang harus dilakukan dan dielakkan untuk menjana kehidupan yang harmoni.

Informan 1

Segolongan masyarakat suka membaca Tirukkural yang ditulis oleh Mu.Varadarasan. Ada pula gemar membaca kuplet Tirukkural yang terdapat di dalam kalender, akhbar dan majalah tempatan khususnya akhbar pada hari ahad. Niat pembaca adalah untuk memperoleh ilmu dan mengubah cara hidup mereka.

Informan 2

Kebanyakan masyarakat menjadikan Tirukkural sebagai kitab dan pegangan hidup mereka kerana mengandungi nilai-nilai istimewa yang membentuk kehidupan.

Informan 4 dan 6

Mempelajari Tirukkural adalah seperti memakan manisan akan memberikan rasa yang cukup sedap kepada pembaca. Di samping itu, ia memberikan petunjuk kepada setiap insan menjalani kehidupan sebagai manusia yang soleh.

Informan 7

Tirukkural mudah dipelajari berbanding dengan karya-karya lain. Kupletnya ringkas dan padat dengan amanat untuk manusia. Keindahan bahasa telah terungkap dalam kupletnya.

Informan 10

Manakala empat daripada sepuluh informan iaitu informan ketiga, kelima, kelapan dan kesembilan sebulat suara berpendapat masyarakat Tamil Malaysia tidak gemar membaca *Tirukkural*.

Terlalu banyak kuplet iaitu 1330 menjadi faktor kurangnya minat membaca. Bahasa sastera Tamil yang mempunyai maksud yang tinggi. Masyarakat Tamil terasa semacam fobia melihat kuplet Tirukkural yang banyak dan merangkumi pelbagai bidang.

Informan 3 dan 5

Sejak kecil lagi kanak-kanak dididik Tirukkural untuk menghadapi peperiksaan. Dorongan, cara pemupukan dan pengajaran yang kurang berkesan menjadi penghalang terhadap minat membaca.

Informan 8

Peredaran masa, bebanan kerja, fokus dalam bidang yang diceburi serta kurangnya tabiat membaca menjadi penyebab masyarakat Tamil kurang gemar membaca Tirukkural umpama peribahasa "tak kenal maka tak cinta".

Informan 9

4.2.1.2 Mempraktikkan nilai-nilai Tirukkural dalam kehidupan

Enam daripada sepuluh informan menyokong dapatan ini yang menyatakan bahawa masyarakat Tamil mempraktikkan nilai-nilai Tirukkural dalam kehidupan seharian manakala empat informan menyatakan tidak.

Tiruvalḷuvar mengungkapkan konsep psikologi kehidupan dalam Tirukkural. Preskripsi mengenai etika, moral dan kemanusiaan adalah bijaksana dalam karyanya. Kebanyakan masyarakat Tamil akur Tirukkural yang kaya dengan unsur kemanusiaan dan moral menjanjikan kehidupan yang lebih harmoni dan bahagia.

Informan 1

Kehidupan masyarakat Tamil kaya dengan adat istiadat dan kepercayaan. Kehidupan ini diwarisi turun-temurun mempunyai banyak nilai murni yang tertera dalam Tirukkural. Tanpa disedari masyarakat Tamil mempraktikkan Tirukkural dan nilainya dalam perbualan seharian. Mereka menggunakan banyak kuplet yang dipelajari di alam persekolahan seperti berikut:-

எந்நன்றி கொன்றார்க்கும் உய்வுண்டாம் உய்வில்லை
செய்ந்நன்றி கொன்ற மகற்கு (110)
ennanri konrārkkum uyvundām uyvillai
seynanri konra makarku

(Segala dosa yang dilakukan ada penebusan atau boleh dimaafkan. Tetapi mereka yang tidak mengenang jasa atau melupakan budi akan menjadi orang terkutuk untuk selama-lamanya).

முயற்சி திருவினை யாக்கும் முயற்றின்மை
இன்மை புகுத்தி விடும் (616)
muyarci tiruvinaḥai yākkum muyarrinmai
inmai pukutti vidum

(Kerajinan akan menjanakan kejayaan atau kekayaan. Ketiadaan kerajinan akan mencampakkan orang ke dalam kemiskinan).

Informan 3 & 4

Tirukkural dinyatakan sebagai perumpamaan dalam pelbagai situasi kehidupan seharian seperti kuplet berikut:

ஒழுக்கம் விழுப்பம் தரலான் ஒழுக்கம்
உயிரினும் ஒம்பப் படும் (131)
oḷukkam viḷuppam taralāṇ oḷukkam
uyirinum oṃpap padum

(Kelakuan suci membawa kemuliaan kepada manusia. Kesucian harus dipelihara dan dihargai lebih daripada nyawa sendiri).

Penggunaan Tirukkural dalam kalangan masyarakat Tamil dewasa ini meningkat. Masyarakat Tamil ramai melangsungkan majlis perkahwinan dengan pembacaan *Tirukkural* atau disebut sebagai “Perkahwinan *Tirukkural*” tanpa ada sebarang ritual perkahwinan.

Informan 7

Kebanyakan majlis dimulakan dengan bacaan Tirukkural. "Perayaan Tamilar Tirunāl" disambut pada hari Ponggal adalah berdasarkan kepada tarikh kelahiran Tiruvaḷḷuvar terbukti masyarakat Tamil mempraktikkan Tirukkural dalam kehidupan seharian.

Informan 9

Penggunaan Tirukkural dalam media massa dan media elektronik seperti facebook, whatsapp, email makin meningkat. Saban hari ada mesej tentang kuplet Tirukkural diedarkan. Mesej ini senang dan cepat dibaca berbanding buku.

Informan 10

Empat daripada sepuluh informan memberi kenyataan bahawa masyarakat Tamil tidak mempraktikkan *Tirukkural* dalam kehidupan seharian.

Pengajaran Tirukkural di sekolah kurang berkesan dan membosankan. Teknik hafalan yang ditekankan dalam pembelajaran kurang memberi impak kepada pelajar dalam penaakulan Tirukkural.

Informan 5

Masyarakat Tamil pada hari ini terlalu mementingkan materialistik dan kemewahan sehingga nilai kasih sayang telah digantikan dengan harta benda.

Informan 2

Gejala sosial yang berleluasa dalam kalangan masyarakat Tamil berpunca daripada kekurangan kasih sayang dan nilai baik dipupuk.

Informan 6

Nilai-nilai kekeluargaan seperti sopan santun dan beradab kurang dididik menyebabkan masyarakat menjadi kurang berdisiplin. Pengaruh filem dan drama antara contoh masyarakat Tamil tidak mempraktikkan Tirukkural dalam kehidupan.

Informan 8

4.2.1.3 Pembentukan keperibadian

Lima daripada sepuluh informan memberi pendapat bahawa *Tirukkural* membentuk keperibadian masyarakat Tamil.

Tiruvalluvar menghujahkan unsur keperibadian manusia seperti personaliti, tingkah laku, sikap, berperasaan dan pemikiran dalam banyak kuplet. Manakala aspek minda Tiruvalluvar menegaskan kemahiran umum seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, bahasa badan dan motivasi ke arah pembangunan personaliti seseorang.

Informan 1

Menghindari sikap angkuh diri, marah serta niat keburukan yang disarankan oleh Tiruvalluvar ia merupakan satu pencapaian yang besar dalam kehidupan seharian.

Informan 6

Insan yang mengawal diri dalam semua perkara akan diletakkan di antara Tuhan (Kuplet 121).

அடக்கம் அமரருள் உய்க்கும் அடங்காமை

ஆரிருள் உய்த்து விடும் (121)

*adakkam amararuḷ uykkum ataṅkāmai
āriruḷ uyttu vidum*

(Sifat rendah diri boleh menaikkan status dan kedudukan seseorang. Ketiadaan sifat rendah diri pula akan mewujudkan kehidupan yang penuh dengan dugaan dan kesengsaraan).

Informan 9

Kepada manusia yang selalu mencari kesalahan orang lain, Tiruvalluvar dalam kupletnya telah menyuarakan, “membetulkan kesalahan-kesalahan sendiri dahulu dan kemudian cuba untuk menasihati orang lain.

தன்குற்றம் நீக்கிப் பிறர்குற்றம் காண்கிற்பின்
என்குற்றம் மாகும் இறைக்கு (436)
taṅkurram nīkkip pirarkurram kāṅkirpin
enkurram mākuṁ iraikku

(Pemerintah yang memberikan hukuman berdasarkan kesalahan orang seharusnya amanah dan bersih dari segi segala perbuatan diri sendiri, maka barulah dia tidak bersalah di sisi Tuhan).

ஒன்றானும் தீச்சொல் பொருட்பயன் உண்டாயின்
நன்றாகா தாகி விடும் (128)
oṅṛāṇum tīccol poruṭpayan uṇḍāyin
naṅṛākā tāki vidum

(sepatah perkataan keras tunggal sudah cukup untuk menolak semua ucapan-ucapan yang baik kepada jahat).

Informan 8 dan 10

Lima daripada sepuluh Informan berpendapat *Tirukkural* tidak membentuk keperibadian.

Sikap masyarakat Tamil kurang mengamalkan nilai Tirukkural seperti berpersonaliti rendah diri antara sebab kurangnya pembentukan diri. Selain itu, sikap ego dan ketamakan juga antara punca masyarakat Tamil masih tidak dapat mengenali keperibadian diri.

Informan 2,3 dan 5

Guru kurang transformasikan nilai Tirukkural dalam jiwa pelajar melalui pembelajaran. Bakat atau berketerampilan (skill) yang diajar melalui Tirukkural tidak disokong dengan situasi pelajar.

Informan 4 dan 7

4.2.1.4 Pengaruh *Tiruvalluvar* sebagai role model

Dua daripada sepuluh informan yang menyatakan bahawa:

Tirukkural yang dikarang 2000 tahun yang lalu masih relevan dan disanjung tinggi. Tirukkural telah diterjemahkan lebih daripada 80 bahasa. Ini merupakan satu kebanggaan masyarakat Tamil. Oleh itu, kebanyakan masyarakat Tamil menjadikan Tiruvalluvar sebagai rol model dalam kehidupan mereka.

Informan 1

Kebanyakan masyarakat masih ilhamkan Tiruvalluvar sebagai petunjuk ajar hidup. Gambar-gambar dan patung Tiruvalluvar yang terdapat di perkarangan sekolah dan rumah, perkahwinan Tirukkural membuktikan kenyataan ini. Masyarakat Tamil di Malaysia berpecah belah disebabkan keturunan dan kasta. Hanya bahasa Tamil dan Tirukkural yang dapat menyatukan mereka.

Informan 3

Lapan daripada sepuluh informan menyatakan kurangnya pengaruh *Tiruvalluvar* dalam kehidupan seharian. Mereka sebulat suara menyuarakan:

Ramai masyarakat Tamil menganggap Tiruvalluvar adalah seorang sufi dan penghasilan Tirukkural adalah bukan untuk masyarakat biasa.

Informan 7,9 dan 10

Kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia pelbagai ragam. Kepercayaan, agama dan anutan menjadi penghalang masyarakat Tamil menjadikan Tiruvalluvar sebagai rol model.

Informan 4 dan 5

Masyarakat menganggap nilai-nilai yang dibawa oleh Tiruvalluvar sangat sukar untuk dipraktikkan dalam kehidupan yang serba moden ini.

Informan 2, 6 dan 8

4.2.1.5 Pengamalan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian

Empat daripada sepuluh Informan temu bual menyokong dapatan ini yang menyatakan bahawa:

Masyarakat Tamil mengamalkan nilai-nilai Tirukkural dalam kehidupan seharian kerana ia mengandungi nilai-nilai tinggi yang baik untuk kehidupan sejahtera di dunia dan akhirat.

Informan 1,3 dan 4

Pendidikan Tirukkural adalah suatu proses bimbingan terhadap perkembangan jasmani, rohani, emosi dan akal pelajar ke arah pembentukan peribadi yang baik. Ia bersifat realiti dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia.

Informan 6

Enam daripada sepuluh informan menyatakan bahawa masyarakat Tamil Malaysia tidak mengamalkan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kehidupan kerana,

Masyarakat jelata kurang penguasaan bahasa Tamil. Mereka tidak dapat memahami maksud Tirukkural yang kaya dengan bahasa kiasan. Golongan yang berpendidikan sahaja yang mempelajari dan mengamalkannya.

Informan 2,5 dan 7

Masyarakat Tamil kurang mengamalkan Tirukkural yang dipelajari dalam kehidupan seharian dan masih belum mencapai tahap yang membanggakan.

Informan 8 dan 9

Sesetengah masyarakat cuba mengelakkan diri daripada ajaran Tirukkural dan penghayatannya kerana ianya dianggap sangat sukar untuk diimplimentasikan.

Informan 10

4.2.1.6 Pembentukan insan holistik

Tiga daripada sepuluh informan menyokong dapatan ini yang menyatakan bahawa:-

Tirukkural mengandungi pelbagai aspek nilai kehidupan yang dapat membentuk diri bagi orang yang mengamalkannya.

Informan 1 & 5

Tirukkural adalah buku kehidupan. Ia mengajar cara-cara hidup di dunia ini dengan sempurna.

Informan 3

Enam informan sebulat suara menyatakan bahawa:-

Pendidikan Tirukkural yang diajar di sekolah sepatutnya bertunjangkan pembentukan sahsiah. Nilai *Tirukkural* perlu disemai agar menjadi pegangan kukuh generasi masa hadapan. Pembelajaran seharusnya dikaitkan dengan perlakuan moral agar para pelajar mampu menjadi insan yang murni.

Informan 2

Masyarakat Tamil masih kurang pengamalan, kurang pembacaan dan kurang pengamatan terhadap *Tirukkural*. Media massa, filem dan drama Tamil mempengaruhi pemikiran masyarakat. Pembelajaran di peringkat sekolah kurang berkesan antara penyebab *Tirukkural* kurang membentuk insan holistik.

Informan 4,6,7 dan 8

Ramai remaja terjebak dalam pelbagai aktiviti negatif kerana kurang didikan agama dan *Tirukkural*. Sistem pendidikan yang kurang menekankan nilai pengamalan (praktikal).

Informan 9 dan 10

4.2.2 Pengamalan *Tirukkural* berdasarkan JERI ke arah pembentukan insan holistik

4.2.2.1 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain jasmani

Kesemua responden yang ditemu bual memberi kenyataan bahawa kuplet *Tirukkural* yang terdapat dalam kurikulum bahasa Tamil mengandungi unsur JERI. Menurut informan, pelajar dididik kuplet dan maksudnya dalam pembelajaran. Tetapi dari segi pengamalan amat menyedihkan. Hanya lima responden yang memberi pendapat bahawa masyarakat Tamil di Malaysia mengamalkan domain jasmani dalam kehidupan dan lima responden lagi menyatakan tidak.

Kuplet Tirukkural mengawal lima pancaindera untuk hidup bermatlamat dan melakukan kebaikan. “அறன் வலியறுத்தல்- aran valiyuruttal” (kemuliaan kebenaran) iaitu bab keempat dalam Tirukkural mendidik seseorang individu memiliki nilai-nilai baik seperti tolong-menolong, jujur, bertanggungjawab dan banyak lagi nilai yang penting untuk kehidupan. Tirukkural melarang seseorang individu bersikap cemburu, tamak, marah dan bercakap keras. Bab “இனியவை கூறல் - iniyavai kūral” (pengucapan kata-kata manis) menyatakan bahawa kita harus menggunakan perkataan yang baik dan melaksanakan perkara yang baik.

Kuplet 151 mendidik supaya bersabar dan berbuat baik walaupun kepada orang yang bersikap negatif atau melakukan keburukan terhadap kita.

*அகழ்வாரைத் தாங்கும் நிலம்போலத் தன்னை
இகழ்வாரைப் பொறுத்தல் தலை (151)
akalyārait tāṅkkum nilampōla taṅṅai
ikalvāraip poruttal talai*

(Bumi tetap sabar walaupun perutnya digali, begitulah kesusilaan yang paling utama sekali bagi seseorang adalah bersabar kepada orang yang menghinanya).

Kuplet-kuplet di atas yang dipelajari di sekolah rendah masih segar dan diingati oleh masyarakat Tamil.

Informan 1

Tiruvalluvar mengutarakan unsur jasmani dalam membentuk sahsiah manusia. Kuplet 39 dan 40 adalah antara contoh yang menekankan perlakuan baik terhadap pembangunan diri.

*அறத்தான் வருவதே இன்பம்மற் றெல்லாம்
புறத்த புகழும் இல (39)
arattān varuvatē inṅpammar rellām
puratta pukaḷum ila*

(Kegembiraan yang dinikmati melalui jalan kebenaran adalah kegembiraan yang paling mulia).

*செயற்பாலது ஓரும் அறனே; ஒருவற்கு
உயற்பால தோரும் பழி (40)
seyarpālatu ōrum araṅe oruvarṅku
uyarpāla tōrum paḷi*

(Amalan yang berdasarkan kebenaran adalah perkara yang dilakukan setelah mengkaji baik buruknya).

Selain itu, kuplet 435 mengajar manusia menghalang kesalahan sebelum ianya berlaku kerana kesalahan tersebut akan menghancurkan diri seperti timbunan jerami yang berada di hadapan api.

*வருமுன்னர் காவாதான் வாழ்க்கை எரிமுன்னர்
வைத்தூரு போலக் கெடும் (435)
varumunṇar kāvātān vāḷkkai erimunṇar
vaittūru polak kedum*

(manusia perlulah berjaga-jaga sebelum menimpa sesuatu malapetaka terhadap dirinya).

Tirukkural menekankan perbuatan baik dan mengelak perbuatan yang membawa padah kepada dirinya seperti minum arak, berzina, menipu, mencuri dan kegiatan lain yang menghancurkan diri.

Informan 2

Tiruvalluvar telah menyarankan seseorang individu boleh melafazkan kata-kata tidak benar (menipu) sekiranya perbuatan tersebut membawa kebaikan kepada orang lain dengan memberi contoh kuplet

*பொய்மையும் வாய்மை யிடத்து புரைதீர்ந்த
நன்மை பயக்கும் எனின் (292)
poymaiyum vāymai idatthu puraitīrnta
nanmai payakkum enin*

(Kata-kata yang kurang benar adalah digolongkan dalam kebenaran dan tidak bersalah jika ianya mendatangkan faedah kepada seseorang).

Saya mengamalkan kuplet tersebut ketika diperlukan untuk mengelakkan perselisihan faham dengan orang lain.

Informan 5

Tirukkural mendidik semua insan supaya menjaga kesihatan dari segi pemakanan dan senaman yoga untuk mengelakkan penyakit. Mengikut *Tiruvalluvar*, anggota badan yang sihat dapat memberi kecergasan otak dan minda manakala pemakanan yang seimbang akan menyihatkan badan. Keadaan ini dapat mengurangkan tekanan serta menggalakkan individu melakukan sesuatu perkara dengan baik. Antara kuplet yang menekankan pemakanan dan kecergasan adalah (941,942,360).

மிகுனும் குறையினும் நோய்செய்யும் நூலோர்
வளிமுதலா எண்ணிய மூன்று (குறள் 941)
Miguṇum kuraiyiṇum nōiseyyum nūlōr
vaḷimutalā eṇṇiya mūndru

(Penyakit akan muncul kerana kelebihan dan kekurangan tiga unsur iaitu angin, hempedu dan lender yang disebutkan oleh para pengarang karya-karya perubatan).

மருந்தென வேண்டாவாம் யாக்கைக்கு அருந்தியது
அற்றது போற்றி எணின் (குறள் 942)
marunteṇa veṇṭāvām yakkaikku aruntiyatu
arṛatu pōṛri eṇin

(Jika seseorang mengambil makanan dengan mengambil kira pencernaan makanan yang telah diambil dahulu badan tidak diperlukan ubat).

காமம் வெகுளி மயக்கம் இவை மூன்றன்
நாமம் கெடக்கெடும் நோய் (குறள் 360)
kāmam vekuli mayakkan ivai mūṇṇan
nāmam ketakkeṭum nōi

(Dengan penghapusan tiga jenis kekotoran iaitu nafsu, kemarahan, kebodohan (fikiran yang kusut) daripada jiwa manusia, penyakit yang wujud juga telah hilang sama sekali).

Informan 6

Badan manusia berfungsi dengan kombinasi domain emosi dan intelek. Perlakuan baik adalah penanda aras terhadap sifat manusia. Tirukkuraḷ yang dipelajari di peringkat sekolah mendidik sifat baik ini dalam semua perkara. Melakukan apa yang dipelajari adalah antara didikan Tiruvaḷḷuvar.

கற்க கசடற கற்பவை கற்றபின்
நிற்க அதற்குத் தக (391)
karṅka kaṣaṭara karpavai karrapiṇ
nirka atarkuṭ taka

(Belajar semua yang dipelajari tanpa kesilapan, selepas mempelajari sedemikian ikuti cara kelakuan baik yang bersesuaian dengannya).

*அன்பும் அறனும் உடைத்தாயின் இல்வாழ்க்கை
பண்பும் பயனும் அது (45)
aṅbum aṛaṇum uṭaittayin ilvāḷkai
paṅbum payaṇum atu*

(Rumah tangga seseorang dianggap sempurna jika ia penuh dengan kasih sayang dan berasaskan kebenaran).

Selain itu, dalam kuplet 33 yang berbunyi:

*ஒல்லும் வகையான் அறவினை ஓவாதே
செல்லும்வாய் எல்லாம் செயல் (33)
ollum vagaiyāṇ aṛavinai ōvātē
sellumvay ellam seyal*

(Lakukan secara terus-menerus perbuatan-perbuatan yang bersifat *aram* (kebenaran) tanpa berhenti-henti dengan segala suatu cara ianya akan dapat dilakukan seboleh-bolehnya).

Seseorang individu terasa tenang dan bersyukur apabila mempelajari dan mengamalkan kuplet Tirukkural dalam kehidupan. Kehidupan ini bererti dan dianggap sempurna jika ia dipenuhi dengan kasih sayang yang berasaskan kebenaran.

Informan 10

Responden ketiga, keempat, ketujuh, kelapan dan kesembilan sebulat suara menyatakan kurang pengamalan domain jasmani yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Ini dapat dilihat daripada cara perlakuan dan gelagat khususnya golongan remaja Tamil.

Masalah sosial seperti mencuri, menagih gengsterisme yang meningkat adalah contoh kurang pengamalan nilai murni dalam kehidupan.

Informan 4 dan 7

Masyarakat Tamil kurang mempunyai nilai tolong-menolong, kerjasama, menjaga kebersihan diri dan persekitaran walaupun Tiruvalluvar telah memberi keutamaan kepada aspek tersebut dalam kupletnya.

Informan 3

Kurangnya pengamalan nilai baik mendorong masyarakat Tamil mementingkan diri sendiri dan materialistik. Kurang diberi perhatian dalam aspek kesihatan yang disarankan oleh Tiruvalluvar adalah punca peningkatan obesiti dan masalah kesihatan.

Informan 8 dan 9

4.2.2.2 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain emosi

Tujuh daripada sepuluh responden menyatakan *Tirukkural* mengawal emosi. Hanya tiga sahaja yang menyatakan ketakwaan terhadap Tuhan dapat mengawal emosi.

Tirukkural menyeru umat manusia supaya sentiasa sihat dari segi emosi kerana emosi akan menentukan kestabilan jasmani, intelek dan rohani seseorang individu. Manusia mempunyai emosi yang tinggi seperti marah, iri hati, takut, cepat putus asa dan serba salah. Hati yang suci adalah suatu sifat bermoral. Kuplet ini membuktikan ayat tadi.

மனத்துக்கண் மாசிலன் ஆதல்; அனைத்தறன்

ஆகுல நீர பிற

(34)

manattukkan māsilan ātal anaittaran

ākula nira pira

(Semua kebenaran adalah perkara yang dilakukan dengan hati yang suci. Jika membuat kebenaran dengan niat buruk, ia tidak akan membawa sebarang makna).

Informan 1

Tiruvalluvar menasihatkan umat manusia supaya menjauhi diri daripada perbuatan jahat yang sentiasa membawa kebinasaan. Bagi menjamin kehidupan bahagia lagi bermakna, maka umat manusia dinasihatkan mengamalkan nilai-nilai seperti merendah diri, takut kepada kesalahan, insaf dari kesalahan dan bertaubat.

தீயவை தீய பயத்தலால் தீயவை

தீயினும் அஞ்சப் படும் (202)

tīyavai tīya payattalāl tīyavai

tīyinum añcap padum

(Oleh kerana perbuatan jahat mengakibatkan penderitaan, ianya harus ditakuti lebih daripada api).

Informan 4

Emosi yang tidak dapat dikawal membolehkan seseorang bertindak di luar kawalan. Kemarahan boleh menjadi punca membalas-dendam, memfitnah, membunuh, bercerai atau peperangan. Keadaan ini menyebabkan individu tersebut terlepas pandang dan menghamburkan kata-kata tanpa berfikir panjang.

Informan 2

Kegagalan mengawal emosi akan merugikan diri sendiri dan keluarga tersayang. Tambahan pula seseorang yang cepat marah sering menjadi mangsa pada persekitaran dan gagal meneroka bidang kerja yang lebih tinggi.

Informan 6

Perasaan emosi akan hilang dengan mempelajari kuplet Tirukkural kerana ia mempunyai kuasa untuk mengawal perasaan tersebut. Tirukkural mendidik cara berkelakuan dalam semua situasi. Ini dapat dilihat dalam 10 kuplet di bab 31 iaitu “வெகுளாமை - vegulāmai” (ketidak marahan) untuk mendidik umat manusia supaya tidak bersikap marah.

தன்னைத்தான் காக்கின் சினம்காக்க: காவாக்கால்

தன்னையே கொள்ளும் சினம் (305)

taṇṇaittāṇ kākkiṇ siṇamkākka kāvākkāl
taṇṇaiyē koḷḷum siṇam

(Jika orang ingin melindungi diri daripada penderitaan, harus jaga diri daripada kemarahan; jika tidak kemarahan itu akan mendatangkan penderitaan dan akan meruntuhkan diri sendiri).

Kuplet lain yang menegaskan kawalan emosi adalah kuplet 129.

தீயினால் சுட்டபுண் உள்ஆறும்; ஆறாதே

நாவினால் சுட்ட வடு (129)

tīyiṇāl suṭṭapuṇ uḷārum ārātē
nāviṇāl suṭṭa vadu

(Kesan melecur api akan sembuh pada akhirnya, tetapi kata-kata keterlanjuran meninggalkan kesan selamalamanya).

Seseorang individu seharusnya berhati-hati sebelum melafazkan perkataan dengan orang lain kerana ia membawa padah kepada diri dan orang lain. Perkataan yang digugurkan akan mempengaruhi emosi dan perasaan orang lain.

Informan 10

Setiap perlakuan diri adalah output kepada tafsiran emosi. Perlakuan baik akan menyebabkan emosinya tenang manakala perlakuan yang tidak baik di sisi hati akan menyebabkan tekanan emosi. Tekanan perasaan adalah salah satu sebab manusia menghidapi pelbagai penyakit. Tiruvalluvar menekankan unsur emosi dalam beberapa bab. Antaranya kelakuan yang tidak diingini, menjauhi daripada kumpulan yang hina, memperoleh persahabatan orang-orang mulia atau tua, menjauhi diri dari mencelakakan orang lain. Pengamalan perbuatan yang kurang baik akan membawa kepada tekanan jiwa.

Informan 7

Setiap individu perlulah berfikiran tinggi seperti yang dikatakan oleh Tiruvalluvar. Walaupun impian yang tinggi tidak dapat dicapai, jangan berundur daripada berfikir sedemikian. Pendapat Tiruvalluvar ini dinyatakan dalam kuplet 595 dan 596.

உள்ளுவதெல்லாம் உயர்வுள்ளல் மற்றுஅது
தள்ளினும் தள்ளாமை நீர்த்து (596)
uḷḷuvatellam uyarvuḷḷal marṟuatu
taḷḷinum taḷḷamai nīrttu

(Segala sesuatu yang difikirkan hendaklah fikiran yang bermutu tinggi; biarpun fikiran itu belum lagi tercapai, tetapi ia tidak seharusnya ditinggalkan).

வெள்ளத்து அனைய மலர்நீட்டம் மாந்தர்தம்
உள்ளத்து அனையது உயர்வு (595)
vellattu aṇaiya malarnīttam māntartam
uḷḷattu aṇaiyatu uyarvu

(Kedalaman air dan kepanjangan tangkai bunga seroja yang berkembang di atas air adalah seukur, demikian juga keagungan yang akan dapat dicapai oleh manusia adalah seukur dengan kecergasan bersemangat yang timbul di dalam hatinya).

ketinggian seseorang umat manusia dinilai berdasarkan kepada ketinggian nilai dalam jiwanya.

Informan 9

Manakala responden ketiga, kelima dan kelapan menyatakan bahawa kuplet *Tirukkuraḷ* yang dipelajari tidak membawa perubahan emosi kepada masyarakat Tamil.

Emosi masyarakat Tamil masih rendah. Ini dapat dilihat dalam peristiwa kematian dan situasi sedih dalam keluarga. Mereka menangis dengan menjerit. Tetapi Tiruvalluvar telah menyatakan dalam kuplet 621 iaitu:-

இடுக்கண் வருங்கால் நகுக அதனை
அடுத்தார்வது அஃதொப்பது இல் (621)
iṭukkan varunkāl nakuka ataṇai
atuttūrvatu aḱtoppatu il

(Ketawalah apabila datangnya penderitaan; tidak ada suatu yang lain menghampiri, menentang dan mengatasi penderitaan itu dengan gelak ketawa).

Kurang kawalan emosi menyebabkan pertelingkahan lidah sehingga ia membawa kepada pergaduhan. Kebanyakan pergaduhan ahli keluarga dan sahabat berpunca daripada perasaan ego dan emosi yang tinggi.

Informan 3

Masyarakat Tamil mempunyai perasaan syak wasangka dan iri hati yang tinggi berbanding dengan bangsa lain. Mereka kurang bersifat memuji atau berpositif terhadap orang lain. Umpamanya kejayaan seseorang tidak dipuji malah mengutuk dan mengkritik. Ini dapat dilihat daripada kejayaan sahabat dan ahli keluarga di sekeliling. Mereka mengutuk dan menyindir cara mencapai kejayaan tanpa melihat kejayaan sebenarnya.

Informan 5

Masyarakat Tamil mempunyai perasaan takut yang tinggi berbanding dengan masyarakat lain. Disebabkan perasaan takut, mereka tidak menuntut hak yang sepatutnya diperolehi. Perasaan takut dan rendah diri ini menyebabkan mereka hidup mundur dan miskin di negara ini.

Informan 8

4.2.2.3 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain rohani

Daripada sepuluh informan, lima menyatakan bahawa *Tirukkural* mendidik unsur rohani. Lima responden pula menyatakan *Tirukkural* bukannya kitab suci malah ia adalah karya agung yang mengandungi nilai-nilai murni. Mereka akui bahawa bab pertama yang diketengahkan oleh *Tiruvalluvar* adalah konsep ketuhanan secara

universal. Responden pertama, keempat, kelima, ketujuh dan kelapan menyatakan *Tiruvalluvar* mengetengahkan kepercayaan kepada Tuhan sebagai unsur terpenting dalam kehidupan manusia.

Pada dasarnya masyarakat Tamil berpegang teguh kepada kepercayaan Tuhan. Kepercayaan ini membantu masyarakat Tamil menjalani kehidupan mengikut nilai-nilai murni yang diajar oleh agama. Demi kepentingan Tuhan kepada manusia, Tiruvalluvar mengetengahkan “கடவுள் வாழ்த்து - kaṭavuḷ vāḷttu (Pemujaan Tuhan) dalam bab pertama. Dengan ini, manusia dapat disedarkan dan dipupuk rasa cinta terhadap Tuhan. Bahagian “நீத்தார் பெருமை - nīttār perumai (menolak kehidupan duniawi) juga menjelaskan keagungan orang-orang yang telah pun menolak kepentingan diri sendiri serta bertakwa kepada Tuhan.

*அந்தனர் என்போர் அறவோர்மற் றெவ்வயிர்க்கெல்லாம்
செந்தன்மை பூண்டொழுக லான் (30)
Antanar enpōr aravōmar revvuyirkellām
sentanmai pūṇṭoluka lān.*

(Manusia terpuji menjadi sandaran kepada segala kebenaran (dharma) kerana belas kasihan mereka tidak mengenal perbezaan antara makhluk).

Informan 1

Menurut Tiruvalluvar, manusia yang mengamalkan kehidupan di dunia mengikut tatacara hidup berumah tangga akan disanjung seperti dewa yang berabdi di alam langit. Kuplet tersebut adalah seperti berikut:-

*வையத்துள் வாழ்வாங்கு வாழ்பவன் வான்உறையும்
தெய்வத்துள் வைக்கப் படும் (50)
vaiyattuḷ vāḷvāṅku vāḷbavaṅ vāṇuraiyum
teivattuḷ vaikkaḷ padum*

(Orang yang hidup di dunia menurut tatacara hidup berumah tangga dengan cemerlang akan disanjung tinggi seperti dewa, yang berabdi di alam langit).

Informan 2

Sepuluh kuplet Tirukkural yang terdapat dalam “கடவுள் வாழ்த்து” (katavul vālttu- pemujaan Tuhan) mempunyai unsur kerohanian. Falsafah Saiva Siddhantha dan Mazhab Saivisme mengakui Dewa Shiva sebagai Tuhan yang mempunyai lapan sifat iaitu bebas, suci, mempunyai ilmu semula jadi, bijak, universal, memberi belas kasihan, mampu melakukan segala-galanya dan memberikan kegembiraan yang tidak terbatas. Tirukkural juga membicarakan perkara yang sama dalam kupletnya.

கோளில் பொறியில் குணமில்வே எண்குணத்தான்
தானை வணங்காத் தலை (9)
kōḷil poriyil kuṇamilavē eṅkuṇattān
tālay vaṇaṅkāṭ talay

(Kepala yang tidak menunduk dan memuja tapak kaki murni Tuhan adalah tidak berguna seperti pancaindera yang tidak berfungsi).

Individu yang sentiasa memikirkan Tuhan tidak akan mengalami kesedihan atau penderitaan. Kuplet ini mengukuhkan lagi pendapat tersebut.

வேண்டுதல் வேண்டாமை இலான்அடி சேர்ந்தார்க்கு
யாண்டும் இடும்பை இல (4)
vēṇṭutal vēṇṭāmai ilāṇadi sērntārkkku
yāṇṭum iṭumbai ila

(Tiada malapetaka kepada mereka yang sentiasa berdoa kepada Tuhan yang tiada sifat kegemaran dan kebencian).

Informan 5

Tiruvalluvar bukan sahaja mengutarakan perkembangan fizikal dan otak fikiran manusia malah unsur kerohanian juga dipentingkan untuk penyempurnaan hidup.

அருள்இல்லார்க்கு அவ்வுலகம் இல்லை பொருள் இல்லார்க்கு
இவ்வுலகம் இல்லாகி யாங்கி (247)
aruḷillārkkū avvulagam illai poruḷ illrārkkū
ivvulagam illaaki yaṅi

(Tiada kegembiraan alam bumi ini untuk orang yang tidak mempunyai kekayaan kebendaan, begitu juga tiada pula kebahagiaan di alam langit untuk orang yang tiada kekayaan belas kasihan).

Kuplet ini menyedarkan keperluan rohani untuk mencapai alam syurga. Tiruvaḷḷuvar tidak menyentuh mana-mana unsur keagamaan malah menyebut kerohanian secara universal. Tiruvaḷḷuvar mengingatkan setiap individu perlu mengamalkan nilai kerohanian untuk menjadi insan yang soleh.

Informan 4

Tiruvaḷḷuvar mengingatkan setiap individu mengikuti jalan Tuhan yang sempurna dengan mengawal hawa nafsu dan pancaindera untuk memperoleh kehidupan yang bahagia, berpanjangan serta berkekalan.

பொறிவாயில் ஐந்துவித்தான் பொய்தீர் ஒழுக்க
நெறிநின்றார் நீடுவாழ் வார் (குறள் 6)
porivayil aintuvittān poitīr oḷukka
neriniṅār nītuvāḷ vār

(Orang yang mengikuti jalan benar Tuhan yang serba sempurna dengan mengawal hawa nafsu dan pancaindera akan memperoleh kehidupan bahagia, berpanjangan dan berkekalan).

இருள்சேர் இருவினையும் சேரா இறைவன்
பொருள்சேர் புகழ்புரிந்தார் மாட்டு (குறள் 5)
iruḷsēr iruvinaiyum sēra iraivaṅ
poruḷsēr pukaḷpurintār māttu

(Pemujaan Tuhan yang maha suci dengan setia dan bersungguh-sungguh akan menghindarkan seseorang daripada bala akibat kejahilan).

பிறவிப் பெருங்கடல் நீந்துவர் நீந்தார்
இறைவன் அடிசேரா தார் (குறள் 10)
piravip peruṅkadal nēntuvar nēntār
iraivaṅ adisēra tār

(Hanya orang yang beribadat dan berdoa dengan takzim (warak dan menyerah sepenuhnya) kepada Tuhan Yang Maha Esa sahaja akan terpedaya menyeberangi samudera kelahiran semula).

Orang yang tidak terpesong daripada nilai kemanusiaan dianggap lebih tinggi daripada gunung. Tiruvalluvar menyarankan manusia supaya bersikap teguh kepada Tuhan dengan hati yang suci dalam kuplet (124).

நிலையில் திரியாது அடங்கியான் தோற்றம்
மலையினும் மாணப் பெரிது (குறள் 124)
nilaiyil tiriyātu aṭaṇiyāṅ tōṛṛam
malaiyiṇum māṇap peritu

(Seseorang yang berpegang teguh kepada pendirian dan merendah diri kedudukannya dianggap lebih tinggi daripada gunung).

Informan 8

Lima informan menghujahkan bahawa walaupun *Tirukkural* menekankan dan membentuk unsur kerohanian, namun dari segi pengamalannya adalah masih rendah.

Pada asasnya Tiruvalluvar bukannya seorang pelopor agama. Tiruvalluvar tidak menekankan penyembahan patung, malah menekankan kepercayaan Tuhan yang Maha Esa. Beliau juga tidak membincangkan pelbagai Tuhan dalam Tirukkural yang menjadi budaya dalam kalangan masyarakat Tamil.

Informan 3 dan 6

Pelbagai kepercayaan dan anutan dalam kalangan masyarakat Tamil menunjukkan nilai kerohaniannya masih di tahap yang rendah.

Informan 7

Kebanyakan pengikut Tiruvalluvar mempunyai kepercayaan kepada Tuhan yang agak rendah, malah mereka mengamalkan nilai-nilai yang diajar sebagai prinsip hidup dan bukannya kepercayaan Tuhan.

Informan 9

Tiruvalluvar ada menyatakan bahawa orang yang menaruh kepercayaan kepada Tuhan akan hidup bahagia. Tetapi masyarakat Tamil di Malaysia kebanyakan hidup susah. Pergolakan jiwa dan kehidupan tidak tenteram menunjukkan mereka mempunyai pegangan agama yang tidak kukuh.

Informan 10

4.2.2.4 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain intelek

Enam daripada sepuluh informan menyokong kenyataan kurikulum *Tirukkural* membentuk domain intelek manakala empat informan berpendapat pembelajaran kuplet *Tirukkural* tidak membawa sebarang perubahan dari segi intelek.

Intelek merujuk kepada aspek kehidupan manusia seperti disiplin, sikap, corak pemikiran, perilaku dan cara pembawaan diri dalam pergaulan sesama manusia. Tiruvalluvar menghujahkan generasi yang berpendidikan ialah generasi yang bijak. Terdapat beberapa kuplet yang menjelaskan tentang kebaikan pendidikan, cara belajar dan keistimewaan pendidikan ke arah pembentukan manusia..

*எண்ணென்ப ஏனை எழுத்துஎன்ப இவ்விரண்டும்
கண்ணென்ப வாழும் உயிர்க்கு (392)
eṇṇeṇbana ēṇai eḷuttueṇba ivvirandum
kaṇeṇba vāḷum uyirkku*

(Huruf dan angka adalah unsur yang sangat penting kepada manusia. Huruf dan angka ibaratkan sebagai mata yang seharusnya dikuasai untuk hidup selesa di dunia).

Informan 1

Menurut Tiruvaḷḷuvar, manusia perlu menggunakan minda untuk berfikir sebelum melaksanakan sesuatu perkara. Terdapat beberapa bab yang membantu untuk membentuk generasi berpendidikan. Tiruvaḷḷuvar menyatakan pembelajaran sebenar adalah bukan memperoleh ilmu malah mempertingkatkan kematangan minda.

*தொட்டனைத்து ஊறும் மணற்கேணி மாந்தர்க்குக்
கற்றனை தூறும் அறிவு (396)
toṭṭanaittu ūrum maṇarkeṇi māntharkkuk
karranai tūrum arivu*

(Makin dalam digali, makin banyak air akan bertambah dalam perigi pasir. Demikian juga, makin belajar banyak secara mendalam, makin banyak ilmu akan bertambah untuk manusia).

Tirukkuraḷ yang dipelajari di peringkat sekolah membantu dalam membentuk generasi berpendidikan. Generasi yang berpendidikan dapat dilihat daripada pencapaian pendidikan dalam peperiksaan awam. Pelajar yang menghayati Tirukkuraḷ dalam kehidupan seharian, dapat menimba ilmu yang lebih tinggi.

*அறிவுடையார் எல்லாம் உடையார் அறிவிலார்
என்னுடைய ரேனும் இலர் (430)
arivutaṭaiyār ellam uṭaiyār arivilār
eṇṇuṭaiya rēnum ilar*

(Orang bijaksana atau berakhlak adalah orang yang mempunyai segala-galanya biarpun tidak mempunyai apa-apa, manakala orang yang tidak mempunyai pengetahuan, walaupun mempunyai segala-galanya, dia dianggap sebagai tidak mempunyai apa-apa).

Informan 2 dan 5

Fikiran dan otak manusia sentiasa merayau dan sukar dikawal. Tirukkuraḷ melampauai rahsia fikiran dan otak. Kuplet yang dipelajari di sekolah bukan sahaja mencungkil minda malah mengawal minda dan fikiran. Orang berpengetahuan dan berkebolehan mengetahui lebih tentang sesuatu yang berlaku seperti kuplet di bawah.

சென்ற இடத்தால் செலவிடா தீதுஓர்இ
நன்றின்பால் உய்ப்பது அறிவு (422)
senra itattāl selaviṭā tituorīe
nanriṅpāl uyppatu arivu

(Pengetahuan menghalang fikiran merayau tanpa tujuan serta menghapuskan jalan keburukan dan memandu ke arah jalan kebaikan).

Informan 8

Kuplet Tirukkural membantu menjana fikiran.

அறிவினுள் எல்லாம் தலையென்ப தீய
செறுவார்க்கும் செய்யா விடல் (203)
arivinuḷ ellām talaiyenba tīya
seruvārkkum seiyā viṭal

(Teras segala kejahatan adalah tidak menjahati orang walaupun terhadap musuh sekali).

நுண்ணிய நூல்பல கற்பினும் மற்றுந்தன்
உண்மை யறிவே மிகும் (373)
nuṇṇiya nūlpala karpiṇum marruntaṅ
uṇmay yarivē migum

(Biarpun seseorang mempelajari banyak karya yang berisi dengan ilmu, tetapi akal budi semula jadi yang mengenali kebenaran adalah ilmu sebenar).

Informan 9 dan 10

Seramai empat informan menyatakan bahawa *Tirukkural* tidak membawa perubahan dalam pendidikan.

Tirukkural kurang membantu dalam membentuk generasi berpendidikan. Pelajar hanya mempelajari Tirukkural untuk menjawab dalam peperiksaan dan mengalami kesukaran untu memahami maksud antara sebab masyarakat Tamil kurang minat membaca Tirukkural.

Informan 3 dan 6

Jarang orang menjawab bahawa, saya berjaya dalam kehidupan disebabkan oleh Tirukkural. Ramai masyarakat Tamil yang masih tidak mengetahui Tirukkural; apatah lagi mempelajari dan mengaplikasikannya. Masyarakat Tamil yang berjaya dalam kehidupan melalui ajaran Tirukkural adalah jumlah yang sangat terhad.

Informan 4 dan 7

4.2.2.5 Pengaruh Tirukkural ke arah pembentukan insan holistik

Daripada sepuluh informan hanya dua orang menyatakan bahawa *Tirukkural* yang dipelajari membentuk insan holistik. Lapan informan berpendapat *Tirukkural* tidak membentuk insan holistik.

Tirukkural diilhamkan untuk melahirkan insan yang holistik dari segi fizikal, emosi, rohani, intelek serta hidup bermasyarakat. Bab seperti “வாய்மை-vāimai” (kebenaran) “இன்னா செய்யாமை -innā seiyāmai ” (menjauhi penganiayaan) “கொல்லாமை -kollāmai” (hindari pembunuhan) “மெய்யுணர்தல்-meyyunaṟtal” (insaf akan kebenaran hakiki) dan “சிற்றினம் சேராமை-siṟṟinam sērāmai” (menjauhi dari kumpulan hina) merupakan antara bab yang menyumbang ke arah pembentukan insan holistik supaya dapat melakukan kebaikan kepada negara dan juga global.

Informan 1

Graduan dan pemimpin yang berjaya dalam masyarakat Tamil adalah antara contoh lahirnya insan holistik berdasarkan Tirukkural. Antaranya pemimpin pergerakan Tamil seperti En.Thiruselvam, En.Thirumavalavan, Kani Moli Kuppusamy, Tirukkural Munusamy adalah contoh insan yang mengamalkan kehidupan seperti termaktub dalam Tirukkural. Malah ada lagi pemimpin masyarakat dan rakyat biasa yang

hidup seperti dinyatakan oleh Tiruvaḷḷuvar. Pepatah Tamil menyatakan:

“நல்லார் ஒருவர் உள்ளாரே அவர் பொருட்டு பெய்யும் மழை”
nallār oruvar uḷḷarē avar poruṭṭu peyyum maḷai
(hujan turun disebabkan kesucian seseorang)

pengamalan seorang boleh diibaratkan mewakili sebuah masyarakat.

Informan 2

Kebanyakan masyarakat Tamil tidak mematuhi ajaran Tirukkural. Ini dapat dilihat dengan kehidupan yang mementingkan diri sendiri. Kes pembunuhan, gengsterisme, kecurian, rogol, penderaan kanak-kanak, mencuri, menghantar ibu bapa ke rumah orang tua, pertelingkahan suami isteri merupakan tanda prinsip moral dalam kalangan masyarakat Tamil makin merosot.

Informan 3 dan 6

Tirukkural yang dipelajari hanya memenuhi syarat peperiksaan sahaja. Kurang penaakulan maksud Tirukkural menyebabkan ramai tidak menaruh minat terhadap Tirukkural

Informan 5 dan 7

Manusia mengadaptasikan kuplet yang dipelajari mengikut kehendak dan cara hidup mereka. Umpamanya kuplet (292) menyatakan kata-kata dusta boleh dianggap sebagai kebenaran sekiranya ia membawa kebaikan.

உலகத்தோடு ஒட்ட ஒழுகல் பலகற்றும்
கல்லார் அறிவிலாதார் (140)
ulakatōṭu oṭṭa oḷukal palakarrum
kallār arivillā tār

(Seseorang yang tidak menuruti atau mempelajari tingkah laku orang-orang yang mulia dianggap tidak berilmu walaupun berpendidikan tinggi).

Tetapi masyarakat mengadaptasikan maksud kuplet ini mengikut kesesuaian sendiri. Mereka menganggap

“kehidupan manusia perlu mengikut haluan dunia”. Ini kerana dunia pada hari ini mengejar kebendaan, mengagungkan individualistik tanpa memikirkan perasaan orang lain.

Informan 4,8 dan 9

Masyarakat Tamil jauh ketinggalan daripada nilai-nilai Tirukkural dalam kehidupan mereka kerana penguasaan media, persekitaran luaran, kesan terhadap mata pelajaran lain.

Informan1

4.2.2.6 Perbezaan dari segi jantina dalam usaha pembentukan insan holistik

Empat daripada sepuluh informan memberi pandangan bahawa kaum perempuan banyak mempelajari dan mengamalkan nilai *Tirukkural* dalam kehidupan. Manakala enam informan menyatakan tiada perbezaan dari segi jantina dalam pengamalan.

Kebanyakan pelajar yang melibatkan diri dalam pertandingan Tirukkural dan aktiviti berkaitan dengan pembelajaran Tirukkural mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Tiada perbezaan jantina dalam pengamalan Tirukkural.

Informan 1 dan 8

Tirukkural memberi impak kepada kedua-dua pihak iaitu lelaki dan perempuan. Ini terbukti melalui ajaran tentang kehidupan suami dan isteri sebelum dan selepas perkahwinan.

Informan 3 dan 7

Tirukkural tidak ditulis secara khusus sama ada bagi kaum lelaki atau perempuan. Kitab ini mengandungi unsur baik untuk kebahagiaan hidup manusia di dunia tanpa mengira jantina.

Informan 4 dan 5

Kaum perempuan yang banyak mengamalkan Tirukkural dalam kehidupan seharian. Ini dapat dilihat

dengan cara hidupnya yang sopan-santun berbanding dengan lelaki.

Informan 2

Pelajar yang banyak belajar di universiti adalah kaum wanita. Maka, kaum wanita yang banyak mengamalkan Tirukkural. Tambahan pula, mereka mempunyai unsur kerohanian dan sifat lemah lembut secara semula jadi.

Informan 6,9 dan 10

4.2.2.7 Perbezaan dari segi tempat kediaman dalam usaha pembentukan insan holistik

Daripada sepuluh informan, lapan menyatakan tempat kediaman seseorang tiada kaitan dengan pengamalan *Tirukkural*. Seorang informan menyatakan penduduk luar bandar dan seorang lagi menyatakan situasi bandar mempunyai pengamalan yang tinggi.

Tirukkural adalah karya universal sesuai untuk semua umat manusia yang tinggal di mana jua. Tidak ada kaitan antara Tirukkural dan tempat kediaman. Insan yang mempelajari dan menghayati Tirukkural mempunyai nilai moral yang tinggi tanpa mengambil kira tempat kediaman. Pengamal Tirukkural terpujang kepada orang yang mempelajari dan mengamalkannya; bukannya warga sesuatu lokasi.

Informan 1,4,5,6,8,9 dan 10

Masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar banyak mematuhi ajaran Tirukkural. Kehidupan masyarakat di bandar seperti robot manakala masyarakat kampung mengamalkan kehidupan yang tenang. Mereka mengamalkan nilai-nilai baik seperti tolong-menolong, jujur serta unsur kesederhanaan. Mereka sentiasa berkomunikasi dengan dialek perumpamaan yang kaya dengan Tirukkural.

Informan 3

Masyarakat di bandar lebih mempelajari dan mengamalkan Tirukkural dalam kehidupan. Pakar-pakar Tirukkural banyak mengadakan kelas, ceramah, persidangan Tirukkural di bandar. Selain itu, masyarakat bandar senang mengakses Tirukkural melalui internet dan membeli buku. Walaupun kekurangan masa, masyarakat Tamil di bandar mempunyai minat yang tinggi dalam memperoleh ilmu Tirukkural.

Informan 7

4.2.2.8 Perbezaan dari segi peringkat umur dalam usaha pembentukan insan holistik

Daripada sepuluh informan, lapan informan yang menyatakan ada kaitan unsur umur dengan pengamalan *Tirukkural*. Manakala dua informan berpendapat pembelajaran dan pengamalan *Tirukkural* tidak ada kaitan dengan umur.

Tirukkural sesuai bagi semua peringkat umur. Pembelajaran dan pemahaman Tirukkural memerlukan kematangan umur. Usia 30 tahun ke atas adalah tahap umur yang dapat mengaplikasikan Tirukkural dalam kehidupan.

Informan 1

Kebanyakan orang yang membaca dan mengamalkan Tirukkural dalam kehidupan seharian adalah orang yang berumur dalam lingkungan 30-40 tahun. Hal ini kerana pengalaman yang dilalui memberi pengajaran kepada mereka.

Informan 2,6 dan 8

Manusia suka akan pembaharuan dan kebebasan pada peringkat umur 20 tahun. Pada usia 30-an manusia sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk menikmati kehidupan. Pada peringkat umur 40 dan ke atas pula manusia menjadi matang dalam pemikiran. Masyarakat yang berumur 30 ke atas melalui pelbagai rintangan dan pengalaman. Pengamalan mereka membantu mengimbas kembali nilai-nilai Tirukkural yang dipelajari di alam sekolah digunakan dalam kehidupan.

Informan 3 dan 5

Setiap peringkat umur mempunyai keperluan dan pengalaman yang berbeza. Semakin tua semakin banyak nilai-nilai Tirukkural diamalkan.

Informan 7 dan 9

Pembelajaran merupakan proses sepanjang hayat dan tidak mempunyai had umur tertentu. Tirukkural yang dipelajari pada peringkat sekolah diamalkan mengikut keperluan. Tiruvalluvar tidak menghadkan umur untuk pembelajaran dan pengamalan Tirukkural. Sesiapa sahaja yang berminat boleh mempelajari Tirukkural.

Informan 4 dan 10

4.2.2.9 Perbezaan dari segi agama dalam usaha pembentukan insan holistik

Kesemua responden sebulat suara menyatakan tiada perhubungan di antara *Tirukkural* dengan agama yang dianutinya.

Tiruvalluvar tidak menyatakan agama dan bangsa yang spesifik dalam Tirukkural. Malah tidak menyebut keindahan bahasa Tamil dalam kupletnya. Beliau mengabdikan Tirukkural kepada semua umat di dunia.

Informan 1,3 dan 5

Tirukkural mirip kepada agama yang dianutinya. Anutan dan kepercayaan semua agama termaktub dalam Tirukkural.

Informan 2,4 dan 7

Tirukkural yang ditulis dalam bahasa Tamil memberi penghormatan kepada pembaca Tamil. Masyarakat Tamil yang beragama Hindu, Kristian dan Islam pastinya bangga membaca Tirukkural dalam bahasa Tamil serta mematuhi segala ajaran tanpa mempertikaikan anutan agama.

Informan 6,8,9 dan 10

4.2.2.10 Perbezaan dari segi pendidikan dalam usaha pembentukan insan holistik

Daripada sepuluh Informan yang ditemu bual, tujuh daripada mereka menyatakan individu yang berpendidikan tinggi dapat mengaplikasikan *Tirukkural* dalam kehidupan. Manakala tiga menyatakan tahap pendidikan tidak ada kaitan dengan pengamalan.

Terdapat perhubungan antara Tirukkural yang dipelajari dengan pencapaian pendidikan. Tirukkural mengajar manusia ke arah positif. Individu yang belajar setakat tingkatan lima kurang pengamalan Tirukkural kerana umur dan tahap kematangan mereka rendah berbanding dengan individu yang berpelajaran tinggi.

Informan 1, 2 dan 3

Golongan berpendidikan seperti ijazah dan ijazah tinggi membuat penyelidikan terhadap Tirukkural. Mereka mempelajari, mendalami, menghayati dan menzahirkan Tirukkural dalam kehidupan seharian.

Informan 4 dan 6

Kesedaran dan kepentingan Tirukkural dalam golongan berpendidikan adalah tinggi dalam semua bidang.

Informan 9 dan 10

Individu yang mengamalkan Tirukkural adalah individu yang telah matang. Pengetahuan, kefahaman dan kearifan amalan Tirukkural bergantung pada kematangan pendidikan seseorang dan bukannya tahap umur seseorang.

Informan 5,7 dan 8

4.3 Kesimpulan

Berdasarkan data yang diperoleh daripada sampel kajian seramai 420 orang responden dan 10 orang informan, penyelidik dapat menghasilkan gred pencapaian tahap pengamalan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Secara keseluruhannya data menunjukkan tahap pengamalan *Tirukkural* dalam membentuk insan holistik berada di tahap sederhana sahaja.

Data persoalan persepsi *Tirukkural* ke arah pembentukan insan holistik menunjukkan skala peratusan yang tinggi. Manakala dalam menjawab persoalan terhadap aspek pengamalan JERI dan insan holistik, dapatan kajian yang diperoleh adalah di tahap sederhana sahaja. Ini menggambarkan masyarakat Tamil mempunyai persepsi yang tinggi terhadap *Tirukkural* tetapi dari segi pengamalannya adalah sederhana sahaja.

Selain daripada itu, hasil kajian juga membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap jantina, umur dan agama dengan pembelajaran *Tirukkural*. Manakala dari aspek tempat kediaman dan pendidikan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Namun, bagi pendidikan terdapat perbezaan dalam kumpulan di mana pendidikan tahap tinggi iaitu sarjana telah menunjukkan perbezaan yang ketara.

Berdasarkan keputusan yang diperoleh dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan setiap dapatan kajian secara terperinci dalam bab lima. Segala maklumat yang diperoleh akan membantu penyelidik mengulas sejauh manakah

keberkesanan kurikulum *Tirukkura!* dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah memberikan justifikasi terhadap pembentukan insan holistik dari aspek persepsi dan realitinya. Perbincangan dan cadangan akan diulas berasaskan kajian-kajian lepas, teori yang digunakan serta keperluan semasa.

University of Malaya

BAB V

PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan menilai dan mentafsir keberkesanan *Tirukkural* dalam kurikulum mata pelajaran bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah ke arah pembentukan insan holistik berdasarkan JERI. Maklum balas kajian ini telah memberikan gambaran sebenar sejauh manakah *Tirukkural* dapat membentuk masyarakat Tamil dari segi pengamalan dan pengajaran dalam kehidupan seharian. Kajian ini telah membantu penyelidik memberikan justifikasi terhadap implikasi *Tirukkural* dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah.

Dalam bab ini penyelidik akan menjelaskan dapatan kajian berdasarkan analisis statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian juga akan dibincangkan secara rasional dengan bukti dan fakta-fakta yang kukuh. Perbincangan segala maklumat dalam bab ini akan menjelaskan secara terperinci hasil kajian keberkesanan kurikulum *Tirukkural* dari segi JERI ke arah pembentukan insan holistik.

5.2 Perbincangan

Berdasarkan dapatan analisa semua persoalan kajian dan hipotesis, dapat dinyatakan bahawa pada amnya kurikulum *Tirukkural* dalam sekolah rendah dan menengah adalah berkesan ke atas pembentukan insan holistik. Namun, pelaksanaan perlu disesuaikan mengikut masa dan zaman. Kajian ini dijalankan terhadap 420 orang responden yang berumur dari 18 hingga 40 tahun dalam kalangan masyarakat Tamil Semenanjung Malaysia. Penyelidik menetapkan 52.38 peratus subjek lelaki iaitu 220 orang dan 47.62 peratus subjek perempuan iaitu 200 orang. Responden beragama Hindu 75.00 peratus iaitu 315 orang (158 lelaki dan 157 perempuan), Islam 12.62 peratus iaitu 53 orang (32 lelaki dan 21 perempuan) dan beragama Kristian 12.38 peratus iaitu 52 orang (30 lelaki dan 22 perempuan).

Selain itu, temu bual berfokus diadakan bersama 10 orang informan untuk mendapatkan pendapat mereka terhadap pembentukan insan holistik. Informan dipilih secara bertujuan dalam kalangan masyarakat Tamil daripada pelbagai bidang seperti pendidikan, sosiologi, psikologi, keselamatan negara serta seorang bekas banduan. Hasil kajian dibincangkan satu persatu mengikut persoalan kajian.

5.2.1 Persepsi *Tirukkural* ke arah pembentukan insan holistik

Bagi menjawab persoalan kajian pertama iaitu “**Apakah persepsi masyarakat Tamil Malaysia terhadap *Tirukkural***”. Penyelidik memperincikan enam aspek seperti berikut.

5.2.1.1 Kegemaran membaca *Tirukkural*

Data menunjukkan sebanyak 74.2% mempunyai amalan membaca *Tirukkural* yang tinggi tetapi hanya 21.5% sahaja responden mempunyai kegemaran membaca pada peratusan sangat tinggi. Manakala yang lain membaca untuk menghafal dan menjawab dalam peperiksaan. Sepatutnya kegemaran pembacaan *Tirukkural* harus memperoleh 100% kerana ia merupakan satu karya yang unik, sangat bermakna dan ringkas tetapi maksud tersurat dan tersirat sangat mendalam. Hampir 37% berada di skala sederhana sahaja kerana kemungkinan besar mereka tidak dapat menghayati pengajaran yang cuba diterapkan oleh *Tiruvalluvar* ke arah pembentukan insan holistik yang sempurna.

Dapatan temu bual juga menunjukkan 4 daripada 10 informan menyatakan masyarakat Tamil kurang gemar membaca. Antara pandangan bernas mereka adalah teknik pengajaran yang kurang menarik, tiada usaha untuk mencari ilmu tambahan walaupun terdapat 1330 kuplet, puas hati dengan 51 kuplet yang dipelajari di peringkat sekolah, peredaran dan kekangan masa, bebanan kerja, fokus kepada bidang diceburi antara sebab masyarakat Tamil kurang tabiat membaca *Tirukkural*.

Kenyataan ini disokong oleh Jegaanathan (2004), walaupun *Tirukkural* merupakan karya etika yang membentuk sahsiah, namun manusia tidak gemar

membacanya. Masyarakat Tamil mengabaikannya dengan menyatakan bahawa *Tirukkural* sukar difahami dan mempunyai banyak maksud tersirat. Tiagarasan (2005), juga sependapat iaitu masyarakat moden Tamil kurang gemar membaca *Tirukkural* kerana menganggap ia sebagai puisi yang mengandungi bahasa berbunga. Maisarah & Latifah (2012), pula memberikan kenyataan bahawa pembacaan dapat membentuk jati diri, personaliti, kerohanian dan pengisian minda.

Menurut Teori Humanistik Maslow, individu yang mempunyai minat dan keinginan terhadap sesuatu bidang akan berusaha mencapai serta memperoleh kepuasan. Kepuasan tersebut akan memandu individu untuk memenuhi keinginan yang lebih tinggi. Dalam situasi pembelajaran *Tirukkural*, kurang minat dan keinginan dalam kalangan masyarakat Tamil antara penyebab kurang penaakulan terhadap *Tirukkural*.

Penyelidik berpendapat bahawa segala dapatan dan pandangan informan ini sangat benar kerana kajian dilakukan oleh Manimaran (2009), Frank Small dan Association untuk Perpustakaan Negara Malaysia (1996), Atan Long dan rakan-rakan (1984), jelas membuktikan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia berada pada tahap yang kurang memuaskan. Masalah kurang membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia bukan berpunca daripada masalah kurang kemahiran membaca tetapi berpunca daripada masalah sikap dan budaya yang tidak mengamalkan tabiat membaca dalam kehidupan seharian. Mohd Zubil (1997), pula menyatakan masyarakat sering abaikan ilmu pengetahuan yang berfungsi sebagai pelengkap diri.

5.2.1.2 Mempraktikkan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kehidupan seharian

Sebanyak 52.6% responden menunjukkan mereka mempraktikkan *Tirukkural* dalam kehidupan seharian dan 47.4% mempraktikkan dalam keadaan sederhana dan rendah. Dapatan ini melambangkan keadaan pencapaian akademik pelajar-pelajar di sekolah di mana bukannya 100% cemerlang dalam akademik. Semua pelajar mempelajari *Tirukkural* di sekolah rendah dan menengah tetapi hampir 47% responden gagal mempraktikkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam *Tirukkural* dengan jayanya.

Menurut Kulandasamy (1990), amalan pengajaran dan kaedah penilaian yang lebih mementingkan pencapaian akademik serta mengutamakan sistem hafalan fakta menyebabkan pelajar kurang mempraktikkan perkara yang dipelajari. Pencapaian pelajar kurang dinilai berdasarkan amalan ilmu yang dipelajari di bangku sekolah. Oleh yang demikian tidak hairanlah 47% responden kajian menyatakan bahawa mereka kurang mengamalkan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian.

Informan temu bual juga berpendapat yang sama iaitu teknik pengajaran yang sangat mementingkan hafalan, nilai-nilai kekeluargaan yang tidak dididik, perubahan dalam gaya hidup, terlalu mementingkan materialistik antara penyebab utama masyarakat tidak mempraktikkan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kehidupan seharian.

Menurut Jegaanathan (2004), masyarakat Tamil kurang mempraktikkan *Tirukkural* dalam kehidupan seharian atas dasar kurang memahami maksudnya. Pembacaan kuplet *Tirukkural* hanya untuk memenuhi kehendak peperiksaan tidak membina hasrat dalam mempraktikkannya. Kenyataan ini disokong oleh Malliga

(2013), yang menyatakan hanya segelintir masyarakat Malaysia yang mempraktikkan *Tirukkural* dalam kehidupan seharian.

Sekiranya meneliti dapatan kajian ini berasaskan Teori Penaakulan Kohlberg, penyelidik dapat menyatakan bahawa hampir 47% pelajar gagal menguasai penghayatan *Tirukkural* di sekolah sejak kecil lagi. Mengikut teori ini, individu harus memiliki sesuatu pengetahuan sejak kecil lagi dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian mengikut keperluan. Ilmu ini harus berkembang mengikut peredaran masa dan usia individu tersebut. Dalam situasi ini, pembelajaran *Tirukkural* kurang menjadi penting kepada responden untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Kepentingan pelajar adalah memenuhi kehendak peperiksaan iaitu menurunkan apa yang dipelajari dan bukan untuk mengamalkannya. Maka seperti yang disarankan dalam teori ini, *Tirukkural* kurang dipraktikkan dalam situasi harian ke arah pembentukan insan holistik.

5.2.1.3 Pembentukan keperibadian

Dapatan ini menunjukkan seramai 65.8% responden menyatakan bahawa *Tirukkural* dapat membentuk keperibadian seseorang. 34.2% responden menyatakan bahawa *Tirukkural* hanya membantu pembentukan personaliti yang unggul dalam skala yang sederhana dan rendah. Kemungkinan besar mereka beranggapan sedemikian kerana dalam proses pembelajaran, mereka gagal menghayati maksud tersurat dan tersirat yang terkandung dalam setiap kuplet *Tirukkural* ataupun 51 kuplet yang terkandung dalam

kurikulum sekolah tidak memadai untuk membentuk keperibadian tinggi seseorang insan.

Informan temu bual berpendapat kegagalan menguasai pembentukan keperibadian adalah disebabkan sikap masyarakat Tamil yang kurang berpersonaliti dan tidak mempedulikan diri, ego, utamakan kemewahan merupakan antara sebab kurangnya pembentukan diri.

Prabakaran (2014), menyatakan strategik yang dibina oleh *Tirukkural* melalui kupletnya dapat membentuk keperibadian seseorang ke arah kejayaan. Ravi (2008), pula menyokong dapatan ini dan menyatakan pembelajaran *Tirukkural* dapat membentuk personaliti diri. Menurut Maisarah & Latifah (2012), pula pendidikan formal dan tidak formal dapat membentuk jati diri seseorang.

Menurut Teori Penaakulan Kohlberg, karakter dan personaliti yang terbentuk dari penggabungan pelbagai kebaikan yang dipercayai dan digunakan sebagai asas bagi perspektif berfikir, bersikap dan bertindak. Karakter terbentuk daripada nilai-nilai dan norma seperti kejujuran, keberanian untuk bertindak, boleh dipercayai dan hormat kepada orang lain. Perkembangan karakter hanya boleh dilakukan melalui pembangunan keperibadian individu dalam persekitaran sosial dan budaya yang inovatif serta proses pendidikan yang sempurna. *Tirukkural* yang mengandungi banyak nilai dapat membentuk keperibadian sekiranya dipelajari dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

5.2.1.4 Pengaruh *Tiruvalluvar* sebagai rol model

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 57.4% menjadikan *Tiruvalluvar* sebagai rol model dalam kehidupan mereka manakala 42.6% lagi pengaruh *Tiruvalluvar* sebagai rol model adalah sederhana dan rendah sahaja. Pendapat informan temu bual menyatakan bahawa dapatan sedemikian adalah atas beberapa sebab seperti berikut:-

- i) Ramai yang tidak mengenali *Tiruvalluvar* secara peribadi kerana mengikut sarjana, *Tiruvalluvar* hidup lebih 2000 tahun lalu. Manusia suka mencari rol model cendekiawan yang hidup dalam zaman ini seperti kata pepatah “*tak kenal maka tak cinta*”. *Tirukkural* merupakan satu karya yang ringkas tetapi memerlukan tahap pemikiran yang tinggi untuk menginteprestasikannya dalam kehidupan seharian. Kesukaran ini akan mengurangkan minat seseorang terhadap pembelajaran *Tirukkural* dan menjadikan *Tiruvalluvar* sebagai rol modelnya.
- ii) Manusia moden tidak memerlukan rol model kerana teknologi maklumat berada di hujung jari. Manusia moden jarang menjadikan sesiapa untuk menentukan hala tuju hidupnya. Kebanyakan remaja pada masa ini suka berdikari dan menjadikan dirinya sebagai punca inspirasi dan idola bagi masyarakat persekitarannya. Mereka suka hidup dengan gayanya tersendiri dan akan bangga apabila dirinya diikuti oleh orang lain. Dalam situasi ini *Tiruvalluvar* tidaklah penting kepada mereka.

Menurut Ilakkuvanar (2010), Manikkumaran (1996), Suba Manikam (1982), *Tiruvalluvar* menjadi rol model kepada umat manusia melalui kupletnya. Ramai menjadikan *Tiruvalluvar* sebagai panduan dan idola kehidupan.

Menurut Teori Planned Behavior, faktor latar belakang seperti persekitaran, demografi dan personaliti menjadi penentu dalam tingkah laku seseorang individu. Dalam hal ini, *Tirukkural* sebagai agen perubahan akan mempengaruhi seseorang individu sekiranya keyakinan terhadap tingkah laku, normatif dan kawalan tingkah laku diberi penekanan dengan menjadikan *Tiruvalluvar* sebagai panduan serta idola kehidupan.

5.2.1.5 Pengamalan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian

Hasil kajian menunjukkan hampir 40% sahaja mengamalkan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan sehariannya pada peratusan yang tinggi dan sangat tinggi. 52% lagi kurang mengamalkan ajarannya dalam kehidupan seharian.

Kenyataan ini boleh dikaitkan dengan teori Humanistik Maslow (1968), di mana pembelajaran akan berlaku secara berperingkat-peringkat sekiranya individu mempunyai kehendak dan keperluan dalam sesuatu perkara. Dalam hal ini pengamalan ajaran *Tirukkural* pada skala sederhana sahaja manakala 8% dalam skala yang rendah dan sangat rendah. Dapatan ini jelas membuktikan penghayatan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Penyelidik berpendapat sedemikian kerana individu akan mengamalkan sesuatu ilmu

yang dipelajari dalam kehidupannya apabila dia memahami 100% serta mempunyai keinginan yang tinggi. Menurut teori ini, kegagalan menguasai ilmu atau saranan *Tiruvalluvar* berdasarkan kuplet-kuplet di sesuatu peringkat alam persekolahan akan menjadi penghalang terhadap amalannya dalam kehidupan seharian. Dapatan ini juga membuktikan pembelajaran bukan hanya sekadar membaca; ia harus menjadi ikutan mengikut situasi kehidupan seseorang.

Menurut Susila (2005), pengamalan ajaran *Tirukkural* sudah sehati dengan kehidupan harian. Masyarakat Tamil secara tidak langsung menggunakan kuplet *Tirukkural* dalam perbualan harian. Visvanathan, Ki.Aa.Pee. (1990), pula berpendapat *Tirukkural* adalah harta karun yang banyak menitikberatkan amalan hidup manusia.

Informan temu bual pula memberi pandangan masyarakat Tamil mempunyai kurang penguasaan bahasa. Mereka tidak dapat memahami maksud *Tirukkural* yang kaya dengan bahasa. Golongan yang berpendidikan sahaja yang mempelajari dan mengamalkannya.

5.2.1.6 Pembentukan insan holistik

Analisa kajian terhadap pembentukan insan holistik menunjukkan bahawa hampir 62% menyatakan *Tirukkural* dapat membentuk insan holistik dengan jayanya manakala 38% lagi menyatakan pembentukan insan holistik berlaku dalam keadaan sederhana dan rendah. Apabila meneliti peratusan ini, penyelidik dapat menjelaskan bahawa pembelajaran *Tirukkural* di peringkat sekolah memang memberi kesan baik terhadap

pembentukan insan holistik yang diharapkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Keciciran dalam proses pembentukan holistik ini adalah lumrah hidup di mana bukan *Tirukkural* sahaja yang boleh dijadikan pegangan hidup seseorang. Terdapat pelbagai karya lagi ataupun kitab-kitab agama yang boleh dijadikan asas pembentukan insan holistik mengikut kepercayaan dan pegangan hidup masing-masing.

Menurut Carter J.Haynes (2009), insan holistik dapat dibentuk apabila seseorang memperoleh perkembangan yang menyeluruh dalam semua aspek. Mengikut informan temu bual pula, kurang pengamalan, kurang pembacaan dan kurang pengamatan, pengaruh media massa, filem dan drama, pembelajaran di peringkat sekolah sahaja adalah penyebab *Tirukkural* tidak menjadi asas pembentukan insan holistik.

Peratus pencapaian ini boleh ditingkatkan lagi sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran *Tirukkural* di peringkat sekolah dilaksanakan mengikut teori hierarki Maslow iaitu menekankan pembelajaran berperingkat dan mengikut tahap. Dalam teori Maslow penekanan diberikan mengikut tahap iaitu fisiologi, keselamatan, kasih sayang, harga diri dan aktualisasi. Sekiranya *Tirukkural* diajar mengikut tahap ini, pembelajarannya lebih efektif dan bermakna kerana pembelajaran berfokus kepada keperluan pelajar.

5.2.2 Pengamalan *Tirukkural* berdasarkan JERI ke arah pembentukan insan holistik

Bagi menjawab persoalan kajian kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam penyelidik telah menggunakan kaedah penggredan untuk melihat sejauh manakah ajaran *Tirukkural* membantu pembentukan domain jasmani, emosi, rohani dan intelek secara menyeluruh. Pengaruh ajaran *Tirukkural* ini dikategorikan mengikut tahap sangat tinggi, tinggi, sederhana, rendah dan sangat rendah. Persoalan kajian yang diujikan merangkumi kesemua pemboleh ubah kajian kerana penyelidik memberikan tahap pencapaian setiap responden berdasarkan skor mentah. Penyelidik telah menetapkan tahap pencapaian untuk pemupukan domain JERI berdasarkan min dan sisihan piawai skor mentah. Dapatan kajian diperincikan satu persatu seperti berikut.

5.2.2.1 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain jasmani

Analisis penguasaan domain Jasmani dalam *Tirukkural* yang dinilai berdasarkan pengamalan tingkah laku dan perlakuan menunjukkan 4.52% berada di tahap sangat tinggi manakala tahap tinggi pula 26.92%. Sebanyak 47.85% berada di tahap sederhana. 15.95% berada di tahap rendah dan yang terakhir adalah sangat rendah iaitu dengan 4.76%. Dapatan kedua-dua tahap sangat tinggi dan tinggi menunjukkan pencapaian 31.44% sahaja. Keputusan dapatan domain jasmani menunjukkan rata-rata pengamalan *Tirukkural* dari segi tingkah laku berada di tahap sederhana. Dapatan ini menjelaskan bahawa penguasaan domain jasmani masih belum mencapai tahap yang membanggakan. Pencapaian ini berkait rapat dengan pemahaman dan pengamalan

Tirukkural. Pengamalan dalam konteks ini bermaksud mempelajari, memahami dan mengaplikasikan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian.

Seramai lima daripada sepuluh informan temu bual yang menyatakan *Tirukkural* membentuk domain jasmani. Mereka memberi hujah dengan memberikan contoh kuplet yang dipertuturkan dalam kehidupan seharian. Mereka berpendapat penggunaan kuplet *Tirukkural* mampu mengubah perlakuan diri seseorang.

“அறன் வலியுறுத்தல் - *aran valiyuruttal*” (kemuliaan kebenaran) iaitu bab keempat dalam *Tirukkural* mendidik seseorang individu memiliki nilai-nilai baik seperti tolong-menolong, jujur, bertanggungjawab dan banyak lagi nilai yang penting dalam kehidupan seharian. *Tirukkural* melarang seseorang individu bersikap cemburu, tamak, marah dan bercakap keras. “இனியவை கூறல் - *Iniyavai kūral*” (melafaskan kata-kata manis) menyatakan kita harus menggunakan perkataan yang baik dan melaksanakan perkara yang baik. Contoh beberapa kuplet dalam kurikulum bahasa Tamil yang mengutarakan percakapan dan perlakuan baik adalah seperti berikut:-

இனிய உலவாக இன்னாத கூறல்
கனியிறுப்பக் காய் கவர்ந்தற்று (100)
iṇiya ulavāka iṇṇāta kūral
kaṇiyiruppak kāi kavartarṛu

(penggunaan kata-kata kasar dengan mengetepikan kata-kata mesra adalah seperti memilih buah yang mentah walaupun terdapat buah yang masak).

அறத்தான் வருவதே இன்பம்;மற் றெல்லாம்
புறத்த; புகழும் இல (39)
araththāṇ varuvatē inṇam marrellam
puratta pukaḷum ela

(hanya kegembiraan yang berpunca daripada perbuatan kesusilaan merupakan kegembiraan yang sebenar; kegembiraan berpunca daripada jalan keburukan adalah hanya terdiri dari penderitaan sahaja).

Ini bermaksud kegembiraan yang dinikmati melalui jalan kebenaran adalah kegembiraan yang paling mulia.

Manikkumaran (1996), pula menyatakan manusia perlu melakukan yang baik dan mengelak perkara yang membawa musibah kepada dirinya. Beliau menekankan tingkah laku baik akan membentuk diri. Muruganatham (1979), dalam penulisannya menekankan cara hidup berhemah terhadap individu, keluarga dan masyarakat dengan pengamalan nilai-nilai *Tirukkuraḷ* dalam kehidupan. Beliau menjelaskan pengamalan *Tirukkuraḷ* akan melahirkan seseorang individu yang baik kepada keluarga dan negara.

Ada Pepatah Tamil berbunyi “சுவரை வைத்துதான் சித்திரம் வரைய முடியும் - *suvarai vaittutān sittiram varaya mudiyum*” (Kalau nak lukis mesti ada dinding yang kukuh). Begitu pentingnya, badan manusia untuk mencorakkan dan mencapai kesempurnaan hidup. (Tirumanthiran dalam Manikavasagam 2011), pula menyatakan kepentingan tubuh badan yang sihat untuk mencapai aktualisasi diri.

Beliau memberi kenyataan bahawa badan manusia merupakan tempat kediaman roh yang soleh dan pembelaan tubuh badan adalah pembelaan roh tersebut. Dalam satu puisi lagi beliau menyatakan bahawa badan ini diibaratkan kuil yang didiami oleh Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu beliau menyeru supaya setiap insan menjaga kesucian badan.

“உடம்பார் அழியில் உயிரார் அழிவர்
திடம்பட மெய்ஞானம் சேரவும் மாட்டார்
உடம்பை வளர்க்கும் உபாயம் அறிந்தே
உடம்பை வளர்த்தேன் உயிர் வளர்த்தேனே” (724)

*(Badannya hancur nyawanya tiada
Tidak dapat mencapai aktualisasi
Mengenali cara menjaga badan
Cergasnya badan cergasnya nyawa).*

“உடம்பினை முன்னம் இழுக்கென் றிருந்தேன்
உடம்பினுக் குள்ளே உறுபொருள் கண்டேன்
உடம்புளே உத்தமன் கோவில் கொண்டானென்று
உடம்பினை யானிருந்து ஓம்புகின்றேனே” (725)

*(Dahulu menganggap jasad suatu yang tidak penting
Tatkala melihat benda suci di hati
Mengetahui di jasadnya Tuhan mendirikan kuil
Aku menjaga dan menyayangi tubuhku).*

Mengikut *Tiruvalluvar*, manusia memiliki anggota jasmani yang serba lengkap untuk menjalani kehidupan. Lebih daripada 90% kuplet-kuplet *Tirukkural* menekankan domain jasmani dari segi perlakuan. Beliau membahagikan aspek jasmani kepada dua bahagian yang utama:-

- i) Perlakuan yang membawa kepada peningkatan kesihatan
- ii) Perlakuan yang membawa kepada perubahan tingkah laku.

Dalam aspek penjagaan kesihatan, *Tiruvalluvar* menekankan cara pemakanan, perubatan, aktiviti yoga dan tidur yang cukup.

*மிகினும் குறையினும் நோய்செய்யும் நூலோர்
வளிமுதலா எண்ணிய மூன்று (குறள் 941)
mikiṇum kuraiyiṇum nōiseyyum nūlōr
vaḷimutalā eṇṇiya mūṇru*

(penyakit akan muncul kerana kelebihan dan kekurangan tiga unsur iaitu angin, hempedu dan lendir yang disebutkan oleh para pengarang karya-karya perubatan).

*மருந்தென வேண்டாவாம் யாக்கைக்கு அருந்தியது
அற்றது போற்றி உணின் (குறள் 942)*

*Marunteṇa vēṇṭāvām yākkaiḱku aruntiyatu
arratu pōrri uṇin*

(Jika seseorang mengambil makanan selepas mengambil kira pencernaan makanan yang telah diambil dahulu, badannya tidak memerlukan apa yang dikenal sebagai ubat).

*காமம் வெகுளி மயக்கம் இவை மூன்றன்
நாமம் கெடக்கெடும் நோய் (குறள் 360)
kāmam vekuli mayakam ivai mūṇraṇ
nāmam kedakkedum nōy*

(penderitaan tidak akan menghampiri individu yang mengawal dan menghapuskan sama sekali keinginan, kemarahan dan kejahilan).

*சுடச்சுடரும் பொன்போல் ஒளிவிடும் துன்பஞ்
சுடச்சுட நோற்கிற் பவர்க்கு” (குறள் 267)
cudaccudarum ponpōl oḷividum tunpañ
cudaccuda nōrkiṛ pavarkku*

(lebih lama emas dipanaskan, lebih berkilau cahayanya. Lebih banyak penderitaan dan kesukaran yang dilalui oleh pengamal pertapaan, maka lebih menyerlah kesedaran tentang kebenaran).

Manakala aspek pengamalan dan perlakuan, beliau menekankan dalam bab “*அறன் வலியுறுத்தல் - aran valiyurutthal*” (kemuliaan kebenaran) perkara-perkara yang harus dilakukan dan perkara-perkara yang tidak harus dilakukan untuk hidup sejahtera di dunia ini. *Tiruvalluvar* menitik beratkan pengamalan semua nilai-nilai murni dan baik seperti kata pepatah Melayu “*buat baik dibalas baik*”. *Tiruvalluvar* juga menyatakan sekiranya melakukan perbuatan baik akan menerima pahala dan di sebaliknya.

Tiruvalluvar melihat perlakuan aspek fizikal akan membawa kesan kepada tingkah laku, emosi, kognitif dan rohani. Oleh yang demikian, beliau banyak menitik beratkan aspek perlakuan supaya masyarakat mengamalkannya dalam kehidupan seharian untuk menjadi manusia yang soleh. *Tiruvalluvar* dalam tiga domain utama *Tirukkural* iaitu kebenaran, kebendaan dan kebahagiaan juga sangat mementingkan unsur pengamalan.

<i>aram</i>	Cara mengamalkan nilai-nilai baik
<i>porul</i>	Cara memperoleh harta benda, kebahagiaan dalam keluarga dan masyarakat
<i>inpam</i>	Cara memperoleh kesejahteraan

(Auvaiyar dalam Vengadasamy 2007), mendesak masyarakat Tamil mengelak dari melakukan perkara-perkara yang memudaratkan.

“புலையும் கொலையும் களவும் தவிர்” (63)
“*pulaiyum kolaiyum kalavum tavir*”.

(elakkan pencurian, pembunuhan, dan pemakanan yang tidak sihat)

Perkara yang sama disarankan oleh *Tiruvalluvar* dalam kuplet-kuplet yang diilhamkan dalam kurikulum bahasa Tamil.

Menurut Kohlberg (1984), karakter mencerminkan keperibadian serta budi pekerti seseorang secara sepenuhnya melalui sikap, perlakuan dan mental. Pembelajaran aspek ini menekankan perlakuan sebenar berdasarkan norma-norma yang bersifat kontekstual dan kebudayaan. Teori Penaakulan Moral ini sangat menekankan pengamalan moral (*moral action*) dan penguasaan nilai-nilai moral dalam kehidupan diperoleh daripada perlakuan. Kenyataan ini sependapat dengan Licona (1991), yang membicarakan penaakulan moral sangat penting dan dapat menggerakkan tingkah laku moral tetapi individu tersebut perlu faham dan berfikir sebelum mempraktikkan.

Pendapat ini selari dengan Teori Humanistik Abraham Maslow (1954), yang menyuarakan keperluan asas yang dikehendaki seseorang individu akan dipenuhi dengan keinginan yang menjurus kepada perlakuan. Menurut Maslow (1907), keperluan dalaman iaitu motivasi adalah penggerak dan menggerakkan perlakuan seseorang individu untuk memenuhi matlamat. Maslow (1970), melihat manusia sebagai insan yang mempunyai dorongan untuk berkembang ke arah kesempurnaan sendiri.

Menurut Maslow dalam Azlina (2002), badan manusia bertindak balas dan memotivasikan seseorang untuk memenuhi keinginan. Kegagalan untuk memenuhi keperluan fisiologi akan mengakibatkan perkembangan tubuh badan seseorang yang tidak sempurna dan ini menyebabkan individu tersebut berasa terdapat kekurangan pada dirinya. Dalam hal ini, seseorang individu dapat melakukan tingkah laku baik yang terdapat dalam *Tirukkural* sekiranya terdapat motivasi dalaman sebagai penggerak.

Pendapat ini sama dengan Tolman (1932), iaitu semua tingkah laku manusia mempunyai matlamat tertentu. Manusia akan menggunakan pendekatan yang mempunyai kaitan dengan matlamat yang hendak dicapai. Torres dan Nowson (2007), Lon Seiger & James (1997), menyatakan bahawa individu yang ingin menikmati gaya hidup sihat perlu memiliki dan mengamalkan kesemua komponen kesejahteraan bersama. Ahmad Hashim (2004), pula menyatakan perlakuan fizikal adalah berkaitan dengan keupayaan seseorang melakukan kerja-kerja hariannya dengan penuh semangat dan kemampuan mengelak serta menjauhkan diri dari dijangkiti penyakit-penyakit kronik.

50% informan temu bual yang menyarankan bahawa kuplet *Tirukkural* yang dipelajari di sekolah tidak membentuk domain jasmani dalam kalangan masyarakat Tamil. Mereka menyatakan gejala sosial yang kian meningkat adalah contoh yang jelas kurangnya pengamalan nilai-nilai *Tirukkural* dalam kehidupan. Ini seiring dengan pendapat Malliga (2013), iaitu masyarakat Tamil kurang mempraktikkan unsur-unsur *Tirukkural* dalam kehidupan seharian. Beliau membuktikannya dengan memberikan statistik gejala sosial dalam kalangan generasi muda Tamil yang makin meningkat.

Sumber Polis Diraja Malaysia dalam Malliga (2013), juga membuktikan kenyataan bahawa kadar masalah sosial masyarakat Tamil di Malaysia meningkat 33% berbanding dengan peratusan masyarakat iaitu 7.7%.

Setelah meneliti pandangan kesemua responden, penyelidik mendapati 50% informan menyatakan kurikulum sekolah rendah dan menengah kurang membentuk insan yang sempurna dari segi jasmani. Keadaan ini boleh berlaku kerana cara pembelajaran pada zaman sekarang menitik beratkan sistem hafalan ke arah pencapaian gred terbaik; bukannya ke arah amalan yang mampu membentuk sahsiah diri seseorang pelajar. Lee & Sarjit (2008), yang menjalankan kajian terhadap keberkesanan Rukun Negara dalam kalangan masyarakat Malaysia juga berpendapat bahawa sistem hafalan menjadi punca kegagalan pembentukan insan holistik yang diuar-uarkan dalam Rukun Negara. Kenyataan Abdul Rahman Aroff (1986), pula menyokong pendapat di atas dengan menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran tidak dapat membentuk sahsiah sekiranya tidak menyentuh aspek perlakuan dan pengamalan dalam kehidupan seharian. Pandangan ini boleh diterima dan serupa dengan apa yang berlaku dalam pengajaran *Tirukkural* di sekolah pada masa sekarang.

Walaupun *Tirukkural* mengandungi banyak nilai perlakuan moral dalam kurikulum bahasa Tamil, ianya menjadi sia-sia sahaja sekiranya tidak diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Pandangan pengkaji membuktikan kenyataan ini.

Sekiranya diteliti berasaskan Teori Planned Behavior, faktor latar belakang mempengaruhi seseorang individu yang mempelajari *Tirukkural* sejak kecil lagi harus diberi tunjuk ajar untuk mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Ilmu yang dipelajari akan terhakis apabila dipengaruhi oleh faktor latar belakang seperti personaliti, demografi dan persekitaran. Dengan erti kata mudah, pengalaman merupakan guru yang mengukuhkan ilmu yang dipelajari. Berdasarkan teori ini, seseorang harus mengetahui, memahami dan membuat perubahan dalam tingkah laku sedia ada melalui amalan yang baik dan lebih sempurna dari aspek jasmani ke arah pembentukan insan holistik.

5.2.2.2 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain emosi

Hasil kajian ini menunjukkan hanya 3.10% responden berada di tahap sangat tinggi yang menyatakan *Tirukkural* memupuk domain emosi ke arah pembentukan insan holistik. Sebanyak 22.62% berada di tahap tinggi manakala di tahap sederhana pula paling ramai iaitu sebanyak 46.66%. Sebanyak 23.33% berada di tahap rendah dan 4.29% berada di sangat rendah. Maka dapat disimpulkan bahawa pembentukan emosi melalui *Tirukkural* juga adalah masih di tahap yang tidak membanggakan.

Dapatan informan temu bual pula memberikan data yang bertentangan iaitu seramai tujuh daripada sepuluh menyatakan *Tirukkural* memberikan kesan yang baik terhadap domain emosi. Mereka berpendapat bahawa pembelajaran *Tirukkural* mengawal emosi seseorang.

Antara kuplet *Tirukkural* yang terdapat dalam kurikulum bahasa Tamil dijadikan contoh adalah kuplet (34) :

மனத்துக்கண் மாசிலன் ஆதல்; அனைத்தறன்
ஆகுல நீர பிற (34)
maṇattukan māsilan ātal aṇaittaran
ākula nīra pira

(Semua kesusilaan adalah merupakan fikiran yang tidak bersalah, lain-lain seperti pakaian dan barang hiasan adalah hanya perbuatan menunjuk-nunjuk sahaja).

Hati yang suci adalah suatu sifat bermoral. Kebenaran adalah perkara yang dilakukan dengan hati yang suci. Jika membuat sesuatu kebenaran dengan niat buruk, ia tidak akan membawa sebarang makna.

Dalam bab “வெகுளாமை - vekulamai” (menjauhi diri dari kemarahan) *Tiruvalluvar* mendidik umat manusia supaya tidak bersikap marah. Satu lagi kuplet yang dijadikan contoh adalah (305).

தன்னைத்தான் காக்கின் சினம்காக்க: காவாக்கால்
தன்னையே கொள்ளும் சினம் (305)
taṇṇaitāṇ kākkiṇ siṇamkāka kāvākkāl
taṇṇaiyē kollum siṇam

(Jika orang ingin melindungi diri daripada penderitaan, haruslah dia menjaga diri dari kemarahan. Jika tidak, kemarahan itu akan mendatangkan penderitaan-penderitaan kejam, yang akan meruntuhkan diri sendiri).

Saranan *Tiruvalluvar* melalui kuplet ini sangat berkait dengan salah satu aspek yang ditekankan dalam Teori Planned Behavior. Teori ini menekankan kawalan diri terhadap unsur-unsur negatif seperti marah, membenci, mencuba aktiviti seperti merokok, meminum minuman keras dalam sesuatu keadaan terdesak. Apabila seseorang individu berjaya mengawal diri dalam situasi sedemikian, ia akan menghindarkan diri daripada perlakuan negatif tersebut sepanjang hayat. Di sini, ilmu yang dipelajari melalui *Tirukkural* menjadi pegangan hidup ke arah pengawalan naluri ingin cuba sesuatu yang buruk.

Pandangan beberapa ilmuwan dapat mengukuhkan lagi kajian ini di mana mereka menyatakan masalah tingkah laku individu berpunca daripada kurangnya kawalan emosi. Ramalingan (1998), berpendapat perasaan kasih sayang, rendah diri, disiplin, kesabaran, restu tuhan, pengetahuan, usaha, kerajinan, kesopanan dan baik hati adalah sangat penting bagi pengawalan emosi. Azhar dan Nasir (2010), menyuarakan masalah tingkah laku remaja moden adalah kerana identiti manusia yang menjejaskan keinginan sebenar. Ewing (1990), pula berpendapat kelemahan moral dalam kalangan individu yang melakukan jenayah bukan disebabkan mereka tidak mengetahui kesalahan sesuatu perkara tetapi berpunca daripada tiadanya perasaan terhadap kebajikan orang lain.

Tolkappiyar dalam Ilampurananar (2009), menyatakan manusia dapat dibezakan daripada kehidupan lain berdasarkan minda dan perasaan.

“ஆற்றிவதுவே அவற்றொடு மனமே”
Ārrivatuṅē avarroṭu manamē

(Manusia mempunyai pancaindera keenam iaitu minda).

Mengikut Tolkappiyar perasaan mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan hala tuju kehidupan seseorang manusia.

Auvaiyar dalam Vengadasamy (2007), telah menyatakan

“நல்ல மனம் உடையவை, இறுதியில் நற்கதி அடைவர்”.
Nalla maṇam uṭayavai irutiyil narḱati aṭaivar

(Seseorang yang mempunyai perasaan emosi yang baik, akan mencapai pahala di akhirat. Ini kerana emosi bertindak mengarah seorang manusia di bawah kesedaran).

Baarathiyar (2014), dalam puisinya menzahirkan

“மனம் திறப்பது மதியாலே”.
Maṇam tirappatu matiyālē

(Pembukaan perasaan seseorang adalah melalui kawalan minda).

Manakala Thayumanavar dalam Sökkalingam (2009), mengutarakan kegagalan menguasai perasaan akan menghancurkan segala-galanya menerusi puisi di bawah.

“சினம் இறக்கக் கற்றாலும் சித்தியெல்லாம் பெற்றாலும்
மனம் இறக்க கல்லார்க்கு வாயேன் பராபமரமே”
siṅam irakkak karṛalum sittiyeḷḷam perṛalum
maṇam irakka kallārḱku vāyēṅ parābaramē

(Ilmu yang dimiliki tidak akan berguna sekiranya tidak dapat mengawal kemarahan.

Seseorang tidak dapat memperoleh hikmah selagi minda dan emosi mengawal diri).

Apabila dipandang dari perspektif *Tiruvalluvar*, beliau menjelaskan faktor emosi disisipkan sebaik-baiknya dalam setiap kuplet yang terdapat dalam kurikulum. Salah satu kuplet yang terdapat dalam kurikulum bahasa Tamil menekankan kepentingan pengawalan emosi adalah kuplet (127). Kuplet ini membawa maksud manusia harus mengawal lidahnya (pertuturan). Kalau tidak, pertuturan yang beremosi telah membawa kesengsaraan.

யாகாவா ராயினும் நாகாக்க காவாக்கால்
சோகாப்பர் சொல்லிழுக்குப் பட்டு (127)
yāgāvā rāyiṇum nākācca kāvākkāl
sōkāppar sollilukup pattu

(Biarpun orang tidak mengawal apa-apa yang lain, kawal lidahnya, jika tidak mengawal, dia akan terperangkap kerana kesalahan bercakap dan menderita).

Pertuturan merupakan saluran yang sangat berkait rapat dengan penonjolan emosi seseorang. Sebagai insan yang holistik, setiap orang harus berusaha mengawal emosi supaya tidak melukai perasaan orang lain ataupun tidak membawa sebarang kemudaratan kepada sesiapa sahaja yang hidup bersama.

Selain itu, *Tiruvalluvar* mengaitkan minda dan emosi dalam menyatakan perasaan. *Tiruvalluvar* menyarankan kawalan emosi sangat penting untuk menjalani kehidupan sejahtera. Beliau berpendapat segala dusta dan kerakusan manusia adalah disebabkan emosi manusia yang tidak terkawal. Emosi yang tidak terkawal seperti layang-layang yang terputus tali akan membuat segala perbuatan untuk memuaskan hati.

Tiruvalluvar telah menyebutkan minda dan perasaan serta memberi panduan teknik-teknik untuk mengelak daripada menghadapi perasaan emosi dalam kuplet kurikulum bahasa Tamil seperti berikut.

இடுக்கண் வருங்கால் நகுக அதனை
அடுத்தார்வது அஃதொப்பது இல் (621)
idukkan varuṅkāl nakuka ataṇait
atutūrvatu aktoppatu il

(Ketawalah apabila datangnya penderitaan; tidak ada suatu yang lain yang akan menghampiri, menentang dan mengatasi penderitaan itu).

Menurut *Tiruvalluvar* manusia harus tabah dan menerima dugaan yang tidak diingini dalam kehidupan. Manusia dinasihatkan tidak menunjukkan emosi yang terlalu sedih, marah, benci dan sebagainya.

Malow (1954), menyatakan pembentukan seseorang individu bergantung kepada perasaan dan emosi. Dalam Teori Humanistik Maslow, keperluan fisiologi perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang individu memikirkan keperluan di tahap kedua. Sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi, ia akan menyentuh emosi dan kejiwaan seseorang menyebabkan rangsangan untuk mendapatkan sesuatu yang baru akan terbantut. Perasaan kasih sayang diperlukan untuk memperoleh keseronokan dan kegembiraan; manakala keperluan penghargaan sendiri untuk mendapatkan pengiktirafan diri dan penghormatan daripada orang lain. Kegagalan mencapai tahap ini akan menimbulkan masalah seperti tidak bermotivasi, berserah, sentiasa mengharapkan pertolongan orang lain, rasa rendah diri dan perasaan takut. Maslow (1970), menambah

pembentukan seseorang individu bergantung kepada emosi dan perasaan. Proses-proses kimia di dalam badan seseorang berubah bergantung kepada jenis emosi yang dialami. Apabila seseorang itu memikirkan tentang kegembiraan dan kebahagiaan hidup, perubahan kimia dalam badan berlaku menyebabkan badan berada dalam keadaan santai. Manakala, apabila seseorang itu bersifat marah dan agresif tindak balas kimia akan membawa ketegangan dan tekanan terhadap anggota. *Tiruvalluvar* telah menyusun kuplet *Tirukkural* mengikut keperluan iaitu kebenaran, kebendaan dan kebahagiaan. Penyusunan dan pengagihan kuplet *Tirukkural* mengikut turutan juga dapat mengawal emosi seseorang sekiranya pengamal dapat menghalusi, menghayati dan mempraktikkan dalam kehidupan seharian.

Menurut Kohlberg (1981), pemaakulan moral adalah pendidikan yang dapat membentuk emosi seseorang individu dalam menghadapi cabaran. Individu yang mempunyai masalah emosi akan mengalami kesulitan untuk bergaul serta tidak dapat mengawal emosinya. Sebaliknya individu yang memiliki emosi yang stabil akan melahirkan karakter yang baik melalui pengetahuan dan pengamalan nilai-nilai moral. “*Desiring the good*” atau keinginan berbuat baik yang sangat ditekankan dalam *Tirukkural* akan memberi kesan pengukuhan perasaan emosi dalam pembentukan karakter manusia.

Saranan teori ini disokong oleh beberapa orang pengkaji. Balaraman (1999), menyatakan kejayaan seseorang dalam pelajaran menunjukkan dia telah berjaya mengawal perasaan. Samay (1986), pula membicarakan emosi adalah bekalan utama manusia yang perlu diurus serta dinilai untuk mengenali diri sendiri dan orang lain.

Bradley et.al. (2005), sependapat dengan konsep ini yang menyatakan bahawa kecerdasan emosi dapat membezakan antara satu sama lain serta memacu ke arah pemikiran dan perbuatan seseorang individu. Goleman (1999), pula membicarakan kawalan emosi sebagai '*master aptitude*' dan suatu yang kritikal bagi membolehkan proses kognitif berlaku. Pandangan Mayer, Caruso, dan Salovey (2002), pula kecerdasan emosi adalah kemampuan individu mengenal pasti makna-makna emosi dan perkaitannya dengan perkara-perkara lain serta kebolehan menaakul dan menyelesaikan masalah.

Mohd Azhar Abd Hamid (2005), berpendapat emosi yang stabil menjadikan seseorang individu lebih berkeyakinan dalam perhubungan dan interaksi sosial serta lebih terserlah dalam kepimpinan, pencapaian, perhubungan sosial dan pengurusan. Kesemua pengkaji ini sepakat menyatakan bahawa faktor emosi adalah faktor asas pembentukan emosi yang membawa kesempurnaan hidup.

Pendapat semua pengkaji selaras dengan saranan *Tiruvaḷḷuvar*. Beliau sangat menekankan pengawalan emosi untuk hidup bahagia di dunia. Individu yang mempelajari dan menaakul kuplet *Tirukkural*, pasti dapat mengawal emosinya.

Hampir 30% responden soal selidik dan temu bual menyatakan bahawa *Tirukkural* gagal membantu dalam pengawalan emosi. Antara contoh yang diberikan oleh informan temu bual adalah sikap syak wasangka, iri hati, perasaan takut dan keganasan yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia. Sikap negatif ini yang menyebabkan kemunduran masyarakat Tamil di negara ini.

Kenyataan ini sokong oleh Morst & Furst (1979), iaitu tekanan adalah suatu keadaan yang dipengaruhi oleh gangguan mental dan emosi yang boleh mewujudkan keadaan tidak selesa atau tegang daripada peristiwa, pengalaman atau bebanan tugas yang tidak mampu ditanggung di luar kemampuan mereka.

Berdasarkan kesemua huraian yang diberikan, jelaslah bahawa *Tirukkural* memupuk kestabilan emosi menjurus perlakuan yang sihat dan membina. Individu yang berjaya mengawal emosinya mampu menjadi insan yang holistik sepertimana yang diuar-uarkan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

5.2.2.3 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain rohani

Dapatan analisis menunjukkan 5.48% berada di tahap sangat tinggi manakala tahap tinggi iaitu 25.72%. Sebanyak 46.90% berada di tahap sederhana. Manakala 16.19% berada di tahap rendah dan yang terakhir adalah tahap sangat rendah iaitu sebanyak 5.71%. Keputusan dapatan domain rohani menunjukkan pengamalan unsur keagamaan yang disarankan oleh *Tirukkural* berada di tahap sederhana. Di tahap sangat tinggi dan sangat rendah menunjukkan dapatan seakan-akan sama. Ini boleh digeneralisasikan sebagai pengamalan nilai kerohanian *Tirukkural* masih di peringkat sederhana sahaja.

Dapatan temu bual menunjukkan 50% daripada responden menyatakan *Tirukkural* membentuk domain kerohanian kerana aspek pemujaan Tuhan dan kepercayaan kepada Tuhan telah diutamakan dalam “*katavul vālttu*” iaitu pemujaan Tuhan.

Prinsip pertama yang ditekankan dalam *Tirukkural* ialah kepercayaan kepada Tuhan. Ini seiring dengan prinsip Rukun Negara. Kepercayaan kepada Tuhan menjadi nadi pembinaan jati diri umat manusia dan sewajarnya menjadi panduan dan pedoman hidup manusia. *Tiruvalluvar* mengungkapkan bahawa semua insan harus berpegang teguh kepada Tuhan dalam satu kumpulan iaitu bangsa manusia dengan menolak sebarang ideologi. Menurut beliau kepercayaan kepada Tuhan mampu menjadikan manusia berpegang teguh kepada nilai-nilai murni. Beliau juga mengetengahkan keistimewaan Tuhan dalam bab ke- 3 iaitu “*நீத்தார் பெருமை - nīttār perumai*” (*menolak kehidupan duniawi*) dengan menyatakan bahawa Tuhan adalah maha berkuasa dan berleluasa. Manusia harus mempercayai kewujudan Tuhan di persekitaran walaupun tidak dapat di lihat dengan mata kasar. Beliau juga sentiasa mengingatkan manusia dengan kata-kata kepercayaan kepada Tuhan akan memberikan kekuatan keimanan. Tambahan pula seseorang yang dapat mengawal lima pancaindera dan tidak berbohong akan hidup lama di dunia ini dengan sempurna.

Di samping itu, *Tiruvalluvar* juga mengingatkan umat manusia “keprihatinan yang ditunjukkan kepada masyarakat sekelilingnya akan membawa keberkatan”. Kesemua fakta yang dihuraikan sangat berkait rapat dengan aspek kerohanian dalam kehidupan seharian. Mengikut pandangan *Tiruvalluvar*, kerohanian boleh dicapai dengan amalan-amalan yang tersurat dalam *Tirukkural*. Antara kuplet dalam kurikulum bahasa Tamil yang boleh dijadikan contoh adalah:-

Kuplet (6) dalam *Tirukkural* yang mengagungkan aspek kerohanian.

பொறிவாயில் ஐந்துவித்தான் பொய்தீர் ஒழுக்க

நெறிநின்றார் நீடுவாழ் வார் (குறள் 6)

porivāyil aintuvittān poitīr olukka

neriniṅṅār nītuvāḷ vār

(orang yang dapat mengikuti jalan Tuhan yang serba sempurna dengan mengawal hawa nafsu dan pancaindera akan memperoleh kehidupan yang bahagia, berpanjangan dan berkekalan).

Satu lagi kuplet yang menekankan aspek kerohanian adalah:

பிறவிப் பெருங்கடல் நீந்துவர் நீந்தார்

இறைவன் அடிசேரா தார் (குறள் 10)

piravip peruṅkadal nēntuvar nēntār

iraivaṅ adisēra tār

(hanya orang yang beribadat dan sentiasa berdoa dengan takzim serta menyerah sepenuhnya kepada Tuhan Yang Maha Esa mampu menyeberangi samudera kehidupan).

Domain rohani adalah asas bagi kehidupan manusia yang beretika. Kerohanian adalah kawalan nilai-nilai kemanusiaan. Vallalar dalam Thuraiamy Pillai (2013), menyatakan:-

“தன்னை அறிதலே அறிவு”

tannai aritalē arivu

(Mengenali diri adalah akhlak)

Beliau menegaskan akhlak adalah rohani dan jiwa. Tirumūlar dalam Manikavasagam (2011), pula menyebut:

“தன்னை யறிய தனக்கொரு கேடில்லை”

Thannai ariya thanakkoru kedillai

(Mengenali diri mengelak kesengsaraan)

Menurut Munisamy (2002), *Tirukkural* banyak mengetengahkan kebenaran hidup yang mempunyai kaitan secara langsung dengan kebesaran dan keunikan Tuhan. Aravanoan (2005), pula menyatakan Tuhan adalah lambang ilmu dan kesempurnaan nilai-nilai hidup. Menurut beliau, *Tiruvalluvar* mengamati dengan teliti dan memberikan satu petunjuk yang jelas tentang Tuhan iaitu kepercayaan universal dan tidak berpihak kepada mana-mana agama tertentu. Krishnan Manian (2008), telah menyatakan *Tirukkural* mempunyai persamaan dengan Islam Hadari. Arathanaari (2005), dan Ravi Barathi (2005), pula menekankan banyak unsur ketuhanan dalam *Tirukkural*. Menurut mereka hampir semua kuplet menitikberatkan nilai-nilai murni murip kepada kerohanian.

Kenyataan ini dipersetujui oleh Meehan (2002), yang menerangkan domain kerohanian merupakan pencarian makna kemanusiaan dan bukan pengalaman agama serta Tuhan semata-mata. Unsur kerohanian tidak mengutamakan kepentingan diri malah membentuk keutuhan, hubungan antara diri dengan orang lain dan alam (Hay & Nye, 1996).

Menurut Siti Lutfiyah (2008), kecerdasan spiritual adalah kecerdasan manusia yang digunakan untuk berhubung dengan Tuhan. Sekiranya seseorang mempunyai hubungan baik dengan manusia maka dia dianggap telah memiliki spritualiti. Kekuatan spiritual dapat mengawal tingkah laku, memberikan ketenangan dan mendorong seseorang ke arah kesempurnaan. Kenyataan ini disokong oleh Danah Zohar dan Marshall (2001), iaitu kecerdasan spiritual mengubah personaliti seseorang serta memandu diri untuk berfikir secara holistik dalam mencari jawapan kepada kebenaran. Manakala menurut Covey (2005), kecerdasan spiritual juga membantu mencerna dan memahami prinsip-prinsip sejati yang merupakan bahagian nurani kita, mendorong seseorang agar berlaku ikhlas, bertindak dan berfikir dengan jiwa yang bersih.

Menurut Danah Zohar dan Marshall (2001), manusia mempunyai kecerdasan spiritual yang tinggi di mana, manusia memelihara amalan kerohanian serta tingkah laku dalam kehidupan seharian. Ini kerana aspek dalaman manusia iaitu hati, akal dan jiwa dipengaruhi oleh rangsangan yang diterima melalui pancaindera dan menjadikan semua aspek dalaman dan luaran berfungsi. Nye and Hay (1996), pula berpendapat anak-anak perlu dibesarkan dengan unsur spiritual kerana ia merupakan titik permulaan pembentukan kerohanian mereka. Dzuhailmi Dahalan et.al (2014), membuktikan pegangan agama yang kuat dapat meningkatkan kebatinan diri dan mengelak dari terjebak dalam gejala sosial.

Mengikut teori Humanistik (1970), manusia memiliki dua unsur yang utama iaitu jasmani dan rohani. Jasmani adalah penguasaan luaran manakala rohani adalah penguasaan dalaman. Penguasaan aktualisasi berpunca daripada rohani yang mantap. Manusia harus menguasai unsur kerohanian mengikut berperingkat hierarki dari mudah ke kompleks untuk memenuhi kerohanian yang tinggi. Kohlberg (1984), pula menyatakan pembentukan karakter wujud dengan penguasaan kerohanian yang baik. Pengamalan unsur moral dan kerohanian dalam diri akan membawa perubahan perkembangan seseorang individu dari eksternal kepada internal. Keadaan ini membolehkan seseorang berfikir secara waras dan menjalani kehidupan yang harmoni. Walaupun unsur kerohanian ditekankan secara langsung dalam bab pertama *Tirukkural*, namun unsur kerohanian ini merentasi dalam kebanyakan bab dan kuplet. Ini bermakna *Tiruvalluvar* berusaha untuk membentuk kerohanian insan dalam mencapai sahsiah yang baik.

Berdasarkan pandangan pengkaji-pengkaji di atas, penyelidik dapat menyatakan bahawa kerohanian merupakan aspek yang utama dalam pembentukan insan holistik. Apabila meneliti dapatan kajian, hampir 50% daripada responden kaedah kuantitatif dan temu bual menjelaskan bahawa ajaran *Tirukkural* dapat mempengaruhi pembentukan aspek kerohanian seseorang individu. Mereka berpendapat sedemikian kerana *Tirukkural* merupakan sebuah kitab yang universal dan tidak bersandarkan mana-mana agama. Setiap kuplet menyarankan nilai-nilai etika dan estetika yang harus dijadikan pedoman seharian.

Walaupun 50% informan berpendapat bahawa *Tirukkural* tidak mempengaruhi aspek kerohanian yang menjadi asas pembentukan manusia yang sempurna, beberapa informan menyatakan terdapat banyak lagi sumber-sumber seperti kitab-kitab keagamaan, karya-karya sufi dan lain-lain membentuk ajaran mempengaruhi minda manusia secara langsung dan tidak langsung. Kesemua mereka tidak menafikan bahawa orang yang menaruh kepercayaan kepada Tuhan akan hidup bahagia. Tetapi masyarakat Tamil di Malaysia kebanyakan hidup susah. Pergolakan jiwa dan kehidupan tidak tenteram membuktikan mereka mempunyai pegangan agama yang tidak kukuh. Punca utama gejala sosial yang menjalar di dunia adalah kerana penekanan dan pengamalan domain rohani yang kurang.

Berdasarkan dapatan kajian dan pandangan pelbagai pihak, penyelidik dapat menyatakan bahawa punca utama gejala sosial yang menjalar di dunia ini berpunca daripada kurangnya aspek kerohanian dalam kalangan manusia. Individu yang tidak mendapat pendidikan agama akan menjadi orang yang bermasalah bukan sahaja pada diri sendiri malah kepada keluarga, masyarakat dan negara. Pemupukan nilai keagamaan menjadi kayu pengukur kepada pembentukan peribadi seseorang. Seseorang yang beretika, berdisiplin dan berbudi bahasa adalah datang daripada golongan yang terdidik sebaliknya seseorang yang kejam, ganas dan tidak beretika datangnya daripada kelompok kanak-kanak dan remaja yang biasa dengan persekitaran yang tidak beretika.

Oleh itu, sekolah harus menjadi medan pembelajaran dan penghayatan unsur-unsur kerohanian berdasarkan *Tirukkural* yang dapat membentuk jiwa dan minda umat manusia.

5.2.2.4 Pengaruh *Tirukkural* terhadap domain intelek

Hasil analisis terhadap *Tirukkural* memupuk domain intelek menunjukkan 3.81% di tahap sangat tinggi manakala sebanyak 23.32% berada di tahap tinggi. 48.58% berada di tahap sederhana dan diikuti dengan 17.15% iaitu di tahap rendah. Hanya 7.14% di tahap sangat rendah menyatakan *Tirukkural* tidak membentuk domain intelek.

Sebanyak 60% informan temu bual menyokong dapatan ini menyatakan *Tirukkural* memupuk domain intelek. Menurut mereka terdapat beberapa kuplet daripada kurikulum bahasa Tamil menjelaskan tentang kebaikan pendidikan, cara belajar dan keistimewaan pendidikan untuk membentuk generasi yang sempurna. Umpamanya:-

எண்ணென்ப ஏனை எழுத்துஎன்ப இவ்விரண்டும்
கண்ணென்ப வாழும் உயிர்க்கு (392)
enṇenna ēnai eḷuttuēṇṇa ivvirāṇṭum
kaṇṇēṇṇa vālum uyirkku

(huruf dan angka adalah unsur yang sangat penting kepada manusia. *Tiruvalluvar* ibaratkan huruf dan angka sebagai mata yang harus dikuasai untuk hidup selesa di dunia).

Satu lagi kuplet yang memartabatkan pendidikan adalah:-

தொட்டனைத்து ஊறும் மணற்கேணி மாந்தர்க்குக்
கற்றனை தூறும் அறிவு என்கிறார் (396)
toṭṭāṇaittu ūrum maṇarkeṇi māntarkkuk
kaṛṛāṇai tūrum arivu

(Makin dalam digali, makin banyak air ditambah dalam perigi, demikian juga makin banyak belajar secara mendalam makin banyak ilmu ditambah).

Kenyataan ini disokong oleh seorang informan yang menyatakan *Tirukkura!* yang dipelajari pada peringkat sekolah dapat membentuk generasi berpendidikan. Generasi berpendidikan dapat dilihat dari aspek pencapaian pendidikan dalam peperiksaan awam. Pelajar yang menghayati *Tirukkura!* dalam kehidupan seharian dapat menimba ilmu yang lebih tinggi.

Tiruvalḷuvar mementingkan ilmu pengetahuan dalam pembangunan individu. Mengikut beliau, sumber ilmu pengetahuan mendorong kehidupan yang beretika. Individu yang memiliki tahap intelektual yang tinggi mampu menganalisis dan menginteprestasikan maksud tersurat dan tersirat dalam *Tirukkura!* ke arah pembentukan insan holistik. Faktor intelek menjadi asas kepada kejayaan seseorang dalam kehidupan seharian. Adalah jelas bahawa *Tirukkura!* mampu meningkatkan tahap pemikiran seseorang sekiranya individu tersebut mempelajari kuplet-kuplet *Tirukkura!* dengan teliti.

Antara contoh-contoh kuplet *Tirukkura!* yang menitik beratkan domain intelek seperti berikut.

சென்ற இடத்தால் செலவிடா தீதுஒரீஇ
நன்றின்பால் உய்ப்பது அறிவு (422)
senra iṭattāl selaviṭā tītuorīe
nanṛinṭpāl uyppatu arivu

(Pengetahuan dapat menghalang pemikiran yang melayang tanpa tujuan di samping ia menghapuskan jalan keburukan dan membantu pemikiran secara waras ke arah jalan yang baik).

அறிவுடையார் எல்லாம் உடையார், அறிவிலார்
என்னுடைய ரேனும் இலர் (430)
arivutaīyār ellām uṭaiyār arivilār
eṇṇuṭaiya rēnum ilar

(Orang bijaksana mempunyai segala-galanya biarpun tidak mempunyai harta benda. manakala orang yang tidak berpengetahuan biarpun mempunyai segala-galanya dia diibaratkan tidak mempunyai apa-apa pun).

Ini kerana orang berpengetahuan mampu menjana sesuatu dengan fikiran waras. *Tiruvalluvar* ibaratkan orang yang tidak berpendidikan adalah manusia yang miskin di dunia. Beliau menambah teras segala kejahatan adalah tidak menjahati orang walaupun terhadap musuh sekali kerana orang arif bertindak mendahului segala kebijaksanaan lain dan bukannya membuat keburukan kepada orang lain.

அறிவினுள் எல்லாம் தலையென்ப தீய
செறுவார்க்கும் செய்யா விடல் (203)
ariviṇuḷ ellām talaiyeṇba tīya
seruvārkkum seiyyā viṭal

(Perbuatan agung atau perbuatan orang bijaksana ialah perbuatan meninggalkan diri daripada melakukan perbuatan jahat terhadap orang lain dan orang bermusuhan terhadapnya).

Berdasarkan beberapa kuplet yang tersenarai di atas, penyelidik dapat menyatakan bahawa pendidikan merupakan wadah penting untuk terungkai permasalahan akhlak individu dan melahirkan manusia yang baik. Penekanan pendidikan akhlak adalah sangat penting bagi membangunkan dan melahirkan insan

secara bersepadu dan seimbang demi merealisasikan fungsi manusia sebagai hamba tuhan di muka bumi. Pendidikan akhlak dapat membina masyarakat serta mengawal kegiatan yang tidak bermoral.

Apabila di lihat dari sudut pandangan teori Humanistik, tujuan belajar adalah untuk memanusiakan manusia. Proses belajar dianggap berhasil jika pelajar memahami lingkungan dan dirinya sendiri. Pelajar dalam proses belajar harus berusaha agar lambat laun mampu mencapai aktualisasi diri dengan sebaik-baiknya. Pembelajaran dapat mengembangkan potensi diri pelajar serta membantu untuk mengenali diri sendiri sebagai manusia yang unik. Teori Penaaakulan Kohlberg (1984), pula mengukuhkan moral intelektual pelajar sehingga membentuk peribadi yang kukuh. Setiap pelajar memiliki potensi moral yang baik untuk dikembangkan. Melalui berbagai-bagai pengalaman sosial dan pembelajaran, pelajar mempelajari perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Perkembangan moral ini mendapat perhatian dan diterima oleh masyarakat.

Tirukkural yang kaya dengan ilmu pengetahuan, sekiranya diajar mengikut tahap yang dinyatakan dalam teori iaitu dari mudah ke kompleks, senang ke susah, pelajar dapat menaaikul nilai dan mengaplikasikan dalam kehidupannya. Insan yang memperoleh ilmu akan mengenali diri serta mencapai kepuasan dalam kehidupannya.

Berdasarkan dapatan kajian 40% lagi menyatakan bahawa *Tirukkura!* tidak membantu pembentukan domain intelek atas sebab-sebab sistem pendidikan seperti kekurangan kuplet-kuplet *Tirukkura!* dalam sukatan pelajaran dan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Pandangan informan ini disokong oleh beberapa orang pengkaji seperti berikut.

Menurut Felder dan Henriques (1995), gaya pembelajaran adalah cara seseorang individu menerima, mengekalkan dan menggunakan maklumat yang diperoleh. Setiap individu mempunyai pelbagai cara untuk belajar. Ada yang suka belajar dengan cara melihat, mendengar, memberi tindak balas, memberi sebab yang logik, mengingat serta belajar dengan menggunakan gambaran. Ini kerana gaya pembelajaran merupakan salah satu faktor penting dalam pencapaian akademik (Graf, Kinshuk dan Liu, 2009) dan penggunaan gaya pembelajaran yang berkesan boleh membantu memperoleh keputusan yang cemerlang (Cassidy dan Eachus, 2000). Apabila pelajar tahu menggunakan gaya pembelajaran yang betul seperti cara untuk mengambil nota yang berkesan dan masa belajar yang betul, maka pelajar itu pasti dapat memperoleh keputusan yang cemerlang dalam akademiknya.

Keefe (1987), menyatakan bahawa gaya pembelajaran merangkumi aspek gaya kognitif, gaya afektif dan gaya psikologi, Weinstein (1987), dalam Azizi Yahya et.al. (2007), pula menyatakan bahawa gaya pembelajaran merangkumi aspek pemikiran luaran dan dalaman serta tingkah laku yang membolehkan pembelajaran yang berkesan. Dengan kata yang lain, gaya pembelajaran dapat mencungkil cara pemikiran yang berkesan supaya mendapat pencapaian akademik yang baik. Manusia dibezakan dengan

mahluk lain di dunia kerana akal fikiran. Ilmu pengetahuan yang tinggi mendorong pembangunan fizikal dan intelektual. Pengetahuan adalah hasil pengumpulan daripada pembelajaran dan penyoalan yang digunakan mengikut kesesuaian pemikiran sendiri. Pengetahuan dapat meningkatkan akal fikiran dan status seseorang individu serta memberi laluan untuk melaksanakan serta memajukan diri sendiri (Hiebert, Gallimore, & Stigler, 2002).

Selain daripada itu, Piaget (1977), menegaskan bahawa kanak-kanak lahir dengan kebolehan mental semula jadi untuk belajar. Perkembangan intelektual kanak-kanak bukan hanya bergantung kepada pengajaran secara langsung sebaliknya bergantung kepada interaksi antara dua faktor utama iaitu faktor keturunan (baka) dan faktor persekitaran. Beliau percaya bahawa kanak-kanak belajar melalui aksi iaitu interaksi mereka dengan persekitaran. Pengetahuan baru yang diperoleh diasimilasi dan diakomodasi. Piaget juga menekankan bahawa perkembangan intelektual menguasai semua aspek perkembangan yang lain seperti emosi, sosial dan moral. Froebel (1887), pula menyarankan pendidikan dapat membimbing kanak-kanak mengetahui sesuatu baru. Prabakaran (2014), Illakuvanar (2010), Irai Anbu (2012), menyuarakan pembelajaran *Tirukkural* mampu mengembangkan minda seseorang. Tamilkathir (2005), menghujahkan tidak ada karya lain yang begitu jelas mengutarakan pengembangan minda selain *Tirukkural*. Suba Annamalai (1994), dan Kothandam (2003), menyokong kenyataan tersebut dan menyatakan *Tirukkural* mampu memberi kesan terhadap pemikiran seseorang.

Apabila diteliti secara terperinci, penyelidik berpendapat bahawa ajaran *Tirukkural* mampu meningkatkan tahap keintelektualan pelajar. Tetapi terdapat pelbagai faktor lain yang akan menghalang sepertimana yang terkandung dalam *Teori Planned Behavior*. Berdasarkan teori ini, faktor seperti personaliti, demografi dan persekitaran akan mempengaruhi tahap penguasaan ilmu yang dipelajari. Adalah sukar 100% pelajar di sekolah menguasai sepenuhnya ajaran *Tirukkural* walaupun diajar secara berkesan.

5.2.2.5 Peranan *Tirukkural* ke arah pembentukan insan holistik

Hasil analisis secara menyeluruh menunjukkan peranan *Tirukkural* ke arah pembentukan insan holistik di tahap sangat tinggi adalah 5.0% sahaja. Sebanyak 22.86% berada di tahap tinggi manakala 46.67% berada di tahap sederhana. 18.33% berada di tahap rendah dan 7.14% di tahap sangat rendah menyatakan *Tirukkural* kurang membantu dalam pembentukan insan holistik. Sebanyak 27.86% yang berada di tahap sangat tinggi dan tinggi menyatakan *Tirukkural* memupuk pembentukan insan holistik. Manakala 25.74% yang berada di tahap rendah dan sangat rendah menyatakan *Tirukkural* kurang memupuk pembentukan insan holistik. Ini menunjukkan dapatan tahap tinggi dan sangat tinggi seakan-akan sama dengan dapatan rendah dan sangat rendah. Maka dapat disimpulkan bahawa pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural* berada di tahap sederhana sahaja.

Daripada sepuluh informan temu bual, hanya dua orang menyatakan bahawa *Tirukkural* yang dipelajari membentuk insan holistik. Mereka berpendapat “*வாய்மை – vāymai*” (kebenaran - 30) “*இன்னா செய்யாமை - innā seyyāmai*” (menjauhi penganiayaan - 32) “*கொல்லாமை - kollāmai*” (hindari pembunuhan - 33) “*மெய்யுணர்தல் – meyyuṇartal*” (insaf akan kebenaran hakiki - 36) dan “*சிறிநினை சேராமை - sirriṇam sērāmai*” (menjauhi dari kumpulan hina - 46) merupakan antara bab yang menyumbang ke arah pembentukan insan holistik. Selain itu, beberapa pengamal *Tirukkural* yang dijadikan contoh adalah seperti En.Thiruselvam, En.Thirumavalavan, Kani Moli Kuppusamy, *Tirukkural* Munusamy kerana mereka telah menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat Tamil di Malaysia. Tetapi, adakah bilangan ini selari dengan jumlah masyarakat Tamil yang mempelajari *Tirukkural* sejak kecil lagi?

Dapatan ini agak berbeza dengan pandangan dan responden yang menjawab soal selidik. Hampir 80% informan temu bual yang menyatakan *Tirukkural* mampu membentuk insan holistik. *Tiruvalluvar* dalam kupletnya telah menekankan insan holistik.

அன்பு நாண் ஒப்புறவு கண்ணோட்டம் வாய்மையோடு
 ஐந்துசால் பூன்றிய தூண் (983)
aṅbu nāṇ oppuravu kaṇṇōṭṭam vāymaiyoṭu
aintusāl pūṇriya tūṇ

(kasih sayang, melakukan perbuatan senonoh, berdisiplin, berprihatin, bercakap benar adalah lima sifat yang menjunjung seseorang ke arah insan sempurna).

Menurut Nurul Haerani Mohamad & Ahmad Esa (2013), faktor-faktor dominan iaitu minda, spiritual, sahsiah dan etika menyumbang dan memberi impak yang berbeza ke arah pembangunan holistik pelajar. Manakala Akhmad Sudrajat (2008), pula menyatakan bahawa pendidikan holistik merupakan suatu falsafah yang membantu insan mengenali identiti, makna dan tujuan hidup melalui pengamalan nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat. Pembelajaran holistik membantu mengembangkan potensi individu, membantu menjadi diri sendiri, membuat keputusan yang bijak, dapat menyesuaikan dirinya dalam situasi yang berbeza, memperoleh kecekapan sosial serta dapat mengembangkan karakter dan emosinya.

Miller (2007), pendidikan holistik membantu memupuk nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat serta memberi kesedaran mengikut kesesuaian. pendidikan ini dapat membangunkan potensi individu secara menyeluruh dari aspek intelektual, emosi, sosial, fizikal, kesenian, kreatif dan rohani serta membolehkan proses penjanaan idea-idea baru. Thanarasan (2011), Ramalingan (1998), Kanthasamy (1977), dan Menachi Sundaranar (2005), berpendapat *Tirukkural* mampu membentuk insan holistik sekiranya dipelajari dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Zam Ismail & Zainal Abidin Borhan (2008), menyatakan insan sempurna hendaklah merangkumi semua aspek yang dapat membantu pembentukan individu. Tanggapan ini menjadi kukuh apabila diteliti dari aspek beberapa teori seperti di bawah:

Teori Humanistik Maslow (1943), menggambarkan manusia sebagai insan mulia yang mempunyai dorongan sejati untuk berkembang ke arah kesempurnaan diri. Seseorang individu hendaklah berusaha dari hierarki bawah hingga hierarki tertinggi yang boleh dicapainya. Setiap individu akan bertindak balas secara semula jadi sekiranya persekitaran mereka adalah sesuai untuk meningkatkan motivasi intrinsik dan sendiri masing-masing. Menurut Maslow (1970), manusia yang mempunyai kesempurnaan sendiri merupakan manusia yang telah mencapai perkembangan personaliti tertinggi dan telah dapat merealisasikan potensinya. Pencapaian keperluan penghargaan sendiri membolehkan manusia mempunyai rasa harga diri, berkebolehan, berguna dan boleh berjasa kepada masyarakat.

Manakala Kohlberg (1984), dalam Teori Penaakulan Moral menyatakan pendidikan memberi penekanan terhadap keupayaan berfikir, penghayatan terhadap sikap dan perlakuan untuk menjadi individu yang sempurna. Setiap individu dapat membentuk nilai dan karakter sebagai karakter dirinya serta membantu menerapkan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan untuk menjadi masyarakat dan warga negara yang kreatif dan produktif.

Menurut Swami Sivananda (1941), empat matlamat manusia (*purushartha*) adalah konsep penting yang mendasari sikap Hindu untuk hidup dan bertingkah laku dalam kehidupan. Mengharungi jalan benar (*dharma*) dalam segala tugas dan kegiatan, memperoleh keuntungan material atau kekayaan (*artha*) secara jujur dan benar, mendapatkan kepuasan nafsu dan keredaan cinta fizikal (*kama*), serta akhirnya

penolakan ketiga-tiga matlamat sebelumnya untuk mencapai pelepasan lengkap (*moksha*) dari duniawi dan dari kitaran kelahiran semula.

Berdasarkan hujah-hujah yang diberikan di atas, penyelidik dapat mencetuskan satu persoalan di mana, adakah 51 *Tirukkural* dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah memadai untuk menghasilkan insan holistik? Sekiranya diteliti persoalan ini adalah wajar 80% informan temu bual dan 50% responden soal selidik berpendapat bahawa *Tirukkural* tidak membantu pembentukan insan yang holistik secara sepenuhnya. Kesemua responden ini berpendapat sedemikian kerana mereka memandang realiti dalam kehidupan semasa dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Ini dapat dilihat berdasarkan kehidupan manusia yang mementingkan diri sendiri, peningkatan kes-kes jenayah, permusuhan dalam keluarga dan masyarakat serta lain-lain gejala sosial yang sedang meningkat serta menghancurkan kehidupan belia Tamil di Malaysia.

Sebagai kesimpulan, penyelidik dapat menjelaskan bahawa pembelajaran *Tirukkural* kurang berkesan ke arah pembentukan insan holistik.

5.2.3 Pengaruh faktor demografi terhadap pembentukan insan holistik

Kaedah analisis inferensi telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian ke tujuh menerusi lima hipotesis seperti berikut.

5.2.3.1 Perbezaan dari segi jantina dalam usaha pembentukan insan holistik

Analisis menggunakan ujian-t tidak bersandar menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang nyata antara kedua-dua jantina (nilai $p=0.000$) Lelaki $M= 166.45$, Perempuan $M=172.11$ Ini menunjukkan bahawa *Tirukkural* dapat membentuk insan holistik dalam kalangan masyarakat wanita dalam kadar yang tinggi berbanding dengan lelaki. Dapatan ini disokong oleh 4 orang informan apabila ditemu bual. Mereka memberikan alasan kaum wanita lebih cenderung dalam pembelajaran dan pengamalan ilmu yang diperoleh dalam kehidupan seharian.

Dapatan ini bercanggah dengan hasil kajian Jamiaah Kechut (1985), dan Abdul Razak (1988), iaitu tidak ada perbezaan yang bererti dalam pembentukan konsep sendiri di antara pelajar lelaki dan perempuan. Nash (1979), yang menyatakan faktor jantina mempunyai kaitan dengan konsep sendiri. Menurut Nash (1979), seseorang itu akan dinilai dari segi sama ada lelaki atau perempuan.

Apabila meneliti perbezaan ini berdasarkan Teori Penaakulan Kohlberg penyelidik dapat menyatakan bahawa individu yang mempelajari *Tirukkural* dengan baik dan memahami maksudnya dengan sempurna akan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Pembelajaran dan penaakulan nilai-murni secara berperingkat akan membawa kesan baik terhadap pemerolehan nilai. Jantina manusia tidak memberikan kesan terhadap pembelajaran dan penaakulan sesuatu perkara.

Penyelidik berpendapat bahawa perbezaan ini wujud kerana cara kehidupan lelaki dan wanita yang agak berbeza di mana wanita bersikap lebih teliti mementingkan kejayaan diri dalam pengamalan nilai-nilai murni. Manakala kaum lelaki lebih cenderung ke arah cara kehidupan mengikut peredaran masa dan situasi semasa. Statistik pencapaian akademik kaum perempuan lebih cemerlang berbanding lelaki. Bukti yang kukuh boleh dilihat dengan mata kasar sendiri di mana bilangan wanita yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi meningkat (Kementerian Pengajian Tinggi 2013). Salah seorang informan temu bual mengutarakan pandangan yang sama dengan memberikan contoh statistik guru-guru di sekolah pada masa sekarang di mana bilangan guru perempuan melebihi guru lelaki.

Suatu lagi perkara yang mungkin mendapat persetujuan ramai ialah betapa pelajar-pelajar lelaki lebih mudah dipengaruhi oleh faktor-faktor gangguan luaran seperti hiburan, permainan komputer dan juga pengaruh raka-rakan yang tidak berdisiplin. Mereka juga tidak berasa bersalah memonteng kelas dan menghabiskan masa-masa berharga dengan melayan permainan komputer sehingga berjam-jam lamanya. Tidak hairanlah semakin hari semakin berkurangan pelajar lelaki yang cemerlang di dalam bidang akademik.

Pelajar perempuan pula kebanyakannya tidak bebas seperti pelajar lelaki. Mereka lebih suka menghabiskan masa di rumah sambil membaca buku cerita atau menelaah pelajaran mereka. Mereka jauh lebih dekat dengan buku dan ilmu berbanding pelajar lelaki yang semakin hari semakin lalai dalam aktiviti pembelajaran.

Kebanyakan masalah sosial seperti penagihan dadah dan perlumbaan haram dimonopoli oleh remaja lelaki. Memang terdapat segelintir remaja perempuan yang terjebak sama tetapi jumlahnya jauh lebih kecil. Diharapkan apa yang diperkatakan ramai ada kebenarannya; pelajar lelaki mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif kerana gagal menghayati saranan *Tiruvalluvar* yang boleh dijadikan panduan hidup. Pandangan ini disokong oleh beberapa pengkaji seperti berikut.

Zalina Abd Rahman (1990), dalam kajian pelaksanaan nilai-nilai murni dalam KBSM mendapati faktor jantina mempengaruhi pelaksanaan nilai-nilai murni. Kajian yang dijalankan oleh Ang Boon Su dan Salmiza Saleh (2014), menunjukkan faktor jantina dan lokasi sekolah mempengaruhi tahap motivasi pelajar. Pendapat ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Zaid Mohamad (2010), yang menyatakan pelajar lelaki lebih cenderung kepada bidang praktikal manakala pelajar perempuan pula lebih baik dan berdisiplin serta mengulang kaji dan menghafal segala fakta. Pelajar lelaki biasanya cepat berasa bosan apabila duduk mendengar pengajaran guru di dalam kelas atau tatkala melakukan ulang kaji. Ini berbeza dengan keupayaan pelajar perempuan yang mempunyai daya fokus yang lebih tinggi untuk jangka masa yang lebih lama.

Faktor-faktor sebegini menunjukkan perbezaan yang nyata berdasarkan gender dalam kajian ini. Apabila diteliti secara terperinci hujah-hujah yang diberikan oleh penyelidik dapat dinyatakan bahawa hasil kajian ini membuktikan keadaan yang sebenar pada masa ini.

5.2.3.2 Perbezaan dari segi tempat tinggal dalam usaha pembentukan insan holistik

Analisis menggunakan ujian -t tidak bersandar menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang nyata antara bandar dan luar bandar (nilai $p=0.901$) Bandar $M= 168.71$, Luar bandar $M=170.71$. Dapatan ini disokong oleh 80% informan temu bual. Mereka menyatakan bahawa tempat kediaman seseorang tidak memberi kesan sekiranya individu ada keinginan untuk belajar.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa pengkaji seperti Tuan Mastura Tuan Soh et.al (2013), Salmiza Saleh dan Afik Aziz (2012), Amir Hasan Dawi (2006), yang tidak sependapat dengan dapatan kajian ini. Kesemua mereka menyatakan bahawa pencapaian akademik pelajar luar bandar tidaklah sehebat pelajar bandar. Mereka menyatakan bahawa kekurangan dari segi infrastruktur, budaya dan corak kehidupan masyarakat luar bandar menjadi penghalang terhadap pencapaian akademik. Dapatan ini disokong oleh Teori Planned Behavior yang menyatakan faktor demografi mempengaruhi sikap dan pencapaian individu. Menurut teori ini sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi tentang kawalan mempengaruhi personaliti dan persekitaran seseorang. Individu harus memiliki keyakinan yang tinggi dan bertindak secara normal walaupun dicabar oleh faktor demografi.

Penyelidik berpendapat bahawa aspek yang dinyatakan oleh pengkaji di atas mempunyai kebenaran tetapi pencapaian akademik sahaja tidak akan menjadikan seseorang insan lebih sempurna. *Tiruvalluvar* menjelaskan faktor ini melalui kuplet berikut.

வையத்துள் வாழ்வாங்கு வாழ்பவன் வானுறையும்
தெய்வத்துள் வைக்கப் படும் (50)
vaiyattuḷ vālvāṅku vāḷpavaṅ vāṅuraiyum
teyvattuḷ vaikkap padum

(orang yang hidup di dunia menurut tatacara hidup akan disanjung tinggi seperti dewa yang mengabdikan di alam langit).

Ini menunjukkan lokasi kediaman tidak akan menjejaskan pencapaian seseorang sekiranya dia hidup dengan niat yang baik ke arah kecemerlangan hidup.

Di Malaysia pelajar-pelajar menggunakan kurikulum yang sama tidak kira di bandar ataupun luar bandar. Guru-guru juga dilatih dengan menggunakan kurikulum yang sama. Selain itu, proses pengajaran berlaku dalam konteks yang sama di mana-mana sahaja. Pencapaian sumber ilmu tidak jauh berbeza di bandar dan luar bandar. Tenaga pengajar di sekolah hampir 80% adalah graduan dalam jurusan pendidikan dan pengajaran yang diberikan adalah berkesan. Dapatan kajian adalah sangat tepat dengan usaha gigih yang sedang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah kesamarataan peluang pendidikan.

5.2.3.3 Perbezaan dari segi peringkat umur dalam usaha pembentukan insan holistik

Analisis menggunakan ujian-t tidak bersandar menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang nyata antara umur (nilai $p=0.0048$) bawah 20 tahun $M= 166.74$, 21-30 tahun $M=168.40$, 31-40 tahun $M=171.79$. Dapatan temu bual menunjukkan sebanyak 80% informan memberikan pandangan iaitu terdapat kaitan unsur umur dengan pengamalan *Tirukkural*.

Menurut informan kebanyakan orang yang membaca dan mengamalkan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian adalah orang yang berumur dalam lingkungan 30-40 tahun. Hal ini kerana pengalaman yang dilalui menjadi pedoman kehidupan. Apabila meneliti dapatan kajian ini berpandukan teori Humanistik dan teori Kohlberg, kedua-dua teori menekankan pembelajaran berperingkat dan menyatakan bahawa kematangan mempengaruhi pembentukan tingkah laku. Menurut teori ini perubahan dalam tingkah laku sebagai akibat dari interaksi antara stimulus dan respon yang dialami pelajar. Pelajar harus melibatkan semua aspek peribadi, kognitif mahupun afektif secara berterusan iaitu *whole person learning*. Ini dapat menghasilkan perasaan memiliki pada pelajar. Maka sangat tepat hasil kajian ini yang menunjukkan perbezaan mengikut peringkat umur.

Sigmund Freud (1915), pula menyatakan umur melebihi 18 tahun ke atas merupakan alam bersosialisasi di mana remaja mula berfikir sesuatu dengan teliti untuk kepentingan diri sendiri. Manakala Shahrin Hasyim dan Yusof Boon (2008), Erikson (1963), Hurlock (1981), menyatakan bahawa peningkatan umur mempengaruhi kematangan dari segi sosialisasi, kerjaya dan gaya hidup. Manusia berpendapat umur boleh dijadikan kayu pengukur dalam proses kematangan seseorang.

Sekiranya meneliti dapatan kajian ini secara praktikal, penyelidik dapat menjelaskan bahawa remaja zaman sekarang suka akan benda-benda baharu dan budaya baharu. Pengalaman akan menjadikan seseorang lebih sempurna. Peningkatan umur memberikan ruang yang lebih untuk mengamalkan ajaran-ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian. Ilmu *Tirukkural* yang diamalkan berulang kali mampu membentuk insan holistik. Maka tidak hairanlah responden yang agak berumur menyatakan bahawa *Tirukkural* membentuk insan holistik.

Alam remaja merupakan peringkat peralihan pelajar-pelajar mencari identiti sendiri. Hal ini kemungkinan kerana pada peringkat remaja, pelajar mula mengalami pergolakan dalam diri. Peningkatan umur akan mengembangkan pencarian ilmu baru di mana individu yang mempelajari *Tirukkural* di bangku sekolah akan cuba menghayati kesemua kuplet *Tirukkural* yang dihasilkan oleh *Tiruvalluvar*. Usaha ini akan memberikan ruang ke arah penetapan hala tuju kehidupan yang lebih sempurna sepertimana yang diuar-uarkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

5.2.3.4 Perbezaan dari segi agama dalam usaha pembentukan insan holistik

Hasil analisis ujian Anova sehalu menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang nyata antara agama Hindu, Islam dan Kristian. Masyarakat Islam menyatakan bahawa *Tirukkural* berjaya membentuk insan yang holistik berbanding dengan agama-agama lain. (nilai $p=0.007$) Hindu $M= 169.60$, Islam $M=172.28$, Kristian $M=163.15$. Dapatan ini mungkin nampak agak ganjil sedikit tetapi pada pendapat penyelidik, ini merupakan satu keadaan yang benar pada masa sekarang. Masyarakat Islam berpendapat bahawa *Tirukkural* dapat membentuk insan yang holistik kerana *Tirukkural* merupakan satu karya universal, neutral dan tidak melambangkan mana-mana agama. Oleh itu, ia mudah dijadikan panduan kehidupan yang murni bersama-sama dengan ajaran agama.

Bilangan responden beragama Hindu yang berpendapat bahawa *Tirukkural* mampu membentuk insan yang holistik agak rendah berbanding agama Islam kerana beberapa faktor seperti berikut:-

- i) Ini bukan bermakna agama Hindu tidak mengajar nilai-nilai murni tetapi penekanan yang diberikan terhadap nilai-nilai murni agak kurang. Kitab-kitab seperti Ramayana dan Mahabharata mendidik manusia supaya hidup seperti yang diungkapkan dalam cerita kitab tersebut. Tetapi berapa ramai masyarakat Tamil di Malaysia yang membaca dan memahami kitab-kitab ini pada zaman sekarang.
- ii) Agama Islam mendidik cara perilaku manusia secara tersurat dan tersirat. Pelajar-pelajar yang menjalani persekolahan harian akan mempelajari nilai-nilai moral pada sesi pagi dan diikuti dengan pembelajaran kelas agama pada

waktu petang. Kombinasi kedua-dua ajaran mungkin memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah dan insan holistik.

Dapatan temu bual bercanggah dengan dapatan soal selidik. Kesemua informan menyatakan tiada perhubungan di antara *Tirukkural* dengan agama yang dianutinya. Ini kerana menurut informan, *Tirukkural* yang ditulis dalam bahasa Tamil memberi penghormatan kepada pembaca Tamil tanpa sekatan agama dan ras.

Tiruvalluvar menyatakan dunia dan segala yang ada dunia ini merupakan kurniaan tuhan. Semua agama menegaskan kewujudan Tuhan dan menekankan sifat-sifat murni yang dimiliki oleh insan untuk mengenali-Nya dengan lebih mendalam. Walaupun kepentingan agama tidak ditekankan dalam kuplet *Tirukkural*, namun agama membentuk manusia yang sempurna dan membantu menetapkan hala tuju kehidupannya.

Apabila meneliti perbezaan ini berdasarkan teori Penaakulan Kohlberg, penyelidik dapat menjelaskan bahawa ajaran *Tirukkural* yang neutral apabila digabungkan dengan ajaran agama sejak kecil lagi akan membentuk keperibadian unggul seseorang individu dan secara langsung menjadikannya insan yang holistik.

Mengikut Aravanan (2005), Mooney (2005), Regnerus (2000), Ab. Aziz Yusof. (2012), penggabungjalinan ajaran *Tirukkural* dengan ajaran agama dapat melengkapkan komponen-komponen insan holistik yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Mereka berpendapat bahawa ajaran

Tirukkural yang bergandingan bersama ajaran agama mampu membawa perubahan tingkah laku sepertimana yang dicadangkan oleh Ajzen (1985), dalam Teori Planned Behavior. Ajaran *Tirukkural* dan agama akan membantu seseorang mengawal faktor-faktor demografi, personaliti dan persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku. Ajaran agama dapat membawa perubahan dalam diri seseorang melalui pengawalan kecenderungan terhadap keyakinan tingkah laku, keyakinan normatif dan kawalan tingkah laku.

5.2.3.5 Perbezaan dari segi pendidikan dalam usaha pembentukan insan holistik

Analisis menggunakan ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang nyata antara pendidikan (nilai $p=0.134$) SPM $M=165.69$, STPM $M=170.33$, Diploma $M=170.40$, Sarjana Muda $M=170.23$, Sarjana $M=171.71$. Walaupun begitu, secara keseluruhannya wujud perbezaan yang nyata antara kumpulan iaitu responden yang berpelajaran di antara tingkatan lima dan Sarjana.

Apabila dilihat secara terperinci, responden yang berkelulusan SPM mempunyai min yang paling rendah berbanding dengan tahap pendidikan STPM, Diploma, Ijazah dan Ijazah Sarjana. Ini menunjukkan satu peningkatan yang nyata iaitu tahap pendidikan dan faktor umur menguasai ajaran *Tirukkural* dalam pembentukan insan holistik. Perbezaan yang wujud mungkin disebabkan seseorang pelajar yang baru menamatkan SPM hanya mempelajari 51 kuplet *Tirukkural* sahaja manakala responden yang berpendidikan ijazah berpeluang mempelajari lebih kuplet dalam institusinya. Malah

mereka juga memiliki pengalaman hidup yang lebih dan mampu mengamalkan ajaran-ajaran *Tirukkural* sepanjang hayat.

Daripada sepuluh informan yang ditemu bual, tujuh daripada mereka menyatakan individu yang berpendidikan tinggi dapat mengaplikasikan *Tirukkural* dalam kehidupan. Manakala tiga informan menyatakan tahap pendidikan tidak ada kaitan dengan pengamalan. Pandangan mereka ini sangat relevan dengan teori Humanistik. Teori Humanistik Maslow sangat sesuai dijadikan asas kerana Maslow menyatakan bahawa pembelajaran harus berlaku sepanjang hayat di mana umur memainkan peranan penting dalam pengadaptasian ilmu yang dipelajari serta pembentukan kematangan dalam pemikiran dan penentuan hala tuju kehidupan.

Campbell (2005), menyatakan pendidikan secara meluas diiktiraf mempunyai hubungan yang kuat dengan pelbagai bentuk tingkah laku moral dan peranan sosial. James dan Beckett (2000), menyatakan bahawa pendidikan berupaya mempengaruhi kualiti hidup manusia. Wolfe dan Haveman (2002), pula melaporkan bahawa tahap pendidikan boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi seseorang. Coleman (1990), pula berpendapat individu yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi dan status tugas yang sesuai dengan pendidikannya berpeluang mengatur hala tuju kehidupan secara sempurna. Mengikut Freeman (2002), pembelajaran dapat meningkatkan keperibadian seseorang. Maka guru harus memainkan peranan dalam mencungkil kemahiran dan ilmu pengetahuan.

Individu yang berpelajaran tinggi ataupun rendah boleh menjadikan *Tirukkural* sebagai panduan kehidupan sekiranya dapat menghayati makna yang tersirat dan tersurat secara berkesan. Saranan *Tiruvalluvar* ke arah pembentukan insan yang holistik tidak memerlukan kelulusan akademik yang tinggi sebaliknya hanya memerlukan pengetahuan asas untuk menginteprestasi saranannya yang menerajui hala tuju kehidupan yang berbentuk holistik.

5.3 Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan persepsi *Tirukkural* berada di tahap sederhana dan tinggi. Manakala pengamalan *Tirukkural* berdasarkan JERI dalam membentuk insan holistik berada di tahap sederhana sahaja. Lebih kurang 50% responden menyatakan bahawa insan holistik mempraktikkan *Tirukkural* dalam kehidupan serta menjadikan *Tiruvalluvar* sebagai rol model. Manakala 60% menyatakan bahawa *Tirukkural* mampu membentuk individu holistik. Di samping itu, hampir lebih kurang 50% responden menyatakan bahawa saranan *Tiruvalluvar* menerusi kuplet-kuplet *Tirukkural* mampu mempengaruhi pembentukan insan yang holistik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Manakala lebih kurang 30% menyatakan pengaruh *Tirukkural* terhadap insan holistik sederhana sahaja. Analisis berdasarkan faktor demografi menunjukkan bahawa *Tirukkural* mampu menguasai kaum wanita ke arah pembentukan holistik dalam kadar yang tinggi berbanding dengan lelaki kerana pada zaman ini wanita lebih cemerlang berbanding lelaki.

Perbandingan berdasarkan lokasi kediaman tidak menunjukkan perbezaan kerana ajaran *Tirukkural* mampu menjadikan seseorang lebih sempurna kerana kurikulum pendidikan yang diamalkan di negara Malaysia adalah sama di mana jua. Perbandingan berdasarkan umur menunjukkan perbezaan nyata kerana faktor umur berkait rapat dengan kematangan yang di uar-uarkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Analisis menunjukkan responden beragama Islam mendahului agama Hindu dan Kristian. Perbezaan ini jelas membuktikan bahawa ajaran *Tirukkural* yang neutral dapat berganding bahu dengan ajaran agama yang sistematik sejak peringkat kanak-kanak lagi dalam usaha pembentukan diri yang holistik.

Hasil perbandingan dari segi tahap pendidikan pula tidak menunjukkan perbezaan yang ketara kerana pencapaian akademik yang tinggi tidak menjamin amalan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian seseorang individu. Kebanyakan pelajar pada masa sekarang menuntut *Tirukkural* untuk lulus dalam peperiksaan sahaja dan gagal menghayati keunikannya yang mampu membentuk keperibadian individu tersebut.

Sebagai rumusan penyelidik dapat nyatakan bahawa, masyarakat Tamil di Malaysia masih lagi kurang menyedari keunggulan *Tirukkural* yang mampu mengubah corak kehidupan seseorang. Sekiranya mereka menyedari keperluan ajaran *Tirukkural* dalam kehidupan seharian, maka pelbagai masalah sosial yang sedang mengancam kemakmuran negara boleh di atasi dengan mudah.

BAB VI

IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Bab ini akan mengemukakan implikasi dan cadangan kajian dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan *Tirukkural* dalam kalangan masyarakat Tamil.

6.1 Implikasi Kajian

Implikasi kajian ini dapat dilihat dari segi kesesuaian instrumen kajian, teori yang digunakan serta dapatan kajian. Secara keseluruhan penggunaan instrumen kajian ini adalah memuaskan. Penyelidik menggunakan domain JERI dalam pembentukan soal selidik. Kajian ini juga turut menyumbang kepada teori-teori yang digunakan iaitu; “*Teori Humanistik Maslow*”, “*Teori Penaakulan Kohlberg*” dan “*Theory of Planned Behavior*”. Teori Humanistik membantu pengkaji melihat dan meneroka pencapaian manusia secara holistik menerusi hierarki Maslow. Teori Penaakulan Kohlberg membantu pembentukan karakter dan nilai keinsanan berdasarkan penaakulan dan pengamalan moral. Manakala “*Theory of Planned Behavior*” menyenangkan penyelidik menghuraikan perkaitan dan penyelesaian masalah berdasarkan personaliti, demografi dan persekitaran dalam pembentukan insan holistik. Teori-teori ini juga berperanan membina dan meningkatkan tingkah laku, merangsang intelektual serta memberi penilaian sendiri individu.

Pembelajaran *Tirukkural* di sekolah adalah untuk membentuk pelajar memperoleh nilai-nilai moral, merangsang pelajar memperoleh perasaan moral dan melatih pelajar untuk memiliki nilai-nilai moral yang baik serta menunjukkan tingkah laku yang beretika. Pembelajaran *Tirukkural* bukan sahaja memberikan pengetahuan malah membantu mereka untuk membangunkan sikap terhadap pemahaman nilai-nilai murni dan memberi motivasi kepada tingkah laku beretika. Jadi ia bukan menentukan tahu atau tidak tahu, tetapi sebaliknya menangani percaya dan pengamalan serta membangunkan sahsiah pelajar.

Berdasarkan dapatan kajian, pembentukan insan holistik berdasarkan kurikulum *Tirukkural* sekolah rendah dan menengah adalah di tahap sederhana. Hasil kajian ini membawa implikasi kepada individu, ibu bapa, para guru, sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia amnya. Implikasi tersebut dapat dilihat dari aspek pelaksanaan pengajaran kuplet *Tirukkural* dalam membentuk sahsiah dan tingkah laku pelajar. Kaedah pengajaran yang kurang memberi tumpuan kepada penerapan dan penglibatan pelajar, pembelajaran berorientasikan peperiksaan, kurangnya minat dalam kalangan pelajar sendiri merupakan faktor utama masalah ini. Demi untuk menjaga kesejahteraan negara, tabiat pengamalan nilai-nilai *Tirukkural* perlu ditanam sejak kecil lagi.

Dalam era globalisasi ini, masyarakat Malaysia terburu-buru ke arah materialistik serta menyingkirkan budaya dan corak kehidupan berlandaskan nilai-nilai moral seperti kata pepatah “*bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing*”. Tanggapan sesetengah pihak kononnya nilai kasih sayang boleh ditukar ganti

dengan harta benda merupakan satu kesilapan besar. Masa depan negara bergantung kepada generasi muda yang utuh dan berkaliber. Maka penekanan harus diberikan kepada pembelajaran berunsurkan etika seperti *Tirukkural* supaya tradisi kehidupan masyarakat dapat dikembalikan. Implikasi ini akan membawa satu peningkatan dalam karakter dan sahsiah pelajar. Tambahan pula, ia dapat mengurangkan perlakuan negatif dan memperkuat nilai murni dalam semua peringkat ke arah pembentukan jati diri bangsa dan negara.

Fokus utama pendidikan *Tirukkural* adalah untuk membentuk jati diri iaitu “*good and smart*”. Oleh itu, perlu diberi penekanan pembelajaran ini dalam sosio-kurikulum, sosio-akademik dan sosio-budaya dalam pengembangan nilai baik dari segi personal, sosial, intelektual dan dapat dihubungkan dengan pelajar. Pembelajaran ini hendaklah berunsur konstruktivisme yang dapat membantu pemikiran perlakuan.

Menurut kajian Visalatche (2004), Pendidikan Moral yang diajar di sekolah secara langsung (*direct teaching*). Oleh yang demikian pembelajarannya sangat membosankan. Kulandasamy (1990), pula menyatakan pengajaran komponen sastera di sekolah juga mengalami keadaan yang sama. Menurut informan temu bual, kebanyakan guru mengajar *Tirukkural* dengan menggunakan kaedah secara langsung dan ini menimbulkan kurangnya unsur penaakulan dan kesedaran dalam kalangan pelajar. Guru-guru memberi penerangan dan menyuruh murid menghafal kuplet serta maksudnya untuk dijawab dalam peperiksaan. Kaedah penerapan nilai-nilai kurang diberi penekanan terhadap kefahaman pelajar.

Kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran *Tirukkural* di sekolah tidak menunjukkan pengkhususan yang sesuai. Proses pengajaran adalah ke arah peperiksaan dan standard utama untuk menilai pelajar adalah dari segi pemarkahan. Ini menunjukkan bahawa tujuan pembelajaran *Tirukkural* bukan untuk membangunkan pelajar tetapi untuk meningkatkan prestasi. Keadaan ini boleh menyebabkan tekanan yang berlebihan kepada pelajar dan akan membawa ketidaksamaan antara pelajar.

Pembelajaran *Tirukkural* perlu disertakan dengan kegembiraan pengetahuan, daya tarikan kebijaksanaan guru, cabaran pemikiran dan kegembiraan dalam pertumbuhan progresif. Ini kerana pembelajaran *Tirukkural* akan menjadi faktor perlindungan yang mampu mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dalam melahirkan insan yang seimbang dari segi JERI.

6.2 Cadangan

Berdasarkan maklumat yang diperoleh menerusi pembacaan pelbagai sumber rujukan serta dapatan kajian ini, membangunkan masyarakat bermoral adalah tanggungjawab semua pihak terutamanya guru, ibu bapa, sekolah dan Kementerian Pendidikan. Maka pengkaji memberikan beberapa cadangan kepada semua pihak di atas termasuk pelajar, ibu bapa, guru, NGO, Kementerian Pendidikan dan pengkaji akan datang dalam meningkatkan kesedaran serta membawa perubahan terhadap pembentukan insan holistik berdasarkan *Tirukkural*. Dengan ini, penyelidik mencadangkan beberapa langkah untuk meningkatkan keperibadian diri melalui *Tirukkural*. Pelaksanaan dan

kejayaan sesuatu program biasanya bergantung kepada kesungguhan dan kesesuaian mengikut persepsi individu.

6.2.1 Peranan Pelajar (Individu)

Masalah keruntuhan moral dalam kalangan remaja hangat diperbincangkan oleh semua pihak. Saban hari akhbar-akhbar melaporkan berita kejadian pergaduhan, pelajar ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah, sumbang mahram, pembuangan bayi dan bermacam-macam lagi masalah yang melibatkan generasi muda. Dapatan pelbagai kajian membuktikan pelajar sekolah dan remaja yang terlibat dengan gejala salah laku semakin meningkat dari masa ke semasa. Ini menunjukkan subjek etika seperti *Tirukkural* dan Pendidikan Moral yang diajar di sekolah kurang berkesan dalam membentuk sahsiah pelajar. “*Sebelum bisul menjadi nanah*”, perlakuan aktiviti yang kurang sihat seperti ini perlu dikawal kerana terbukti membawa keburukan kepada kanak-kanak yang sedang membesar.

Sebenarnya masalah gejala sosial dapat diatasi dan dicegah dengan peningkatan kesedaran melalui pendidikan yang berterusan. Kesedaran terhadap kepentingan nilai baik dalam kehidupan perlu dipraktikkan oleh setiap individu tanpa paksaan. Pengamalan nilai baik daripada *Tirukkural* perlu dipupuk dalam perlakuan seharian yang dapat membantu pelajar meningkatkan kebatinan diri. Kesemua usaha ini terletak di tangan setiap individu yang inginkan kehidupan yang sempurna dan holistik dari segi JERI.

Sebagai seorang individu yang bijak, pelajar perlu mempunyai kesedaran diri dalam meningkatkan kebatinan dan sahsiah. Hal ini disokong oleh Wallace, JD. (1978), yang menyatakan keperibadian baik dan perlakuan yang dipuji merupakan pengukuran individu yang beretika. Pelajar seharusnya memegang *Tirukkural* sebagai kitab hidup dalam menjalani kehidupan seharian kerana semua perkara berkaitan dengan kehendak diri termaktub dalam *Tirukkural*. Pelajar tidak perlu mencari bahan lain; sudah memadai dengan penaakulan *Tirukkural* kerana ia menyentuh nilai baik untuk semua agama, bangsa dan tahap umur. Tambahan pula, segala perlakuan baik untuk kemajuan individu keluarga dan negara termaktub dalam kuplet *Tirukkural*. Pelajar hanya perlu mempraktikkan seperti yang disarankan oleh *Tiruvalluvar*.

6.2.1.1 Sehari satu kuplet

Pelajar tidak boleh mengharapkan *Tirukkural* yang dipelajari di sekolah sahaja kerana kuplet yang diperuntukkan adalah terhad iaitu 51 sahaja. Pelajar harus inisiatif sendiri untuk mempelajari selanjutnya. Pelajar boleh mempelajari satu kuplet setiap hari sebagai panduan hidup. Cadangan ini telah dihujahkan oleh beberapa informan temu bual. Ini bukan satu bebanan kepada pelajar kerana kuplet *Tirukkural* adalah ringkas dan padat. Pelajar tidak perlu meluangkan masa yang banyak. Hanya sekadar lima minit sudah memadai. Tetapi yang pentingnya pelajar perlu berusaha untuk memahami dan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian seperti yang dikatakan “*do good, be good*”.

6.2.2 Peranan Ibu bapa

Ramai ahli psikologi telah membuat kesimpulan bahawa kanak-kanak memperoleh banyak kemahiran sosio-emosi termasuk perasaan asas benar dan salah di antara umur tiga dan lima tahun. Kajian lain menunjukkan pengalaman awal kanak-kanak dengan ibu bapa atau penjaga membentuk personaliti diri. Jika semua ibu bapa mengajar anak-anak dengan nilai-nilai moral di rumah, ia menyenangkan guru-guru di sekolah untuk meneruskan tugas tersebut. Hakikat yang menyedihkan adalah kebanyakan anak-anak tidak belajar perkara benar dan salah daripada ibu bapa. Ini kerana ibu bapa sibuk dengan tugas mereka dan meluangkan masa yang sedikit bersama anak-anak. Dalam banyak keluarga, kanak-kanak tiada mempunyai rol model untuk diikuti.

Pengajaran di rumah adalah asas dan penting untuk anak-anak. Malah, ibu bapa berada dalam kedudukan yang lebih kukuh untuk mendidik dan menerapkan nilai-nilai dengan memahami kanak-kanak. Ia akan menjadi tidak produktif jika apa yang diajar di dalam kelas diabaikan atau lebih teruk lagi bertentangan dengan yang dipelajari. Seseengah ibu bapa terlalu menyayangi anak-anak manakala yang lain pula tidak banyak mengambil berat tentang anak-anak mereka kerana kesibukan.

Memupuk nilai-nilai murni adalah tanggungjawab ibu bapa sejak kecil lagi kerana ini akan mengukuhkan pemahaman mereka. Ibu bapa yang ideal akan bertindak balas mengikut keadaan dan situasi. Ibu bapa perlu menjadi rol model daripada menyatakan kerana kanak-kanak belajar lebih dengan memerhatikan bukan dengan mendengar.

Ibu bapa boleh menggalakkan anak-anak melafazkan kuplet *Tirukkural* dalam aktiviti harian. Umpamanya melatih anak-anak melafazkan kuplet *Tirukkural* sebelum tidur adalah satu perkara yang baik. Perkara baik yang dipelajari sebelum tidur akan merangsang minda dan membawa perubahan dalam tingkah laku anak-anak. Ada beberapa keluarga yang menggalakkan anak-anak membaca dan melafazkan 10 kuplet *Tirukkural* sehari ketika sembahyang adalah satu langkah positif dan harus dijadikan teladan kepada semua masyarakat Tamil Malaysia.

6.2.3 Peranan pendidik

Sekolah merupakan institusi yang paling rapat dengan pelajar yang berusia 7 hingga 17 tahun kerana hampir 200 hari dalam setahun pelajar pergi ke sekolah. Setiap hari sekurang-kurangnya enam jam pelajar berada di sekolah. Maka dapat dikatakan bahawa sekolah merupakan wahana dalam pertumbuhan sahsiah baik dan diiktiraf sebagai institusi pendidikan holistik. Sekolah boleh menyediakan pelbagai peluang untuk pelajar melibatkan diri dalam aktiviti dan mengamalkan tabiat yang sihat serta mengukuhkan kefahaman berkaitan nilai baik. Guru sebagai “role model” disarankan untuk meningkatkan kesedaran diri dan mendidik anak muridnya dengan baik (Pangrazi, 2006). Karen (1994), menyatakan sekolah merupakan tempat yang paling sesuai untuk mengintervensikan program-program pengawalan dan pencegahan masalah dan gejala yang wujud disebabkan oleh sikap dan tingkah laku negatif individu.

Menurut Felder dan Henriques (1995), gaya pembelajaran adalah cara seseorang individu menerima, mengekalkan dan menggunakan maklumat yang diperolehi. Cara untuk belajar seseorang individu adalah berbeza. Pelajar memperoleh ilmu melalui melihat, mendengar, memberi tindak balas, memberi sebab yang logik, mengingat serta belajar dengan menggunakan gambaran. Maka pembelajaran *Tirukkural* perlu diberi penekanan dan tumpuan kepada pembelajaran dan pengamalan. Adalah menjadi kewajipan kepada guru-guru mengajar nilai-nilai tersebut dengan menggunakan kaedah pengajaran yang baru dan efisien serta mewujudkan satu sistem penilaian oleh pelajar. Hubungan antara pelajar dan guru perlu dijalinan dengan baik. Dengan ini guru-guru dapat memahami ciri-ciri mental dan fizikal serta mengkaji status pelajar untuk mewujudkan pemahaman yang lebih baik terhadap pembelajaran. Keadaan ini dapat membantu guru-guru memahami tingkah laku negatif pelajar dan seterusnya membuat pengubahsuaian tingkah laku dan kaunseling dalam pembelajaran.

Pelajar-pelajar sangat sensitif dan mereka segera menyalin tingkah laku guru. Pelajar-pelajar akan berusaha mendapatkan sesuatu yang mereka mahu dengan apa cara sekalipun. Dalam membentuk sahsiah pelajar yang melakukan kesalahan seperti mencuri dan berbohong, kaedah teori adalah satu pendekatan yang tidak realistik. Contoh kejujuran dan kebenaran adalah lebih berkesan daripada mengajar atau memberi nasihat. Pelajar-pelajar yang melihat tingkah laku guru akan menyalin dan menurutinya sehingga menjadi orang yang benar dan jujur. Oleh itu, guru-guru perlu bertindak dengan betul dan menjadi contoh teladan yang ideal.

Pembelajaran *Tirukkural* perlu meletakkan "nilai-nilai" di tempat pertama. Kurikulum *Tirukkural* yang mengandung nilai pengetahuan perlu meletakkan latihan perlakuan sebagai matlamat pertama dan muktamad.


Kedua, titik utama dalam mencapai pembelajaran *Tirukkural* adalah untuk menangani keperluan afektif pelajar. Secara umumnya, matlamat pembelajaran *Tirukkural* boleh dibahagikan kepada pengetahuan, perasaan, niat dan tindakan. Kesemua perkara ini mempunyai kepentingan yang besar dalam proses pelaksanaan pendidikan. Unsur-unsur ini mempunyai peranan yang sama dalam pembangunan perwatakan individu. Membangunkan nilai-nilai tertentu adalah objektif asas *Tirukkural*. Jadi ia mesti bergantung kepada emosi atau sikap tertentu dan merangsang semangat diri.

Ketiga, perlakuan moral yang dipelajari daripada kuplet *Tirukkural* hendaklah menyentuh kecerdasan emosi pelajar. Hanya apabila seseorang pelajar sedar dan aplikasikan pembelajaran dalam tingkah laku dianggap benar-benar menerima nilai-nilai yang dipelajari. Maka, bahagian emosi adalah cara yang paling kritikal dalam pembelajaran *Tirukkural*.

Keempat, pelajar diberi peluang untuk mengembangkan amalan seperti empati, belas kasihan dan penyelesaian konflik dalam perlakuan seharian. Dalam usaha untuk menjadikan diri sebagai penyayang dan menghormati tingkah laku refleksi, pelajar perlu mengetahui lebih daripada perbincangan tentang mengapa mereka melakukan sesuatu

dan apa kesannya. Mereka juga diberi peluang untuk merancang kemahiran dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Pengkaji telah mencadangkan satu model pengajaran *Tirukkural* untuk dijadikan panduan untuk guru-guru. Rajah 6.1



Rajah 6.1 Model Pembelajaran *Tirukkural*

Guru perlu memperkenalkan kuplet *Tirukkural* dalam bentuk pengamalan. Guru harus membuat penilaian terhadap pengalaman yang dikuasai. Setelah didapati nilai-nilai kuplet tersebut diamalkan, guru harus membuat pengayaan terhadap nilai yang dikuasai dan kemudian memberikan dorongan terhadap nilai yang dikuasainya. Sekiranya pelajar tidak menguasai nilai yang diajar, pelajar harus diberi dorongan sehingga menguasai dan mengamalkan nilai tersebut. Dengan cara ini guru dapat membentuk sahsiah pelajar dengan baik.

Guru boleh menggubal teknik mengajar kuplet *Tirukkural* dengan menggunakan formula sendiri. Umpamanya Sundra Mahalingam (2014), telah menghasilkan formula sendiri dalam pengajaran *Tirukkural*. Beliau menggunakan teknik permainan dan tarian dalam pengajaran kuplet *Tirukkural*. Menurut beliau kuplet *Tirukkural* yang diajar dengan cara permainan, muzik dan tarian akan memikat hati pelajar serta memberi pemahaman yang jelas tentang kuplet yang diajar. Beliau telah mengambil contoh bab pertama iaitu “*katavul vālttu*” (pemujaan Tuhan). Beliau telah mengambil dan menyusun huruf pertama dalam kuplet bab pertama mengikut tertib serta membuat permainan dan tarian berdasarkan huruf tersebut.

A, K, M, V, I, P, T, A, K, A, K, P

அ, க, ம, வே, இ, பொ, த, அ, கோ, பி

Menurut beliau pelajar tertarik dengan teknik permainan sambil menari. Guru-guru digalakkan menggubal teknik atau formula sendiri dalam mengajar *Tirukkural*.

6.2.4 Peranan Kementerian Pendidikan Malaysia

Sistem pendidikan memainkan peranan yang penting dalam usaha menyedarkan dan mengurangkan masalah gejala sosial yang semakin serius. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun mengamalkan pendidikan karakter sebagai saluran untuk membentuk karakter pelajar. *Tirukkural* yang mempunyai unsur karakter dan pengamalan boleh digunakan sebagai medan dalam membentuk sahsiah dan karakter.

Di Malaysia, Kementerian Pelajaran masih lagi dalam usaha memenuhi hasrat kerajaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dasar Pendidikan Malaysia sangat efektif dan mampu melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam akademik. Akan tetapi pencapaian yang tinggi dalam akademik sahaja tidak mencukupi untuk mencapai kehidupan yang sihat dan sempurna. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR semakan 2017), (KSSR, 2011) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah KSSM 2017), (KBSM, 2008), mendukung cita-cita murni dan unggul Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Masyarakat Tamil di Malaysia berlatarbelakangkan banyak ideologi, kepercayaan dan agama. Hanya *Tirukkural* yang tidak berbelah kepada mana-mana ideologi dapat menyatukan masyarakat Tamil. Maka reformasi kurikulum amat diperlukan dengan menambahkan kuplet *Tirukkural* dalam kurikulum bahasa Tamil.

Sejak permulaan pembelajaran *Tirukkural* di dalam kurikulum, bilangan kuplet yang diperuntukkan tidak banyak beza. Bilangan kuplet adalah dalam lingkungan 50 sahaja. Bilangan ini merupakan 3.75% daripada keseluruhan kuplet *Tirukkural*. Maka Bahagian Pembangunan Kurikulum harus meneliti data ini dan membuat penambahbaikan kuplet-kuplet yang memberikan pengajaran dan nilai kepada pelajar. Sukatan pelajaran yang sedia ada perlu dimurnikan dengan penambahbaikan kuplet *Tirukkural* yang dapat meningkatkan sahsiah pelajar. Pengubahsuaian sukatan pelajaran mengikut keperluan dan situasi semasa dapat menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif.

Bahagian Pembangunan Kurikulum hanya memfokuskan beberapa bab (*atikāram*) dalam pemilihan kuplet *Tirukkural*. Bab-bab lain juga harus diberi perhatian dalam penggubalan kurikulum *Tirukkural* seperti jadual 6.1 berikut.

Jadual 6.1 : Pembahagian kuplet dalam kurikulum bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah

Bahagian	Keseluruhan Bab	Peruntukkan Bab dalam Kurikulum	Baki Bab
Bab kebenaran (அறம்)	38	15	23
Bab Kebendaan (பொருள்)	70	13	57

Sebanyak 23 bab daripada bahagian kebenaran tidak dimasukkan dalam kurikulum bahasa Tamil. Penyelidik mencadangkan beberapa bab daripada bahagian kebenaran yang dianggap penting untuk dididik di peringkat sekolah.

Bab	Transilasi
விருந்தோம்பல்	9 Melayan Tetamu
நடுவுநிலைமை	12 Kesaksamaan
அழுக்காறாமை	17 Ketidak irihatian
வெஃகாமை	18 Tidak meminati harta orang
புறங்கூறாமை	19 Ketidak mengumpat
பயனில சொல்லாமை	20 Menghindarkan dosa
ஒப்புரவு அறிதல்	22 Sikap membantu
ஈகை	23 Sikap menderma
அருளுடைமை	25 Berbelas kasihan
கூடா ஒழுக்கம்	28 Perlakuan munafik
கள்ளாமை	29 Elakkan mencuri
வெகுளாமை	31 Menjauhi diri dari kemarahan
இன்னா செய்யாமை	32 Menjauhi penghinaan

Manakala untuk bab kebendaan daripada 70 bab yang terdapat dalam *Tirukkural* hanya 13 bab sahaja diselitkan dalam kurikulum bahasa Tamil. Penyelidik mencadangkan beberapa bab yang dianggap sesuai untuk pelajar.

Bab		Transilasi
கல்லாமை	41	Menjauhi diri dari belajar
பெரியாரைத் துணைக் கோடல்	45	Memperoleh persahabatan orang-orang tua dan mulia
சிற்றினம் சேராமை	46	Menjauhi diri dari kumpulan hina
வலியறிதல்	48	Mengenali kekuatan orang lain
காலம் அறிதல்	49	Mengetahui masa yang sesuai atau betul untuk tindakan
இடம் அறிதல்	50	Mengetahui tempat yang sesuai atau betul untuk tindakan
சுற்றம் தழால்	53	Menghargai saudara mara
பொச்சாவாமை	54	Menjauhi diri dari kelupaan
கண்ணோட்டம்	58	Pandangan mata yang bersifat kesayangan dan belas kasihan
மடி இன்மை	61	Ketiadaan kemalasan
இடுங்கண் அழியாமை	63	Menjauhi diri dari menunduk terhadap penghinaan
வினைத் தூய்மை	66	Kemurnian tindakan
வினைசெயல் வகை	68	Cara bertindak
குறிப்பறிதல்	71	Mengetahui kehendak hati (minda) orang lain
அவை அறிதல்	72	Mengetahui sifat para hadirin majlis
அவை அஞ்சாமை	73	Menjauhi diri dari merasa takut kepada para hadirin majlis
நட்பு ஆராய்தல்	80	Peninjauan tentang persahabatan
பழமை	81	Persahabatan lama yang beramah-ramahan
தீநட்பு	82	Persahabatan yang jahat
கூடா நட்பு	83	Persahabatan yang tidak diingini
பேதைமை	84	Kebodohan
புல்லறிவான்மை	85	Keangkuhan (kesombongan) yang jahil
இகல்	86	Perselisihan (perseteruan)
பெரியோரைப் பிழையாமை	90	Menjauhi diri dari menyakiti orang-orang mulia dan tua
கள்ளண்ணாமை	93	Menjauhi diri dari minum tuak
சூது	94	Perjudian
மருந்து	95	Ubat
குடிமை	96	Keturunan keluarga yang mulia

மானம்	97	Kehormatan
பெருமை	98	Keagungan
பண்புடைமை	100	Keupayaan kesopanan
குடிசெயல் வகை	103	Cara meninggikan martabat keluarga

Penyelidik juga mencadangkan beberapa kuplet *Tirukkural* yang boleh diterapkan dalam kurikulum bahasa Tamil. Antaranya adalah:-

வினைத்திட்டம் என்பது ஒருவன் மனத்திட்டம்
மற்றைய எல்லாம் பிற 661
Viṇaittiṭṭam eṇṇapatu oruvaṇ maṇattitṭam
marraya ellām pira

(keteguhan tindakan adalah hanya menandakan keteguhan hati. Keteguhan lain tidak sepenting keteguhan tersebut).

மிகினும் குறையினும் நோய்செய்யும் நூலோர்
வளிமுதலா எண்ணிய மூன்று 941
mikiṇum kuṛayinūm ṇōyseyyum nūlōr
vaḷimutalā eṇṇiya mūṇrum

(penyakit telah muncul kerana kelebihan dan kekurangan tiga unsur iaitu angin, hempedu dan lendir).

ஒழுக்கமும் வாய்மையும் நானும்இம் மூன்றும்
இழுக்கார் குடிப்பிறந் தார் 952
oḷukkamum vāymaiyum ṇāṇumim mūṇrum
iḷukkār kudippiraṇ tār

(seseorang yang berketurunan daripada keluarga mulia tidak menyimpang dari tiga sifat iaitu kesopanan, keikhlasan dan sifat malu).

அன்புநாண் ஒப்புறவு கண்ணோட்டம் வாய்மையோடு
ஐந்துசால் பூன்றிய தூண் 983
anpuṇāṇ oppuṛavu kaṅṅōṭṭam vāymai vāymaiyōdu
aiṅtusāl pūṅriya tūṅ

(lima sifat budi pekerti iaitu kesayangan, perasaan malu, kewajipan, pandangan yang berbelas kasihan adalah tiang yang memikul kemuliaan diri).

Bab tersenarai di atas adalah antara bab-bab yang memberikan manfaat kepada pelajar. Oleh itu disarankan Bahagian Perkembangan Kurikulum menerapkan sekurang-kurangnya satu kuplet daripada setiap bab untuk merangkumi pesanan dan amanat *Tiruvalluvar* untuk dimanfaatkan kepada pelajar.

Kebenaran untuk mengintegrasikan kuplet *Tirukkural* dalam semua subjek adalah langkah baik yang harus dipuji. *Tirukkural* bukan sahaja memfokuskan bahasa Tamil sahaja kerana nilai *Tirukkural* merentasi bahasa, agama dan kepercayaan. Kuplet *Tirukkural* boleh diadaptasikan dalam banyak subjek seperti sejarah, moral, matematik, pendidikan jasmani dan lain-lain.

Bahagian Buku Teks pula harus menjelmakan kuplet *Tirukkural* dalam bentuk pembelajaran berkesan melalui contoh teladan. Pelajar yang mempelajari topik atau bahan pembelajaran tersebut harus tertarik dengan teknik penyampaian dan grafik yang menarik.

Bahagian Teknologi Pendidikan pula harus menghasilkan bahan e-pembelajaran yang menekankan kuplet *Tirukkural*. Bahagian Teknologi Pendidikan telah menghasilkan e-bahan bertajuk *kondrai venthan* kepada pelajar-pelajar sekolah Kebangsaan. Inisiatif yang sama perlu diberikan untuk penghasilan e-bahan berunsur *Tirukkural*. Pemilihan beberapa kuplet yang menekankan pembentukan nilai dan diterjemahkan dalam bentuk e-pembelajaran. Cara perlakuan dan persembahan yang baik dengan lagu akan menarik pelajar akan merangsang pelajar.

6.2.5 Peranan NGO

